

**HARUN YAHYA DAN KRITIKANNYA TERHADAP  
TEORI EVOLUSI DARWINISME**

**ABDUL HALIM BIN IBRAHIM**

**PROGRAM PENGAJIAN ISLAM  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2013**

**HARUN YAHYA DAN KRITIKANNYA TERHADAP  
TEORI EVOLUSI DARWINISME**

**ABDUL HALIM BIN IBRAHIM**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA  
PENGAJIAN ISLAM**

**PROGRAM PENGAJIAN ISLAM  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2013**

**UNIVERSITI MALAYA**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: **ABDUL HALIM BIN IBRAHIM**

(No. K.P/Pasport: **850203-08-5181**)

No. Pendaftaran/Matrik: **IGC100003**

Nama Ijazah: **SARJANA PENGAJIAN ISLAM**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

**HARUN YAHYA DAN KRITIKANNYA TERHADAP TEORI EVOLUSI DARWINISME**

Bidang Penyelidikan: **FALSAFAH SAINS ISLAM**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon



Tarikh **15/8/2013**

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh **15/8/13**

**Associate Professor Dr. Wan Suhaimi Wan Abdullah**

Nama: **Center For Advanced Studies on  
Islam, Science and Civilization (CASIS)**  
Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur  
Jalan Semarak, 54100 Kuala Lumpur.

## **ABSTRAK**

Harun Yahya merupakan tokoh Muslim yang terkehadapan dalam kalangan umat Islam mutakhir ini dalam mengkritik teori evolusi Darwinisme; teori yang dicetuskan oleh Charles Darwin pada tahun 1859. Antara sebab Harun Yahya—atau nama sebenarnya Adnan Oktar—mengkritik teori tersebut ialah prinsipnya yang berasaskan faham Materialisme dan mekanismenya menggunakan pilihan alamiah (*natural selection*), dan mutasi rawak yang beroperasi secara semula jadi dan kebetulan. Secara tidak langsung, teori ini menolak Allah sebagai Pencipta, Penguasa dan Pentadbir alam ini. Harun Yahya mengkritik teori tersebut dari perspektif sains, agama dan falsafah; berbeza dengan sarjana-sarjana Islam lain yang kebanyakannya mengkritik dalam ruang lingkup agama dan falsafah sahaja. Kajian ini dibuat bagi melihat kualiti, kekuatan dan ketepatan kritikan-kritikan Harun Yahya terhadap teori evolusi Darwinisme. Kritikan-kritikannya itu diteliti berasaskan asas-asas penilaian berikut iaitu; (i) dengan melihat asas kritikannya itu dan bukti atau fakta yang menyokong kritikannya itu sama ada dalam bentuk contoh hidupan, penyelidikan, mahupun petikan kenyataan oleh kalangan ahli dalam bidang kritikan tersebut, (ii) melalui perbandingan kritikan Harun Yahya dengan kritikan oleh sarjana-sarjana Barat dan Islam lain, dan (iii) ialah dengan menggunakan tafsir-tafsir al-Quran muktabar dalam melihat kekuatan dan ketepatan kritikan Harun Yahya terhadap tafsiran ayat-ayat al-Quran versi Darwinisme. Kajian mendapati kritikan-kritikan Harun Yahya terhadap teori evolusi Darwinisme mempunyai asas dan kekuatan bersandarkan sokongan daripada kritikan sarjana-sarjana Barat dan Islam yang lain, hasil penyelidikan dan kajian saintifik berwibawa, dan fakt-fakta sains dan falsafah serta dalil-dalil *naql*. Dari segi keaslian, khususnya kritikan sains, kritikan-kritikannya dilihat menyerupai kritikan sarjana Barat dan Islam yang lain. Namun, apa yang membezakan kritikannya daripada kritikan-kritikan sarjana lain ialah beliau telah menggabungjalinkan kritikan dari perspektif falsafah, sains dan Islam sekaligus menyerlahkan kepincangan teori itu daripada perspektif-perspektif terbabit. Kritikannya terhadap tafsir ayat-ayat al-Quran versi Darwinisme adalah sesuai, berasas dan kukuh kerana beliau menggunakan tafsir dan ulasan oleh Imam al-Tabari dan Omer Nasuhi Bilmene dan sebagai asas kritikan dan kedua-duanya merupakan tokoh tafsir al-Quran yang diakui kewibawaan mereka. Kritikannya juga telah menunjukkan berlaku pemesongan makna ayat-ayat yang terlibat.

## **ABSTRACT**

Harun Yahya is a contemporary Muslim figure who is ahead in criticizing the Darwinism evolutionary theory initiated by Charles Darwin in 1859. Among the reasons that Harun Yahya—whose real name is Adnan Oktar—criticized the theory is due to its principle which is founded upon Materialism, with its mechanism based on natural selection and random mutation operating naturally and by chance. Indirectly, the theory rejects Allah as the Creator, the Superintendent and the Administrator of this universe. Harun Yahya criticizes the theory from the philosophical, scientific, and religious perspectives; which is different when compared to other Islamic scholars who mostly offer religious and philosophical critiques only. This research is carried out to identify the quality, strength and accuracy of Harun Yahya's critiques against Darwinism evolutionary theory. These critiques are examined based on the following bases; (i) by viewing the critiques' basic and evidence or facts which support his critiques either in the form of examples of life, research, or quotes of members in the field of critiques; (ii), by comparing Harun Yahya's critiques to other critiques by Western and Muslims scholars; and (iii), by adopting the venerated Quran's interpretations in viewing the strength and accuracy of Harun Yahya critiques towards the interpretation of Quranic vis-à-vis Darwinism. This research finds that Harun Yahya's critiques against Darwinism evolutionary theory have bases and strengths based on supports from other Western and Muslims scholars' critiques, credible researches and scientific findings, philosophical and scientific facts and *naql* (Revelation) evidences. In terms of originality, especially scientific criticisms, his critiques are quite similar to Western and Muslims scholars' critiques. However, his critiques are distinguished from other scholars' critiques through his integrated philosophical, scientific and Islamic critiques, thus highlighting the shortcomings of the theory from those perspectives. His critiques on the Darwinism interpretation of Quranic verses are appropriate, justified and strong as he used interpretations and reviews by Imam al-Tabari and Omer Nasuhi Bilmen as the basis, and both figures are acknowledged experts of Quranic exegesis. His critiques also show that these verses have been skewed to support Darwinism.

## **PENGHARGAAN**

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan sarwa sekalian alam atas segala limpah rahmat dan inayah-Nya kerana mengizinkan diri ini menimba ilmu dan menyempurnakan penulisan disertasi sarjana ini akhirnya. Selawat dan salam buat Rasul junjungan tercinta, Nabi Muhammad s.a.w serta seluruh ahli keluarga baginda, para sahabat, dan mereka yang menuruti jejak langkah baginda sehingga hari akhirat.

Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada yang dikasihi penyelia saya, Profesor Madya Dr. Wan Suhaimi bin Wan Abdullah yang tidak jemu-jemu memberikan segala bimbingan, teguran, tunjuk ajar, nasihat dan dorongan buat saya sehingga disertasi ini berjaya disiapkan dan disempurnakan. Hanya Allah SWT sahaja yang mampu memberikan ganjaran atas segala budi baik dan bimbingan beliau kepada saya selama ini.

Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada kedua-dua ayahanda dan bonda tersayang, Encik Ibrahim bin Omar dan Puan Normala binti Abdul Rahim, dan kepada nenda tercinta, Hajah Raba'ayah binti Safar serta adik-adik yang dikasihi, Muhammad Hazim dan Haziyah Imanina atas segala dorongan dan semangat kepada saya dalam menyelesaikan pengajian sarjana ini dan menyempurnakan penulisan disertasi ini. Semoga Allah SWT mengurniakan ganjaran terbaik, kebahagiaan dan kesejahteraan buat kita sekeluarga.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih juga diucapkan kepada Profesor Madya Datin Dr. Noor Naemah Abdul Rahman, Dr. Shaikh Mohd. Saifudden Shaikh Mohd. Salleh, Profesor Dr. Ahmad Hidayat Buang, Profesor Dato' Dr. Mohd. Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff, Profesor Madya Dr. Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali, Dr. Wan Adli Wan Ramli, Profesor Madya Dr. Mustaffa Abdullah, Profesor Madya Dr. Ishak Suliaman, dan Profesor Madya Dr. Kamaludin A. Rashid atas pandangan, idea, nasihat, bimbingan, tunjur ajar, teguran dan bantuan selama tempoh pengajian saya.

Penghargaan terima kasih juga saya rakamkan buat seluruh warga Akademi Pengajian Islam khususnya warga Program Sains Gunaan Dengan Pengajian Islam, dan individu-individu yang tidak saya sebutkan di sini, yang telah memberikan galakan, bantuan dan kerjasama sepanjang proses penyempurnaan disertasi ini, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Semoga Allah SWT yang mampu mengurniakan ganjaran setimpal atas budi baik kalian selama ini.

Semoga usaha yang kecil dalam menjalankan kajian ini dirahmati dan diredayai Allah SWT. Semoga kajian ini dapat memberikan sedikit sumbangan dan manfaat kepada mereka yang membaca dan memanfaatkannya.

**ABDUL HALIM BIN IBRAHIM**  
PROGRAM PENGAJIAN ISLAM,  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM,  
UNIVERSITI MALAYA,  
50603 KUALA LUMPUR.

## DAFTAR KANDUNGAN

<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>PENGHARGAAN</b>	vi
<b>DAFTAR KANDUNGAN</b>	vii
<b>PANDUAN TRANSLITERASI</b>	ix
<b>SENARAI KEPENDEKAN</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>BAB SATU: PENDAHULUAN</b>	1
<b>1.1 Latar Belakang Masalah Kajian</b>	1
<b>1.2 Justifikasi Pemilihan Tajuk Kajian</b>	3
<b>1.3 Persoalan Kajian</b>	4
<b>1.4 Objektif Kajian</b>	5
<b>1.5 Kepentingan Kajian</b>	5
<b>1.6 Skop Kajian</b>	6
<b>1.7 Sorotan Kajian Lepas</b>	6
<b>1.8 Kaedah Penyelidikan</b>	9
1.8.1 Kaedah Penentuan Subjek	9
1.8.2 Kaedah Kajian Subjek	9
1.8.2.1 Kaedah Pengumpulan Data	9
1.8.2.2 Kaedah Analisis Data	10
<b>BAB DUA: BIOGRAFI HARUN YAHYA</b>	11
<b>2.1 Pendahuluan</b>	11
<b>2.2 Latar Belakang Kehidupan dan Pendidikan</b>	11
<b>2.3 Faktor Pencetus Kepada Usaha-usaha Harun Yahya</b>	17
2.3.1 Aplikasi Ilmu Hasil Bacaan Karya Tokoh-tokoh Besar Islam	17
2.3.2 Pengalaman Berhadapan dengan Fahaman Marxisme dan Fasisme	18
2.3.3 Kebangkitan Gerakan Erbakan	18
<b>2.4 Usaha, Perjuangan dan Cabaran</b>	19
<b>2.5 Sumbangan dan Karya</b>	27
<b>2.6 Kesimpulan</b>	32
<b>BAB TIGA: TEORI EVOLUSI DARWINISME: LATAR BELAKANG RINGKAS PERKEMBANGAN, PRINSIP DAN MEKANISME UTAMANYA</b>	35
<b>3.1 Pendahuluan</b>	35
<b>3.2 Latar Belakang Ringkas Charles Darwin</b>	36
<b>3.3 Sejarah Ringkas Perkembangan Teori Evolusi Sehingga Zaman Charles Darwin</b>	40
3.3.1 Zaman Yunani-Romawi	41
3.3.2 Zaman Pertengahan / Kristian	44
3.3.3 Zaman Kegemilangan Islam	46
3.3.4 Zaman Renaissance	51
3.3.5 Teori Evolusi Pra-Darwinisme Abad ke-18 dan ke-19.	54
3.3.6 Kemunculan Teori Evolusi Darwinisme	59

3.3.7	Kemasukan Teori Evolusi Darwinisme ke Dunia Islam	63
<b>3.4</b>	<b>Prinsip dan Mekanisme Utama Teori Evolusi Darwinisme</b>	65
3.4.1	Pemilihan Alamiah ( <i>Natural Selection</i> )	65
3.4.2	Pemilihan Seksual ( <i>Sexual Selection</i> )	67
3.4.3	Pewarisan Sifat-sifat Perolehan ( <i>Inheritance of Acquired Characters</i> )	68
<b>3.5</b>	<b>Kesimpulan</b>	69
<b>BAB EMPAT: KRITIKAN HARUN YAHYA TERHADAP TEORI EVOLUSI DARWINISME: SUATU ANALISIS</b>		72
<b>4.1</b>	<b>Pendahuluan</b>	72
<b>4.2</b>	<b>Kritikan Harun Yahya Terhadap Teori Evolusi Darwinisme</b>	73
4.2.1	Perspektif Kritikan	73
4.2.2	Kritikan Harun Yahya Terhadap Teori Evolusi Darwinisme	74
4.2.2.1	Darwinisme, Materialisme dan maklumat genetik	75
4.2.2.2	Sikap taksub saintis evolusi	77
4.2.2.3	Kebatilan metode propaganda evolusi Darwinisme	79
4.2.2.4	Kepincangan pilihan alamiah dan mutasi	81
4.2.2.5	Kepincangan dan kemustahilan hipotesis pembentukan hidupan pertama	86
4.2.2.6	Mustahil untuk proses evolusi hidupan berlaku	96
4.2.2.7	Kebatilan proses evolusi manusia	107
4.2.2.8	Kompleksiti makromolekul	111
4.2.2.9	Homologi, rekapitulasi dan organ sisa	114
4.2.2.10	Percanggahan teori evolusi Darwinisme dengan Hukum Kedua Termodynamik	121
4.2.2.11	Teori evolusi Darwinisme: warisan idea pagan Yunani purba	124
4.2.2.12	Sikap dan kesilapan golongan Muslim pro-Darwinisme	125
4.2.2.13	Pemesongan tafsiran al-Quran versi Darwinisme	128
<b>4.3</b>	<b>Analisis Kritikan Harun Yahya Terhadap Teori Evolusi Darwinisme</b>	141
4.3.1	Asas dan Aspek Penilaian Kritikan	141
4.3.2	Analisis Kritikan	142
4.3.2.1	Aspek asas kritikan Harun Yahya	142
4.3.2.2	Aspek kekuatan dan kelemahan kritikan Harun Yahya	147
4.3.2.3	Aspek keaslian kritikan Harun Yahya	159
4.3.2.4	Aspek kesesuaian dan kekuatan kritikan Harun Yahya terhadap tafsir al-Quran versi Darwinisme	165
<b>4.4</b>	<b>Kesimpulan</b>	166
<b>BAB LIMA: KESIMPULAN DAN SARANAN</b>		170
<b>5.1</b>	<b>Pendahuluan</b>	170
<b>5.2</b>	<b>Kesimpulan</b>	170
<b>5.3</b>	<b>Saranan</b>	176
<b>BIBLIOGRAFI</b>		178
<b>LAMPIRAN</b>		187

## PANDUAN TRANSLITERASI

### a. Huruf-huruf

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Rumi</u>
ا	a
ء	‘
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ş
ض	đ
ط	ť
ظ	ڙ
ع	‘
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
و	w
هـ	h
يـ	y

**b. Vokal pendek**

**Huruf Arab**

ُ

ِ

ُ

**Huruf Rumi**

a

i

u

**c. Vokal panjang**

**Huruf Arab**

اً، اَيْ

يِّ

وُّ

**Huruf Rumi**

ā

ī

ū

**d. Diftong**

**Huruf Arab**

ؤُ

يِّ

**Huruf Rumi**

aw

ay

**e. Ta' Marbūtah dan Alif Lām**

**Huruf Arab**

ة

ال

**Huruf Rumi**

ah

al atau 'l

**Catatan:**

Istilah sesuatu perkataan yang berasal daripada perkataan bahasa Arab tetapi menjadi sebutan bahasa Melayu dieja mengikut perkataan bahasa Melayu seperti perkataan al-Quran, hadis, akidah, takrif, taklik dan sebagainya.

## **SENARAI KEPENDEKAN**

1.	SWT	<i>Subḥānahu wa ta‘alā</i>
2.	s.a.w	<i>ŠallāAllāhu ‘alayhi wasallam</i>
3.	H	Hijrah
4.	M	Masihi
5.	SM	Sebelum Masihi
6.	hlm.	Halaman
7.	Ed./Eds.	Editor
8.	bil.	Bilangan
9.	terj.	Terjemahan
10.	<i>ibid.</i>	<i>Ibedm</i> , Rujukan pada tempat yang sama
11.	BAV	<i>Bilim Araştırmacı Vakfı</i> , Yayasan Penyelidikan Sains
12.	ICR	<i>Institute of Creation Research</i>
13.	ed.	<i>Edition</i> , edisi
14.	t.t.	Tanpa tarikh
15.	Vol.	<i>Volume</i> , jilid
16.	Jil.	Jilid

## **SENARAI ILUSTRASI**

Gambar 1: Eksperimen Miller-Urey 1953 yang asal (kiri) dan telah diubahsuai (kanan).

Gambar 2: Rekapitulasi melibatkan manipulasi lakaran embrio oleh Haeckel.

## **BAB SATU:**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN**

Teori Evolusi Darwinisme merupakan satu cabang daripada falsafah Materialisme yang telah mempengaruhi pemikiran sebahagian besar ahli sains terutamanya ahli-ahli biologi sama ada di Barat mahupun di Timur merentasi agama dan bangsa. Teori ini menjadi dasar kepada ilmu biologi moden masa kini<sup>1</sup> serta menjadi tunjang kepada kerangka sains moden keseluruhannya. Sifat teori evolusi ini yang menyatukan pelbagai rasional dalam menjelaskan fenomena-fenomena tabii khususnya berkaitan biologi telah menyebabkan saintis-saintis menjadikannya sebagai pegangan dalam menghasilkan sesuatu hipotesis, seterusnya merangsang kepada aktiviti penyelidikan<sup>2</sup>. Teori tersebut terhasil rentetan daripada keraguan sarjana Barat Kristian terhadap tafsiran pihak gereja mengenai teks-teks *Book of Genesis* di dalam *Bible*, khususnya berkaitan persoalan asal kejadian alam semesta dan hidupan di muka bumi. Antara tafsiran yang meragukan berkenaan ialah usia bumi yang berusia kira-kira enam ribu tahun<sup>3</sup>; bercanggah dengan rekod fosil yang menunjukkan bumi telah wujud lebih daripada enam ribu tahun<sup>4</sup>. Akibatnya, cendekiawan-cendekiawan Barat telah mengkaji dan mengeluarkan pelbagai teori mengenai asal kejadian kehidupan sehingga Charles Darwin mengemukakan teori evolusi Darwinisme menerusi bukunya yang terkenal, *The Origin of Species by Means of Natural Selection or the Preservation of Favoured Races in the Struggle for Life* pada tahun 1859. Terminologi ‘Darwinisme’ merujuk kepada teori evolusi organik yang dikemukakan Charles Darwin dan saintis-saintis lain yang memperkembangkan pandangannya itu<sup>5</sup>. Menurut teori tersebut, hidupan di alam ini terjadi secara kebetulan

---

<sup>1</sup> M. Iqbal, (2009). Muslims and the brave new world of modern science. *Islam & Science*, 7(2), 81-86.

<sup>2</sup> D. W. Swift, (2002). *Evolution under the microscope*. Stirling: Leighton., hlm. xi.

<sup>3</sup> M. Denton, (1986). *Evolution: A theory in crisis*. Maryland: Adler & Adler, hlm. 21.

<sup>4</sup> D. W. Swift,(2002). *Evolution under the microscope*, hlm. 38-39.

<sup>5</sup> D. M. Borchert, (Ed.). (2006). *Encyclopedia of philosophy* (2nd ed., Vol. 3). Thomson Gale., hlm. 632.

dan rawak (*by chance*) melalui mekanisme pilihan alamiah (*natural selection*)<sup>6</sup>. Sejak mula diperkenalkan, teori ini telah mengalami perkembangan pesat sehingga ke hari ini dan menimbulkan perdebatan berpanjangan antara sains dan agama<sup>7</sup>. Justeru, timbul persoalan mengenai latar belakang penghasilan teori tersebut dan perkaitan pengaruh teori tersebut dengan latar belakang Charles Darwin.

Teori evolusi Darwinisme mendapat pelbagai reaksi daripada pelbagai pihak; sama ada menyokong teori tersebut mahupun yang menentangnya. Kelompok yang menentang teori Darwin ini terdiri daripada pelbagai latar belakang mencakupi golongan agamawan (Kristian, Islam, Hindu dan sebagainya), ahli-ahli falsafah, saintis-saintis dan sebagainya. Kemunculan kelompok penentang atau anti-Darwinisme telah melahirkan pelbagai aliran baharu dalam memberi penjelasan kepada isu utama kehidupan iaitu asal-usul kehidupan di bumi ini. Antara aliran-aliran tersebut ialah *intelligent design* dan *creationism*<sup>8</sup>. Selain itu, terdapat juga usaha untuk mengharmonikan antara teori evolusi ini dengan teks-teks kitab suci agama (khususnya Kristian dan Islam) yang membawa kepada kemunculan aliran evolusi teistik (*theistic evolution*). Persamaan antara ketiga-tiga aliran ini ialah pegangan bahawa alam dan kehidupan ini dicipta, sama ada oleh Tuhan (sebagaimana pegangan kumpulan evolusi teistik dan *creationism*) atau suatu kuasa kreatif (pendapat kelompok *intelligent design*). Kritikan-kritikan terhadap Darwinisme meliputi kritikan daripada perspektif agama, falsafah dan sains. Antara kelompok daripada kalangan sarjana Islam yang menolak teori evolusi Darwinisme sama ada secara tuntas ataupun sebahagiannya ialah Seyyed

---

<sup>6</sup> C. Darwin, (1859). *The origin of species by means of natural selection or the preservation of favoured races in the struggle for life* (1st ed.). London: John Murray., hlm. 3-4. Lihat juga ulasan terkini oleh A. Glanville, (2008). *Scientifica : The comprehensive guide to the world of science : mathematics, physics, astronomy, biology, chemistry, geology, medicine*. New South Wales: Millenium House., hlm. 262-265.

<sup>7</sup> Menerusi Darwinisme, mustahil bagi individu di Barat bagi menerima kenyataan Bible mengenai penciptaan manusia di bumi ini dan tujuannya dicipta. Secara tidak langsung penolakan terhadap Bible turut menolak keterangan-keterangan yang terkandung dalam Bible. Lihat V. Danner, (1991). Western evolutionism in the Muslim world. *The American Journal of Islamic Social Science*, 8(1), 67-82.

<sup>8</sup> P. E. Devine, (1996). Creation and evolution. *Religious Studies*, 32(3), 325-337.

Hossein Nasr<sup>9</sup>, Jamaluddin al-Afghani, Muhammad Iqbal<sup>10</sup> dan termasuk juga dalam kelompok ini ialah Harun Yahya.

Harun Yahya merupakan sarjana Islam Turki yang telah mengkaji tentang teori ini dan fahaman yang tersirat di sebaliknya seterusnya menghasilkan buku-buku dan artikel-artikel yang menerangkan hujah-hujah penolakan beliau terhadap teori evolusi Darwinisme. Faktor utama penolakannya terhadap teori tersebut ialah suasana persekitaran beliau ketika menuntut di Universiti Mimar Sinan. Pendokong-pendokong utama teori tersebut yang terdiri daripada kalangan penganut fahaman Marxisme, komunisme dan ateisme telah menimbulkan keraguan dalam dirinya tentang kebenaran teori itu<sup>11</sup>. Kritikan-kritikannya telah dikritik hebat oleh pihak lawan kerana bagi mereka Harun Yahya bukanlah seorang ahli sains dan tidak layak baginya untuk menggunakan hujah-hujah saintifik dalam kritikannya. Justeru, timbulnya keperluan di sini bagi mengkaji mengenai Harun Yahya, pengaruh dan perkaitan latar belakangnya dengan kritikan-kritikannya terhadap terhadap teori evolusi Darwinisme dan kualiti kritikan-kritikan yang dikemukakannya.

## 1.2 JUSTIFIKASI PEMILIHAN TAJUK KAJIAN

Tajuk kajian ini iaitu ‘Harun Yahya dan Kritikannya Terhadap Teori Evolusi Darwinisme’ dipilih kerana masih belum terdapat sebarang kajian ilmiah dibuat dalam menilai dan menganalisis kritikan Harun Yahya terhadap teori evolusi Darwinisme sedangkan beliau merupakan antara tokoh Islam moden yang terkehadapan dalam menghadapi teori tersebut. Pemilihannya juga disebabkan keaktifan dan kelantangannya

<sup>9</sup> Antara bahagian teori evolusi Darwinisme yang dikritik dan ditolak oleh Seyyed Hossein Nasr ialah evolusi suatu spesies menjadi spesies lain. Hakikat sesuatu spesies bukanlah hanya bergantung semata-mata kepada manifestasi bahan sebenarnya. Sesuatu spesies tidak boleh berevolusi menjadi yang lain kerana setiap spesies adalah bebas dan berbeza daripada segi realiti kualitatifnya. Dalam menguatkan hujahnya, beliau membawakan persoalan bentuk dan kemuktamad bentuk (*finality of form*). Segitiga ialah segitiga dan tiada bentuk lain yang berevolusi menjadi segitiga. Hidupan bernyawa juga mempunyai bentuk muktamad masing-masing. Namun, idea tradisi mengenai bentuk (*morphos*) telah luput status dan kepentingannya daripada tradisi keilmuan Barat sama ada daripada aspek falsafah mahupun sains melainkan yang tinggal hanyalah bentuk matematik yang bersifat abstrak. Lihat S. H. Nasr, (1987). *Evolution: A metaphysical absurdity*. Dalam Osman Bakar (Ed.), *Critique of evolutionary theory: A collection of essays* (hlm. 43-50). Kuala Lumpur: The Islamic Academy of Science & Nurin Enterprise dan S. H. Nasr., & M. Iqbal, (2007). *Islam, science, Muslims and technology*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust., hlm. 152.

<sup>10</sup> A. Majid, (2002). The Muslim responses to evolution. *Science-Religion Dialogue, Summer 2002*. Mansehra, Pakistan: Hazara Society for Science Religion Dialogue. Didapatkan Mei 20, 2010, daripada <http://www.hssrd.org/journal/summer2002/muslim-response.htm>.

<sup>11</sup> H. Yahya, (1999). *Penipuan evolusi*. (R. Rais, Terj.) Kuala Lumpur: Saba Islamic Media., hlm. i.

dalam mengkritik teori tersebut<sup>12</sup>. Selain itu, kritikan-kritikannya dibuat daripada perspektif sains, agama dan falsafah berbanding sarjana-sarjana Islam lain yang kebanyakannya mengkritik dalam ruang lingkup agama dan falsafah sahaja. Reaksi yang diberikan pihak lawan terhadapnya juga sama ada dalam bentuk tindak balas fizikal mahupun retorik menjadikan aktiviti Harun Yahya dalam menolak Darwinisme sesuatu yang istimewa dan menarik yang perlu dikaji.

### 1.3 PERSOALAN KAJIAN

Justeru, kajian ini cuba menjawab dan meneliti beberapa persoalan yang timbul berkaitan dengan tajuk yang dikemukakan. Terdapat beberapa fokus utama masalah kajian ini iaitu :

- 1) Siapakah Harun Yahya, mengapakah beliau mengkritik teori evolusi Darwinisme dan apakah sumbangannya dalam gerakannya itu?
- 2) Apakah itu teori evolusi Darwinisme, bagaimanakah teori tersebut boleh terbentuk dan apakah prinsip dan mekanisme asas teori itu?
- 3) Apakah kritikan-kritikan Harun Yahya terhadap teori evolusi Darwinisme?
- 4) Apakah asas penilaian yang digunakan dalam menilai kualiti kritikan Harun Yahya terhadap teori evolusi Darwinisme dan sejauh manakah kekuatan dan ketepatan kritikan-kritikannya itu?

---

<sup>12</sup> Beberapa orang penulis seperti Salman Hameed dan Profesor Abdul Majid mengakui Harun Yahya merupakan tokoh Muslim yang lantang menolak teori evolusi Darwinisme. Lihat S. Hameed, (2008). Bracing for Islamic creationism. *Science*, 322, 1637-1638 dan A. Majid, (2002). The Muslim responses to evolution. *Science-Religion Dialogue, Summer 2002*. Mansehra, Pakistan: Hazara Society for Science Religion Dialogue. Didapatkan Mei 20, 2010, daripada <http://www.hssrd.org/journal/summer2002/muslim-response.htm>.

## **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dilakukan bagi memenuhi objektif-objektif berikut;

- a) Mengenengahkan latar belakang Harun Yahya dan hubung kaitnya dengan pendirian beliau yang mengkritik teori evolusi Darwinisme serta sumbangannya dalam gerakannya mengkritik teori evolusi Darwinisme.
- b) Memaparkan sejarah perkembangan teori evolusi Darwinisme, prinsip dan mekanisme asas teori tersebut.
- c) Menghuraikan kritikan-kritikan yang dikemukakan oleh Harun Yahya terhadap teori evolusi Darwinisme.
- d) Memaparkan asas-asas penilaian yang digunakan dalam menilai kualiti, kekuatan dan ketepatan kritikan-kritikan Harun Yahya terhadap teori evolusi Darwinisme dan menganalisis kritikan tersebut berdasarkan asas-asas penilaian berkenaan.

## **1.5 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini penting bagi masyarakat dan lapangan ilmu. Kepentingan-kepentingannya ialah:

- i. Menjelaskan kekuatan dan kualiti kritikan-kritikan Harun Yahya dan keberkesanannya dalam menolak teori evolusi Darwinisme.
- ii. Memberikan penjelasan kepada masyarakat tentang teori evolusi Darwinisme dan kepincangannya melalui kajian terhadap kritikan-kritikan oleh Harun Yahya.
- iii. Membantu dalam membetulkan pandangan sebahagian masyarakat mengenai teori evolusi Darwinisme.

## **1.6 SKOP KAJIAN**

Kajian ini dilakukan dengan memfokuskan kepada aspek-aspek berikut:

- a) Penelitian terhadap teori evolusi Darwinisme. Teori Darwinisme yang dimaksudkan dalam konteks ini merujuk kepada teori evolusi yang dikemukakan oleh Charles Darwin pada tahun 1859 dan juga golongan yang menyokong dan memperkembang teori tersebut.
- b) Kritikan-kritikan dan hujah-hujah penolakan yang dikemukakan oleh kalangan saintis, agamawan dan ahli falsafah Muslim dan Barat.
- c) Kritikan-kritikan dan hujah-hujah penolakan yang dikemukakan oleh Harun Yahya terhadap teori evolusi Darwinisme.

## **1.7 SOROTAN KAJIAN LEPAS**

Tajuk kajian ini memfokuskan kepada penilaian kritikan Harun Yahya terhadap teori evolusi Darwinisme yang melibatkan Harun Yahya, kritikan-kritikannya, teori evolusi Darwinisme dan hubung kait antara ketiga-tiganya. Setakat pencarian pengkaji, masih belum ada kajian yang dilakukan terhadap kritikan-kritikan Harun Yahya terhadap teori evolusi Darwinisme yang membolehkan kajian ini dilakukan.

Muzaffar Iqbal<sup>13</sup> secara tersirat mengkritik pendekatan yang digunakan oleh Harun Yahya dalam mengkritik teori evolusi Darwinisme dengan menjadikan penemuan-penemuan sains semasa sebagai bukti kesahihan ayat-ayat al-Quran. Terdapat beberapa penulisan lain berkaitan Harun Yahya namun lebih bersifat serangan peribadi beliau seperti tulisan Halil Arda<sup>14</sup> dan Steven Paulson<sup>15</sup>. Abdul Majid<sup>16</sup> dan

---

<sup>13</sup> M. Iqbal, (2009). Muslims and the brave new world of modern science. *Islam & Science*, 7(2), 81-86.

<sup>14</sup> H. Arda, (2009). Sex, flies and videotape: The secret lives of Harun Yahya. *New Humanist*, 124(5). Didapatkan Mac 29, 2011, daripada <http://newhumanist.org.uk/2131/sex-flies-and-videotape-the-secret-lives-of-harun-yahya>.

<sup>15</sup> S. Paulson, (2008). Meet Harun Yahya: The leading creationist in the Muslim world. *Slate*(October 2009). Didapatkan Mac 29, 2011, daripada <http://www.internationalreportingproject.org/stories/detail/1388/>.

<sup>16</sup> S. Hameed, (2008). Bracing for Islamic creationism. *Science*, 322, 1637-1638.

Salman Hameed<sup>17</sup> pula menyenaraikan Harun Yahya dalam kelompok sarjana Muslim yang menentang teori evolusi Darwinisme.

Pelbagai penulisan dan kajian telah dilakukan bagi menilai teori evolusi Darwinisme dan menolak teori itu. Terdapat beberapa sarjana Muslim yang mengkritik teori Darwinisme tersebut daripada pelbagai perspektif. Syed Hossein Nasr<sup>18</sup>, Zaki Kirmani<sup>19</sup> dan Muzaffar Iqbal<sup>20</sup> mengkritik teori evolusi Darwinisme daripada perspektif falsafah Islam meliputi persoalan metafizik dan implikasi teori tersebut kepada kerangka kepercayaan Islam. Penulisan mereka mempunyai perkaitan rapat dengan kajian ini memandangkan hujah-hujah Harun Yahya turut berteraskan falsafah Islam. Dr. Zaghlul al-Najjar<sup>21</sup> mengkritik teori tersebut berdasarkan hadith-hadith Rasulullah s.a.w yang berkaitan dengan penciptaan alam dan manusia. Nuh Ha Mim Keller<sup>22</sup> mengkritik Darwinisme daripada kaca mata falsafah sains dan ilmu logik dengan melihat keabsahan teori tersebut dan implikasi kepada keimanan seseorang Muslim yang meyakini teori Darwinisme. Irfan Yilmaz<sup>23</sup> dan Abdul Halim Suwaidan<sup>24</sup> mengkritik teori itu daripada aspek sains biologi seperti pilihan alamiah dan mutasi.

Selain itu, pengkaji turut melihat tulisan-tulisan ilmiah yang ditulis sarjana-sarjana Barat yang mengkritik teori evolusi Darwinisme.

R.M. Morrell<sup>25</sup>, seorang saintis Australia, mengkritik teori tersebut berdasarkan disiplin palaentologi berdasarkan rekod-rekod fosil ditemui. Michael Denton<sup>26</sup> dan

<sup>17</sup> A. Majid, (2002). The Muslim responses to evolution. *Science-Religion Dialogue, Summer 2002*. Mansehra, Pakistan: Hazara Society for Science Religion Dialogue. Didapatkan Mei 20, 2010, daripada <http://www.hssrd.org/journal/summer2002/muslim-response.htm>.

<sup>18</sup> S. H. Nasr, (1997). *Man and nature: The spiritual crisis of modern man*. Chicago: ABC International Group.

<sup>19</sup> M. Z. Kirmani, (2006). Religion and science debate: Islamic perspective. *Journal of Islamic Science*, 22(1-2), 91-103.

<sup>20</sup> M. Iqbal, (2009). Muslims and the brave new world of modern science. *Islam & Science*, 7(2), 81-86 dan M. Iqbal, (2009). Darwin's shadow: Context and reception in the Muslim world. *Islam & Science*, 7(1), 9-50.

<sup>21</sup> Z. an-Najjar, (2009). *Keajaiban sains dalam Hadis*. (N. Hasanuddin, & F. Saleh, Terj.) Kuala Lumpur: al-Hidayah Publications., hlm. 285.

<sup>22</sup> N. H. Keller, (1999). *Evolution theory and Islam*. Cambridge: The Muslim Academic Trust.

<sup>23</sup> Irfan Yilmaz.(2008). *Evolution: Science or ideology?* New Jersey: Tughra Books.

<sup>24</sup> M. S. Al-Buti, (1997). *Kubra al-yaqiniyyat al-kawniyah: Wujud al-khaliq wa wazifah al-makhluq*. Damsyik: Dar al-Fikr.

<sup>25</sup> R. Morrell, (1987). Evolutionary contradictions and geological facts. Dalam Osman Bakar (Ed.), *Critique of evolutionary theory: A collection of essays* (hlm. 64-72). Kuala Lumpur: The Islamic Academy of Science & Nurin Enterprise.

<sup>26</sup> M. Denton, (1986). *Evolution: A theory in crisis*. Maryland: Adler & Adler Publishers.

Stephen C. Meyer<sup>27</sup> mengkritik teori evolusi ini daripada perspektif genetik dan biologi molekul. Jonathan Wells<sup>28</sup> mengkritik bukti-bukti yang didatangkan golongan evolusi Darwinisme untuk menyokong kebenaran teori tersebut. Charles B.Thaxton, Walter L. Bradley, dan Roger L. Olsen mengkritik teori tersebut daripada segi percanggahannya dengan hukum Termodinamik Kedua dan hukum Entropi<sup>29</sup>.

Kesimpulannya, meskipun telah banyak kajian yang dilakukan ke atas teori evolusi Charles Darwin dan kajian bagi menyokong dan menolak teori tersebut tetapi masih belum ada sebarang kajian ilmiah secara khusus dibuat mengenai pemikiran Harun Yahya khususnya yang berkaitan dengan kritikan-kritikannya yang menolak teori evolusi Darwinisme. Kajian ini bakal menumpukan kepada kritikan-kritikan Harun Yahya terhadap teori evolusi Darwinisme dan hujah-hujahnya dalam menyokong kritikan-kritikan beliau.

---

<sup>27</sup> S. C. Meyer, (2009). *Signature in the cell: DNA and the evidence for intelligent design*. New York: HarperCollin Publishers.

<sup>28</sup> J. Wells, (2002). *Icons of evolution: Science or myth?* Washington: Regnery Publishing.

<sup>29</sup> C. B. Thaxton, W. L. Bradley, & R. L. Olsen, (1992). *The mystery of life's origin: Reassessing current theories*. Dallas: Lewis and Stanley.

## **1.8 KAEADAH PENYELIDIKAN**

### **1.8.1 Kaedah Penentuan Subjek**

Fokus utama kajian ini adalah dengan menganalisis latar belakang Harun Yahya dan kritikan-kritikannya terhadap teori evolusi Darwin menerusi buku-buku tulisannya. Harun Yahya dipilih sebagai subjek utama kerana beliau merupakan individu Muslim mutakhir yang terkehadapan dalam menghadapi teori evolusi Darwinisme. Kajian ini dimulai dengan melihat kepada latar belakang kehidupannya, cabaran-cabaran yang dilaluinya, dan sumbangannya serta usahanya dalam menjalankan aktivitinya itu. Kajian ini juga melihat kepada sejarah dan perkembangan teori evolusi Darwinisme, latar belakang ringkas Charles Darwin sebagai pengasas teori itu, dan prinsip dan mekanisme teori evolusi Darwinisme. Kajian ini juga membandingkan kritikan-kritikannya dengan kritikan daripada sarjana-sarjana Barat dan Islam daripada perspektif agama, sains dan falsafah.

### **1.8.2 Kaedah Kajian Subjek**

Kajian ini menggunakan dua kaedah utama iaitu kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data.

#### **1.8.2.1 Kaedah Pengumpulan Data**

Kajian ini secara umumnya bersifat kajian perpustakaan (*library research*). Kesemua data-data kajian dikumpulkan melalui kaedah perpustakaan khususnya buku-buku mengenai teori evolusi Darwinisme daripada aspek sejarah, falsafah dan sains, buku-buku berkaitan falsafah sains Islam yang menyentuh mengenai persoalan evolusi dan buku-buku tulisan Harun Yahya yang bertemakan teori evolusi. Dalam melihat kritikan dari kalangan sarjana Barat dan Islam, pengkaji melakukan pengumpulan data daripada buku, artikel atau jurnal tulisan mereka sama ada dalam bentuk bercetak mahupun digital/internet. Selain itu, penulis juga menggunakan kaedah persejarahan dalam mengumpulkan data-data berkaitan sejarah dan perkembangan teori evolusi

Darwinisme. Kaedah ini juga digunakan ketika mengemukakan biografi Harun Yahya dari aspek pengajiannya, sosial, politik dan sebagainya.

### **1.8.2.2 Kaedah Analisis Data**

Kajian ini menggunakan tiga kaedah utama dalam menganalisis data iaitu;

#### **a. Kaedah Induktif (khusus kepada umum)**

Kaedah ini digunakan (dalam bahasa Arab dikenali sebagai *al-Manhaj al-Istiqrāi*) dalam menganalisa data-data melalui pola berfikir yang berasaskan mencari pembuktian dan kesimpulan dengan berpandukan hal-hal yang bersifat khusus kepada kenyataan yang bersifat umum. Ia digunakan dalam bab pertama dalam menerangkan latar belakang masalah kajian, dalam bab kedua berkaitan latar belakang Harun Yahya, dalam bab ketiga mengenai latar belakang Charles Darwin dan sejarah perkembangan teori evolusi, dan akhirnya dalam bab kelima sebagai kesimpulan kepada keseluruhan berasaskan maklumat-maklumat yang diperoleh dalam bab-bab sebelumnya.

#### **b. Kaedah Deduktif (umum kepada khusus)**

Kaedah ini (dikenali sebagai *al-Manhaj al-Istibnāt*) digunakan bagi mencari pembuktian dan kesimpulan dengan dalil-dalil umum terhadap hal-hal khusus. Ia digunakan dalam penulisan pengkaji terutamanya di dalam bab keempat iaitu mengenai kritikan sarjana Barat dan sarjana Islam serta kritikan oleh Harun Yahya sendiri terhadap teori evolusi Darwinisme.

#### **c. Kaedah Perbandingan**

Kaedah perbandingan ini adalah kaedah utama di dalam kajian ini. Kaedah ini digunakan secara meluas terutamanya ketika membandingkan kritikan sarjana Barat dan sarjana Islam dengan kritikan oleh Harun Yahya selain digunakan dalam analisis kritikan Harun Yahya secara kritis.

## **BAB DUA:**

### **BIOGRAFI HARUN YAHYA**

#### **2.1 PENDAHULUAN**

Bab ini akan memperihalkan serba sedikit mengenai siapakah individu di sebalik nama Harun Yahya, latar belakang kehidupannya, gerakan dan aktivitinya dalam mengkritik teori evolusi Darwinisme dan cabaran-cabarannya yang diharunginya sepanjang melaksanakan usaha-usaha tersebut. Bab ini juga bertujuan untuk menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu siapakah Harun Yahya dan mengapakah beliau mengkritik teori evolusi Darwinisme serta bagi memenuhi objektif pertama kajian iaitu mengenangkan latar belakang Harun Yahya, memaparkan cabaran yang diharunginya dan sumbangannya dalam gerakannya mengkritik teori evolusi Darwinisme.

#### **2.2 LATAR BELAKANG KEHIDUPAN DAN PENDIDIKAN**

Harun Yahya merupakan suatu nama yang mula dikenali di dunia Islam sekitar era tahun 1990-an setelah buku-buku tulisannya diterjemahkan ke dalam bahasa-bahasa lain. Beliau terkenal di kalangan umat Islam sebagai individu yang berjuang dalam menentang teori evolusi Darwinisme. Beliau juga terkenal di kalangan pendokong-pendokong teori evolusi Darwinisme yang melihatnya sebagai suatu ancaman terhadap teori tersebut. Mereka menyerang dan mengkritik dirinya dengan menyifatkannya sebagai tidak layak untuk bercakap tentang teori tersebut kerana tidak mempunyai latar belakang formal dalam bidang sains. Selain itu, wujud kritikan terhadapnya kerana kekurangan daripada aspek penguasaan bahasa Arabnya yang diakuinya sendiri sebagai lemah. Namun, beliau mengatasi kelemahan tersebut dengan menggunakan khidmat kenalan rapatnya yang fasih berbahasa Arab.

Menurutnya,

“...Dalam erti kata lain, anda tidak perlu menjadi seorang Arab untuk memahami al-Quran. Seseorang boleh mendapatkan hasil yang bagus dengan menggunakan khidmat mereka yang menguasai bahasa Arab; bahkan, seseorang boleh mendapatkan hasil yang lebih baik daripada seorang Arab sendiri.”<sup>1</sup>

Harun Yahya merupakan nama pena yang digunakan bersempena nama Nabi Harun a.s., dan Nabi Yahya a.s., dua orang utusan Allah yang tabah menentang kepincangan iman di kalangan umat mereka. Pada muka hadapan kulit buku tulisan beliau, tertera cop mohor kenabian Nabi Muhammad s.a.w. Cop ini merupakan simbol bagi melambangkan isi kandungan tulisan beliau; mewakili al-Quran sebagai Kitabullah terakhir kepada Penutup Segala Nabi (*Khātim al-Nabīyyūn*) , Nabi Muhammad s.a.w. Objektif utamanya menulis buku adalah untuk mendedahkan kepalsuan dalam ideologi-ideologi mulhid dan menolak ketuhanan. Cop mohor tersebut menzahirkan niat dan objektifnya tersebut<sup>2</sup>. Namun, masih ramai yang kurang mengenali individu di sebalik nama Harun Yahya tersebut. Wujud persoalan di kalangan masyarakat sama ada nama Harun Yahya itu merujuk kepada seorang individu atau nama suatu kumpulan. Harun Yahya menjawab persoalan ini ketika ditemubual oleh stesen televisyen Aljazeera dengan menyatakan bahawa

*“I have a very broad team, a staff of collaborators. Many of them are very well-versed in foreign languages. They research all the available information, either from books or from the Internet. They present their findings to me in the form of reports, as texts containing information. I evaluate these and pick the illustrations I am actively involved in getting these books ready, right down to the design of the front-cover. I then send them to the editor, and they are later printed in book form. As it is me who prepares these books, it should be my name on the cover. Because I interpret and prepare the books, as it is me who collects the raw material and turns it into a book, it should definitely be my name that appears on*

<sup>1</sup> Terjemahan pengkaji. Ayat asalnya dalam bahasa Inggeris ialah “In other words, you don't need to be an Arab to understand the Qur'an. One can obtain [good] results by making use of the services of people who know Arabic; in fact, one can achieve even better results.” Lihat H. Yahya, (2007, Ogos 6). An interview with Mr. Adnan Oktar by Al Jazeera TV. (A. J. TV, Penemu duga) Didapatkan Mei 22, 2012, daripada [http://www.harunyahya.com/en/works/5270/An\\_interview\\_with\\_Mr\\_Adnan\\_Oktar\\_by\\_Al\\_Jazeera\\_TV\\_\(Istanbul\\_-\\_August\\_6\\_2007\)](http://www.harunyahya.com/en/works/5270/An_interview_with_Mr_Adnan_Oktar_by_Al_Jazeera_TV_(Istanbul_-_August_6_2007))

<sup>2</sup> H. Yahya, (2002). *The miracle of creation in plants*. New Delhi: Goodwork Books., hlm. 6.

*the cover. This is a very normal procedure. But as for my technical team, if is it really necessary to credit my supplementary technical team by name? I could do that, but it is really not such an important matter.”<sup>3</sup>*

Harun Yahya atau nama sebenarnya Adnan Oktar bin Yusuf Oktar Arslan bin Omar Bey bin Haji Yusuf bin Beslen Arslan Kasayev dilahirkan di Ankara pada tahun 1956 dan berketurunan sayyid<sup>4</sup>. Beliau merupakan seorang bermazhab Hanafi *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*<sup>5</sup>. Nenek moyangnya berhijrah ke Caucasus ketika penaklukan Hulagu Khan<sup>6</sup>, seterusnya melarikan diri ke Empayar Uthmaniyyah ketika berlakunya perang Uthmaniyyah-Russia<sup>7</sup> dan Russia-Caucasia. Mereka mendirikan penempatan di Bala, Ankara di bumi Empayar Uthmaniyyah. Beslen Arslan Kasayev<sup>8</sup>, datuk kepada datuk Adnan Oktar, Omer Bey merupakan susur galur kepada keturunan Nogay. Keluarga ini dikenali sebagai Arslanogullari (anak-anak kepada Arslan). Keluarga ini merupakan satu daripada 21 keluarga-keluarga sayyid yang terdapat dalam dokumen pentadbiran gabenor Caucasus pada tahun 1827<sup>9</sup>. Harun Yahya tinggal di Ankara sejak dilahirkan sehingga memasuki Universiti Mimar Sinan di Istanbul pada tahun 1979.

Harun Yahya dilahirkan dalam keluarga yang sederhana dan berfahaman sekular. Beliau tinggal bersama-sama dengan ibunya; Mediha Oktar, ayah, abang,

<sup>3</sup> H. Yahya, (2007, Ogos 6). An interview with Mr. Adnan Oktar by Al Jazeera TV. (A. J. TV, Penemu duga) Didapatkan Mei 22, 2012, daripada [http://www.harunyahya.com/en/works/5270/An\\_interview\\_with\\_Mr\\_Adnan\\_Oktar\\_by\\_Al\\_Jazeera\\_TV\\_\(Istanbul\\_-\\_August\\_6\\_2007\).](http://www.harunyahya.com/en/works/5270/An_interview_with_Mr_Adnan_Oktar_by_Al_Jazeera_TV_(Istanbul_-_August_6_2007).)

<sup>4</sup> Sayyid merupakan gelaran yang diberikan kepada keturunan Rasulullah s.a.w. daripada jalur cucu baginda Hassan r.a., melalui anak baginda Fatimah r.a. Bagi keturunan Rasulullah s.a.w. daripada jalur cucu kedua baginda, Hussein r.a., mereka digelar Sharif.

<sup>5</sup> H. Yahya, (2007, Ogos 6). An interview with Mr. Adnan Oktar by Al Jazeera TV. (A. J. TV, Penemu duga) Didapatkan Mei 22, 2012, daripada [http://www.harunyahya.com/en/works/5270/An\\_interview\\_with\\_Mr\\_Adnan\\_Oktar\\_by\\_Al\\_Jazeera\\_TV\\_\(Istanbul\\_-\\_August\\_6\\_2007\).](http://www.harunyahya.com/en/works/5270/An_interview_with_Mr_Adnan_Oktar_by_Al_Jazeera_TV_(Istanbul_-_August_6_2007).)

<sup>6</sup> Hulagu Khan (1217-1265), cucu kepada Gengis Khan berjayamenawan ibu kota Empayar Abbasiyah, Baghdad pada tahun 1258 dan menjatuhkan hukuman bunuh ke atas Khalifah Abbasiyah ketika itu, al-Musta’sim (1212-1258). Hulagu setelah itu mendirikan Dinasti Il-Khanid.

<sup>7</sup> Perang Uthmaniyyah-Russia merupakan siri peperangan yang berlanjutan sejak abad ke-17 hingga abad ke-19. Peperangan ini merupakan petanda kepada perang ini merupakan petanda kepada kemerosotan Empayar Uthmaniyyah. Pada akhir siri peperangan yang panjang ini, Russia berjaya melebarkan sempadannya hingga ke Laut Hitam dan ke pergunungan Caucasus di Asia. Lihat Russo-Turkish wars. (2009). Encyclopaedia Britannica. *Encyclopaedia Britannica 2009 Student and Home Edition*. Chicago: Encyclopædia Britannica.

<sup>8</sup> Beslen Arslan Kasayev ialah ayah kepada ayah Omar Bey, Haji Yusuf. Omer Bey dilahirkan di Caucasus dan berhijrah seterusnya menetap di Bala, Ankara pada tahun 1902. Beslen merupakan seorang sayyid berdasarkan arkib Russia (*the Russian Federation Stavropol Federal Archive. Archive No. 48, Vol. 2, File No. 85*). Lihat *The author's biography: The life and works of Adnan Oktar*. (2010, Mei 6). Didapatkan dari harunyahya.com: <http://www.harunyahya.com/theauthor.php>.

<sup>9</sup> *The author's biography: The life and works of Adnan Oktar*. (2010, Mei 6). Didapatkan dari harunyahya.com: <http://www.harunyahya.com/theauthor.php>.

nenek sebelah ibu, dan datuk. Harun Yahya pernah menceritakan bahawa ayah beliau sesekali pergi menunaikan solat Jumaat, manakala ibu dan abangnya tidak pernah bersolat. Hanya almarhum datuknya yang menunaikan solat<sup>10</sup>. Pada waktu itu Harun Yahya sendiri tidak tahu bersolat. Namun, pada akhir sekolah tingginya, barulah beliau mula mempelajari solat sendiri dan belajar ilmu-ilmu berkaitan Islam. Beliau membaca pelbagai buku soal jawab agama dan buku-buku karya Ömer Nasuhi Bilmen, Said Nursi, Hüseyin Hilmi Isik, Imam al-Ghazali, dan Abu Laith Samarkandi<sup>11</sup>. Pada waktu itu, Turki sedang dibelenggu dengan anarki dan keganasan. Kediaman beliau ketika itu merupakan kawasan yang aktif dengan suasana tersebut<sup>12</sup>; pertempuran bersenjata, pengeboman dan sebagainya.

Harun Yahya pada usia kecil dan awal remajanya merupakan seorang yang sentiasa berada di rumah. Kegemaran utamanya ialah membaca buku selain sangat menggemari haiwan terutamanya kucing<sup>13</sup> dan memiliki berekor-ekor kucing di rumahnya. Beliau juga memiliki beberapa ekor arnab dan dua ekor kambing. Menurutnya, haiwan-haiwan ini membantunya melegakan diri daripada tekanan dan menenangkan perasaan selain merupakan bukti kekuasaan Allah<sup>14</sup>. Beliau lebih suka menghabiskan masanya dengan melakukan kajian dengan membaca, bertanya dan menyelidik serta menghabiskan banyak masa beliau di makmal kimia mini di rumahnya. Beliau juga melakukan kerja-kerja berkaitan seramik, membuat patung daripada tanah liat, mahupun melukis gambar; kegemaran yang masih dilakukannya hingga kini seperti melukis lukisan cat minyak berukuran 3 x 3 meter. Ketika

---

<sup>10</sup> H. Yahya, (2008, Ogos 5). Adnan Oktar describes his years at Mimar Sinan University. (al-Baghdadi, Penemu duga) Didapatkan Mei 7, 2010, daripada [http://harunyahya.com/theauthor.php?sayfa\\_no=5](http://harunyahya.com/theauthor.php?sayfa_no=5).

<sup>11</sup> *Ibid*

<sup>12</sup> Antara kawasan tersebut ialah Fakulti Sains Politik Ankara, Sekolah Tinggi Kurtulus Ankara, Fakulti Undang-undang dan Universiti Hacettepe. Lihat *Ibid*.

<sup>13</sup> Beliau memiliki berekor-ekor kucing di rumahnya. Lihat H. Yahya, (2008, September 25). Adnan Oktar describes how he spends his days. (O. TV, Interviewer) Retrieved Mei 7, 2010, from [http://www.harunyahya.com/theauthor.php?sayfa\\_no=4](http://www.harunyahya.com/theauthor.php?sayfa_no=4).

<sup>14</sup> H. Yahya, (2008, Julai 14). Adnan Oktar describes how he spends his days. (K. TV, Penemu duga) Didapatkan Mei 7, 2010, daripada [http://www.harunyahya.com/theauthor.php?sayfa\\_no=4](http://www.harunyahya.com/theauthor.php?sayfa_no=4).

kecilnya turut meminati kerja-kerja seni menggunakan arang kayu selain menghasilkan pelbagai model kecil pelbagai objek di rumah<sup>15</sup>.

Pendidikan rendah dan menengahnya diperoleh di Ankara<sup>16</sup> sebelum melanjutkan pengajiannya di Akademi Seni Halus, Fındıklı, İstanbul<sup>17</sup> pada tahun 1979. Beliau merupakan calon yang mendapat markah ketiga tertinggi daripada beribu-ribu calon yang berjaya memasuki universiti tersebut. Di universiti tersebut, beliau mengambil jurusan seni hiasan dalaman sehingga tahun 1983. Seterusnya, beliau melanjutkan pendidikannya di Universiti İstanbul dalam bidang falsafah setelah berjaya lulus dalam peperiksaan kemasukan ke universiti tersebut menjelang tahun 1983. Beliau pernah tidak dibenarkan memasuki Kuliah Falsafah universiti terbabit kerana jambang yang disimpannya<sup>18</sup>. Selain itu, pengajiannya di universiti tersebut terbantut disebabkan keadaan anarki dan keganasan yang wujud pada ketika itu<sup>19</sup>. Beliau menyanjung Mustafa Kamal Ataturk yang disifatkannya sebagai seorang negarawan Turki Islam tulen. Sanjungannya terhadap Ataturk menimbulkan persoalan kepada banyak pihak memandangkan Ataturk merupakan seorang tokoh yang mempunyai pelbagai isu kontroversi berkaitan Islam di Turki. Namun, sanjungannya terhadap Ataturk dibuat berdasarkan kepada Ataturk merupakan seorang antikomunis dan anti-Freemason dan merupakan satu-satunya tokoh dalam

---

<sup>15</sup> H. Yahya, (2008, Disember 24). Adnan Oktar describes how he spends his days. (T. TV, Penemu duga) Didapatkan Mei 7, 2010, daripada [http://www.harunyahya.com/theauthor.php?sayfa\\_no=4](http://www.harunyahya.com/theauthor.php?sayfa_no=4).

<sup>16</sup> H. Yahya, (2002). *The miracle of creation in plants*. India: Goodwork Books., hlm. 6.

<sup>17</sup> Akademi ini telah dinaiktaraf kepada universiti pada Julai 1982 dengan nama Universiti Mimar Sinan, İstanbul. Mulai Disember 2003, universiti tersebut dikenali sebagai Universiti Seni Halus Mimar Sinan. Lihat *History*. (2011). Didapatkan dari Mimar Sinan Fine Arts University: <http://www.msgsu.edu.tr/msu/pages/450.aspx>.

<sup>18</sup> H. Yahya, (2001). *Penipuan evolusi*. (R. Rais, Terj.) Kaherah: Persekutuan Melayu Republik Arab Mesir, hlm. 15. Selepas ini disebut sebagai H. Yahya, (2001). *Penipuan evolusi*.

H. Yahya, (2009, Julai 3). An interview with Mr. Adnan Oktar by islamonline.net. (islamonline.net, Penemu duga) Didapatkan Mei 22, 2012, daripada [http://www.harunyahya.com/en/works/15070/An\\_interview\\_with\\_Mr\\_Adnan\\_Oktar\\_by\\_islamonline\\_net\\_\(July\\_3\\_2009\)](http://www.harunyahya.com/en/works/15070/An_interview_with_Mr_Adnan_Oktar_by_islamonline_net_(July_3_2009)). Lihat juga S.A. Kamal, (2009, Jun 10). *Syed Akbar Kamal: Interview with Adnan Oktar*. Didapatkan Oktober 1, 2012, daripada Scoop: <http://www.scoop.co.nz/stories/HL0906/S00102.htm>.

sejarah Turki dan empayar Turki Uthmaniyyan yang bertindak menutup rumah-rumah aktiviti Freemason<sup>20</sup>.

Demikianlah merupakan sedikit sebanyak latar belakang kehidupan, keluarga dan pendidikan Harun Yahya yang dapat dinyatakan di sini berdasarkan data-data yang dimiliki oleh pengkaji. Berdasarkan latar belakangnya itu nyatalah bahawa personaliti dan pandang alamnya dipengaruhi oleh suasana persekitarannya dan buku-buku yang dibacanya. Karya-karya tokoh besar Islam yang dibacanya, menurut pandangan pengkaji, telah mempengaruhi corak pemikiran dan pandang alam beliau terutamanya karya-karya Said Nursi iaitu *Risale-i Nur* yang mempengaruhi sikap kritikalnya terhadap teori evolusi Darwinisme. Beliau menyifatkan seni halus sebagai manifestasi keagungan kuasa Allah<sup>21</sup>. Kemahiran aktiviti-aktiviti seni halus yang dilazimnya itu telah melatih dirinya menjadi seorang yang berpemikiran kritis dan kreatif kerana kerja-kerja seni halus memerlukan ketelitian, kesabaran dan daya pemikiran yang kritis dan kreatif. Lihatlah bagaimana daya pemikiran beliau yang kreatif dapat menghuraikan nilai-nilai estetika yang wujud di alam ini dan mengaitkannya dengan kebesaran dan keagungan Allah sebagai Maha Pencipta. Ketelitiannya dalam menilai sesuatu perkara; yang diasah melalui kerja-kerja seni halus, di samping latar belakang pendidikan falsafah membolehkannya membongkar perkara-perkara yang tersirat di sebalik teori evolusi Darwinisme sekali gus menunjukkan kepincangan teori tersebut; suatu kemahiran yang perlu dimiliki oleh umat Islam untuk bersikap kreatif, inovatif dan kritikal terhadap sesuatu fakta dan data<sup>22</sup>.

<sup>20</sup> Kenyataannya dibuat dalam temu bualnya oleh *Abu Dhabi TV* pada 19 Februari 2009, akhbar Jerman *Weinerr Zeitung* pada 24 Disember 2008, dan akhbar Turki *Daily Vakit Istanbul* pada Mei 2008. Dimuat turun daripada [http://www.harunyahya.com/en/works/24083/Ataturk\\_closed\\_the\\_masonic\\_lodges\\_down](http://www.harunyahya.com/en/works/24083/Ataturk_closed_the_masonic_lodges_down) pada 22 Mei 2012.

<sup>21</sup> *The author's biography: The life and works of Adnan Oktar.* (2010, Mei 6). Didapatkan dari harunyahya.com: <http://www.harunyahya.com/theauthor.php>.

<sup>22</sup> Sidek Baba. (2009). *Fikir dan zikir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka., hlm. 13.

## **2.3 FAKTOR PENCETUS KEPADA USAHA-USAHA HARUN YAHYA**

Mengapakah Harun Yahya mengkaji dan mengkritik teori evolusi Darwinisme?

Apakah punca yang mencetuskan gerakannya itu? Terdapat beberapa faktor yang menjadi pemungkin kepada gerakannya itu namun tiga faktor utama dikenalpasti menjadi faktor pencetus kepada usaha-usahanya tersebut.

### **2.3.1 Aplikasi Ilmu Hasil Bacaan Karya Tokoh-tokoh Besar Islam**

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, Harun Yahya telah membaca dan mengkaji buku tokoh-tokoh Islam seperti kitab *Iḥyā ‘Ulūm al-Dīn* karangan Imam al-Ghazali<sup>23</sup>, *Büyük İslam İlmihali* karangan Ömer Nasuhi Bilmen, dan beberapa kitab lain. Namun, koleksi *Risale-i Nur* karya Bediuzzaman Said Nursi merupakan kitab utama yang memberi kesan dan pengaruh terhadap pandang alamnya. Harun Yahya sering memetik kata-kata dan tulisan Said Nursi dalam karyanya mahupun dalam temu ramahnya<sup>24</sup>.

Karya Said Nursi inilah juga menjadi penyebab beliau memilih Universiti Mimar Sinan sebagai tempatnya melanjutkan pengajian sebagai strategi atau sasaran dakwahnya. Pemilihan universiti itu juga disebabkan beliau berpegang kepada kata-kata Said Nursi iaitu "...kita mesti mencetuskan perjuangan yang bersatu dalam

---

<sup>23</sup> Harun Yahya mengakui bahawa gaya pemikiran al-Ghazzali mempengaruhi aktiviti-aktiviti pemikiran dan penulisan beliau iaitu bermula dengan keraguan, mencari fakta bagi menghilangkan keraguan tersebut dan akhirnya mendapat kepastian. Lihat H. Yahya, (2007, Ogos 6). An interview with Mr. Adnan Oktar by Al Jazeera TV. (A. J. TV, Penemu duga) Didapatkan Mei 22, 2012, daripada [http://www.harunyahya.com/en/works/5270/An\\_interview\\_with\\_Mr\\_Adnan\\_Oktar\\_by\\_Al\\_Jazeera\\_TV\\_\(Istanbul\\_-\\_August\\_6\\_2007\).](http://www.harunyahya.com/en/works/5270/An_interview_with_Mr_Adnan_Oktar_by_Al_Jazeera_TV_(Istanbul_-_August_6_2007).)

<sup>24</sup> Harun Yahya menyifatkan dirinya sebagai pengikut setia Said Nursi sehingga mencontohi Said Nursi yang tidak berkahwin. Lihat *Ibid*.

menentang ateisme melalui seni dan pembelajaran...”<sup>25</sup> yang menunjukkan betapa beliau mengagumi Said Nursi dalam memulakan gerakannya itu.

### **2.3.2 Pengalaman Berhadapan dengan Fahaman Marxisme dan Fasisme**

Tahun-tahun 1960-an dan 1970-an menyaksikan Turki berada dalam keadaan anarki dan keganasan berlaku secara berleluasa. Pertempuran bersenjata, pengeboman, demonstrasi dan sebagainya terjadi secara berterusan. Harun Yahya melihat sendiri kejadian-kejadian tersebut kerana kejiranannya terletak dalam kawasan panas iaitu kawasan Fakulti Sains Politik Ankara, Sekolah Tinggi Kurtulus Ankara, Fakulti Undang-undang Ankara, dan Universiti Hacettepe.

Dalam suasana begini, beliau yang ketika itu berada di tahun akhir sekolah tinggi, memikirkan tentang sebab berlakunya keadaan tersebut dengan mengkaji mengenai fahaman Marxisme dan fasisme; dua faham yang menguasai Turki ketika itu yang menjadi penyebab kepada berlakunya kepada keadaan itu dan dalam masa yang sama mula berfikir tentang kewujudan dan keesaan Allah yang seterusnya menjadi pencetus bermulanya gerakannya itu<sup>26</sup>.

### **2.3.3 Kebangkitan Gerakan Erbakan**

Pada era pemerintahan Turki Uthmaniyyah, sistem pendidikan Turki adalah berteraskan pengajian Islam berpaksikan al-Quran dan al-Hadith. Pelajaran sains ketika itu merupakan sebahagian daripada pengajian agama. Polisi pemerintah ketika itu juga menyekat berlakunya pertentangan antara sains dan agama. Namun, keadaan tersebut berubah ketika tumbangnya kerajaan Turki Uthmaniyyah dan penubuhan Republik Turki oleh Mustafa Kamal Ataturk pada tahun 1928. Dalam tempoh dua dekad (tahun 1928 hingga 1948), sistem pendidikan Turki berubah kepada sistem

<sup>25</sup> H. Yahya, (2008, Julai 15). Adnan Oktar describes his years at Mimar Sinan University. (K. A. TV, Penemu duga) Didapatkan September 23, 2010, daripada [http://harunyahya.com/theauthor.php?sayfa\\_no=5](http://harunyahya.com/theauthor.php?sayfa_no=5).

<sup>26</sup> Ibid

pendidikan sekular Barat yang mempertahankan evolusi Darwinisme, fahaman materialism, kesusasteraan Barat dan sebagainya. Pengajian tentang konsep penciptaan dan pendidikan fardu ‘ain diketepikan daripada sistem tersebut<sup>27</sup>.

Pada tahun 1970-an, berlakunya kebangkitan pengaruh parti politik Islam pimpinan Necmettin Erbakan<sup>28</sup> yang membentuk kerajaan campuran sayap kanan pimpinan perdana menteri Bülent Ecevit. Kerajaan Ecevit telah mewajibkan semula subjek-subjek pengajian Islam dan amalan doa di sekolah-sekolah tinggi, diikuti dengan hafazan dan bacaan doa dalam bahasa Arab pada era 1980-an. Konsep penciptaan alam awalnya hanya diajar dalam kelas-kelas agama dan moral di sekolah-sekolah tinggi. Hanya pada pertengahan 1980-an konsep tersebut diajar dalam kelas-kelas biologi melalui aktiviti penterjemahan buku tulisan Henry Morris, *Scientific Creationism* oleh Kementerian Pendidikan Turki ketika itu. Dua akhbar utama Turki, *Hurriyet* dan *Cumhuriyet* melaporkan bahawa Harun Yahya mempunyai hubungan erat dengan Erbakan dan Fettullahcilar<sup>29</sup>.

#### **2.4 USAHA, PERJUANGAN DAN CABARAN**

Hakikatnya, Harun Yahya memilih Akademi Seni Halus, Findikli, Istanbul (kini dikenali sebagai Universiti Mimar Sinan) bukanlah disebabkan minatnya dalam bidang seni dan hiasan dalaman tetapi sasarannya untuk usaha dakwahnya<sup>30</sup>. Universiti Mimar Sinan, sebagaimana institusi-institusi pengajian tinggi Turki yang lain pada waktu itu dikuasai oleh golongan Marxist, komunis dan fahaman ateisme. Fahaman-fahaman songsang ini mempengaruhi majoriti pelajar dan kakitangan universiti tersebut. Gaya hidup berteraskan nilai dan moral beragama ditolak pada

<sup>27</sup> Ü. Sayin,, & A. Kence, (1999). Islamic scientific creationism: A new challenge in Turkey. *Reports of the National Center for Science Education*, 19(6), 18–20, 25–29.

<sup>28</sup> Necmettin Erbakan (1926-2011) pada era 1970-an merupakan pemimpin *Millî Nizam Partisi* (MNP) pada tahun 1970-1971 yang kemudiannya diharamkan lalu menubuhkan *Millî Selâmet Partisi* (MSP) bagi tempoh 1972-1981.

<sup>29</sup> Sebuah kumpulan tarekat pimpinan Fettullah Gulen yang pernah menyampaikan syarahan mengenai kejahatan evolusi Darwinisme.

<sup>30</sup> H. Yahya, (2008, Julai 23). Adnan Oktar describes his years at Mimar Sinan University. (Ç. TV, Penemu duga) Didapatkan Mei 6, 2010, daripada [http://harunyahya.com/theauthor.php?sayfa\\_no=5](http://harunyahya.com/theauthor.php?sayfa_no=5).

waktu itu dan diganti dengan gaya hidup materialistik. Beliau memasuki universiti tersebut setelah berjaya menduduki tempat ketiga dalam peperiksaan kemasukan ke akademi tersebut seterusnya memulakan gerakannya dalam menerangkan kepada khalayak umum kepincangan dan penipuan Darwinisme dan Materialisme. Beliau juga merupakan satu-satunya individu yang berani bersolat secara terang-terangan di Masjid Molla, bersebelahan universiti tersebut ketika itu.

Harun Yahya menjalankan dakwahnya secara berkomunikasi dengan pelajar-pelajar lain secara individu dan memberikan ceramah di khalayak ramai yang dihadiri para pelajar dan guru<sup>31</sup>. Setelah beberapa ketika, ceramahnya turut dihadiri para profesor. Beliau juga mengambil kesempatan mengedarkan risalah keterangan mengenai kepalsuan teori evolusi Darwinisme dan meminta mereka mengkritik kandungan risalah tersebut sedangkan tujuan tersiratnya adalah untuk mereka membaca maklumat di dalam risalah tersebut yang petikannya dipetik daripada teks-teks asal buku fahaman Darwinisme. Strategi yang diaturnya telah berjaya mempengaruhi beberapa rakan sekuliah dan staf-staf akademik<sup>32</sup>.

Ibu Harun Yahya, Mediha Oktar, menyatakan bahawa Harun Yahya hanya tidur beberapa jam sahaja pada waktu malam. Selebihnya, beliau melakukan penyelidikan dan kajian dengan membaca buku-buku berkaitan fahaman-fahaman seperti Marxisme, Maoisme, falsafah Materialisme, dan sebagainya serta melakukan kajian meluas terhadap teori evolusi Darwinisme. Beliau mengumpulkan dokumen-dokumen dan maklumat terperinci mengenai kepincangan dan kepalsuan fahaman-fahaman songsang tersebut yang kesemuanya menolak kewujudan Allah. Hasil daripada penelitian dan penyelidikannya, sebuah risalah telah dihasilkannya yang bertajuk ‘*Evrim Teorisi*’ (Teori Evolusi). Segala kos percetakan dibiayainya

<sup>31</sup> Aktiviti-aktiviti ini dilakukan pada waktu rehat dan waktu lapang antara kelas. Lihat H. Yahya, (2008, Julai 15). Adnan Oktar Describes his years at Mimar Sinan University. (K. A. TV, Penemu duga) Didapatkan September 23, 2010, daripada [http://harunyahya.com/theauthor.php?sayfa\\_no=5](http://harunyahya.com/theauthor.php?sayfa_no=5).

<sup>32</sup> *Ibid.*

menggunakan wang hasil daripada jualan harta yang diwarisi daripada keluarganya. Risalah-risalah itu kemudiannya diedarkan secara percuma kepada pelajar-pelajar universiti lain<sup>33</sup>.

Pelbagai cabaran terpaksa diharungi dalam menjalankan gerakannya. Menjelang musim panas tahun 1986, beliau telah ditahan pihak berkuasa berikutan penerbitan bukunya ‘*Yahudilik ve Masonluk*’ (Yahudi dan Freemason) setelah usaha menyogoknya sebelum itu gagal<sup>34</sup>. Buku tersebut mengundang pelbagai tindak balas daripada khalayak ramai. Penahanan tersebut dibuat kerana kenyataannya dalam sebuah temu ramah dengan pihak akhbar iaitu, “*Türk Kavmindenim, İslam Milletindenim*” (Saya ialah rakyat Turki, dan pengikut agama Islam)<sup>35</sup>. Beliau telah ditahan di dalam sebuah sel seorang selama sembilan bulan. Beliau kemudian ditempatkan di Bahagian Perubatan Forensik selama 40 hari dengan kakinya dirantai ke katil. Kemudian beliau dipindahkan ke Hospital Mental Bakirkoy dan ditempatkan di wad 14A, wad yang menempatkan kira-kira tiga ratus orang pesakit mental yang sangat berbahaya selama sepuluh bulan seterusnya. Akhirnya, beliau dibebaskan dan dilepaskan apabila pihak pendakwa raya menyatakan bahawa kata-katanya itu tidak mengandungi sebarang unsur jenayah. Tuduhan bahawa dirinya seorang yang tidak waras atau gila turut tertolak melalui pengesahan perubatan oleh Akademi Perubatan Tentera Gülhane pada 18 Ogos 2000, yang memperakui dirinya merupakan seorang yang waras. Namun, kenyataan ini tidak dipaparkan di dalam akhbar-akhbar utama Turki ketika itu<sup>36</sup>.

---

<sup>33</sup> H. Yahya, (2001). *Penipuan evolusi*, hlm. 10-11.

<sup>34</sup> Dalam buku tersebut, Harun Yahya telah menyenaraikan ahli-ahli Freemason dan kedudukan mereka dalam organisasi dan agensi kerajaan, perusahaan dan institusi yang dimiliki mereka, aktiviti mereka dan kuasa politik dan ekonomi yang dikuasai mereka. Pembongkaran ini menimbulkan kemarahan mereka dan membawa kepada tindak balas mereka. Pada awalnya, golongan Freemason ini menawarkan sejumlah imbuhan besar kepada Harun Yahya untuk menghentikan penerbitan buku tersebut namun ditolak keras olehnya. Oleh sebab itu, tindakan penahanan diambil. Lihat *ibid*, hlm. 15-17.

<sup>35</sup> *The life and works of Adnan Oktar*. (2012, Mei 22). Didapatkan dari [www.harunyahya.com: http://harunyahya.com/bilgi/yazarHakkinda](http://harunyahya.com/bilgi/yazarHakkinda).

<sup>36</sup> *Ibid*.

Pada tahun 1991, Harun Yahya sekali lagi ditahan oleh pihak berkuasa Turki di Izmir atas tuduhan memiliki dan mengambil kokain. Penahanan tersebut dibuat apabila pihak berkuasa Turki menyerbu rumahnya di Ortakoy dan menemui bungkusan kokain di dalam salah sebuah buku daripada kira-kira 2000 buah buku di perpustakaan rumahnya. Namun, penemuan tersebut menimbulkan kesangsian memandangkan setiap buku yang terdapat di dalam perpustakaan tersebut telah dibersihkan dan diperiksa oleh ibu, jiran dan pembantu rumahnya, sebagaimana yang dinyatakan dalam keterangan mereka terhadap pihak berkuasa. Beliau kemudian dibawa ke ibu pejabat Jabatan Keselamatan Istanbul. Selepas 72 jam ditahan di sana, beliau dihantar pula ke Jabatan Perubatan Forensik bagi menjalani ujian darah. Keputusan ujian menunjukkan paras kokain yang sangat tinggi di dalam darahnya, iaitu melebihi 5 mg/ml. Walau bagaimanapun, paras kokain yang sebegini tinggi sekiranya diambil 72 jam sebelum itu boleh membawa maut. Justeru, pihak Jabatan Perubatan Forensik dan beberapa institusi perubatan Turki dan luar negara menyimpulkan bahawa kokain tersebut diambil dalam tempoh 72 jam, iaitu semasa di bawah tahanan pihak berkuasa, dengan mencampurkan kokain tersebut di dalam makanan yang diberikan kepadanya<sup>37</sup>. Pengesahan yang dibuat institusi-institusi perubatan terbabit membawa kepada pembebasannya oleh mahkamah<sup>38</sup> pada 22 April 1994 yang mengesahkan bahawa kejadian tersebut merupakan suatu konspirasi<sup>39</sup>.

Cabarannya yang dialaminya tidak terhenti setakat itu sahaja. Pada 12 November 1999, beliau dan anggota-anggota *Bilim Araştırmacı Vakfı* (BAV) (Yayasan Penyelidikan Sains) diserbu dan ditahan oleh pihak berkuasa Turki atas tuduhan

<sup>37</sup> Antara institusi-institusi perubatan yang terlibat ialah Institut Perubatan Forensik Universiti Munich, Institut Perubatan Forensik Universiti Aachen, dan Institut Perubatan Forensik Universiti Vienna. Bagi senarai penuh, lihat *ibid*.

<sup>38</sup> *Ibid.*

<sup>39</sup> Berdasarkan keputusan *10th Criminal Court of First Instance*. Lihat harunyahya.com. (2008). *Psychological Warfare Techniques Employed Against Adnan Oktar*. Didapatkan Mei 6, 2010, daripada Psychological Warfare Methods: <http://psychologicalwarfaremethods.com/>.

menubuhkan organisasi haram dan menganjurkan jenayah. Menteri Dalam Negeri Turki ketika itu mengecop BAV sebagai organisasi yang lebih berbahaya daripada PKK<sup>40</sup>. Selain itu, beliau dan BAV turut dituduh memeras ugut Ebru Şimşek bagi menguatkan lagi tuduhan awal tersebut. Beliau telah ditahan di ibu pejabat Jabatan Anti-Jenayah Terancang Istanbul selama tujuh hari dan selama ditahan di sana, beliau didera dengan teruk berdasarkan laporan perubatan forensik. Selain itu, Harun Yahya dan BAV turut didakwa berkaitan penyalahgunaan sumber kewangan BAV dan mendakwa wang pendapatan BAV diperoleh dengan cara yang haram dan menyalahi undang-undang. Semua individu yang terlibat berhadapan dengan hukuman penjara selama 216 tahun!<sup>41</sup>

Kes yang berjalan selama lapan tahun tersebut akhirnya selesai pada tahun 2007 apabila mahkamah melepaskan dan membebaskannya dan BAV daripada semua tuduhan apabila tuduhan-tuduhan yang dilemparkan itu tidak berasas dan bersifat konspirasi<sup>42</sup>. Tuduhan beliau dan BAV memeras ugut Ebru Şimşek disabitkan mahkamah sebagai tidak benar<sup>43</sup>. Ebru Şimşek mendakwa dirinya diperas ugut oleh Harun Yahya ketika berunding mengenai pelacuran yang berlaku di bawah tekanan diacukan pistol di sebuah villa milik seorang anggota BAV di Istinye, Istanbul. Namun, berdasarkan keterangan mahkamah oleh Çağlar Goksu, pakar kejuruteraan sivil, imej bilik tidur yang didakwa Ebru Şimşek sebagai lokasi peras ugut tersebut, yang dirakam oleh kamera tersembunyi, berbeza dengan bilik tidur di villa di Istinye yang dialamatkan dalam dakwaannya yang Harun Yahya berada di situ<sup>44</sup>.

---

<sup>40</sup> *Ibid*

<sup>41</sup> *Ibid*

<sup>42</sup> Keputusan mahkamah oleh *Istanbul 2nd Criminal Court of Second Instance*. Lihat *ibid*

<sup>43</sup> Keputusan No. 2007/7 fail No. 2006/26. Lihat *ibid*.

<sup>44</sup> Menurut keterangan Çağlar Göksu, imej bilik tidur dalam rakaman Ebru Şimşek tersebut merupakan struktur binaan menggunakan sistem sokongan konkret manakala bilik tidur di alamat rumah yang didakwa adanya kehadiran Harun Yahya pula merupakan struktur sistem tertanam (*buried system*) yang tidak membenarkan sinaran cahaya memasukinya. Lihat *ibid*.

Selain itu, keterangan Profesor Dr. Nevzat Tarhan, pakar psikiatri menyatakan berdasarkan rakaman video menunjukkan bahawa Ebru Şimşek tidak berada dalam keadaan tertekan. Dua orang saksi Ebru Şimşek iaitu Alkas Cakmak, Alper Cakmak mengakui bahawa villa yang terkandung dalam rakaman video Ebru Şimşek bukan milik defendant. Saksi-saksi lain iaitu Özgür Aydemir, Mehmet Ali Yıldırım dan Yavuz Coşkun memaklumkan kepada mahkamah bahawa Ebru Şimşek melakukan persetubuhan dengan lelaki-lelaki dengan diberikan wang sebagai imbuhan<sup>45</sup>. Justeru, Mahkamah Jenayah Tinggi Kedua Istanbul pada membuat keputusan tersebut berdasarkan: 1) Fakta bahawa semua bukti dalam kes ini bagi semua tuduhan telah dikumpulkan secara kolektif bersama-sama; 2) Kenyataan bertahan para defendant; 3) Kenyataan oleh saksi-saksi Ebru Şimşek; 4) Imej-imej CD Ebru Şimşek; 5) Kenyataan oleh saksi pakar Nevzat Tarhan berkaitan imej-imej CD Ebru Şimşek; 6) Kenyataan oleh saksi pakar kejuruteraan sivil Çağlar Göksu berkaitan rumah lokasi imej-imej Ebru Simsek diambil; 7) Dan pertimbangan hubungan di antara Ebru Şimşek dengan defendant-defendant Özgür Aydemir, Ahmet Ali Yıldırım, Alkas Çakmak, Alper Çakmak, Tacettin İnce, Yavuz Coşkun, İbrahim Ozcan dan Ecevit Şahin<sup>46</sup>.

Mahkamah juga membebaskan Harun Yahya dan BAV daripada tuduhan menubuhkan organisasi haram yang menganjurkan jenayah. Mahkamah mendapati tuduhan itu juga tidak berasas berdasarkan: 1) Kenyataan para defendant; 2) Kenyataan saksi dan pakar; 3) Kenyataan para saksi semasa pendengaran prosiding 2004/337; dan 4) bukti-bukti yang dikemukakan secara berasingan pada bahagian

<sup>45</sup> Adnan Tinarlioğlu.(t.t.). *Human rights violations against BAV (Science Research Foundation) community and a call to related institutions for restoring their right to a fair trial*. Istanbul: Science Research Foundation. Dimuat turun dari [http://www.bav-savunma.org/english/human\\_r.html](http://www.bav-savunma.org/english/human_r.html) pada 25 Mei 2012. Disebut sebagai Adnan Tinarlioğlu. *Human rights violations against BAV*.

<sup>46</sup> harunyahya.com. (2008). *Psychological Warfare Techniques Employed Against Adnan Oktar*. Didapatkan Mei 6, 2010, daripada Psychological Warfare Methods: <http://psychologicalwarfaremethods.com/>.

bukti (*the evidence shown individually in the evidence section*)<sup>47</sup>. Bagi tuduhan penyalahgunaan sumber pendapatan BAV, tuduhan tersebut terbukti tidak benar oleh hasil siasatan yang dilakukan oleh Suruhanjaya Siasatan Jenayah Kewangan Turki (MASAK). Tiga laporan berasingan dikeluarkan oleh MASAK menyatakan bahawa semua sumber pendapatan BAV adalah sah dan tidak menyalahi undang-undang<sup>48</sup>. Namun, pada Mei 2008, Mahkamah Tinggi Rayuan Bahagian Jenayah Kelapan telah mengubah keputusan mahkamah sebelum ini dengan menyabitkan Harun Yahya sebagai bersalah kerana telah menubuahkan dan mengurus organisasi untuk tujuan jenayah dan dijatuhi hukuman penjara selama tiga tahun<sup>49</sup>. Selain Harun Yahya, turut ditahan ialah Uğur Örmen, Alev Ulaşoğlu, Hatice Tijen Özdemir, Fırat Develioğlu, Ferhat Terkoğlu dan Ersin Alacadağ. Keputusan tersebut sekaligus telah menolak kesemua enam keputusan mahkamah lain sebelum ini yang mendapati tiada sebarang bukti kukuh yang dapat mengaitkan Harun Yahya dengan tuduhan tersebut<sup>50</sup>. Mahkamah yang sama kemudiannya telah membebaskan mereka pada awal tahun 2010 setelah menukar keputusan dan memperakui keputusan Mahkamah Jenayah Tinggi Kedua Istanbul sebelum itu<sup>51</sup>.

Selain tuduhan mahkamah, beliau juga ditohmah dengan pelbagai dakwaan lain. Beliau dituduh telah mengaku dirinya sebagai Imam Mahdi. Beliau menolak tuduhan tersebut dan menyatakan tuduhan tersebut mungkin disebabkan buku yang ditulisnya mengenai persoalan Imam Mahdi. Bukunya itu memperincikan keadaan fizikal Imam Mahdi berdasarkan hadith-hadith Rasulullah s.a.w dan perincian disalahertikan sebagai kononnya Harun Yahya cuba menyatakan bahawa dirinya merupakan Imam Mahdi. Beliau menjelaskan sebagaimana berikut,

<sup>47</sup> *Ibid.*

<sup>48</sup> Laporan MASAK Report No. GKR.2000.22.173/MUT bertarikh 27 Julai 2000; Report No. GKR.2000-22/11 bertarikh 21 Disember, 2000, dan report No. GKR.2001-22-173/MUT bertarikh 16 Julai, 2001. Lihat *Ibid.*

<sup>49</sup> T. Edis, (2008). Harun Yahya's legal troubles. *Reports of the National Center for Science Education*, 28(3), 4-5.

<sup>50</sup> Adnan Tinarlioğlu. *Human rights violations against BAV*.

<sup>51</sup> Yargıtay, Adnan Oktar hakkındaki mahkûmiyet kararını bozdu. (2010, Februari 5). Didapatkan Mei 24, 2012, daripada Zaman Online.

*"There is a rumor that has been going round for a long while that I have claimed to be the Mahdi. The reason for that is that I have written a book on that subject. I have cited all the relevant hadith in that book. They said that I had described myself, that the information about the Mahdi in the hadith was the same. As a result, [they said] you are claiming to be the Mahdi. They say that his forehead is broad, and your forehead is broad, too. That his brow is curved, and your brow is also curved. They say that the Mahdi has a small nose, and a big body. He is a Sayyid of medium height, they say. He has a mole on his cheek, and one on his back. Because you have all these characteristics, you are probably claiming to be the Mahdi. But if everyone who writes a book [on the End Times] were to claim to be the Mahdi, and as there have been at least fifty to sixty books on the Mahdi published in Turkey and as they have all written about him in the same terms, those authors must also have such a claim. In fact, they do maintain that those people have been making such a claim. Therefore, they say, you must be the Mahdi. There is a writer called Mustafa Kaplan. They also say that he claims to be the Mahdi, as he has also written a book on this subject. You are probably the Mahdi, they say to him. That is inaccurate. No claims can be made regarding the Mahdi. Nobody can claim to be the Mahdi. Nobody can say I am the Mahdi. Identification with the Mahdi can only be measured in terms of success. In other words, a figure will emerge and will be successful. From his success the conclusion may be drawn that he is the Mahdi. Even if the Mahdi were to appear, we could never say for certain that he was the Mahdi. We can only have a good perception of him. We can only say that he is probably the Mahdi. The Mahdi himself will never claim to be the Mahdi. He cannot say that. He will not say that. That is haram [not permissible]. He would be apostatized if he were to say such a thing."*<sup>52</sup>

Beliau sekali lagi menolak dakwaan tersebut apabila ditanya sekali lagi mengenai perkara berikut dengan kenyataannya,

*"The Mahdi is an individual entity who also has his own community. Said Nursi also says that. He says that no matter how few their numbers they will be spiritually strong and worthy. Our Prophet (s.a.ws) also states that his community will be very small. They will number around 300 people, they are a small community, he says. Their suspicions may perhaps have been raised by my strong focus on this subject of the Mahdi being a person described in detail. Their suspicions may have been aroused by my writing a book on the subject. I cannot and do not make such a claim, such a claim in terms of religious belief. In other words, I am not saying I am the Mahdi."*<sup>53</sup>

---

<sup>52</sup> H. Yahya, (2007, Ogos 6). An interview with Mr. Adnan Oktar by Al Jazeera TV. (A. J. TV, Penemu duga) Didapatkan Mei 22, 2012, [http://www.harunyahya.com/en/works/5270/An\\_interview\\_with\\_Mr\\_Adnan\\_Oktar\\_by\\_Al\\_Jazeera\\_TV\\_\(Istanbul\\_-\\_August\\_6\\_2007\).](http://www.harunyahya.com/en/works/5270/An_interview_with_Mr_Adnan_Oktar_by_Al_Jazeera_TV_(Istanbul_-_August_6_2007).) daripada

H. Yahya, (2007, Disember 20). An interview with Mr. Adnan Oktar by Vatan TV. (V. TV, Penemu duga) Didapatkan Mei 22, 2012, [daripada](#)

## **2.5 SUMBANGAN DAN KARYA**

Sumbangan Harun Yahya terhadap masyarakat dibuat menerusi penubuhan sebuah yayasan penyelidikan, memberikan ceramah yang disiarkan menerusi laman sesawangnya, dan penulisan dan penerbitan buku pelbagai tema.

Pada tahun 1990, Adnan Oktar telah menubuhkan *Bilim Araşturma Vakfi* (BAV) (Yayasan Penyelidikan Sains), sebuah organisasi bukan kerajaan di Istanbul, Turki. Objektif penubuhannya adalah sebagai wadah bagi mewujudkan persekitaran hidup dunia yang aman, sejahtera dan penuh kasih sayang. Kajian dan penyelidikan yang dijalankan bukan hanya tertumpu kepada masalah-masalah berkaitan Turki semata-mata tetapi turut merangkumi bahagian lain dunia. Namun, tumpuan lebih diberikan terhadap kawasan Timur Tengah dan Asia Tengah memandangkan pelbagai konflik yang berlarutan sejak berdekad-dekad lalu. Selain itu, BAV juga ditubuhkan bagi menyampaikan maklumat mengenai kepincangan dan bahaya teori evolusi Darwinisme yang ditunjangi fahaman Materialisme.

Aktiviti utama BAV adalah menghasilkan aktiviti-aktiviti saintifik bertujuan membangkitkan kesedaran masyarakat tentang kepaluan dan kejahatan yang tersembunyi di sebalik ideologi-ideologi yang menjadi punca utama kepada kepincangan dunia pada hari ini. Lebih dua ribu tiga ratus program saintifik telah diadakan di seluruh Turki yang dihadiri pelbagai lapisan masyarakat tempatan, termasuklah presiden, menteri-menteri kabinet, kepemimpinan tertinggi tentera Turki dan ahli-ahli politik, selain daripada kalangan awam. BAV juga telah menganjurkan kira-kira tiga ratus seminar dan persidangan di luar negara seperti di Amerika

Syarikat, United Kingdom, Kanada, Pakistan, Israel, Indonesia, Malaysia, Jepun, Singapura dan Kazakhstan<sup>54</sup>.

BAV mempunyai hubungan aktif dengan *Institute of Creation Research* (ICR) di Amerika Syarikat. Sejarah hubungan ICR dengan penubuhan BAV dapat dijejak dengan laporan terhadap Darwinisme yang diketuai Menteri Pendidikan Turki, Vehbi Dinçerler, pada tahun 1985. Adem Tatlı bertanggungjawab dalam menulis laporan tersebut yang kemudiannya diedarkan ke pelbagai institusi pendidikan. Arthur M. Shapiro, Professor Evolusi dan Ekologi di Universiti California, Davis dan anggota *National Center for Science Education* (NCSE), menyatakan bahawa Vehbi telah membuat panggilan telefon ke ICR di San Diego dan meminta bahan-bahan berkaitan ‘*creationism*’ yang mungkin bersesuaian untuk “diterjemahkan dan diedarkan di Turki”. Shapiro juga mendakwa laporan oleh Tatlı merupakan “kitar semula hujah-hujah ICR, tetapi dengan memencilkan kenyataan utama para fundamentalis Kristian berkaitan umur dunia. Menurutnya lagi, seperti yang dijangkakan laporan tersebut merumuskan bahawa teori evolusi telah diubahsuai dan disalahguna oleh para saintis dan masih diajar hanya kerana nilai ideologi Marxismenya. Laporan Tatlı itu kemudiannya disebar luaskan oleh para ahli politik Islam Turki dalam bentuk risalah bertajuk ‘*Evolution, a Bankrupt Theory*’. Selain itu, hubungan BAV dengan ICR dibuktikan oleh Shapiro yang menyatakan bahawa ceramah dan majlis penerangan BAV yang telah diadakan di enam puluh buah bandar di Turki sekitar Ogos 1998 hingga Mei 1999 telah menjemput beberapa tokoh *creationism* Amerika Syarikat daripada ICR seperti John D. Morris, Duane Gish, Carl Fliermans, David Menton, Edouard Boudreaux, Michael Girouard and Kenneth Cummings<sup>55</sup>. John D. Morris<sup>56</sup> juga mengakui bahawa pihak ICR menyokong aktiviti

<sup>54</sup> About the SRF. (2011). Didapatkan Disember 20, 2010 dari Science Research Foundation: <http://www.srf-tr.org/about.htm>.

<sup>55</sup> M. Iqbal, (2009). Darwin's shadow: Context and reception in the Muslim world. *Islam & Science*, 7(1), 9-50.

BAV dengan menghantar maklumat dan bahan berkaitan antievolusi. BAV membaca bahan-bahan tersebut dan menyatakan semula dalam konteks Turki<sup>57</sup>.

Selain itu, Harun Yahya juga menulis artikel dan memberikan ceramah. Laman sesawang merupakan antara platform utama beliau menyampaikan idea dan pengetahuan yang dimilikinya iaitu menerusi <http://www.harunyahya.com>. Selain itu, temubual dan wawancara bersama beliau turut boleh diikuti di <http://en.harunyahya.tv> yang topik perbincangannya berkisar kepada tema-tema penulisan karyanya yang menentang teori evolusi Darwinisme dan temu bual yang pernah dibuat Harun Yahya dengan pelbagai stesen televisyen dan radio Turki dan antarabangsa. Melalui medium ini, beliau dapat menyebarkan idea dan fikrahnya ke seluruh dunia memandangkan laman sesawang ini dapat dilayari segenap lapisan masyarakat dunia.

Harun Yahya juga telah menghasilkan kira-kira dua ratus dua puluh tujuh<sup>58</sup> buah buku dengan pelbagai tema, meliputi gerakan Freemason, evolusi, alam tabi'i, akhlak dan sebagainya. Beliau telah menghasilkan sebanyak tiga puluh empat<sup>59</sup> buah buku yang khusus berkaitan dengan tema evolusi Darwinisme. Antara karya utama dalam tema tersebut ialah:

### **1) *Yaratılış Atlası (Atlas Penciptaan)***

Buku ini terdiri daripada tiga jilid. Jilid pertamanya yang berbahasa Turki telah diterbitkan pada Ogos 2006, jilid kedua pada Februari 2007 dan jilid terakhir pada Mei 2007. Ianya mengandungi pelbagai gambar fosil, maklumat mengenainya dan waktu fosil tersebut ditemui. Rekod-rekod fosil yang ditunjukkan di dalam buku ini bertujuan untuk membuktikan bahawa kehidupan di dunia ini merupakan ciptaan

<sup>56</sup> John D. Morris (lahir tahun 1946) merupakan anak kepada ‘bapa sains penciptaan’ Amerika Syarikat, Henry Morris. John Morris menjadi Presiden ICR selepas kematian bapanya pada tahun 1996.

<sup>57</sup> R. Koenig, (2001). Creationism takes root where Europe, Asia meet. *Science*, 1286-1287. Didapatkan Oktober 20, 2012, daripada <http://www.sciencemag.org/content/292/5520/1286.full>.

<sup>58</sup> Dimuat turun daripada [http://www.harunyahya.com/en.m\\_book\\_index.php?cId=0](http://www.harunyahya.com/en.m_book_index.php?cId=0) pada 20 Disember 2010.

<sup>59</sup> Dimuat turun daripada [http://www.harunyahya.com/en.m\\_book\\_index.php?cId=76](http://www.harunyahya.com/en.m_book_index.php?cId=76) pada 20 Disember 2010.

Allah dan teori evolusi Darwinisme adalah salah. Jilid pertama buku ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris, Czech, Jerman, Sepanyol, Perancis, Hindi, Indonesia dan Itali, manakala jilid kedua pula diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris, Jerman, Sepanyol, Perancis dan Hindi. Jilid ketiga buku ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris, Jerman, dan Perancis.

## **2) *Evrim Aldatmacası* (Penipuan Evolusi)**

Buku ini telah diterbitkan pertama kali pada September 1997 di dalam bahasa Turki. Kandungannya memaparkan tentang kesalahan-kesalahan yang terkandung di dalam teori evolusi Darwinisme melalui pembuktian berdasarkan penemuan-penemuan sains. Ianya turut menyingkap hakikat sebenar teori evolusi tersebut yang bertunjang pada falsafah Materialisme, falsafah yang menolak peranan Tuhan dalam kehidupan di dunia. Ia telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa termasuklah bahasa Inggeris, Perancis, Czech, Indonesia, Malaysia, Cina, dan sebagainya.

## **3) *Hayatin Gerçek Kökeni* (Penipuan Darwinisme)**

Buku ini yang diterbitkan pertama kali pada Februari 2000 di dalam bahasa Turki, merupakan cabaran saintifik paling komprehensif terhadap Darwinisme yang pernah dihasilkan Harun Yahya. Ia menjelaskan secara terperinci penemuan dalam tempoh dua dekad terakhir ini yang bertentangan dengan asas teori evolusi itu sendiri. Cabang-cabang sains yang berkaitan dengan teori evolusi seperti paleontologi, biokimia, genetik populasi, anatomi perbandingan, dan biofizik, menunjukkan bahawa proses-proses semula jadi dan kesan kebetulan tidak dapat menjelaskan tentang kehidupan, sebagaimana yang dinyatakan oleh teori evolusi.

## **4) *Darwin'i Yılan Kafatasları* (Tengkorak yang Menghancurkan Darwinisme)**

Buku ini sebuah karya Harun Yahya yang menerangkan mengenai hakikat penciptaan manusia yang bukan berasal dan berevolusi daripada beruk. Penyiasatan saintifik ke atas tengkorak manusia dan beruk yang dijalankan menunjukkan bahawa beruk dan manusia tidak datang daripada moyang yang sama (common ancestor), dan beruk tidak berevolusi berubah menjadi manusia, sebagaimana yang didakwa oleh teori evolusi. Ia telah diterbitkan dalam bahasa Turki buat pertama kalinya pada Januari 2008 dan turut diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris.

Buku-bukunya yang lain dalam tema teori evolusi Darwinisme termasuklah;

1. *Darwinizm İle İlmi Mücadelenin Önemi* (Perjuangan Intelektual Menentang Darwinisme)
2. *Darwinistler Neleri Düştürmezler?* (Apakah yang Gagal Dipertimbangkan oleh Pendokong Darwinisme?)
3. *Tarihi Bir Yalan Kabataş Devri* (Zaman Batu: Satu Pembohongan Sejarah)
4. *Darwin'in Anlayamadığı Kambriyen* (Bukti Cambrian yang Darwin Gagal Fahami)
5. *Darwin Amca Biz Hiç Değişmedik* (Pakcik Darwin, Kita Tidak Pernah Berubah)
6. *Darwinizm Nasıl Bir Açmaz?* (Bagaimanakah Sikap Darwinisme Terhadap Sel?)
7. *Darwinstlerin Bilmek İstemedikleri Gerçekler* (Fakta Yang Tidak Ingin Diketahui oleh Golongan Darwinisme)
8. *Darwin Bu Gerçekleri Bilmiyordu* (Darwin Tidak Mengetahu Fakta Ini)
9. *Kuşların ve Uçuşun Kökeni* (Asal-usul Burung dan Penerbangan)

dan banyak lagi.

Buku-bukunya bertemakan teori evolusi Darwinisme merupakan penulisan bersifat ilmiah yang sarat dengan bukti-bukti dan penemuan-penemuan saintifik hasil kajian dan penyelidikan saintis-saintis seantero dunia yang diadun dan disesuaikan dengan kenyataan-kenyataan al-Quran dan hadith-hadith Nabi Muhammad s.a.w. Hasil penulisannya boleh dimuat turun secara percuma dalam bentuk fail berformat *Microsoft Word* atau fail PDF di <http://www.harunyahya.com/list/type/1/name/Books/>.

## 2.6 KESIMPULAN

Suasana persekitaran hidup Harun Yahya pada awal usianya banyak mempengaruhinya dan menjadi faktor utama kepada bermulanya usaha-usaha beliau dalam mengkaji dan mengkritik teori evolusi Darwinisme. Meskipun dibesarkan dalam keluarga yang sekular namun kesedaran yang timbul menyebabkan beliau mendekati, mempelajari seterusnya mendalam pelbagai ilmu-ilmu Islam.

Pelbagai cabaran dan dugaan yang diterima tidak membuatkan Harun Yahya patah semangat, sebaliknya menjadikan beliau seorang yang tabah, matang dan semakin giat menghasilkan pelbagai karya dan tulisan dalam usaha beliau melaksanakan dakwah di jalan Allah. Konspirasi-konspirasi yang dikenakan terhadap beliau tidak melemahkan beliau dan BAV, tetapi sebaliknya membuatkan lebih banyak pihak menghormati dan menyanjungi beliau atas usaha yang beliau lakukan. Disebabkan aktiviti-aktiviti tersebut jugalah menyebabkan pelbagai pihak khususnya daripada kalangan pendokong evolusionisme melakukan pelbagai serangan dan tohmahan terhadap dirinya.

Dalam hubungan BAV dengan ICR, kerjasama tersebut tidak mempunyai masalah kerana sememangnya Islam dan Kristian mempunyai persamaan dalam beberapa perkara terutamanya berkaitan penciptaan alam kerana kedua-duanya

merupakan agama *samāwi*<sup>60</sup>. Dalam konteks ini, meskipun hujah-hujah Harun Yahya dan BAV mirip hujah-hujah kalangan agamawan Kristian khususnya ICR tetapi beliau tetap meletakkan asas-asas hujah beliau dengan kenyataan dan prinsip Islam melalui ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah. Selain itu, beliau menggunakan kajian dan data-data saintifik saintis yang terkemuka dan ahli dalam bidang mereka khususnya saintis Eropah yang diakui dan diiktiraf oleh komuniti sains. Melalui cara ini, beliau telah menjimatkan banyak masa, tenaga dan wang untuk melakukan kajian tersebut sendiri. Selain itu, Harun Yahya dan BAV menggunakan hujah-hujah tersebut untuk membuktikan kelemahan dan kepincangan teori evolusi Darwinisme dalam kerangka sains Barat itu sendiri. Pendekatan berkenaan merupakan sesuatu yang relevan khususnya dalam menjelaskan realiti sebenar teori evolusi Darwinisme kepada masyarakat bukan Islam Barat. Penghujahan berdasarkan bukti dan data saintifik serta penggunaan logik dan rasional akal memudahkan penerimaan masyarakat Barat serta membolehkan mereka menilai kritikan Harun Yahya secara rasional. Selain itu, pengkaji juga yakin beliau mempunyai barisan penasihat dari kalangan ahli sains dalam BAV yang membantunya dalam kritikan sainsnya itu seperti Dr. Oktar Babuna.

Dalam masa yang sama, dalil-dalil *naqli* digunakan dalam menerangkan mengenai hakikat dan fenomena penciptaan alam. Secara tidak langsung, pendekatan ini dapat menarik minat kalangan bukan Islam dan sekular untuk mendekati dan memahami Islam. Selain itu, penghujahan secara logik dan rasional akal adalah selari dengan seruan dan anjuran Islam yang menyeru umatnya untuk berfikir mengenai

---

<sup>60</sup> Antara persamaan tersebut ialah alam ini dicipta oleh Allah, semua hidupan dicipta oleh Allah dan sebagainya. Persamaan ini bukan suatu perkara yang menghairankan kerana kedua-dua agama ini merupakan agama samawi yang diturunkan oleh Allah. Perbezaan yang timbul wujud disebabkan oleh tafsiran kalangan agamawan Kristian yang bercanggah dengan penemuan-penemuan sains seperti tafsiran paderi Kristian bahawa bumi ini berusia enam ribu tahun.

ciptaan Allah<sup>61</sup>. Namun, kaedah seperti ini disanggah oleh sesetengah sarjana Muslim lain yang menyatakan cara ini merupakan pengulangan atau penyalinan kepada kenyataan pihak Kristian<sup>62</sup>.

Akhirnya, kajian ini telah mengenangkan latar belakang Harun Yahya, cabaran yang diharunginya dan sumbangannya dalam usahanya mengkritik teori evolusi Darwinisme. Bab berikutnya akan memaparkan mengenai latar belakang ringkas pengasasnya, Charles Darwin dan teori evolusi Darwinisme, sejarah perkembangan ringkas, prinsip dan mekanisme teori tersebut. Di samping itu, ianya juga akan memaparkan secara ringkas interaksi umat Islam dengan teori tersebut ketika peringkat awal kemasukan teori itu ke Dunia Islam.

---

<sup>61</sup> Lihat Abdul Halim Ibrahim. (2010). Protein: Tinjauan awal hujah-hujah penolakan oleh Harun Yahya terhadap teori evolusi Darwinisme. *Prosiding Seminar Islam, Sains dan Teknologi: Kupasan beberapa isu semasa* (hlm. 23-38). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya & Yayasan Ilmuwan.

<sup>62</sup> Muzaffar Iqbal menyifatkan pendekatan ini telah digunakan oleh kalangan sarjana Islam yang membincangkan mengenai teori evolusi iaitu menggunakan bukti-bukti saintifik yang serupa akibat kedangkalan pemahaman berkaitan sains. Lihat M. Iqbal, (2010). Darwin's shadow: Evolution in an Islamic mirror. *Islam & Science*, 8(1).

## **BAB TIGA:**

### **TEORI EVOLUSI DARWINISME: LATAR BELAKANG RINGKAS**

### **PERKEMBANGAN, PRINSIP DAN MEKANISME UTAMANYA**

#### **3.1 PENDAHULUAN**

Istilah evolusi didefinisikan sebagai proses perubahan dan perkembangan secara beransur-ansur<sup>1</sup>. Evolusi juga boleh ditakrifkan sebagai perubahan yang boleh dicerap atau boleh disimpulkan; atau proses perubahan secara berterusan dalam suatu tempoh masa panjang diperlukan untuk menghasilkan suatu siri transformasi<sup>2</sup>.

Pada abad ke-18, istilah evolusi bermaksud peringkat-peringkat yang dilalui sesuatu organisma hidup dalam proses tumbesarnya yang bermula daripada peringkat telur hingga menjadi dewasa. Istilah evolusi tersebut membawa konotasi perkembangan dalam satu jangka hayat perkembangan satu individu<sup>3</sup>. Namun, istilah evolusi dalam dunia biologi moden kini lebih sinonim dengan teori yang dikemukakan oleh Charles Darwin pada tahun 1859; juga dikenali sebagai teori evolusi Darwinisme<sup>4</sup>. Teori evolusi ini diterima dengan mudah oleh sebahagian besar sarjana Inggeris abad ke-19 khususnya dalam bidang sains.

Bab ini memperihalkan latar belakang ringkas Charles Darwin sebagai pelopor teori evolusi Darwinisme, sejarah ringkas perkembangan teori tersebut sejak zaman Yunani-Romawi sehingga era Charles Darwin, prinsip dan mekanisme utama teori tersebut, dan senario umat Islam pada awal kemasukan teori tersebut ke Dunia Islam. Bab ini bertujuan untuk memenuhi objektif kedua kajian iaitu memaparkan sejarah perkembangan teori evolusi Darwinisme dan prinsip dan mekanisme asas teori tersebut.

---

<sup>1</sup> Cambridge advanced learner's dictionary. Cambridge: Cambridge University Press, hlm. 483.

<sup>2</sup> D. J. Futuyma, (1979). *Evolutionary biology*. Massachusetts: Sinauer Associates., hlm. 7.

<sup>3</sup> G. Beer, (2000). *Darwin's plot: Evolutionary narrative in Darwin, George Elliot and nineteenth-century fiction*. Cambridge: Cambridge University Press., hlm. 11.

<sup>4</sup> Pengkaji menggunakan istilah evolusi Darwinisme bagi membezakannya dengan evolusi-evolusi yang dikemukakan oleh tokoh lain seperti Lamarck dan sebagainya.

### 3.2 LATAR BELAKANG RINGKAS CHARLES DARWIN

Charles Darwin atau nama penuhnya Charles Robert Darwin dilahirkan pada 12 Februari 1809 di Shrewsbury, England. Anak kelima daripada enam orang adik beradik hasil perkahwinan Robert<sup>5</sup> dan Susannah Darwin<sup>6</sup>. Charles Darwin merupakan cucu kepada Erasmus Darwin<sup>7</sup> (1732-1802), seorang tokoh terkemuka era *Enlightenment* Inggeris. Charles Darwin dilahirkan dalam keluarga yang menganut Kristian Protestan<sup>8</sup>.

Darwin memulakan pendidikan rendahnya pada usia lapan tahun di Shrewsbury. Pada usia 16 tahun, Darwin melanjutkan pelajarannya di Universiti Edinburgh dalam bidang perubatan. Pada tahun kedua pengajiannya, Darwin menyertai *Plinian Society*<sup>9</sup>, sebuah kelab berkaitan sejarah alam tabii. Pada masa inilah Darwin mula berdamping rapat dengan Robert Grant<sup>10</sup>. Selepas dua sesi pengajian, bapanya menyedari yang Darwin tidak berminat dalam bidang perubatan, lalu menggalakkannya meneruskan pengajian sebagai bakal paderi. Darwin memasuki *Christ's College*, Universiti Cambridge pada tahun 1828<sup>11</sup> dan mengikuti pengajian tersebut selama tiga tahun. Pada 27 Disember 1831, Darwin mengikuti ekspedisi pelayaran kapal HMS *Beagle* diketuai oleh Kapten Robert FitzRoy<sup>12</sup>. Ekspedisi tersebut belseyar ke kawasan Atlantik, Amerika Selatan, Pasifik (termasuk

<sup>5</sup> Robert Waring Darwin (1766-1848) merupakan seorang pengamal perubatan. Robert memperoleh ijazah kedoktorannya (M.D.) daripada Universiti Leyden. Ayahnya Erasmus menghantarnya ke Shrewsbury ketika usianya hampir 20 tahun. Robert berkahwin dengan Susannah pada 18 April 1796. Robert meninggal dunia pada 13 November 1848. Lihat F. Darwin, (Ed.). (1887). *The life and letters of Charles Darwin* (Vol. I). London: John Murray., hlm. 8.

<sup>6</sup> Susannah Darwin (1765-1817) merupakan anak sulung kepada Josiah Wedgwood, pengusaha industri pembuatan tembikar yang juga rakan baik Erasmus Darwin. Susannah meninggal dunia pada Julai 1817 ketika Darwin berusia lapan tahun. Lihat C. Darwin, (1958). *The autobiography of Charles Darwin*. London: Collins., Hlm. 22.

<sup>7</sup> Erasmus Darwin merupakan seorang doktor, saintis, pemuisi dan ahli evolusi. Darwin menyampaikan idea-idea sains dan evolusinya melalui puisi. Antara karyanya ialah *The Botanic Garden* (1791), *Zoonomia* (1794-96), dan *The Temple of Nature* (1803).

<sup>8</sup> M. Pallen, (2009). *The rough guide to evolution*. New York: Rough Guides., hlm. 15. Selepas ini disebut sebagai M. Pallen, (2009). *The rough guide to evolution*.

<sup>9</sup> Kelab yang dipercayai diasaskan oleh Profesor Jameson (1774-1854) pada tahun 1823. Kelab ini dibubarkan pada tahun 1848. Lihat C. Darwin, (1958). *The autobiography of Charles Darwin*, hlm. 50.

<sup>10</sup> Robert Edmund Grant (1793-1894), profesor perbandingan anatomji dan zoologi di Universiti London. Robert Grant juga seorang ahli evolusi yang menerangkan kepada Darwin ketika berada di Kolej Universiti, London. Dr. Grant selalu membawa Darwin menghadiri perjumpaan *Wernerian Society* yang menurut Darwin banyak artikel-artikel berkaitan sejarah alam tabii dibentangkan dan diperbahas. Lihat *ibid*, hlm. 49.

<sup>11</sup> Pada mulanya Darwin berasa sangsi untuk mengisyiharkan kepercayaannya kepada semua dogma Gereja England. Lihat *Ibid*, hlm. 57.

<sup>12</sup> Robert-Fitz Roy (1805-1865), laksamana madya, ahli metereologi dan juruhidrografi. Anak kepada Charles Fitz-Roy dan cucu kepada Duke Grafton. Lihat pada nota kaki *ibid*, hlm. 71.

pelayaran ke Galapagos dan Tahiti), New Zealand, Australia, seterusnya merentasi Lautan Hindi, singgah di kepulauan Keeling, Cape Town sebelum kembali ke England dan tiba di Falmouth pada 2 Oktober 1836<sup>13</sup>; membawa pulang beribu-ribu spesimen botani, zoologi dan geologi. Pelayaran tersebut khususnya ketika ekspedisi di kepulauan Galapagos pada September 1835 menjadi pencetus kepada teori evolusi Darwinisme; berdasarkan pemerhatiannya terhadap hidupan eksotik di kepulauan tersebut. Selain daripada memperoleh idea-idea untuk teori evolusinya, Darwin juga menghidap pelbagai penyakit sekembalinya daripada pelayaran itu; penyakit-penyakit yang dideritainya sehingga akhir hayat Darwin.

Pada 24 Januari 1839, Darwin dipilih sebagai anggota *Royal Society*<sup>14</sup> dan kemudiannya berkahwin dengan sepupunya Emma pada 29 Januari 1839. Hasil perkahwinan ini, pasangan tersebut memperoleh sepuluh orang anak. Pada November 1859, bukunya yang paling berpengaruh, *On The Origin of Species; By Means of Natural Selections or Preservation of a Favoured Races in the Struggle for Life* telah diterbitkan di London oleh John Murray dan *The Descent of Man, and Selection in Relation to Sex* pada Februari 1871. Darwin dianugerahkan doktor kehormat oleh Universiti Cambridge pada 17 November 1877<sup>15</sup>. Pada tahun 1879 pula Darwin dianugerah pingat Baley oleh *Royal College of Physicians*<sup>16</sup>. Pada tahun 1881, Darwin diberi penghormatan menghadiri majlis makan malam bersama *Prince of Wales* ketika itu (yang kemudiannya menjadi raja England, Edward VII). Charles Darwin meninggal dunia di rumahnya di Down House, Kent pada petang 19 April 1882. Mayatnya kemudian disemadikan di Westminster Abbey pada 26 April 1882<sup>17</sup>.

<sup>13</sup> F. Darwin (Ed.). (1887). *The life and letters of Charles Darwin* (Vol. I). London: John Murray., hlm. 67.

<sup>14</sup> Royal Society merupakan sebuah akademi sains yang bebas yang dianggotai oleh para saintis terkemuka. Royal Society ditubuhkan secara rasminya pada 28 November 1660 di Gresham College, menjadikannya akademi sains tertua di dunia. Kini, Royal Society beroperasi di Carlton House Terrace dan Kavli Royal Society International Centre. Lihat About us. (2011). Didapatkan dari The Royal Society: <http://royalsociety.org/about-us/?from=homemenu>.

<sup>15</sup> F. Darwin, (Ed.). (1887). *The life and letters of Charles Darwin* (Vol. III). London: John Murray., hlm. 222

<sup>16</sup> Ibid, hlm. 224.

<sup>17</sup> Ibid, hlm. 360.

Latar belakang Charles Darwin ini dimuatkan secara ringkas memandangkan telah terdapat banyak karya yang dihasilkan berkaitan biografinya.

Dalam kajian ini, persoalan utama yang difokuskan ialah mengenai Charles Darwin ialah tentang hubung kait dan pengaruh kepercayaan agamanya dengan teori evolusi yang dikemukakannya itu. Kepercayaan agamanya juga turut mempengaruhi pandangannya terhadap interaksi antara agama dan sains. Darwin merupakan seorang yang mempercayai agama Kristian pada awal usianya, membesar dalam tradisi teologi tabii Inggeris dan menerima pengajian formalnya dalam sejarah alam tabii ketika sedang mengikuti persediaan kepaderian Anglican di Christ's College, Cambridge<sup>18</sup>. Namun, kepercayaannya semakin pudar seiring dengan pertambahan usianya sehingga menjadi seorang agnostik<sup>19</sup>. Dalam konteks ini, sesetengah pihak berpendapat bahawa kematian anak perempuannya, Annie pada 23 April 1851 pada usia sembilan tahun selepas sepuluh bulan menderita kesakitan menjadi penyebab utama kepada lunturnya kepercayaan agama Darwin<sup>20</sup>. Sesetengahnya pula mengatakan Darwin mula meragui tentang kepercayaan agama dan ketuhanan dalam tempoh dua tahun iaitu Oktober 1836 hingga Januari 1839<sup>21</sup>. Darwin mula meragui kepercayaan Kristian setelah melihat terdapat pelbagai kesalahan sejarah dunia yang terkandung di dalam *Old Testament*. Pada tempoh ini juga Darwin mula menolak peranan tuhan dalam mencipta makhluk-makhluk yang penuh dengan kepelbagaian kerana menurutnya alam ini wujud hasil daripada tindakan semula jadi<sup>22</sup>.

<sup>18</sup> Darwin menerima teori sejarah alam tabii daripada William Paley manakala amalinya daripada paderi John Stevens Henslow (botani) dan paderi Adam Sedgwick (geologi). Lihat J. Durant, (1985). Darwinism and divinity: A century of debate. Dalam J. Durant (Ed.), *Darwinism and divinity*. Oxford: Basil Blackwell., hlm. 16.

<sup>19</sup> M. Iqbal, (2008). Darwin's shadow: Context and reception in the Western world. *Islam & Science*, 6(2), 99-152

<sup>20</sup> *Ibid*, hlm. 118.

<sup>21</sup> C. Darwin, (1958). *The autobiography of Charles Darwin*. London: Collins., hlm. 85-96. Lihat juga F. (Ed.). (1887). *The life and letters of Charles Darwin* (Vol. III)., hlm. 304.

<sup>22</sup> C. Darwin, *ibid*. hlm. 87.

Keraguannya pada tuhan juga dapat dilihat melalui suratnya kepada Hooker<sup>23</sup> pada tahun 1871 yang menyatakan bahawa beliau secara peribadinya menyesal dengan kenyataannya sebelum itu kepada masyarakat bahawa tuhanlah yang memberikan nyawa kepada makhluk pertama di dunia<sup>24</sup>. Darwin sendiri mengakui dirinya merupakan seorang agnostik<sup>25</sup>. Darwin menyifatkan kepercayaan agama dalam diri manusia sebagai suatu warisan semata-mata dan semua sifat moral menurutnya merupakan produk daripada proses evolusi<sup>26</sup>. Selain itu, pengkaji melihat hubungan rapatnya dengan Robert Grant pada usia mudanya sedikit sebanyak turut mempengaruhi sikap skeptiknya terhadap kepercayaan agamanya iaitu Kristian. Sikap agnostiknya tersebut dapat dilihat menerusi kronologi surat-surat yang dihantar kepada kenalan rapatnya<sup>27</sup>. Bahkan dalam sepucuk surat, Darwin secara jelas menyatakan bahawa “*I am sorry to have to inform you that I do not believe in the Bible as a divine revelation, & therefore not in Jesus Christ as the son of God*”<sup>28</sup>. Proses penghakisan kepercayaannya itu berlaku secara beransur-ansur sehingga ke akhir hayatnya.

Berdasarkan latar belakang ringkas hidupnya itu, ternyata wujud perkaitan antara kepercayaan agama dengan teori evolusinya itu. Meskipun memperoleh pendidikan kepaderian secara formal, namun ianya tidak mampu menjadikan dirinya sebagai seorang yang beriman dengan agama Kristian tetapi menjadi sebaliknya. Disebabkan kesangsiannya terhadap Tuhan itulah yang menyebabkan teori evolusinya bersifat sekular dan bebas campur tangan Tuhan dan menegaskan bahawa kehidupan wujud disebabkan tindakan semula jadi alam. Kajian ini memaparkan

<sup>23</sup> Joseph Dalton Hooker (1817-1911), seorang ahli botani dan pengembara. Hooker merupakan penyokong kepada teori evolusi Darwin. Pada tahun 1865, Hooker mengantikan bapanya sebagai pengarah *Kew Gardens*. Lihat *ibid*, hlm. 105.

<sup>24</sup> F. Darwin, (Ed.). (1887). *The life and letters of Charles Darwin* (Vol. III.), hlm. 18.

<sup>25</sup> Pengakuan tersebut menerusi surat Charles Darwin kepada J. Fordyce. Lihat Darwin, F. Darwin, (Ed.). (1887). *The life and letters of Charles Darwin* (Vol. I.), hlm 304.

<sup>26</sup> *Ibid*. hlm. 93-94.

<sup>27</sup> F. Darwin, (Ed.). (1887). *The life and letters of Charles Darwin* (Vol. III.), hlm. 117-118

<sup>28</sup> *Ibid*. hlm. 120

secara ringkas latar belakang hidup Charles Darwin memandangkan telah terdapat pelbagai buku yang menyentuh mengenai biografi hidupnya. Bahkan Charles Darwin sendiri turut menerbitkan autobiografinya sendiri. Pengkaji lebih memfokuskan aspek latar belakang pendidikan dan agamanya bagi memahami sebab teori evolusi menjadikan alam tabii dan tindakan semula jadi sebagai asas hujah dan perkaitannya dengan Charles Darwin.

### **3.3 SEJARAH RINGKAS PERKEMBANGAN TEORI EVOLUSI SEHINGGA ZAMAN CHARLES DARWIN**

Pencarian mengenai asal-usul kehidupan di dunia merupakan persoalan dan perbincangan utama di kalangan cendekiawan sejak dahulu lagi seawal era Aristotle<sup>29</sup>. Pelbagai idea dan teori telah dikemukakan oleh artisan dan saintis seawal zaman Yunani bagi menjawab persoalan tersebut, lama sebelum Charles Darwin mengemukakan idea evolusinya pada tahun 1859. Ianya bukanlah hasil kerja seorang individu atau satu generasi tetapi merupakan hasil usaha bersama yang berabad-abad lamanya oleh pelbagai pemikir dan pemerhati serta penguji dari pelbagai iklim<sup>30</sup>. Dalam perbincangan selanjutnya, pengkaji akan membawa sejarah ringkas perkembangan teori evolusi bermula dari zaman Yunani-Romawi sehingga era Charles Darwin.

---

<sup>29</sup> J. A. Thomson, (2009). Darwin's predecessors. Dalam A. C. Seward (Ed.), *Darwin and modern science: Essays in commemoration of the centenary of the birth of Charles Darwin and of the fiftieth anniversary of the publication of the origin of species* (hlm. 3-17). Cambridge: Cambridge University Press., hlm. 1.

<sup>30</sup> Teori evolusi Darwinisme merupakan penyatuan pelbagai aliran pemikiran dari era terawal spekulasi dan kajian saintifik sehingga ke zaman moden. Generasi sebelumnya telah menyediakan kepada generasi moden pelbagai persoalan mengenai alam tabii. Mereka tidak mampu melakukan kajian lebih terperinci disebabkan oleh kekurangan peralatan dan teknologi ketika itu. Lihat J. A. Zahm, (2009). *Evolution and dogma*. Cambridge: Cambridge University Press., hlm. 23-24. Disebut selepas ini sebagai J. A. Zahm, (2009). *Evolution and dogma*.

### 3.3.1 Zaman Yunani-Romawi

Zaman sains Yunani-Romawi berlangsung sekitar 600 tahun sebelum masihi hingga ke tahun 600 masihi<sup>31</sup>. Perbezaan ketara antara era Yunani dengan era Romawi ialah pada pendekatan yang digunakan oleh kedua-dua sarjana dalam menjelaskan fenomena tabii; sarjana-sarjana Yunani menggunakan pendekatan saintifik dalam penjelasan fenomena tabii manakala sarjana-sarjana Romawi menerangkan sesuatu fenomena tabii berdasarkan keterangan mitos dan kepercayaan purba.

Terdapat beberapa teori asal-usul kehidupan signifikan yang pernah dikemukakan sarjana-sarjana Yunani dan Rom yang boleh dibahagikan kepada dua golongan iaitu golongan yang berpegang kepada hidupan terjadi secara semula jadi dan golongan yang berpegang bahawa hidupan merupakan suatu ciptaan. Antara tokoh yang termasuk dalam golongan pertama ialah Thales (625-546 SM). Thales dianggap sebagai pelopor falsafah sains tabii dan konsep sains awal yang rasional kerana penekanannya terhadap penghuraian data empirik dan fenomena tabii rasional berbanding cendekiawan Yunani sebelumnya yang terbelenggu dengan mitos Olympia<sup>32</sup>. Thales dalam konteks pembentukan kehidupan mengemukakan teori semua kehidupan muncul daripada air kerana air merupakan elemen asas dalam setiap hidupan<sup>33</sup>; dikenali sebagai Teori Generasi Spontan (*Spontaneous Generation Theory*). Teori ini digunakan sehingga ditolak sepenuhnya oleh komuniti sains pada awal abad ke-20. Anaximander (611-547 SM) pula menyatakan kehidupan<sup>34</sup>

<sup>31</sup> Sains Yunani-Romawi secara umumnya dibahagikan oleh para saintis dan sejarahwan kepada empat tahap utama; tahap pra-Sakrotik (600-400 SM), tahap kedua (abad keempat sebelum masihi) iaitu pada zaman Aristotes dan Plato, tahap ketiga ialah zaman Hellenistik<sup>31</sup> (300-100 SM) dan tahap keempat pada zaman Romawi (100 SM hingga 600 M). Lihat Hairudin Harun. (2004). *Daripada sains Yunani kepada sains Islam: Peranan dan proses penyerapan sains asing dalam pembentukan sains Islam klasikal*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya., hlm. 39. Disebut selepas ini sebagai Hairudin Harun (2004). *Daripada sains Yunani kepada sains Islam*.

<sup>32</sup> *Ibid.*

<sup>33</sup> Kenyataannya itu berdasarkan kepada pemerhatiannya iaitu makanan semua hidupan merupakan lembapan, dan kehangatan sendiri dijana daripada kelembapan dan ia hidup dengannya. Selain itu, benih (semen) bagi semua benda hidup bersifat lembap. Thales juga menyatakan bahawa bumi terapung di atas air. Lihat W.K.C. Guthrie.,(1962). *A history of greek philosophy*, Vol. I. Cambridge: Cambridge University Press, hlm. 55 dan 59.

<sup>34</sup> Berbeza dengan Thales, Anaximander menyatakan bahawa unsur asas kehidupan bukanlah water atau mana-mana elemen lain tetapi suatu campuran bahan yang berbeza yang tiada sempadan; dinamakannya sebagai *apeiron*. Lihat W.K.C. Guthrie.,(1962). *A history of greek philosophy*, hlm. 76-78.

bermula daripada laut, serta mengatakan bahawa semua haiwan darat termasuk manusia berubah daripada bentuk ikan<sup>35</sup>. Empedocles (493-433 SM) pula berpendapat bahawa haiwan-haiwan yang wujud kini berasal daripada kombinasi organ-organ dalaman dan luaran yang pada asalnya terdiri daripada pelbagai bahagian badan secara rawak. Haiwan-haiwan yang muncul dengan kombinasi yang tidak sesuai akan mengalami kemerosotan dan mati manakala yang sesuai terus hidup, mengalami perubahan bagi disesuaikan dengan persekitaran dan akhirnya wujud sebagai haiwan yang diketahui sekarang<sup>36</sup>. Meskipun Empedocles mempercayai abiogenesis, namun idea dan ajarannya mengenai alam tabii lebih hampir dengan teori evolusi Darwinisme berbanding tokoh-tokoh Yunani sebelumnya. Empedocles telah mengenalpasti perkembangan berperingkat hidupan peringkat rendah kepada lebih tinggi dan mengajar bahawa tumbuhan muncul lebih dahulu sebelum haiwan<sup>37</sup>. Idea ini disokong dan disebarluaskan oleh Lucretius (99-55 SM)<sup>38</sup>, penulis sajak epik *On the Nature of Things*. Lucretius menyatakan bahawa dunia ini terdiri daripada material secara eksklusif, hanya gabungan atom-atom dan merangkumi kepada persoalan roh; dunia tanpa pencipta<sup>39</sup>.

Golongan kedua merupakan kalangan yang mempercayai bahawa semua hidupan dicipta oleh Tuhan atau kuasa agung. Aristotles (384-322 SM) merupakan sarjana Yunani pertama yang mengkaji tentang alam tabii dan biologi secara saintifik. Aristotles telah memberikan konsep spesies<sup>40</sup> serta mengklasifikasikan haiwan berdasarkan morfologi dan cara hidup. Aristotles juga menempatkan hidupan

<sup>35</sup> Anaximander menyatakan bahawa hidupan muncul hasil daripada penyejatan elemen lembap oleh matahari. Embrio manusia pula dinyatakannya sebagai bertumbesaran di dalam tubuh ikan atau makhluk seperti ikan, dan kemudiannya membentuk lelaki dan wanita yang sempurna. Lihat W.K.C. Guthrie, (1962). *A history of Greek philosophy* (Vol. I). Cambridge: Cambridge University Press., hlm.102-104. Lihat juga D. M. Borchert, (Ed.). (2006). *Encyclopedia of philosophy* (2nd ed., Vol. 3). Thomson Gale., hlm. 486.

<sup>36</sup> M. Pallen, (2009). *The rough guide to evolution.*, hlm.4

<sup>37</sup> J. A. Zahm, (2009). *Evolution and dogma.*, hlm. 26.

<sup>38</sup> *Ibid.*

<sup>39</sup> D. Swift, (2002). *Evolution: Under the microscope.*, hlm. 61.

<sup>40</sup> Aristotles menyatakan "spesies sebagai hidupan tabii yang membiak sama jenis dengannya" (*being natural kinds which reproduce true to type*). Lihat *ibid*,hlm. 59.

dalam suatu hierarki (*scala naturae*) atau Rantaian Hidupan (*Chain of Being*)<sup>41</sup>.

Aristotles berpegang teguh bahawa teleleologi merupakan kunci utama dalam mengkaji hidupan. Oleh sebab itu, Aristotles menyatakan bahawa semua kejadian dan hidupan di dunia ini digerakkan oleh Penggerak Utama (*Prime Mover*) atau Penyebab Utama (*First Cause*). Kepelbagaiannya struktur dalaman dan luaran haiwan dilihatnya sebagai bukti bahawa haiwan-haiwan itu dicipta bersesuaian dengan fungsi dan peranan masing-masing<sup>42</sup>.

Galen (129-199 M), seorang pakar perubatan Rom yang mempercayai bahawa hidupan-hidupan di dunia dicipta, bukan terjadi secara sendiri. Galen sepandapat dengan Aristotles bahawa organ-organ dan anggota-anggota badan haiwan dan manusia dicipta bagi memenuhi fungsi dan peranan masing-masing. Pihak gereja memuji pandangan teleologinya itu meskipun Galen bukan seorang pengikut Kristian<sup>43</sup>. Cicero (106-43 SM), seorang negarawan dan penulis Rom menyatakan bahawa semua hidupan di alam ini dicipta dan tidak terjadi secara sendirinya; sebagaimana sebuah patung dibentuk oleh pembuatnya dan tidak terjadi secara sendiri<sup>44</sup>. Pliny *the Elder* (23-79 M)<sup>45</sup> pula telah menghasilkan karya bertajuk *Natural History* yang menjadi rujukan sehingga abad ke-12 masihi. Pliny turut berpegang bahawa alam tabii dicipta oleh tuhan<sup>46</sup>. Walau bagaimanapun, karyanya yang berkaitan alam tabii itu bercampur aduk dengan mitos dan idea-idea yang tidak logik. Hal ini berlaku kerana sikapnya yang mudah mempercayai dan tidak kritikal terhadap sesuatu kenyataan<sup>47</sup>.

---

<sup>41</sup> Aristotles meletakkan hidupan paling ringkas seperti cacing dan lalat pada kedudukan terbawah hierarki dan manusia pada puncaknya. Aristotles melihat hierarki ini pemeringkatan tahap kompleksiti dan kesempurnaan sesuatu hidupan. Lihat *ibid.* hlm. 59-60.

<sup>42</sup> J. A. Zahm, (2009). *Evolution and dogma.*, hlm. 26.

<sup>43</sup> *Ibid.* hlm. 61.

<sup>44</sup> *Ibid.*

<sup>45</sup> Pliny merupakan seorang yang sangat meminati perkara-perkara berkaitan fenomena alam tabi'i. Pliny mati ketika melakukan pemerhatian terhadap letusan gunung berapi Vesuvius yang memusnahkan Pompeii. D. Swift, (2002). *Evolution: Under the microscope.*, hlm. 8.

<sup>46</sup> *Ibid.* hlm.62.

<sup>47</sup> *Ibid.* hlm. 7-8.

### 3.3.2 Zaman Pertengahan / Kristian

Sarjana Barat moden melihat era Kristian dan dominasi gereja ini sebagai zaman kemerosotan sains. Teologi Kristian merupakan penanda aras dan neraca bagi semua bentuk pengetahuan termasuk sains pada ketika itu. Pandangan Kristian mengenai alam tabii meliputi alam ini dicipta oleh Tuhan, wujudnya alam roh atau spiritual di samping alam jasmani / fizikal dan semua hidupan dicipta dengan rupa dan bentuk sedia ada sejak awal penciptaan; sebagaimana yang diceritakan di dalam Genesis, Bible<sup>48</sup>. Namun, terdapat pelbagai kenyataan dalam Kristian yang bertentangan dengan fenomena alam dan penemuan sains, menyebabkan berlakunya konflik antara institusi agama (Kristian) dan sains. Selain itu, rasionaliti sains Yunani terdahulu diketepikan pada era ini oleh teologi Kristian yang lebih bersifat kebatinan atau mistikal<sup>49</sup>. Tindakan gereja menghukum pandangan sains yang bertentangan dengan gereja menjadikan keadaan semakin parah. Antara pandangan kontroversi gereja ialah bumi merupakan paksi alam, umur bumi berusia enam ribu tahun<sup>50</sup>, dan banyak lagi. Keadaan itu semakin buruk dengan kemunculan kelompok-kelompok era

---

<sup>48</sup> Sebagai contohnya, keterangan Bible mengenai kejadian alam sebagaimana yang terdapat dalam Bible versi *New International Version*, fasal Genesis, bab 1, ayat 20-27:

<sup>20</sup> *And God said, “Let the water teem with living creatures, and let birds fly above the earth across the vault of the sky.”*

<sup>21</sup> *So God created the great creatures of the sea and every living thing with which the water teems and that moves about in it, according to their kinds, and every winged bird according to its kind. And God saw that it was good.*

<sup>22</sup> *God blessed them and said, “Be fruitful and increase in number and fill the water in the seas, and let the birds increase on the earth.”*

<sup>23</sup> *And there was evening, and there was morning—the fifth day.*

<sup>24</sup> *And God said, “Let the land produce living creatures according to their kinds: the livestock, the creatures that move along the ground, and the wild animals, each according to its kind.” And it was so.*

<sup>25</sup> *God made the wild animals according to their kinds, the livestock according to their kinds, and all the creatures that move along the ground according to their kinds. And God saw that it was good.*

<sup>26</sup> *Then God said, “Let us make mankind in our image, in our likeness, so that they may rule over the fish in the sea and the birds in the sky, over the livestock and all the wild animals,<sup>lwl</sup> and over all the creatures that move along the ground.”*

<sup>27</sup> *So God created mankind in his own image, in the image of God he created them; male and female he created them.*

*Genesis 1 (New International Version).* (2011). Didapatkan Februari 29, 2012 dari BibleGateway.com: <http://www.biblegateway.com/passage/?search=Genesis%201&version=NIV>.

<sup>49</sup> Hairudin Harun (2004). *Daripada sains Yunani kepada sains Islam*, hlm. 39.

<sup>50</sup> Usia ini dikemukakan oleh Bishop James Ussher yang menyatakan bahawa Tuhan mencipta syurga dan bumi pada 23 Oktober 4004 SM dalam *Annales Veteris et Novi Testamenti (The Annals of the Old Testaments)* yang diterbitkan di London. Saintis Barat mempercayai kiraan tersebut sehingga pada abad kelapan belas. Lihat D. Linder, (2004). *Bishop James Ussher sets the date for creation.* Didapatkan dari The Scopes Trial: An Introduction: <http://law2.umkc.edu/faculty/projects/trials/scopes/ussher.html>.

*Reformation* yang berpegang kepada pengertian tekstual Bible semata-mata seperti Luther dan Melanchton<sup>51</sup>.

Selain sikap gereja, kecelaruan dalam konsep ketuhanan Kristian dan teks Bible turut menyebabkan timbul pelbagai pandangan yang saling bertentangan dalam perkara-perkara fenomena alam tabii. Contohnya ialah berkenaan pencipta sebenar alam sama ada alam ini dicipta oleh Tuhan Bapa, *Jesus Christ*, Roh Kudus, ataupun ketiga-tiganya sekali<sup>52</sup>. Dalam konteks berkaitan kewujudan haiwan-haiwan buas dan berbisa, sarjana Kristian menyatakan bahawa sifat ganas dan bisa yang dimiliki haiwan-haiwan tersebut disebabkan oleh dosa yang dilakukan Adam a.s. kerana memakan buah terlarang di syurga<sup>53</sup>; satu kenyataan pelik yang tidak dapat diterima oleh para saintis.

Namun, terdapat juga hasil-hasil kerja awal agamawan Kristian yang mengandungi idea evolusi ketika abad kelima dan ketiga belas masihi iaitu Saint Augustine dan Thomas Aquinas. Augustine mentafsirkan kisah penciptaan alam yang terkandung di dalam Bible dengan menyatakan bahawa ketika tumbuhan dan haiwan dicipta, Tuhan telah memasukkan ke dalam bumi tenaga atau potensi penting bagi membolehkan penghasilan hidupan-hidupan lain melalui proses semula jadi. Augustine juga menyatakan bahawa bumi merupakan pemberi kehidupan kerana Tuhan telah memberikan bumi kuasa untuk menjana bentuk-bentuk hidup secara evolusi semula jadi<sup>54</sup>.

---

<sup>51</sup> A.D. White, (2002). *History of the warfare of science with theology in Christendom*, hlm. 118.

<sup>52</sup> Lihat *ibid*, hlm. 11.

<sup>53</sup> Antara yang berpegang teguh dengan kenyataan tersebut ialah St. Augustine, Peter Lombard, John Wesley, Dr. Adam Clarke dan Dr. Richard Watson. Walaubagaimanapun, kenyataan tersebut bersalah dengan rekod arkeologi yang menunjukkan kewujudan haiwan-haiwan tersebut lama sebelum kehadiran manusia di muka bumi. Lihat *ibid*, hlm. 21.

<sup>54</sup> K. A. Kennedy, (1985). The dawn of evolutionary theory. Dalam L. R. Godfrey (Ed.), *What Darwin began: Modern Darwinian and non-Darwinian perspectives on evolution* (hlm. 3-23). Boston: Allyn & Bacon., hlm. 4.

### **3.3.3 Zaman Kegemilangan Islam**

Tamadun Islam disifatkan sebagai penyelamat khazanah pengetahuan dan ilmu tamadun Yunani, melalui usaha-usaha para pemerintah dan cendekiawan Muslim seperti menerusi kegiatan penterjemahan. Kegiatan penterjemahan berlaku secara sistematik, tersusun dan berterusan sejak abad kelapan hingga abad kesebelas<sup>55</sup>. Biologi merupakan antara ilmu-ilmu tamadun Yunani yang diselamatkan tamadun Islam. Kegiatan penterjemahan telah bermula sejak sebelum tertegaknya kerajaan Abbasiyyah. Namun, kegiatan itu bersemarak pada kerajaan Abbasiyyah kerana pemerintah-pemerintah Abbasiyyah menaja dan menyediakan sumber-sumber yang diperlukan bagi kegiatan penterjemahan manuskrip-manuskrip asing ke dalam bahasa Arab secara sistematik dan berterusan. Aktiviti ini turut memperkaya bahasa Arab dengan penciptaan istilah-istilah baharu oleh ahli filologi<sup>56</sup>, membawa masuk sejumlah besar data saintifik dan falsafah ke dalam tamadun Islam, menyesuaikan idea-idea dan teori-teori asing dengan Islam, dan membangunkan tradisi saintifik Islam<sup>57</sup>.

Kerancakan perkembangan sains dalam tamadun Islam disebabkan sifat Islam itu sendiri. Islam merupakan agama yang mempunyai keharmonian dengan alam tabii. Alam tabii dalam kerangka ilmu Islam merupakan *al-āyah* yang perlu dihayati dan direnungi mengenai kekuasaan Allah, di samping al-Quran. Penerangan Al-Quran berkaitan alam tabii selari dengan keterangan dan penemuan sains. Al-Quran menerangkan alam tabii ini suatu sistem yang sofistikated yang saling berhubungan, konsisten, seragam, dan entiti yang aktif, yang bergantung kepada Allah sebagai Pencipta dan Pentadbir, berfungsi dengan melaksanakan dan menurut segala arahan-

---

<sup>55</sup> Kegiatan ini menjadi lebih sistematik dan mendapat sokongan pemerintah daripada segi pentadbiran dan kewangan selepas penubuhan kota Baghdad oleh Abu Ja'far al-Mansur. *Ibid.* hlm. 27

<sup>56</sup> Hairudin Harun (2004). *Daripada sains Yunani kepada sains Islam*, hlm. 59.

<sup>57</sup> *Ibid.* hlm. 28

Nya<sup>58</sup>. Justeru, pengajian berkaitan alam tabii dalam tamadun Islam merupakan pengajian yang tidak terpisah daripada Islam. Alam tabi'i ini bukan sahaja hanya dicipta Allah tetapi Allah juga mentadbir dan meneruskan kesinambungan alam ini dengan sifat *Rahmān*-Nya<sup>59</sup> sebagai lambang kasih sayang-Nya.

Idea berkaitan evolusi dalam biologi telah dikemukakan oleh beberapa cendekiawan Muslim seperti al-Nazzam, tetapi idea ini dikemukakan secara sistematik dan saintifik buat pertama kalinya oleh al-Jāhīz. Ideanya itu didakwa turut mempengaruhi teori evolusi Darwinisme<sup>60</sup>. Al- Jāhīz mengemukakan idea evolusi hidupan menerusi kitab utamanya iaitu *Kitāb al-Hayawān* secara saintifik berserta data-data empirik. *Kitāb al-Hayawān* menjadi rujukan sarjana-sarjana Muslim kemudiannya dalam bidang zoologi<sup>61</sup>. Secara umumnya, al- Jāhīz menyatakan bahawa proses evolusi berlaku menerusi tiga mekanisma; persaingan (*struggle for existence*), transformasi spesies-spesies antara satu sama lain, dan faktor-faktor persekitaran. Idea-idea ini sampai kepada dunia Barat apabila kitab-kitab cendekiawan Muslim tersebut diterjemahkan oleh sarjana-sarjana Barat ke dalam bahasa-bahasa Eropah<sup>62</sup>. Contohnya, kitab al-Damīri, *Nuzhat al-Qulūb* yang mengandungi banyak bahagian yang dipetik daripada *Kitāb al-Hayawān* diterjemahkan ke dalam bahasa Latin oleh Abraham Eehellensis dan diterbitkan di Paris pada tahun 1617 dengan tajuk *De Proprietatibus et Virtutibus Medicis*

<sup>58</sup> Gambaran yang diberikan al-Quran berbeza dengan gambaran yang diberikan golongan material yang menyifatkan alam ini sebagai entiti berkeupayaan sendiri (*self-subsisting*), mentadbir sendiri (*autonomous*), dan rawak (*random*). Lihat M. Iqbal, (2009). *The making of Islamic science*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust., hlm. 7.

<sup>59</sup> Alam ini dicipta dan ditadbir Allah berdasarkan peraturan-Nya (*Sunnatullah*) yang tetap dan tidak berubah. Oleh itu, Allah sebagai Pentadbir alam bukan merupakan suatu perkara yang membinaaskan (menurut sangkaan dan kefahaman Barat tentang konsep ketuhanan). Keseluruhan pandangan al-Quran mengenai alam tabi'i ini, boleh disimpulkan atas tiga konsep yang saling berhubungan iaitu keesaan Allah (*Tawhid*), perintah-Nya (*Amr*), dan ketentuan dan keseimbangan-Nya (*Qadr* dan *Mizan*). Lihat *ibid*. hlm.8-10.

<sup>60</sup> M. Bayrakdar, (1953). Al-Jahiz and the rise of biological evolution. *Journal of the Faculty of Divinity of Ankara University*, 27, 307-315., hlm. 307-315.

<sup>61</sup> Antara yang menjadikan *Kitab al-Hayawan* sebagai rujukan utama dalam penulisan mereka ialah Zakariyya al-Qazwini dengan kitabnya 'Ajaib al-Makhlumat, Mustawfi al-Qazwini (*Nuzhat al-Qulub*), dan al-Damiri (*Hayat al-Hayawan*). Lihat *ibid*. hlm. 309.

<sup>62</sup> Lihat ulasan Dr. Mehmet Bayrakdar pada nota kaki dalam *ibid*.

*Animalium*<sup>63</sup>. Perbezaan utama teori evolusi kemukaan al- Jāḥiẓ ini dengan teori evolusi Darwinisme ialah daripada aspek ideologi; al- Jāḥiẓ menegaskan bahawa Allah sebagai faktor penyebab utama yang membenarkan berlakunya evolusi, terutamanya transformasi sesuatu spesies kepada spesies yang lain<sup>64</sup>, manakala faktor-faktor lain merupakan faktor-faktor sekunder<sup>65</sup>. Darwin pula menyatakan bahawa evolusi berlaku secara semula jadi dan rawak tanpa peranan Tuhan.

Selain daripada al- Jāḥiẓ, idea evolusi makhluk turut dikemukakan oleh suatu kumpulan falsafah agama rahsia yang dikenali sebagai *Ikhwān al-Safa*<sup>66</sup>. Ia menyatakan bahawa terdapat dua bahan asli iaitu asap dan lumpur meliputi empat unsur utama iaitu api, udara, air dan tanah. Kesemua unsur tersebut bergabung lalu menghasilkan mineral, tumbuh-tumbuhan dan haiwan. *Ikhwān al-Safa* menyusun segala yang wujud di bumi ini menurut hierarki; bermula dengan kerajaan mineral di bawah sekali. Mineral muncul hasil penggabungan empat unsur utama. Substrata tertinggi kerajaan mineral berhubungan dengan kerajaan tumbuh-tumbuhan pada strata kedua. Tumbuh-tumbuhan muncul melalui asimilasi yang menjadikan tumbuh-tumbuhan berkemampuan untuk tumbuh. Peringkat tertinggi kerajaan tumbuh-tumbuhan pula berhubungan dengan kerajaan haiwan dengan manusia berada pada puncaknya yang berada pada kedudukan antara haiwan di bahagian bawahnya dengan malaikat di sebelah atasnya. Haiwan sebagaimana tumbuh-tumbuhan berkemampuan untuk tumbuh dan mempunyai kemampuan pula untuk penginderiaan

---

<sup>63</sup> Lihat *ibid.* hlm. 313-314.

<sup>64</sup> *Ibid.* hlm. 311.

<sup>65</sup> *Ibid.* hlm. 313.

<sup>66</sup> Suatu kumpulan falsafah agama rahsia yang muncul pada zaman Buwaih pada era khilafah Bani Abbasiyyah. Kumpulan ini muncul di Basrah dan merupakan cabang daripada Syi'ah Isma'iliyyah. Antara tokoh-tokoh yang terlibah dengan kumpulan *Ikhwān al-Safa* ini ialah Sulaiman al-Busti (al-Muqaddasi), Abu al-Hassan al-Zanjani, Abu Ahmad al-Nahrajuri (Mihrajani), al-'Aifi, dan Zaid bin Rifa'a. Kumpulan ini telah menghasilkan kira-kira lima puluh dua risalah yang meliputi ilmu-ilmu falsafah Arab abad kesepuluh seperti astrologi dan matematik. Bagi menjamin kerahsiaan, kumpulan ini mengadakan pertemuan di sebuah pondok rahsia pada waktu-waktu yang telah ditetapkan. Lihat M. Fakhry, (1993). *Sejarah falsafah Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka., hlm. 197-200.

dan daya gerak. Manusia pula mempunyai semua kemampuan terbabit dan berkelebihan dengan kemampuannya untuk berbicara dan membuat pilihan<sup>67</sup>.

*Ikhwān al-Safa* menyusun kemunculan makhluk-makhluk dalam suatu kronologi semacam yang dikemukakan teori evolusi Darwin. Haiwan-haiwan yang primitif dan ringkas mendahului haiwan-haiwan yang lebih sempurna kerana haiwan-haiwan ringkas memerlukan jarak waktu yang lebih pendek untuk berkembang berbanding haiwan-haiwan yang lebih sempurna. Selain itu, *Ikhwān al-Safa* turut menyatakan haiwan-haiwan di laut muncul terlebih dahulu sebelum haiwan-haiwan di darat kerana air muncul sebelum tanah, dan lautan wujud dahulu sebelum keringnya daratan pada awal penciptaan. Kewujudan tumbuh-tumbuhan adalah sebagai persiapan sebelum munculnya haiwan dan ketibaan manusia setelah kemunculan tumbuhan dan haiwan berlaku selepas asas bagi kehidupan manusia telah tersedia<sup>68</sup>. Namun, *Ikhwān al-Safa* tidak menyatakan berlakunya perubahan bentuk daripada satu spesies menjadi spesies lain sebagaimana yang dinyatakan oleh golongan Darwinisme sebaliknya *Ikhwān al-Safa* menyatakan organisma yang lebih rendah peringkatnya muncul mendahului organisma yang lebih sempurna dan kompleks kerana kemunculan organisma ringkas tersebut sebagai persiapan dalam menyediakan keadaan yang kondusif sebelum tibanya organisma yang lebih kompleks. Begitu juga halnya perlu wujud keadaan yang kondusif bagi kehidupan manusia sebagai organisma termaju di muka bumi dengan wujudnya tumbuhan dan haiwan terlebih dahulu.

Hierarki peringkat makhluk ini sebenarnya telah lama diteliti oleh para sarjana Islam. Antaranya ialah sebagaimana yang disebutkan Ibn Miskawayh di dalam kitabnya *al-Fauz al-Asghār*;

---

<sup>67</sup> Ibid, hlm. 209.

<sup>68</sup> Ibid, hlm. 210.

“Adapun hubungan alam ciptaan yang kita katakan mengalir hikmah di dalamnya, sehingga apabila ternyata ada hikmah tersebut dan jelas suatu pentadbiran yang rapi daripada pihak yang Maha Esa pada keseluruhan alam itu; sehingga peringkat terakhir dari suatu jenis (strata makhluk) bersambung dan berhubung dengan peringkat awal dari jenis yang lain, sebagaimana beberapa biji manik yang tersusun baik, sehingga menghasilkan seutas kalung, maka itulah yang kita tegaskan sebagai yang menunjukkan dalil bantuan Allah.”<sup>69</sup>

Ibn Khaldūn ada menyebutkan perkara tersebut di dalam kitabnya

*Muqaddimah Ibn Khaldūn;*

“Kemudian cuba perhatikan alam ciptaan, bagaimana ia bermula dari jenis galian, kemudian alam tumbuhan, kemudian alam haiwan dalam susunan yang indah. Strata terakhir dari alam galian (pepejal), bersambung dengan titik awal dari peringkat alam tumbuhan seperti rumput, dan segalanya yang tidak bertelur dan tidak beranak. Titik terakhir dari alam tumbuhan seperti pohon kurma dan tamar bersambung dengan titik awal alam haiwan seperti kerang dan siput yang hanya mempunyai daya sentuhan sahaja. Hal ini membawa makna bahawa kesinambungan dalam kejadian atau penciptaan tersebut kerana titik terakhir dari zon setiap alam tadi mempunyai persediaan yang unik untuk meningkat menjadi titik awal strata alam selepasnya. Alam haiwan berkembang dan spesiesnya membiak. Peringkat kejadiannya berakhir kepada alam manusia yang mempunyai akal fikiran.”<sup>70</sup>

Fenomena ini sebenarnya mempunyai satu hakikat penerangan yang dapat dilihat dan disaksikan yang masih terus berlaku sejak zaman-berzaman, yang masih berlaku dikaji dan diperkatakan oleh semua yang berakal lebih-lebih lagi oleh pengkaji dan penyelidik. Hakikat ini tiada kaitannya langsung dengan apa yang diandaikan oleh golongan Darwinisme yang menyatakan bahawa setiap spesies itu lahir melalui proses evolusi daripada spesies yang lebih rendah sebelumnya, sama ada dinisbahkan kepada kejadian manusia atau kejadian lain. Hipotesis Darwinisme tersebut adalah hipotesis karut yang tiada asas padanya. Justeru, dakwaan orientalis

---

<sup>69</sup> *Ibid*, hlm. 271.

<sup>70</sup> Petikan dari kitab *Muqaddimah Ibn Khaldūn* yang dipetik oleh M. S. Al-Buti, (1997). *Kubra al-yaqiniyyat al-kawniyyah: Wujud al-khaliq wa wazifah al-makhluq*. Damsyik: Dar al-Fikr., hlm. 270-271.

Barat yang menyatakan bahawa sarjana Islam telah mendahului Darwin dengan teorinya dan dengan itu mendokong kebatilan Darwin adalah tidak benar<sup>71</sup>.

### 3.3.4 Zaman Renaissance

Zaman Renaissance merupakan zaman kebangkitan masyarakat Eropah keluar daripada Zaman Kegelapan. Zaman ini juga menandakan era perubahan pandang alam masyarakat Barat dalam melihat alam tabii ini yang selama ini dikongkong oleh doktrin Kristian kepada idea-idea yang bersifat mekanikal dan fizikal hingga timbulnya falsafah mekanikal yang menyifatkan alam semesta ini beroperasi seperti sebuah jam; alam beroperasi secara sendiri selepas dicipta oleh Tuhan. Tuhan pula disifatkan seperti pembuat jam (*watchmaker*). Falsafah mekanikal berkehafaman bahawa alam ‘jam’ ini boleh diuraikan, dicerap, difahami dan digunakan<sup>72</sup>. Pada awalnya, kebanyakan sarjana Barat masih menyandarkan pandangan mereka dengan kekuasaan Tuhan, sama ada sebagai Pencipta, Penyebab Utama (*Divine Cause*) atau sebagai Penggerak Utama (*Prime Mover*). Zaman ini jugalah berlakunya tiga ‘letutan’ besar dalam dunia sains sehingga mengubah pandang alam manusia sebelum ini<sup>73</sup>. Teleleogi dan penjelasan teleologikal mengenai sesuatu fenomena tabii pada zaman ini mula diberikan pertimbangan secara skeptik<sup>74</sup>.

Saintis Barat yang dianggap sebagai pencetus revolusi sains ialah Copernicus (1473-1543). Ideanya berkenaan teori heliosentrik (matahari sebagai pusat alam) telah mencabar teori geosentrik (bumi sebagai pusat alam) gagasan Aristotle dan Ptolemy yang merupakan pegangan rasmi pihak gereja. Walau bagaimanapun,

<sup>71</sup> *Ibid*, hlm. 271-272.

<sup>72</sup> M. Iqbal, (2008). Darwin's shadow: Context and reception in the Western world. *Islam & Science*, 6(2), 99-152.

<sup>73</sup> Chris Fleming and Jane Goodall dalam mengulas perkara tersebut telah memetik kenyataan Sigmund Freud yang menyatakan bahawa letutan pertama merupakan kenyataan bahawa bumi bukanlah pusat alam semesta sebagaimana yang diyakini sebelum itu tetapi hanyalah merupakan bahagian kecil daripada sistem kosmik yang sangat luas. Kenyataan ini dikaitkan dengan Copernicus. Letutan kedua ialah apabila kajian biologi menolak kedudukan istimewa manusia sebagaimana menurut kepercayaan agama dan menunjukkan bahawa manusia berasal daripada haiwan dan mempunyai sifat haiwan; kajian biologi yang disandarkan kepada Darwin. Letutan ketiga ialah kenyataan Sigmund Freud yang menyatakan bahawa ego itu tidak dikawal oleh manusia. Lihat C. Fleming, & J. Goodall, (2002). Dangerous Darwinism. *Public Understanding of Science*, 11, 259-271.

<sup>74</sup> F. J. Soontjens, (1991). Evolution: Teleology or chance? *Journal for General Philosophy of Science / Zeitschrift für allgemeine Wissenschaftstheorie*, 22(1), 133-141. Didapatkan Oktober 27, 2011, daripada <http://www.jstor.org/stable/25170904>.

Copernicus terselamat daripada tindakan gereja Katolik kerana beliau merupakan tokoh Katolik dan karyanya yang kontroversi, ‘*De Revolutionibus Orbium Coelestium* (Revolusi Sfera Cakerawala) hanya dicetak selepas kematiannya<sup>75</sup>. Galileo Galilei (1564-1642) merupakan pendokong idea Copernicus yang telah membuktikan kepincangan teori geosentrik menerusi kaedah matematik dan kaedah cerapan teleskop. Disebabkan percanggahan pegangannya dengan pegangan pihak gereja Katolik, buku-buku tulisannya telah diharamkan dan Galileo dikenakan tahanan rumah sehingga kematiannya<sup>76</sup>. Walau bagaimanapun, Galileo bukanlah seorang saintis yang menolak agama dan Tuhan kerana Galileo mempercayai bahawa wujud dua jenis kitab suci iaitu kitab suci tekstual (*the book of scripture*) dan kitab alam (*the book of nature*)<sup>77</sup>.

Kemuncak revolusi sains berlaku pada era Isaac Newton (1642-1727). Meskipun Newton tidak menolak peranan Tuhan dan agama, namun idea mekaniknya terhadap alam ini telah mengubah pandangan manusia terhadap alam dan fungsi Tuhan<sup>78</sup>. Newton menyatakan bahawa alam ini sebagai sebuah jentera ciptaan Tuhan<sup>79</sup>. Falsafah mekanikal Newton menyatakan bahawa Tuhan merupakan tukang pertama pembuat jentera tersebut dan penggeraknya buat pertama kali. Jentera itu kemudian beroperasi secara sendiri secara tetap tanpa sebarang campur tangan Tuhan. Konsep ini dikenali sebagai hukum alam yang sama (*uniformity of nature*)<sup>80</sup>. Dalam konteks ini, meskipun Newton tidak mempersoalkan tentang Tuhan sebagai Arkitek alam semesta, namun beliau telah memperkenalkan hukum semula

<sup>75</sup> Abdul Rahman Hj. Abdullah. (2010). *Wacana falsafah sains: Sejarah dan pemikiran*. Pulau Pinang: Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Sains Malaysia., hlm. 68. Disebut selepas ini sebagai Abdul Rahman Hj. Abdullah (2010). *Wacana falsafah sains*.

<sup>76</sup> Galileo dihukum pada tahun 1633 kerana kenyataanya bahawa matahari pusat alam dan bumi beredar mengelilinginya; kenyataan yang bertentangan dengan pegangan gereja. Galileo dikenakan tahanan rumah oleh pihak gereja. Lihat P. Halsall, (1999, January). *The crime of Galileo: Indictment and abjuration of 1633*. Didapatkan Oktober 28, 2011, daripada Modern History Sourcebook: <http://www.fordham.edu/halsall/mod/1630galileo.html>.

<sup>77</sup> M. Z. Kirmani, (2006). Religion and science debate: Islamic perspective. *Journal of Islamic Science*, 22(1-2), 91-103. Selepas ini disebut sebagai M. Z. Kirmani, (2006). Religion and science debate: Islamic perspective.

<sup>78</sup> Abdul Rahman Hj. Abdullah (2010). *Wacana falsafah sains*, hlm. 117.

<sup>79</sup> M. Z. Kirmani, (2006). Religion and science debate: Islamic perspective.

<sup>80</sup> Abdul Rahman Hj. Abdullah (2010). *Wacana falsafah sains*, hlm. 72.

jadi (*natural laws*) dan menjadikannya sebagai penggerak kepada operasi alam semesta selepas diciptakan; dalam erti kata lain, hukum tabii menjadi penyebab kedua selepas Tuhan<sup>81</sup>.

Konflik yang timbul tersebut telah menyebabkan wujudnya persepsi negatif kalangan saintis terhadap ajaran gereja. Kegagalan pihak gereja mentafsirkan teks-teks Bible berkaitan fenomena tabii; tafsiran yang berasaskan makna literal, menjadikan doktrin Kristian berkenaan alam bertentangan dengan penemuan-penemuan saintifik yang ditemui. Pendokong sains melihat segala yang terkandung dalam teks-teks agama (dalam konteks ini agama Kristian) adalah tidak logik dan tidak relevan sehingga beberapa orang ahli falsafah Barat telah mengisyiharkan sebenarnya tiada Tuhan yang wujud di alam ini seperti Friedrich Nietzsche, seorang tokoh falsafah Jerman<sup>82</sup>. Auguste Comte (1798-1837), ahli falsafah Perancis abad ke-19 menyifatkan kemunculan sains dan penyingkirkan agama dan kepercayaan daripada hidup manusia menandakan masyarakat telah berevolusi dan berubah daripada tahap primitif kepada tahap yang lebih maju<sup>83</sup>. Akhirnya, konflik yang berpanjangan ini telah membawa kepada lahirnya fahaman sekularisme dalam masyarakat Barat.

Proses pensekularan berlaku dalam segenap inci sistem kehidupan masyarakat Barat meliputi sistem sosial, ekonomi, politik, dan ajaran Kristian itu sendiri. Ketika inilah berlakunya perubahan dalam kerangka sains dunia; sains yang epistemologinya berteraskan ketuhanan berubah kepada sains yang sekular dan materialistik. Hakikat kebenaran sesuatu perkara menurut sains Barat hanya

---

<sup>81</sup> D. W. Swift,(2002). *Evolution under the microscope.*, hlm. 33-34.

<sup>82</sup> Sebagaimana yang dinukilkan oleh Syed Muhammad al-Naquib al-Attas. Lihat Syed Muhammad al-Naquib al-Attas (1978). *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia., hlm. 2. Disebut selepas ini sebagai Syed Muhammad al-Naquib al-Attas (1978). *Islam and Secularism*.

<sup>83</sup>Auguste Comte merupakan antara tokoh terkenal dalam aliran empirisisme dan saintisme khususnya dalam falsafah positivisme. Comte terkenal dengan sistem tiga zamannya iaitu sejarah manusia bermula dengan tahap teologi, kemudiannya tahap metafizik dan akhirnya tahap positif; manusia tidak lagi memerlukan agama dan andaian rasional tetapi mencukupi dengan pengalaman positif melalui pancaindera. Lihat *ibid*, hlm. 1, dan Abdul Rahman Hj. Abdullah.(2010). *Wacana falsafah sains*, hlm. 73.

ditentukan melalui data-data empirikal dan pencerapan pancaindera semata-mata. Sains ini; dikenali juga sebagai sains moden, telah menyingkirkan agama dan metafizik<sup>84</sup> daripada sistem epistemologinya dan melahirkan pelbagai teori yang berasaskan kerangka epistemologi tersebut termasuklah teori evolusi Darwinisme. Sesetengah sarjana Barat menyatakan bahawa hanya selepas penolakan terhadap entiti bukan fizikal sebagai penyebab sesuatu fenomena tabii barulah sains fizik berkembang maju<sup>85</sup>.

Dalam konteks perbincangan asal-usul kejadian hidupan di alam ini oleh Barat, khususnya dalam aspek biologi evolusi, pelbagai teori telah dikemukakan oleh beberapa saintis Barat yang akhirnya disempurnakan di tangan Charles Darwin. Justeru, teori evolusi Darwin bukanlah gagasan idea Darwin sepenuhnya tetapi merupakan suatu kompilasi kepada satu siri idea evolusi oleh tokoh-tokoh sebelumnya. Antaranya ialah Buffon, Geoffroy St. Hilaire, Erasmus Darwin dan Lamarck.

### **3.3.5 Teori Evolusi Pra-Darwinisme Abad ke-18 dan ke-19.**

Buffon<sup>86</sup> dalam memperkatakan tentang evolusi khususnya dalam ketermutasian spesies (*mutability of species*) telah menyatakan bahawa khinzir (contoh yang dibawanya) tidak dibentuk sebagai suatu spesies dalam bentuk tulen, istimewa dan sempurna tetapi merupakan gabungan daripada binatang-binatang lain kerana terdapat bahagian-bahagian tubuh khinzir itu yang tidak berguna dan tidak boleh

---

<sup>84</sup> Metafizik disifatkan oleh pemikir-pemikir Barat sebagai panduan yang tidak diperlukan dan mengelirukan dalam membawa kepada realiti dan kebenaran yang perlu disingkirkan daripada kerangka sains kerana metafizik; yang bersifat kebenaran-kebenaran dan realiti-realiti spiritual tidak dapat diukur dan dibuktikan menerusi pancaindera. Lihat *ibid*, hlm. 35.

<sup>85</sup> Golongan terabit mendakwa bahawa menjadikan entiti bukan fizikal sebagai penyebab sesuatu fenomena tabii menyebabkan tidak perlu kajian dan penyelidikan lanjut bagi mengkaji fenomena tersebut. Lihat J. V. Rooijen, (1987). *Interactionism and evolution: A critique of Popper*. *The British Journal for the Philosophy of Science*, 38(1), 87-92.

<sup>86</sup> Nama penuhnya ialah George Louis Leclerc, Comte de Buffon. Buffon dilahirkan di Montbard, Burgundy pada tahun 1707 dan meninggal dunia pada tahun 1788 pada usia 81 tahun di Paris. Buffon dilahirkan dalam keluarga kaya. Ayahnya seorang ahli majlis Parlimen Burgundy. Lihat A. S. Packard, (1901). *Lamarck the founder of evolution: His life and work*. Dodo Press., hlm. 171. Disebut selepas ini sebagai A. S. Packard, (1901). *Lamarck the founder of evolution*.

digunakannya<sup>87</sup>. Buffon turut menyatakan bahawa pengubahsuaian binatang (*modification of animals*) berlaku disebabkan tiga faktor iaitu iklim, makanan dan pembelajinakan<sup>88</sup>. Persamaan yang wujud dalam spesies-spesies tropika barat dan timur menurut Buffon berlaku disebabkan penyesuaian haiwan-haiwan tersebut dengan iklim kawasan terbabit. Antara idea evolusi terpenting Buffon ialah teorinya mengenai keturunan haiwan. Haiwan-haiwan yang wujud dalam Dunia Baru, menurut Buffon, berasal daripada moyang yang sama daripada Dunia Lama, tanpa berlaku sisihan daripada tindakan kebiasaan alam tabi'i. Namun, wujud perbezaan antara kedua-duanya disebabkan jarak masa yang besar di samping kesan iklim sekeliling yang turut berubah menyebabkan spesies-spesies tersebut berkembang dengan lebih kecil. Buffon menegaskan bahawa alam tabi'i berada dalam keadaannya yang sentiasa berubah-ubah dan bergerak. Persaingan untuk terus wujud (*struggle for existence*) menurut Buffon terjadi bagi mengelakkan keadaan yang terlalu sesak dan mewujudkan keseimbangan alam tabii<sup>89</sup>. Menurutnya lagi, spesies yang paling tidak sempurna, paling lemah, paling besar dan berat, paling pasif dan sebagainya, telah pun hilang atau akan hilang<sup>90</sup>.

Seterusnya ialah Geoffroy St. Hilaire<sup>91</sup>. Geoffroy menyatakan bahawa sesuatu hidupan mengalami perubahan berbanding dengan moyangnya berdasarkan darjah kekuatan kuasa pengubahsuaian (*modifying power*). Menurutnya, perubahan itu berlaku kerana berlakunya perubahan dalam persekitaran bumi dari satu zaman geologi kepada zaman lainnya, perubahan komposisi unsur kimia dalam atmosfera bumi dan perubahan dalam keadaan respirasi<sup>92</sup>. Geoffroy turut menegaskan bahawa spesies-spesies yang wujud kini merupakan warisan daripada rantai generasi yang

<sup>87</sup> *Ibid.* hlm. 173

<sup>88</sup> *Ibid.* hlm. 174

<sup>89</sup> *Ibid.* hlm. 176

<sup>90</sup> *Ibid.* hlm. 177

<sup>91</sup> Nama penuhnya Étienne Geoffroy St. Hilaire. Geoffroy dilahirkan di Étampes pada tahun 1772 dan meninggal dunia di Paris pada tahun 1844. Lihat *ibid.* hlm. 180

<sup>92</sup> *Ibid.* hlm. 182

tidak terganggu daripada hidupan zaman prasejarah yang telah pupus. Meskipun mengakui wujudnya kemungkinan berlaku perubahan daripada suatu bentuk hidupan kepada bentuk yang lain yang terpisah daripada aspek karakteristik, namun Geoffroy menolak idea semua hidupan berasal daripada satu moyang haiwan purba (*d'une espèce antediluvienne primitive*). Di dalam bukunya *Philosophie anatomique*, Geoffroy juga telah menerangkan mengenai doktrin homologi dalam pembentukan morfologi haiwan moden<sup>93</sup>.

Datuk Darwin, Erasmus Darwin<sup>94</sup> turut terlibat dalam menggagaskan idea evolusi. Erasmus Darwin dalam konteks ini telah menyatakan bahawa semua hidupan berasal daripada satu filamen hidup, tetapi dalam konteks ini, filamen hidup itu bukannya sperma kerana Darwin menentang idea tersebut sebagaimana yang dikemukakan dalam teori evolusi Bonnet<sup>95</sup>. Menurutnya, hidupan mengalami perubahan selari dengan peredaran masa<sup>96</sup>. Selain itu, Darwin menyatakan bahawa perubahan berlaku disebabkan faktor perbezaan iklim dan juga musim<sup>97</sup>. Evolusi juga berlaku disebabkan oleh persekitaran; faktor-faktor persekitaran bertindak ke atas hidupan yang memiliki ciri-ciri mudah bertindak balas terhadap rangsangan. Hidupan bertindak balas berdasarkan kehendak (*needs*), keinginan (*desire*) dan kebenciannya (*dislikes*). Hasilnya, karakteristik-karakteristik tubuh yang memenuhi tuntutan hidupan terbabit akan berhasil yang seterusnya diwariskan kepada sebahagian daripada generasi yang berjaya dalam persaingan untuk terus hidup (*struggle for existence*)<sup>98</sup>. Tiga perkara utama pendorong keinginan ialah nafsu (*lust*),

---

<sup>93</sup> *Ibid.* hlm. 183.

<sup>94</sup> Erasmus Darwin, datuk kepada Charles Darwin dilahirkan pada tahun 1731. Darwin merupakan seorang pengamal perubatan Inggeris selama lebih 40 tahun selain menjadi ahli sains, dan penyajak. Erasmus Darwin merupakan lepasan Universiti Cambridge pada tahun 1755. Darwin telah menubuhkan *Philosophical Society, Derby* pada tahun 1784. Antara karya-karyanya ialah *Zoonomia* atau *The Law of Organic Life* yang diterbitkan dalam 2 jilid di London pada 1794-96, *Phytologia* atau *The Philosophy of Agriculture and Gardening* (London, 1799). Lihat *ibid.* hlm 187 dan D. M. Borchert, (Ed.). (2006). *Encyclopedia of philosophy* (2nd ed., Vol. 3). Thomson Gale., hlm. 630-631.

<sup>95</sup> A. S. Packard, (1901). *Lamarck the founder of evolution*, hlm. 187.

<sup>96</sup> D.M. Borchert, (2006). *Ibid.*

<sup>97</sup> A. S. Packard, (1901). *Ibid.*

<sup>98</sup> D. M. Borchert, (Ed.). (2006). *Encyclopedia of philosophy* (2nd ed., Vol. 3). Thomson Gale., hlm. 630-631.

kelaparan (*hunger*), dan keselamatan (*security*)<sup>99</sup>. Fahaman deisme Darwin yang dipegangnya mempengaruhi kenyataannya bahawa Tuhan merupakan Penyebab Pertama Utama (*Great First Cause*); Tuhan memasukkan ruh dan nyawa ke dalam filamen pertama dan memberikannya keupayaan untuk berevolusi<sup>100</sup>.

Individu seterusnya merupakan antara tokoh evolusi terkemuka sebelum Darwin iaitu Lamarck<sup>101</sup>. Lamarck dalam isu evolusi menyatakan bahawa semua hidupan berevolusi daripada kuman-kuman primitif (*ébauches*). Kuman-kuman primitif pertama ini terjadi secara generasi spontan (*spontaneous generation*)<sup>102</sup>. Kuman-kuman ini kemudianya berkembang dengan pembentukan fungsi-fungsi kehidupan dan pergerakan organik yang membawa kepada pembentukan organ-organ awal selepas suatu jangka masa dalam keadaan dan persekitaran yang sesuai. Proses evolusi ini yang melibatkan pembahagian, pembezaan dan regenerasi berterusan sehingga membentuk spesies hidupan yang wujud kini<sup>103</sup>. Selain itu, Lamarck berpegang kepada doktrin berguna atau tidak berguna (*use and disuse*). Lamarck menyatakan bahawa hidupan yang menggunakan sesuatu organnya dengan kerap dan lama menjadikan organ tersebut semakin kuat, sebaliknya organ yang jarang digunakan menjadi semakin lemah dan akhirnya lenyap. Organ-organ berguna ini dipelihara dalam sesuatu spesies melalui pewarisan kepada generasi seterusnya<sup>104</sup>, sebaliknya organ yang tidak berguna akan disingkirkan. Contohnya, ikan-ikan yang hidup di dalam gua-gua laut yang gelap tidak mempunyai mata kerana organ tersebut

<sup>99</sup> A. S. Packard, (1901). *Lamarck the founder of evolution*, hlm. 187.

<sup>100</sup> D. M. Borchert, (Ed.). (2006). *Encyclopedia of philosophy* (2nd ed., Vol. 3).

<sup>101</sup> Nama penuhnya ialah Jean-Baptiste-Pierre-Antoine de Monet, Chevalier de Lamarck, dan dilahirkan pada 1 Ogos 1744 di Bazentin-le-Petit, sebuah perkampungan di Picardy. Lamarck merupakan seorang ahli falsafah zoologi yang pada sepuluh tahun terakhir hayatnya Lamarck telah hilang deria penglibatannya. Pada usianya Lamarck merupakan seorang anggota tentera. Kemudiannya Lamarck melanjutkan pengajiannya dalam bidang perubatan di Paris untuk tempoh empat tahun. Namun, beliau kemudiannya meninggalkan pengajian perubatannya itu dan pada usia 24 tahun, Lamarck menjadi seorang pelajar botani kepada Bernard de Jussieu. Pada usia 50 tahun, Lamarck dilantik sebagai profesor zoologi haiwan invertebrata ketika Perancis dalam huru-hara selepas Revolusi Perancis. Lamarck meninggal dunia pada 28 Disember 1829 di Jardin du Roi. Sepanjang hayatnya, Lamarck telah menghasilkan beberapa karya besar iaitu *Système analytique des animaux sans vertèbres* (Paris, 1801), *Recherches sur l'organisation des corps vivans* (Paris, 1802), dan *Philosophie Zoologique* (2 jilid, 1809-1830, Paris). Lihat A. S. Packard, (1901). *Lamarck the founder of evolution*, hlm. 1-59.

<sup>102</sup> *Ibid.* hlm. 229-230.

<sup>103</sup> *Ibid.* hlm. 230.

<sup>104</sup> *Ibid.* hlm. 236.

tidak berguna dalam persekitaran yang gelap<sup>105</sup>. Spesies mengalami kestabilan relatif kerana sesuatu spesies mengalami perubahan apabila berada dalam persekitaran yang berlainan<sup>106</sup>. Lamarck turut mengemukakan bahawa pembentukan atau perubahan sesuatu organ hidupan dipengaruhi oleh kehendak dan tabiat hidupnya bagi memenuhi keperluannya untuk mendapatkan makanan, memperoleh kenikmatan seksual, mengelakkan kecederaan, dan untuk mendapat kepuasan dan kegembiraan<sup>107</sup>. Contoh dalam konteks ini ialah leher zirafah yang memanjang bagi membolehkannya mencapai dan memakan pucuk-pucuk daun pokok tinggi<sup>108</sup>. Lamarck juga mengemukakan teori keturunan (*theory of descent*) yang mengandungi empat hukum utama di dalam bukunya *Animaux sans Vertèbres*<sup>109</sup>. Charles Darwin menyifatkan kesimpulan yang dibuat oleh Lamarck dalam idea evolusi telah menarik perhatian ramai<sup>110</sup>.

Selain daripada nama-nama di atas, terdapat beberapa lagi individu lain yang melontarkan idea evolusi. Robert Chambers telah menerbitkan sepuluh edisi buku *The Vestiges of the Natural History of Creation* antara tahun 1844 hingga 1853<sup>111</sup>. W.C. Wells dan Patrick Matthew merupakan individu-individu yang menemui mekanisme pemilihan semula jadi sebelum Darwin menemuinya. Wells

<sup>105</sup> K. V. Kardong, (2008). *An introduction to biological evolution* (2nd ed.). New York: McGraw Hill., Hlm. 8.

<sup>106</sup> A. S. Packard, (1901). *Lamarck the founder of evolution.*, hlm. 236-237. Faktor-faktor luaran yang mempengaruhi karakteristik sesuatu spesies menurut Lamarck ialah persekitaran, iklim, tanah, makanan, suhu dan sebagainya. Lihat *ibid*. hlm. 305-307.

<sup>107</sup> *Ibid*. hlm. 283-288.

<sup>108</sup> *Ibid*. hlm. 301.

<sup>109</sup> Empat hukum tersebut ialah:

*Hukum pertama:* Kehidupan secara berterusan cenderung untuk menambah bilangan setiap hidupan dan meningkatkan saiz anggota-anggota tubuhnya sehingga mencapai hadnya. (*First law: Life, by its proper forces, continually tends to increase the volume of every body which possesses it, and to increase the size of its parts, up to a limit which it brings about*).

*Hukum kedua:* Pembentukan organ baru dalam tubuh haiwan terhasil daripada keinginan baru dan pergerakan baru yang membawa kepada pembentukan dan pengekalannya. (*Second law: The production of a new organ in an animal body results from the supervention of a new want (besoin) which continues to make itself felt, and of a new movement which this want gives rise to and maintains*).

*Hukum ketiga:* Perkembangan organ-organ dan keupayaannya bertindak adalah selari dengan penggunaan organ-organ tersebut. (*Third law: The development of organs and their power of action are constantly in ratio to the employment of these organs*).

*Hukum keempat:* Segala sesuatu yang telah diperolehi, terkesan atas, atau ditukarkan dalam pembentukan individu, selama hayat mereka dikekalkan dalam generasi dan dipindahkan kepada individu-individu baru daripada individu yang telah mengalami perubahan-perubahan tersebut. (*Fourth law: Everything which has been acquired, impressed upon, or changed in the organization of individuals, during the course of their life is preserved by generation and transmitted to the new individuals which have descended from those which have undergone those changes*). Lihat *ibid*. hlm. 297.

<sup>110</sup> C. Darwin, (1876). *The origin of species by means of natural selection or the preservation of favoured races in the struggle for life* (6th ed.). London: John Murray., hlm. xiii.

<sup>111</sup> Lihat kritikan oleh John Durant dalam Bab 4.

menggunakan mekanisme terbabit bagi menerangkan sebab perbezaan pada kerintangan terhadap penyakit dan rupa fizikal manusia yang tinggal di benua-benua yang berbeza manakala Matthew membincangkannya dalam panduan berkenaan penanaman pokok-pokok balak bagi digunakan untuk membuat kapal<sup>112</sup>.

### 3.3.6 Kemunculan Teori Evolusi Darwinisme

Pelayaran Charles Darwin menaiki HMS Beagles merupakan faktor pendorong kepada kemunculan teori evolusi Darwinisme, khususnya ketika Darwin melakukan pencerapan di kepulauan Galapagos<sup>113</sup>. Rentetan daripada pelayaran tersebut pada tahun 1837, Darwin telah melakukan kajian lanjut dengan menggunakan catatan-catatannya sepanjang ekspedisi terbabit. Selepas melakukan penyelidikan selama lima tahun terhadap spesimen-spesimen koleksinya, Darwin telah menghasilkan suatu lakaran kesimpulan mengenai pandangannya tentang ketermutasian spesies (*mutability of species*) dan pada tahun 1844, lakaran tersebut dipindahkan oleh Darwin ke dalam bentuk esei setebal 200 muka surat.

Ketika hampir menyiapkan karyanya *The Origin of Species* pada tahun 1858, Darwin telah dikejutkan dengan artikel yang ditulis oleh Alfred Russell Wallace yang menyamai idea dan kesimpulannya mengenai asal kejadian spesies. Wallace menghantar artikel kira-kira 20 muka surat kepada Darwin bagi disampaikan kepada Sir Charles Lyell untuk dihantar dan diterbitkan oleh *Linnean Society*. Sir Charles Lyell dan Dr. Hooker<sup>114</sup> mencadangkan agar artikel Wallace dan abstrak manuskrip Darwin diterbitkan serentak pada mesyuarat *Linnean Society* pada 1 Julai 1858. Pada 24 November 1859, Darwin telah menerbitkan karya utamanya, *The Origin of*

<sup>112</sup> S. Freeman, & J. C. Herron, (2007). *Evolutionary analysis* (4th ed.). New Jersey: Pearson Prentice Hall., hlm. 39.

<sup>113</sup> Ketika di kepulauan Galapagos, Darwin takjub dengan taburan hidupan-hidupan yang mendiami kepulauan tersebut serta hubungannya dengan hidupan yang wujud di daratan benua Amerika Selatan. Darwin melihatnya sebagai sesuatu yang mempunyai hubung kait dengan persoalan asal-usul kewujudan kehidupan. *ibid.*

<sup>114</sup> Dr. Joseph Hooker (1817-1911) merupakan seorang ahli botani yang sering melakukan ekspedisi penyelidikan. Dr. Hooker telah menerbitkan artikelnya ‘*Introduction to the Australian Flora*’ pada Disember 1859 yang menyokong idea evolusi dan ketermutasian spesies. Lihat *ibid.* hlm. xxi dan M. Pallen, (2009). *The rough guide to evolution.*, hlm. 41.

*Species* di London oleh John Murray. Buku tersebut mengandungi 15 bab dan telah diterbitkan sebanyak enam edisi dengan edisi terakhir diterbitkan pada tahun 1876. Penerbitan *The Origin of Species* mengundang pelbagai reaksi daripada masyarakat ketika itu sehingga mewujudkan dua golongan iaitu golongan yang menolak dan golongan yang menerima. Antara yang tergolong dalam kelompok pertama ialah Adam Sedgwick, paderi yang melatih Darwin dalam amali geologinya. Sedgwick menyifatkan *The Origin of Species* sebagai sama seperti sistem yang digunakan oleh pengarang buku *Vestiges* yang menyerlahkan sikap penolakannya yang tidak masuk akal<sup>115</sup>. Sikap tersebut bertentangan dengan sikap ahli biologi-agamawan Kristian yang menyokong pandangan Darwin seperti Charles Kingsley yang telah mengirimkan surat penghargaan kepada Darwin atas penerbitan *The Origin of Species*<sup>116</sup>.

Dalam buku seterusnya iaitu *The Descent of Man and Selection in Relation to Sex* yang diterbitkan pada tahun 1871, Darwin secara jelas menyatakan mengenai asal kejadian manusia yang berevolusi daripada haiwan primat yang lebih rendah seperti orang utan, monyet dan kera. Darwin menggunakan beberapa bukti sebagai menguatkan kenyataannya itu seperti struktur tubuh manusia<sup>117</sup>, perkembangan embrionik, dan rudimen<sup>118</sup>. Darwin juga menjelaskan pengaruh keadaan sekeliling kepada tingkah laku manusia dan hubung kaitnya dengan makhluk lebih rendah,

<sup>115</sup> Buku *Vestiges of the Natural History of Creation* (1844) merupakan buku yang mencabar pandangan tradisi teologi tabi'i Inggeris. *Vestiges* berhujah mengenai kes bagi pembangunan peraturan tabi'i yang mentadbir sejarah hidup, dan mengembangkannya bagi menerima kualiti fizikal, mental dan moral manusia. Sedgwick menyifatkan sekiranya hujah-hujah *Vestiges* diterima, maka 'agama itu satu penipuan, undang-undang manusia merupakan tidak berguna, dan lelaki dan perempuan hanyalah binatang buas yang lebih baik'. Lihat J. Durant, (1985). Darwinism and divinity: A century of debate. Dalam J. Durant (Ed.), *Darwinism and divinity*. Oxford: Basil Blackwell, hlm. 15 dan 18.

<sup>116</sup> Dalam suratnya tersebut, Kingsley menyatakan,

"I have gradually learnt to see that it is just as noble a conception of Deity, to believe that He created primal forms capable of self-development into all forms needful pro tempore and pro loco, as to believe that He required a fresh act of intervention to supply the lacunas which he himself had made. I question whether the former be not the loftier thought".

Lihat *ibid*, hlm. 18-19.

<sup>117</sup> Darwin menyebutkan bahawa keupayaan manusia dijangkiti penyakit-penyakit seperti siflis, herpes dan lain-lain daripada makhluk lebih rendah seperti monyet menunjukkan bahawa manusia dan monyet memiliki tisu dan darah yang hampir sama. Selain itu, bagi menunjukkan bahawa manusia berevolusi daripada monyet, Darwin berhujah bahawa proses pemberian luka pada manusia dan monyet adalah sama. Lihat C. Darwin, (1882). *The descent of man and selection in relation to sex* (2nd ed.). London: John Murray., hlm. 6-9.

<sup>118</sup> Bahagian atau organ yang belum sempurna perkembangannya, terutamanya dalam peringkat embrio. Lihat Kamus Dewan Edisi Keempat.

perbandingan keupayaan akal manusia dengan haiwan primat, dan perbincangan mengenai bangsa-bangsa manusia. Buku tersebut turut membincangkan perkara-perkara berkaitan pemilihan seksual (*sexual selection*) haiwan dan manusia.

Penerimaan masyarakat terhadap teori evolusi Darwinisme dipengaruhi oleh faktor-faktor bukan saintifik meliputi sosiologi, psikologi dan falsafah sebagaimana idea-idea baharu yang lain. Pertamanya ialah konsep kesinambungan (*continuity*) dan gradualisme yang menunjangi teori Darwinisme selari dengan pegangan masyarakat Victorian Inggeris ketika itu yang berpegang kepada konservatisme politik dan sosial. Konsep ini yang disandarkan kepada ungkapan masyhur Linnaeus<sup>119</sup> iaitu *nature non facit saltum* (alam tabii tidak melakukan perubahan besar) menepati kehendak para pemerintah Eropah ketika itu yang berharap kepada keteraturan, harmoni dan kesinambungan untuk mengekalkan keadaan masyarakat yang mula diserang dengan seruan untuk melakukan perubahan sosial yang boleh mengancam kedudukan pemerintah tersebut. Keduanya ialah pegangan masyarakat Inggeris abad kesembilan belas kemajuan tanpa batasan (*inevitable of progress*) yang merupakan falsafah evolusi sosial. Kedua-dua bentuk evolusi ini mempunyai persamaan khususnya keupayaan manusia untuk maju dan berkembang tanpa batasan. Cerdik pandai Inggeris ketika itu menyamakan semangat persaingan dalam pasaran ekonomi bebas sebagai pamacu kemajuan ekonomi dan sosial dengan konsep pemilihan semula jadi Darwinisme sebagai pamacu evolusi. Ketiganya ialah teori evolusi merupakan cubaan pertama membawakan kajian mengenai kehidupan di bumi dalam konsep sains sepenuhnya dengan menggunakan kaedah saintifik fizik; kaedah yang menjelaskan semua fenomena fizikal yang terjadi disebabkan oleh alam tabii.

---

<sup>119</sup> Carl Linnaeus (1707-1778), seorang ahli botani Sweden, berhujah menyokong konsep penciptaan berdasarkan klasifikasi taksonomi haiwan dan tumbuhan. Lihat S. C. Meyer, (2009). *Signature in the cell: DNA and the evidence for intelligent design*. New York: HarperCollin Publishers., hlm. 145.

Kaedah tersebut telah berjaya diserap ke dalam lapangan sains fisiologi dan kimia<sup>120</sup> sekaligus melunturkan pandangan bahawa alam ini mengalami campur tangan Tuhan. Darwin mengaplikasikan kaedah tersebut ke dalam bidang biologi. Teori Darwin itu memberikan penjelasan semula jadi kepada reka bentuk organisma hidup<sup>121</sup>.

Terdapat beberapa petunjuk yang menunjukkan bahawa Charles Darwin tidak menghasilkan teori evolusi Darwinismenya daripada kosong sebaliknya menyerap masuk idea-idea evolusi sarjana sebelumnya ke dalam teorinya itu. Pertama, Doktrin Pewaris (*Doctrine of Descent*) yang menjadi prinsip utama teori tersebut telah wujud sejak zaman Aristotles lagi. Namun, Darwin telah menyesuaikan doktrin tersebut ke dalam pemikiran awam dan saintifik dan memenangi keyakinan umum menggunakan kemahiran mempromosi—kemahiran penting dalam keusahawanan. Kedua, Darwin telah menggunakan idea evolusi dalam masalah-masalah tertentu seperti evolusi manusia. Dalam konteks tersebut, Darwin telah memperkenalkan kepada umum aturan dan susunan fakta-fakta yang tidak berkait, mentafsirkan enigma struktur dan fungsi secara fizikal dan mental, dan seterusnya merangsang penyelidikan lanjut. Pendekatan dan idea evolusi manusia bukanlah idea asal Darwin tetapi telah digunakan oleh Herbert Spencer dalam bidang psikologi pada tahun 1855. Ketiga, Darwin telah memperkenalkan pengetahuan mengenai faktor-faktor proses evolusi, khususnya melalui analisisnya mengenai perkara-perkara yang berlaku dalam haiwan domestik dan tumbuhan pertanian, dan penerangannya mengenai pemilihan alamiah. Dalam masa yang sama, Alfred Russell Wallace secara berasingan turut menerangkan perkara tersebut. Keempat, Darwin telah mewujudkan rangkaian kaitan seluruh hidupan dalam alam ini. Semua hidupan ini berasal daripada moyang tunggal

---

<sup>120</sup> Contohnya ialah kejayaan seorang saintis Jerman , Friedrich Wöhler (1800-1882), dalam menghasilkan urea buatan. Penemuannya itu telah membuka laluan kepada penghasilan bahan organik yang sebelum itu menjadi misteri di kalangan saintis. Lihat M. Denton, (1986). *Evolution: A theory in crisis*. Maryland: Adler & Adler Publishers., hlm. 71.

<sup>121</sup> *Ibid*,hlm. 70-71.

(common ancestor). Idea ini turut telah diketengahkan oleh sarjana sebelumnya seperti Christian Conrad Sprengel, Gilbert White, dan Alexander von Humboldt<sup>122</sup>. Kelima, pilihan alamiah juga diadaptasinya daripada pemikiran dan tulisan Malthus mengenai populasi manusia. Dalam tulisannya, Malthus menyatakan bahawa perkembangan populasi manusia dikawal oleh penyakit, kemalangan, perperangan dan kebuluran. Darwin melihat idea kawalan itu turut mengawal populasi tumbuhan dan haiwan<sup>123</sup>. Perkara ini diakui sendiri oleh Darwin dalam autobiografinya<sup>124</sup>.

### 3.3.7 Kemasukan Teori Evolusi Darwinisme ke Dunia Islam

Reaksi sarjana Islam terhadap teori Darwinisme pada waktu itu<sup>125</sup> adalah lebih kurang sama dengan reaksi oleh sarjana Kristian dan boleh dikategorikan kepada tiga bentuk reaksi iaitu golongan: (1) Anti-Darwinisme, (2) Darwinisisme, dan (3)

---

<sup>122</sup> J. A. Thomson, (2009). Darwin's predecessors. Dalam A. C. Seward (Ed.), *Darwin and modern science: Essays in commemoration of the centenary of the birth of Charles Darwin and of the fiftieth anniversary of the publication of the origin of species* (hlm. 3-17). Cambridge: Cambridge University Press.

<sup>123</sup> F. Rahman, (2002, Summer). Implications of Darwinism. *Science-Religion Dialogue, Summer 2002*. Mansehra, Pakistan. Didapatkan November 1, 2011.

<sup>124</sup> Petikan kenyataan oleh Darwin dalam autobiografinya;

*"In October, 1838, that is, fifteen months after I had begun my systematic enquiry, I happened to read for amusement 'Malthus on Population,' and being well prepared to appreciate the struggle for existence which everywhere goes on from long-continued observation of the habits of animals and plants, it at once struck me that under these circumstances favourable variations would tend to be preserved, and unfavourable ones to be destroyed. The result of this would be the formation of new species"*

Bagi keterangan lanjut, rujuk F. Darwin, (Ed.). (1887). *The life and letters of Charles Darwin* (Vol. I). London: John Murray., hlm. 83. Lihat juga *ibid*, hlm. 13-14.

<sup>125</sup> M. Iqbal, (2009). Darwin's shadow: Context and reception in the Muslim world. *Islam & Science*, 7(1), 9-50. Pengkaji bersetuju dengan kenyataan Iqbal itu kerana sememangnya wujud tiga kelompok sarjana Islam dalam reaksi mereka terhadap teori tersebut. Antara kalangan cendekiawan Islam yang termasuk dalam golongan yang menerima teori itu ialah Ghulam Ahmad Pervez (1903-1985), Dr. Mahmud Muftie dan beberapa sarjana Islam lain. Golongan ini menerima dan membenarkan kenyataan Darwin dan menjelaskan peringkat-peringkat perkembangan hidupan secara evolusi berdasarkan ayat-ayat al-Quran. Misalnya, Dr. Mahmud Muftie mentafsirkan Surah al-Mukminun ayat 12 hingga 14 dengan tafsiran berdasarkan teori evolusi Darwinisme sedangkan ayat-ayat tersebut secara jelas menerangkan tentang proses embriologi; perkembangan manusia daripada setitis air mani sehingga menjadi seorang bayi yang sempurna sifat manusianya. Golongan kedua yang bersifat moderat dalam reaksinya terhadap teori tersebut ialah seperti Hossein al-Jisr (1845-1909), dan Dr. Inayatullah Mashriqi. Golongan ini merupakan kelompok yang berusaha mengharmonikan teori evolusi dengan Islam seperti menyesuaikan tafsiran al-Quran dengan teori tersebut. Hossein al-Jisr misalnya mengulas mengenai Surah al-Anbiya' ayat 30 dan kelihatannya mempertahankan pandangan Darwinisme dengan menyatakan "Tiada sebarang bukti dalam al-Quran yang menjelaskan sama ada semua spesies, yang setiap satunya wujud dengan izin Allah, dicipta serentak semuanya atau secara beransur-ansur". Dr. Inayatullah Mashriqi mempertahankan teori evolusi dengan menyatakan bahawa evolusi merupakan proses fenomena tabii yang dirangka oleh Allah yang bukan hanya sekadar telah ada sejak penciptaan tetapi akan terus berlaku tanpa henti sehingga selalu memenuhi tujuan penciptaan. Perbezaan Dr. Inayatullah dengan Darwin ialah keingganan Darwin menerima Tuhan sebagai suatu entiti. Golongan ketiga merupakan golongan yang menolak teori Darwinisme sepenuhnya. Mereka menolak teori evolusi Darwinisme kerana bertentangan dengan ajaran Islam khususnya bertentangan dengan kenyataan al-Quran dan al-Hadith. Tokoh-tokoh utama yang termasuk dalam golongan ini ialah seperti Harun Yahya, Wahiduddin Khan, Seyyed Hossein Nasr dan sebagainya. Lihat A. Majid, (2002). The Muslim responses to evolution. *Science-Religion Dialogue, Summer 2002*. Mansehra, Pakistan: Hazara Society for Science Religion Dialogue. Didapatkan Mei 20, 2010, daripada <http://www.hssrd.org/journal/summer2002/muslim-response.htm>, M. Iqbal, (2000). Biological origins: Traditional and contemporary perspectives. *International Conference on God, Life and Cosmos: Theistic Perspectives*, (hlm. 33). Islamabad. Didapatkan Februari 3, 2012, daripada [http://cis-ca.org/kalam/muzaffar.htm#\\_ftnref101](http://cis-ca.org/kalam/muzaffar.htm#_ftnref101), M. Muftie, (2001). Life, man and the Qur'an. Dalam M. Ilyas (Ed.), *The Lord: The Qur'an, universe and evolution* (hlm. 71-93). Kuala Lumpur: A.S. Nordeen., dan Elshakry, M. (2011). Muslim hermeneutics and Arabic views of evolution. *Zygon*, 46(2), 330-344.

Darwinisme<sup>126</sup>. Teori evolusi Darwinisme; bersama-sama dengan disiplin sains moden lain, diperkenalkan kepada umat Islam ketika wilayah-wilayah Islam berada pada di bawah penjajahan Barat sekitar tahun 1880-an. Umat Islam pada waktu itu mempunyai kefahaman yang lemah terhadap sains moden, tidak mempunyai makmal-makmal sains lagi, dan lebih malang tradisi penyelidikan saintifik yang dimiliki umat Islam pada era kegemilangannya hampir lenyap sama sekali. Keadaan ini menyebabkan tiada mana-mana Muslim dapat menjawab kenyataan teori tersebut secara saintifik pada awal interaksi tersebut. Darwinisme memasuki Dunia Islam melalui kemasukan mubaligh-mubaligh Kristian ke bumi Arab<sup>127</sup> terutamanya melalui institusi pendidikan yang dikendalikan oleh mubaligh Kristian seperti *Syrian Protestant College*<sup>128</sup>. Selanjutnya, teori ini turut disebarluaskan oleh beberapa sarjana Arab yang berfahaman sains moden seperti Shibli Shumayyil menerusi buku tulisannya, *The Philosophy of Evolution and Progress*<sup>129</sup>. Darwinisme juga berkembang melalui penerbitan-penerbitan jurnal sains berbahasa Arab sekitar tahun 1865 hingga 1929. Tiga jurnal sains paling berpengaruh ketika itu ialah *al-Muqtataf* (1876-1952), *al-Hilal* (1892-1930), dan *al-Mashriq* (1898-1930)<sup>130</sup>.

<sup>126</sup> James Moore mengelompokkan reaksi sarjana Kristian terhadap teori Darwinisme kepada tiga golongan tersebut. Menurutnya, golongan Kristian Anti-Darwinisme merupakan golongan yang menentang teori evolusi Darwinisme dan berpegang kepada kenyataan bahawa setiap bentuk hidupan itu ditetapkan dengan kehendak Tuhan. Golongan Kristian Darwinisme ialah golongan yang cuba mengharmonikan antara ajaran agama dengan teori evolusi Darwinisme sehingga menghasilkan teori evolusi *non-Darwinism* dengan memasukkan peranan Tuhan di dalam evolusi. Manakala golongan Kristian Darwinisme merupakan golongan yang menyokong dan menerima teori tersebut sepenuhnya. Bagiuraian selanjutnya mengenai reaksi sarjana Kristian sila lihat J. R. Moore, (1979). *The post-Darwinian controversies: A study of the Protestant struggle to come to terms with Darwin in Great Britain and America 1870-1900*. Cambridge: Cambridge University Press., hlm. 193-345.

<sup>127</sup> M. Iqbal, (2009). *The making of Islamic science*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust., hlm. 183

<sup>128</sup> M. Iqbal, (2009). Darwin's shadow: Context and reception in the Muslim world. *Islam & Science*, 7(1), 9-50.

<sup>129</sup> Osman Bakar. (2008). *Tawhid and science*. Shah Alam: Arah Pendidikan., hlm. 219

<sup>130</sup> Ketiga-tiga jurnal ini ditulis oleh intelektual Kristian Arab dan penulisannya bukan lagi berdasarkan kepada sains tulen dan aplikasinya tetapi lebih kepada mencabar pemikiran masyarakat Arab Muslim ketika itu. Rujuk *ibid*.

### **3.4 PRINSIP DAN MEKANISME UTAMA TEORI EVOLUSI DARWINISME**

Teori evolusi Darwinisme merangkumi dua konsep utama iaitu semua hidupan di bumi berasal daripada moyang yang satu (*common ancestor*), dan evolusi digerakkan oleh mekanisme pemilihan alamiah (*natural selection*)<sup>131</sup>. Charles Darwin menggariskan tiga mekanisme utama proses evolusi sesuatu spesies iaitu pemilihan alamiah (*natural selection*), pemilihan seksual (*sexual selection*), dan pewarisan sifat-sifat perolehan (*inheritance of acquired characters*)<sup>132</sup>.

#### **3.4.1 Pemilihan Alamiah (*Natural Selection*)**

Pemilihan alamiah merupakan subjek utama yang dibincangkan oleh Darwin dalam bukunya, *The Origin of Species*. Pengalaman belayar dengan ekspedisi kapal HMS *Beagle* menjadi inspirasi kepada Darwin dalam menghuraikan pemilihan alamiah. Darwin menyatakan bahawa pemilihan alamiah beroperasi bersama-sama dengan pemilihan seksual dan pewarisan. Namun, menurut Darwin, terdapat juga perkembangan sesuatu sifat pada haiwan yang hanya terjadi melalui pemilihan alamiah. Secara ringkasnya, Darwin dalam bukunya *The Origin of Species* telah menggariskan beberapa prinsip utama iaitu:

- 1) populasi haiwan dan tumbuhan memamerkan kepelbagaiian atau variasi,
- 2) sesetengah variasi memberikan organisma tersebut suatu kelebihan berbanding organisma-organisma lain dalam persaingan untuk terus hidup,
- 3) varian yang berjaya dalam persaingan terbabit akan memindahkan ciri-ciri dan sifat-sifat berfaedahnya itu kepada anak-anak,
- 4) populasi bersifat cenderung untuk menghasilkan lebih progeni berbanding keupayaan alam untuk menampung; kadar varian yang baik yang terus hidup

---

<sup>131</sup> E.C. Scott, & G. Branch, (2009). Don't call it "Darwinism". *Evolution Education Outreach*, 2, 90–94.

<sup>132</sup> D. M. Borchert, (Ed.). (2006). *Encyclopedia of philosophy* (2nd ed., Vol. 3). Thomson Gale., hlm. 633.

dan menghasilkan keturunan akan lebih besar daripada kadar varian yang tidak memberangsangkan, dan

- 5) sesuatu populasi akan mengalami perubahan evolusi secara berterusan yang akan menghasilkan varieti, spesies, genus atau populasi baharu pada sebarang peringkat taksonomi.

Dalam erti kata lain, pemilihan alamiah menurut Darwin didefinisikan sebagai perbezaan kadar kematian antara dua subkelas varian suatu populasi; subkelas yang mempunyai kadar kematian yang lebih rendah adalah subkelas yang lebih berjaya menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling<sup>133</sup>. Selain itu, pemilihan alamiah difahami sebagai dua cara berikut iaitu; (1) proses yang menghubungkan sesuatu spesies dengan moyang yang sama (*common ancestor*), dan (2) penjelasan kepada perubahan ciri-ciri luaran / fizikal organisma (*phenotype*) sesuatu populasi yang berubah seiring dengan masa dan dirangsang oleh pemboleh ubah ekologi (*ecological variables*)<sup>134</sup>.

Teori pemilihan alamiah terdiri daripada dua prinsip utama yang mencakupi semua hidupan tanpa pengecualian iaitu: (1) kuasa penggandaan pesat dengan perkembangan secara janjang geometri, dan (2) anak-anak mempunyai sedikit perbezaan daripada induknya walaupun secara umumnya sangat hampir menyerupai induk mereka<sup>135</sup>. Merujuk kepada prinsip pertama, Wallace menerangkan bahawa keupayaan untuk sesuatu spesies untuk terus hidup adalah berdasarkan kemampuannya untuk mengekalkan kemandirian spesiesnya. Prinsip ini diinspirasikan daripada tulisan Malthus iaitu ‘*Malthus on Population*’<sup>136</sup>. Bagi

---

<sup>133</sup> *Ibid.*

<sup>134</sup> J. Fodor, & M. Piattelli-Palmarini, (2011). *What Darwin got wrong*. New York: Picador., hlm. 3.

<sup>135</sup> A. R. Wallace, (1891). *Darwinism*. London: Macmillan., hlm. 10.

<sup>136</sup> F. Darwin, (Ed.). (1887). *The life and letters of Charles Darwin* (Vol. I). London: John Murray., hlm. . 83. Malthus menyatakan bahawa kadar peningkatan dalam mana-mana populasi yang tidak terkawal akan melampaui kadar penghasilan makanan. Populasi akan terus tumbuh sehingga mencapai had pengeluaran makanan dan pada ketika itu akan menyebabkan kemelaratian, kebuluran dan kematian tidak dapat dielakkan lagi. Lihat A. Afzaal, (1996). Qur'an and human evolution. *The Quranic Horizons*, 1(3), 29-71.

Darwin, menurut Wallace, bilangan organisma yang lahir adalah sama banyak dengan yang mati. Organisma-organisma ini, sama ada haiwan maupun tumbuhan, mesti mengatasi pelbagai cabaran seperti pemangsa, makanan, dan sebagainya untuk kekal hidup. Hanya yang paling kuat sahaja akan terus hidup<sup>137</sup>. Seterusnya, prinsip kedua diuraikan sebagai keupayaan sesuatu spesies untuk mengalami pengubahsuai dalam ciri-ciri dan sifat-sifatnya bagi mengatasi sesuatu cabaran atau halangan. Ciri-ciri dan sifat-sifat terubahsuai yang membuatkan sesuatu spesies itu lebih kuat akan mengalami pertambahan dan pengukuhan, dan akan diwariskan kepada anak-anaknya. Proses perubahan atau evolusi spesies yang kuat ini akan membawa kepada terbentuknya spesies baru<sup>138</sup>.

### **3.4.2 Pemilihan Seksual (*Sexual Selection*)**

Teori ini dikemukakan pertama kali oleh Darwin dalam artikelnya kepada Linnaean Society yang dibaca bersama-sama dengan artikel Wallace pada tahun 1858. Darwin menyebut teori ini sebagai persaingan jantan untuk mendapatkan betina (*struggle of males for females*)<sup>139</sup>. Teori ini dinamakan oleh Darwin sebagai pemilihan seksual dalam bukunya *The Origin of Species* dan seterusnya dikembangkan dan diuraikan lagi dalam *The Descent of Man*.

Pemilihan seksual melibatkan persaingan sesama individu jantan spesies yang sama bagi mendapatkan betina dalam spesies tersebut dan disifatkannya sebagai kurang sengit berbanding pemilihan alamiah. Berbanding pemilihan alamiah, persaingan ini tidak membawa kepada kematian atau kepupusan. Jantan yang paling kuat akan meninggalkan banyak anak berbanding jantan yang lemah. Darwin memberikan contoh seperti persaingan sesama buaya jantan. Selain daripada itu,

---

<sup>137</sup> A. R. Wallace, (1891). *Darwinism*., hlm. 11.

<sup>138</sup> *Ibid.*

<sup>139</sup> C. Darwin, R., & Wallace., A. R. (1858, Ogos 20). On the tendency of species to form varieties; and on the perpetuation of varieties and species by natural means of selection. *Journal of the Proceedings of the Linnean Society of London. Zoology* 3, 45-62. Didapatkan Jun 28, 2011, daripada [http://darwin-online.org.uk/pdf/1858\\_species\\_F350.pdf](http://darwin-online.org.uk/pdf/1858_species_F350.pdf).

persaingan seksual turut melibatkan kemampuan jantan untuk memikat dan menarik perhatian betina. Contohnya, burung-burung jantan bersiul untuk memikat burung betina. Burung betina yang menjadi penonton akan memilih seekor burung jantan untuk mengawan<sup>140</sup>. Pada hari ini kedua-dua bentuk pemilihan seksual tersebut dikenali sebagai pemilihan interseksual dan pemilihan intraseksual<sup>141</sup>.

### **3.4.3 Pewarisan Sifat-sifat Perolehan (*Inheritance of Acquired Characters*)**

Darwin menyatakan bahawa sebahagian variasi yang terjadi adalah disebabkan tindakan secara langsung alam sekeliling terhadap germplasma manakala sebahagian yang lain pula disebabkan oleh kesan berguna atau tidak berguna. Sebagai contohnya, sekiranya kulit binatang menjadi keperangan kesan daripada cahaya matahari, fenomena ini mungkin akan mengaruh perubahan pada germplasmanyang akan menyebabkan progeninya memiliki kulit yang prakeperangan. Mekanisme ini turut berperanan dalam sesetengah perubahan evolusi meskipun tanpa kehadiran mekanisme pemilihan alamiah dan pemilihan seksual. Darwin menerima mekanisme ini dalam teori evolusinya walaupun banyak pihak melabelkan pandangan tersebut sebagai Lamarckisme. Namun, berbeza dengan Darwin, Lamarck menerima pewarisan kesan berguna atau tidak berguna (*the effects of use and disuse*), tetapi menolak doktrin tindakan langsung faktor-faktor alam sekitar ke atas germplasma<sup>142</sup>.

Kesimpulannya, teori evolusi Darwinisme merupakan suatu teori yang menjelaskan tentang proses perubahan secara beransur-ansur atau evolusi. Kesemua hidupan di dunia ini berasal daripada moyang yang sama (*common ancestor*) yang berevolusi menjadi hidupan yang lebih maju. Proses evolusi berlaku menggunakan mekanisme pemilihan alamiah, pemilihan seksual dan pewarisan sifat-sifat

<sup>140</sup> C. Darwin, (1876). *The origin of species by means of natural selection or the preservation of favoured races in the struggle for life* (6th ed.), hlm. 69-70.

<sup>141</sup> Pemilihan intraseksual bermaksud persaingan antara jantan dengan jantan bagi merebut betina untuk dijadikan pasangan mengawan. Pemilihan interseksual pula merujuk kepada jantan bersaing dalam menarik perhatian betina untuk tujuan mengawan. Lihat M. Pallen, (2009). *The rough guide to evolution.*, hlm. 74.

<sup>142</sup> D. M. Borchert, (Ed.). (2006). *Encyclopedia of philosophy* (2nd ed., Vol. 3.), hlm. 634-635.

perolehan. Hidupan yang mempunyai ciri-ciri paling kuat dan terbaik akan terus kekal manakala hidupan yang lemah akan disingkirkan menerusi pemilihan alamiah. Sesuatu spesies berevolusi menjadi spesies baharu mengambil tempoh masa yang sangat panjang. Menurut teori evolusi, proses ini berlaku secara rawak, kebetulan dan tanpa tujuan.

### **3.5 KESIMPULAN**

Teori evolusi Darwinisme wujud rentetan daripada persoalan para cendekiawan mengenai asal-usul kejadian kehidupan di bumi. Dalam menjawab persoalan itu, sarjana-sarjana bukan Islam khususnya terbahagi kepada dua bentuk pegangan utama iaitu (1) kelompok yang percaya bahawa alam dan kehidupan ini wujud secara semula jadi dan kemudiannya berubah secara beransur-ansur sehingga mencapai tahap kesempurnaan dan (2) kelompok yang percaya bahawa alam dan seluruh isinya dicipta oleh suatu kuasa agung atau Tuhan dengan bentuk yang sempurna dan kekal sejak permulaan kewujudannya lagi.

Sains Barat yang awalnya berpegang kepada konsep penciptaan dan ketuhanan kemudiannya berubah kepada fahaman Materialisme dan mekanistik terutamanya era pasca-*Renaissance*. Antara sebab utama berlakunya perubahan ini adalah kerana konflik yang wujud antara institusi gereja dengan kalangan saintis. Bermula daripada keraguan saintis ketika itu terhadap beberapa keterangan literal teks *Bible*, mereka kemudiannya mempersoalkan kenyataan gereja tersebut selepas penemuan sains menunjukkan hasil sebaliknya. Hukuman keras yang dikenakan oleh pihak gereja terhadap sarjana penentang memburukkan lagi keadaan yang akhirnya membawa kepada pemisahan sains daripada ‘campur tangan Tuhan’.

Satu perkara yang menarik perhatian pengkaji ialah kepercayaan agama Charles Darwin dan sikapnya terhadap Tuhan. Darwin sendiri mengakui bahawa

dirinya merupakan seorang agnostik meskipun pernah menerima pengajian kepaderian formal selama beberapa tahun. Keraguannya terhadap Tuhan telah mempengaruhi pemikiran dan pandang alamnya<sup>143</sup>. Oleh sebab itu, teori evolusi yang dicetuskannya itu berteraskan kenyataan bahawa alam tabii merupakan penyebab kepada wujudnya kehidupan di alam ini daripada satu moyang tunggal yang kemudiannya berevolusi menjadi hidupan peringkat lebih tinggi.

Selain itu, wujud kemungkinan beberapa elemen yang terkandung di dalam teorinya itu diambil daripada beberapa pandangan sarjana Islam seperti al-Jahiz terutamanya mengenai penyesuaian haiwan dan tumbuhan terhadap perubahan sekeliling. Perkara ini mungkin terjadi memandangkan banyak ilmu pengetahuan Islam yang mengalir masuk ke dunia Eropah melalui penterjemahan karya sarjana-sarjana Islam ke dalam bahasa Latin selain daripada beberapa cendekiawan Kristian yang mendapat didikan langsung daripada sarjana Islam. Namun, perkara ini masih lagi menjadi tanda tanya dan bersifat spekulasi.

Teori evolusi Darwinisme secara umumnya berteraskan dua konsep utama iaitu semua hidupan di bumi berasal daripada moyang yang satu (*common ancestor*), dan digerakkan oleh mekanisme pemilihan alamiah (*natural selection*). Proses alamiah tersebut berjalan secara kebetulan, rawak dan tanpa tujuan. Proses evolusi sesuatu spesies digerakkan oleh tiga mekanisme utama iaitu pemilihan alamiah (*natural selection*), pemilihan seksual (*sexual selection*), dan pewarisan sifat-sifat perolehan (*inheritance of acquired characters*). Kesemua mekanisme tersebut berlaku secara semula jadi dan sendiri.

Akhirnya, kajian ini telah memaparkan sejarah perkembangan teori evolusi Darwinisme dan prinsip dan mekanisme asas teori tersebut telah dipenuhi menerusi

---

<sup>143</sup> Lihat tajuk 3.2 Latar Belakang Ringkas Charles Darwin

bab ini. Bab seterusnya akan mengengahkan kritikan Harun Yahya terhadap teori evolusi Darwinisme dan penilaian terhadap kritikannya itu.

**BAB EMPAT:**

**KRITIKAN HARUN YAHYA TERHADAP TEORI EVOLUSI DARWINISME:**

**SUATU ANALISIS**

**4.1 PENDAHULUAN**

Harun Yahya merupakan tokoh dunia Islam mutakhir yang lantang mengkritik teori evolusi Darwinisme. Kritikan tersebut berasaskan kajian mendalamnya yang dibuat sejak daripada sekolah tinggi lagi dan ianya disampaikan menerusi beberapa kaedah yang bersesuaian dengan golongan sasarannya iaitu komuniti sains secara khususnya dan masyarakat awam secara umumnya. Kritikannya dipuji oleh kalangan kawan dan dikecam hebat oleh lawannya; kecaman yang bersifat serangan peribadi<sup>1</sup>. Kritikannya juga turut menyingkap perkara-perkara tersirat di sebalik teori tersebut khususnya kaitan teori itu dengan faham Materialisme, komunisme, Marxisme dan sebagainya. Perbincangan dalam bab ini akan merangkumi dua bahagian utama iaitu pembentangan kritikan-kritikan Harun Yahya terhadap teori evolusi Darwinisme dan analisis kritikan tersebut. Bahagian pertama bab ini membentangkan perspektif kritikan Harun Yahya dan pembentangan kritikannya yang disusun mengikut tema utama kritikannya. Bahagian kedua pula memaparkan aspek dan asas penilaian yang digunakan dalam menilai kualiti, kekuatan dan ketepatan kritikan-kritikannya.

---

<sup>1</sup> Antara kecaman-kecaman yang sering dilemparkan ialah seperti dakwaan bahawa Harun Yahya merupakan seorang kaki perempuan, suka bermewah-mewah dan menunjuk-nunjuk, mengakui dirinya sebagai Imam Mahdi dan pelbagai lagi. Kecaman-kecaman tersebut dijawab oleh Harun Yahya dan jawapannya itu boleh diikuti dengan melayari laman sesawangnya.

## **4.2 KRITIKAN HARUN YAHYA TERHADAP TEORI EVOLUSI DARWINISME**

Harun Yahya mengkritik teori evolusi Darwinisme dan menegaskan bahawa semua fenomena tabii merupakan hasil ciptaan Allah SWT. Kritikan-kritikannya disampaikan menerusi penerbitan buku-buku pelbagai tajuk bertemakan teori tersebut<sup>2</sup>. Pembentangan seterusnya dimulakan dengan perspektif kritikan Harun Yahya yang penting dalam memahami kritikan-kritikannya. Seterusnya, pengkaji akan membentangkan kritikan-kritikan Harun Yahya terhadap teori evolusi Darwinisme.

### **4.2.1 Perspektif Kritikan**

Harun Yahya mengkritik teori evolusi Darwinisme meliputi perspektif falsafah, sains dan Islam. Daripada perspektif falsafah, kritikannya berkaitan epistemologi teori tersebut dan hubung kait teori itu dengan faham Materialisme yang menjadi tunjang teori tersebut, pengaruh teori itu terhadap ideologi Marxisme dan Komunisme yang menjadikan teori tersebut sebagai asas saintifiknya<sup>3</sup> dan bahaya ideologi-ideologi terbabit kepada manusia. Kritikannya daripada perspektif falsafah berteraskan logik dan rasional akal, dan menggunakan kaedah logik yang dikenali sebagai inferens pemisah (*modus tollendo ponens*)<sup>4</sup>.

Kritikannya daripada perspektif sains menggunakan kerangka sains moden itu sendiri sebagai asas melalui penelitian terhadap teori tersebut daripada pelbagai disiplin sains moden seperti genetik, biokimia, matematik dan sebagainya. Beliau juga memfokuskan mengenai kompleksiti setiap hidupan sama ada sebagai satu organisma lengkap mahupun sebagai satu sel; unit asas sesuatu organisma dan membawakan data-data empirikal dan penemuan-penemuan saintifik hasil penyelidikan saintis-saintis

---

<sup>2</sup> Senarai sebahagian buku-buku tersebut terdapat dalam bab dua disertasi ini.

<sup>3</sup> Georgi Valentinovich Plekhanov, ahli komunis terkemuka Russia menyifatkan fahaman Marxisme sebagai aplikasi kepada Darwinisme dalam sains sosial. Lihat H. Yahya, (2003). *Percanggahan Darwinisme terhadap al-Quran*. Johor Bahru: Pustaka Azhar., hlm. 59.

<sup>4</sup> H. Yahya, (2003). *The collapse of the theory of evolution in 20 questions*. New Delhi: Idara Ishaat-e-Diniyat., hlm. 21.

terkemuka sebagai bukti kritikan-kritikannya itu di samping turut memetik kata-kata saintis evolusi sendiri yang mengakui kepincangan teori evolusi Darwinisme.

Daripada perspektif Islam pula, beliau mengenengahkan dalil-dalil *naqli* berkaitan fenomena tabii yang menunjukkan kewujudan, kebesaran dan kekuasaan Allah SWT dan peranan-Nya dalam mencipta, memelihara dan mentadbir sarwajagat ini. Dalil-dalil berkenaan juga digunakan dalam membuktikan bahawa kesemua yang wujud di alam ini dicipta Allah dengan tujuan dan peranan masing-masing di alam ini. Beliau menggunakan tafsir al-Quran muktabar dan huraian ulama-ulama tafsir dalam mengkritik tafsiran versi Darwinisme ayat-ayat al-Quran berkaitan fenomena tabii.

Kritikannya daripada ketiga-tiga perspektif tersebut menunjukkan kesungguhannya dalam mengkritik dan membuktikan kepincangan teori tersebut kerana teori itu menyentuh dan memberi kesan kepada manusia dan alam tabii daripada ketiga-tiga perspektif berkenaan. Perspektif di atas juga menjadikan kritikannya itu lebih menyeluruh sekaligus menafikan tanggapan sesetengah pihak bahawa kritikan terhadap teori tersebut selama ini lebih dipengaruhi sentimen agama dan falsafah semata-mata. Dalam bahagian selanjutnya, pengkaji akan membentangkan kritikan-kritikan Harun Yahya terhadap teori evolusi Darwinisme mengikut tema yang pelbagai mengikut perspektif di atas.

#### **4.2.2 Kritikan Harun Yahya Terhadap Teori Evolusi Darwinisme**

Dalam bahagian selanjutnya, pengkaji membawakan kritikan-kritikan utama Harun Yahya terhadap teori evolusi Darwinisme yang telah disusun mengikut beberapa tema utama. Tema-tema tersebut merupakan tema utama yang sering dikemukakan Harun Yahya dalam mengkritik teori tersebut sebagaimana yang terkandung dalam buku-bukunya yang bertemakan teori evolusi Darwinisme.

#### **4.2.2.1 Darwinisme, Materialisme dan maklumat genetik**

Harun Yahya mengkritik dan menghuraikan perkaitan antara teori evolusi Darwinisme dengan falsafah Materialisme dan ideologi Komunisme. Faham Materialisme menjadikan kebendaan sebagai asas kepada kewujudan segala-galanya sekaligus menolak Allah sebagai Pencipta dan Pentadbir alam ini. Teori evolusi Darwinisme menjadi aplikasi faham tersebut dalam perbahasan alam tabii. Perkaitan kedua-duanya dibuktikan melalui pengakuan tokoh-tokoh Darwinisme dan faham Materialisme seperti kenyataan Leon Trotsky (1879-1940)<sup>5</sup> yang menyatakan bahawa teori evolusi Darwinisme sebagai ‘kejayaan tertinggi dialektik seluruh bidang organik’ (*the highest triumph of the dialectic in the whole field of organic matter*). Stephen Jay Gould (1941-2002) juga pernah mengakui bahawa, “Darwin mengamalkan secara konsisten falsafah Materialisme dalam pentafsirannya mengenai alam tabii” (*Darwin applied a consistent philosophy of materialism to his interpretation of nature*)<sup>6</sup>.

Golongan evolusi Darwinisme berpegang kepada konsep organisasi kendiri (*self-organisation*); kepercayaan bahawa bahan atau jirim yang tidak bernyawa boleh merancang sendiri dan menghasilkan benda hidup yang kompleks. Pegangan itu selaras dengan faham Materialisme yang berpegang kepada hanya jirim sahaja yang wujud di alam ini, semua perilaku dan perihal benda hidup mesti dijelaskan menurut perspektif jirim sahaja<sup>7</sup> dan jirim bersifat abadi. Para pendokongnya menggunakan pendekatan logik reduksionisme<sup>8</sup> dalam menjelaskan mengenai segala yang wujud di alam ini

---

<sup>5</sup> Leon Trotsky merupakan ahli revolusi Marxis Rusia dan ahli politik Kesatuan Soviet. Trotsky juga merupakan pengasas dan pemimpin pertama Tentara Merah. Kata-kata tersebut dinukilkan oleh Harun Yahya daripada buku tulisan Alan Woods dan Ted Grant, "Marxism and Darwinism," Reason in Revolt: Marxism and Modern Science. Lihat H. Yahya, (2002). *Darwinism refuted*. New Delhi: Goodwork Books., hlm. 311. Selepas ini disebut sebagai H. Yahya, (2002). *Darwinism refuted*.

<sup>6</sup> Stephen Jay Gould merupakan seorang ahli paleontology Amerika, ahli biologi evolusi dan sejarawan sains. Ungkapannya itu dipetik Harun Yahya daripada buku tulisan Alan Woods dan Ted Grant, "Marxism and Darwinism," Reason in Revolt: Marxism and Modern Science. Lihat *ibid*.

<sup>7</sup> *Ibid*,hlm. 304-305.

<sup>8</sup> Reduksionisme merupakan suatu bentuk logik deduksi. Seyyed Hossein Nasr turut mengkritik perkara serupa. Menurutnya, golongan evolusi mereduksikan semua hidupan dalam alam ini kepada struktur molekul-molekul. Penurunan (*reductionism*) ini menjadikan para nabi dan tokoh hebat hanya setaraf dengan nyamuk. Melalui penurunan ini golongan evolusi menyangkakan bahawa mereka tidak perlu lagi berbahas mengenai sesuatu yang lebih hebat kerana semuanya sama sahaja apabila dilihat daripada persoalan struktur molekul. Namun, jelas Seyyed Hossein, golongan itu lupa bahawa mustahil karya-karya agung seperti Shakespeare lahir daripada ‘semangkuk sup struktur molekul’<sup>8</sup>. Sesuatu akibat (*effect*) tidak boleh dipisahkan daripada sebabnya (*cause*). Alam tidak boleh dipisahkan daripada Penciptanya, bahkan tidak wujud sebarang alasan secara logik atau falsafah untuk menolak keupayaan penciptaan berterusan atau suatu siri penciptaan sebagaimana yang dipegang oleh semua doktrin tradisional. Lihat S. H. Nasr,, & M. Iqbal, (2007). *Islam, science, Muslims and technology*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust., hlm.156.

termasuklah isu minda manusia<sup>9</sup><sup>10</sup>. Walau bagaimanapun, dakwaan mereka itu telah dicabar oleh suatu elemen baharu yang terkandung dalam setiap hidupan iaitu maklumat genetik<sup>11</sup>. Maklumat genetik yang dimiliki oleh setiap benda hidup tidak dapat diturunkan kepada peringkat jirim<sup>12</sup> dan asal-usulnya juga adalah sangat berbeza<sup>13</sup>. Harun Yahya menjelaskan bahawa jika sesuatu bahan fizikal itu mengandungi maklumat, maka bahan tersebut semestinya telah direkacipta oleh minda yang mempunyai maklumat tersebut di dalamnya. Minda tersebut semestinya telah wujud terlebih dahulu sebelum dapat menterjemahkan maklumat miliknya menjadi jirim; suatu tindakan merekacipta<sup>14</sup>. Maklumat tersebut pula pasti bersumber dan berasal daripada suatu entiti kebijaksanaan agung yang melampaui jirim dan ianya yang telah wujud sebelum adanya jirim<sup>15</sup>. Golongan Darwinisme yang buntu tentang persoalan asal-usul maklumat genetik hanya menjawabnya sebagai “sains masih belum mampu menyelesaikannya”. Jawapan sedemikian, jelas Harun Yahya, bertujuan untuk

---

<sup>9</sup> Golongan Materialisme menyatakan bahawa minda boleh diturunkan menjadi jirim (*reducible to matter*). Segala aktiviti mental seperti berfikir, menyayangi, dan seumpamanya hanyalah sekadar tindak balas kimia yang berlaku antara atom-atom di dalam otak. Karl Vogt (1817-1895), pernah mengungkapkan kata-kata “otak merembeskan fikiran sebagaimana hati merembeskan hempedu”. Namun, kritik Harun Yahya, hempedu merupakan jirim dan tiada bukti menunjukkan bahawa fikiran merupakan suatu jirim. Lihat H. Yahya, (2002). *Darwinism refuted.*, hlm. 306.

<sup>10</sup> Dakwaan golongan evolusionisme berkeraaan isu minda manusia itu tidak dapat diterima dan menimbulkan persoalan besar di kalangan pelajar sekolah tinggi dan universiti di Barat, khususnya di Amerika Syarikat. Dua persoalan utamanya ialah (1) bagaimana evolusi menerusi pilihan alamiah menghasilkan otak manusia, dan (2) bagaimana interaksi antara neuron-neuron dan neurokimia boleh menghasilkan fikiran manusia. Lihat P. Thagard, & S. Findlay, (2010). Getting to Darwin: Obstacles to accepting evolution by natural selection. *Science & Education*, 19, 625–636.

<sup>11</sup> Setiap organisma memiliki maklumatnya sendiri (mengenai perincian fizikal organisma tersebut) yang disimpan di dalam DNA. Maklumat tersebut dibaca oleh pelbagai jenis enzim, diterjemahkan dan kemudiannya digunakan bagi menghasilkan protein. Sistem maklumat tersebut membolehkan penghasilan berjuta-juta protein pada setiap saat yang diperlukan untuk menghasilkan sel-sel baharu bagi menggantikan sel-sel lama yang telah mati. Lihat H. Yahya, (2002). *Darwinism refuted.*, hlm. 307.

<sup>12</sup> Harun Yahya menukilkan persoalan yang ditimbulkan oleh Pierre-Paul Grassé (1895-1985), seorang ahli zoologi Perancis yang menyatakan;

“Any living being possesses an enormous amount of “intelligence,” very much more than is necessary to build the most magnificent of cathedrals. Today, this “intelligence” is called information, but it is still the same thing. It is not programmed as in a computer, but rather it is condensed on a molecular scale in the chromosomal DNA or in that of every other organelle in each cell. This “intelligence” is the sine qua non of life. Where does it come from?... This is a problem that concerns both biologists and philosophers, and, at present, science seems incapable of solving it.”

Lihat *ibid*, hlm. 310.

<sup>13</sup> Harun Yahya mengukuhkan kritikannya dengan memetik kenyataan Profesor Werner Gitt, Pengarah Institut Fizik dan Teknologi Persekutuan Jerman;

“A coding system always entails a nonmaterial intellectual process. A physical matter cannot produce an information code. All experiences show that every piece of creative information represents some mental effort and can be traced to a personal idea-giver who exercised his own free will, and who is endowed with an intelligent mind.... There is no known law of nature, no known process and no known sequence of events which can cause information to originate by itself in matter...”

Lihat *ibid*, hlm. 307-308.

<sup>14</sup> *Ibid*, hlm. 309.

<sup>15</sup> Harun Yahya menegaskan bahawa kebijaksanaan tersebut dimiliki oleh Allah, Penguasa Sekalian Alam. Dia-lah yang telah mewujudkan jirim, memberikannya bentuk dan menguruskannya. Lihat *ibid*, hlm. 309.

menidakkan mana-mana jawapan yang tidak berasaskan Materialisme sekaligus menidakkan jawapan sebegitu sebagai sesuatu yang saintifik<sup>16</sup>.

#### **4.2.2.2 Sikap taksub saintis evolusi**

Harun Yahya mengkritik sikap saintis evolusi yang taksub berpegang kepada teori evolusi Darwinisme. Contohnya ialah seperti kenyataan mereka bahawa protein; molekul pembina sel, terbentuk secara semula jadi dan kebetulan. Harun Yahya menyanggah sikap mereka dengan membawakan analogi mengenai tiga bongkah batubata yang tersusun rapi di tepi jalan. Jelasnya, sudah pastinya saintis berkenaan tidak akan sama sekali beranggapan bahawa batu-bata tersebut tersusun secara sendiri sebaliknya pasti telah disusun oleh seseorang. Mereka bersikap rasional dalam hal itu tetapi berfikiran tidak waras mengenai asal-usul kehidupannya sendiri yang jelas mustahil untuk terjadi secara sendiri dan kebetulan<sup>17</sup>.

Harun Yahya mengemukakan dua contoh sikap taksub saintis evolusi terhadap teori itu; menjadikan teori itu sebagai dogma. Pertama, Profesor Ali Demirsoy (lahir pada 1945), seorang saintis evolusi terkenal Turki yang mengakui bahawa pembentukan protein sitokrom-C secara kebetulan adalah mustahil melainkan terdapat suatu kuasa metafizik yang telah menjadikannya. Namun, beliau tetap memilih faktor kebetulan itu kerana jika tidak, pilihan yang tinggal ialah protein itu dicipta oleh Allah; pilihan yang tidak saintifik menurut evolusionisme<sup>18</sup>. Kedua, Richard Dawkins (lahir pada tahun 1941). Dawkins sanggup berpegang kepada sesuatu yang tidak logik dan mustahil yang dianggapnya sebagai mulia daripada meyakini kewujudan Allah<sup>19</sup>. Sikap sebenar golongan Darwinisme ialah ‘materialis dahulu, baru saintis’; mereka tetap berpegang dengan kenyataan faham Materialisme meskipun sains menunjukkan perkara

---

<sup>16</sup> *Ibid*, hlm. 310.

<sup>17</sup> Harun Yahya menyatakan bahawa terdapat dua pandangan dalam menjelaskan mengenai permulaan kewujudan kehidupan iaitu pertamanya alam ini dicipta oleh Allah SWT dan keduanya alam ini terjadi secara semula jadi dan kebetulan. Lihat H. Yahya, (1999). *Penipuan evolusi*. (R. Rais, Terj.) Kuala Lumpur: Saba Islamic Media., hlm. 3.

<sup>18</sup> *Ibid*, 4-5.

<sup>19</sup> Harun Yahya memetik kata-kata Richard Dawkins yang menyeru agar orang-orang Kristian tidak mempercayai mukjizat yang mereka lihat meskipun mereka melihat sendiri patung Virgin Mary melambai kepada mereka kerana menurut Dawkins, mungkin atom-atom tangan itu telah bergerak dalam masa dan arah yang sama. Lihat *ibid*, hlm. 6.

sebaliknya<sup>20</sup>. Oleh sebab itu, mereka akan tetap menegakkan dan mempertahankan faham Materialisme dengan berusaha menyokong teori evolusi Darwinisme dengan apa jua cara meskipun terbukti ianya tidak logik<sup>21</sup>; sikap yang diakui oleh saintis evolusi sendiri<sup>22</sup>.

Media dan makalah sains terkemuka Barat hari ini mempropagandakan teori evolusi Darwinisme sebagai sesuatu yang ‘suci’ yang tidak boleh dipersoalkan. Ketaksuhan saintis Barat terhadap teori tersebut sebagaimana menurut Harun Yahya disebabkan oleh dominasi Darwinisme dalam dunia kesarjanaan Barat masa kini. Dalam mengekalkan atau meningkatkan status akademik, sarjana-sarjana di sana perlu menghasilkan dan menghantar artikel-artikel saintifik ke jurnal-jurnal sains kawalan golongan evolusionisme untuk diterbitkan. Jurnal-jurnal tersebut tidak akan menerbitkan artikel-artikel yang mengkritik teori tersebut<sup>23</sup>. Penyelidikan ahli-ahli biologi pula perlu selari dengan teori tersebut. Kesimpulan penyelidikan tersebut mestilah menunjukkan bahawa segala kejadian di alam ini berlaku secara semula jadi sekaligus menidakkan adanya Tuhan<sup>24</sup>.

---

<sup>20</sup> H. Yahya, (2002). *Darwinism refuted.*, hlm. 310.

<sup>21</sup> *Ibid*, hlm. 312.

<sup>22</sup> Harun Yahya memetik kenyataan oleh Richard C. Lewontin, ahli genetik dan evolusi dari Universiti Harvard sebagai berkata;

*“It is not that the methods and institutions of science somehow compel us accept a material explanation of the phenomenal world, but, on the contrary, that we are forced by our **a priori** adherence to material causes to create an apparatus of investigation and a set of concepts that produce material explanations, no matter how counter-intuitive, no matter how mystifying to the uninitiated. Moreover, that materialism is absolute, so we cannot allow a Divine Foot in the door.”*

Menurut Harun Yahya, penggunaan terma ‘a priori’ dalam kenyataan di atas menunjukkan bahawa teori evolusi Darwinisme yang berasaskan Materialisme merupakan prandaian yang dibuat tanpa berasaskan sebarang eksperimen pengetahuan. Teori evolusi Darwinisme jelas merupakan sains yang cuba disesuaikan dengan prakonsep Materialisme. Teori evolusi Darwinisme menjadi pilihan dan wadah fahaman Materialisme dalam menjelaskan fenomena semula jadi yang bebas campur tangan Tuhan kerana faham itu sendiri menolak adanya kewujudan Tuhan. Disebabkan teori itu merupakan a priori benar, maka segala fakta dan penemuan sains yang bertentangan dengan teori tersebut tidak dipedulikan mereka. Dipetik oleh Harun Yahya daripada Richard Lewontin, “*The Demon-Haunted World*,” *The New York Review of Books*, January 9, 1997, p. 28. Lihat *ibid*, hlm. 312-313.

<sup>23</sup> Golongan Darwinisme juga menafikan hak perbincangan secara saintifik dalam persidangan sains. Contohnya ialah seperti insiden yang berlaku kepada Dr. Oktar Babuna ketika bertanyakan soalan kepada Profesor Dr. Francisco Ayala dan Douglas Futuyma dalam satu persidangan sains di Pontifical Gregorian University, Vatican. Lihat harunyahya.com. (2009, Mac 21). *Douglas Futuyma flees in Rome*. Didapatkan Oktober 1, 2012, daripada www.harunyahya.com: <http://www.harunyahya.com/en/works/13397/Douglas-Futuyma-flees-in-Rome>.

<sup>24</sup> Harun Yahya menjelaskan ketaksuhan golongan evolusi terhadap teori tersebut dengan membawakan contoh beberapa kenyataan saintis evolusi terkemuka dalam menjawab kepincangan yang wujud dalam teori itu. Antaranya ialah kenyataan Hoimar von Dithfurth (1921-1989), seorang pengamal perubatan Jerman dan penulis jurnal saintifik pro-evolusi, iaitu;

*“Is such a harmony that emerged only out of coincidences possible in reality? This is the basic question of the whole of biological evolution. ...Critically speaking, we can say that somebody who accepts the modern science of nature has no other alternative than to say “yes,” because he aims to explain natural phenomena by means that are understandable and tries to derive them from the laws of nature without reverting to supernatural interference.”*

Dipetik oleh Harun Yahya daripada Hoimar Von Dithfurth, *Im Anfang War Der Wasserstoff* (*Secret Night of the Dinosaurs*), vol. 2, p. 64.

Selain itu, beliau juga memetik kenyataan oleh Profesor Ali Demirsoy sebagai berkata;

Harun Yahya menegaskan, sekiranya matlamat sains, menurut evolusi Darwinisme, adalah untuk mengelakkan daripada memperakui kewujudan kuasa adikuasa ataupun Tuhan, maka sains sebegitu tidak akan ke mana-mana. Sains seharusnya mencerap fenomena tabii yang terjadi secara bebas daripada sebarang prasangka dan prejudis, dan membuat kesimpulan hasil daripada pencerapan tersebut. Sekiranya keputusan yang diperoleh tersebut menunjukkan wujudnya perancangan dan penciptaan oleh suatu adikuasa, maka sains harus menerima<sup>25</sup>. Harun Yahya juga mengkritik terma ‘sebab saintifik’. ‘Sebab saintifik’ itu hakikatnya merupakan dogma kebendaan yang berpegang kepada ‘hanya jirim sahaja yang wujud’ dan segala fenomena tabii hanya boleh dijelaskan secara proses kebendaan sahaja. Sebab saintifik itu merupakan alasan yang memaksa saintis menerima sesuatu kesimpulan yang kadang-kala ianya tidak saintifik<sup>26</sup>.

#### **4.2.2.3 Kebatilan metode propaganda evolusi Darwinisme**

Harun Yahya mengkritik metode propaganda golongan evolusi yang menggunakan pembentukan semula yang dibuat berdasarkan fosil-fosil yang ditemui agar selari dengan teori itu. Proses itu lebih berdasarkan spekulasi dan agakan sahaja kerana fosil-fosil tersebut dalam keadaan bertaburan dan tidak sempurna<sup>27</sup>. Proses itu juga dapat meyakinkan masyarakat bahawa makhluk seperti manusia beruk pernah wujud suatu masa dahulu<sup>28</sup> sedangkan fosil-fosil itu hanya dapat menggambarkan beberapa sifat asas organisma tersebut manakala sifat-sifat fizikal lain yang terdiri daripada tisu-tisu lembut

---

*“In essence, the probability of the formation of a cytochrome-C sequence is as likely as zero. That is, if life requires a certain sequence, it can be said that this has a probability likely to be realized once in the whole universe. Otherwise some metaphysical powers beyond our definition must have acted in its formation. To accept the latter is not appropriate for the scientific cause. We thus have to look into the first hypothesis.”*

Dipetik oleh Harun Yahya daripada Ali Demirsoy, Kalitim ve Evrim (Inheritance and Evolution), Meteksan Publishing Co., Ankara, 1984, p. 61. Lihat *ibid*, hlm. 314-315.

<sup>25</sup> *Ibid*, hlm. 314-315.

<sup>26</sup> *Ibid*, hlm. 315.

<sup>27</sup> Pembentukan semula menurutnya ialah melukis gambar atau membina model hidup dengan hanya berpandukan sebatang tulang bahkan hanya berdasarkan sekeping serpihan yang dikeluarkan daripada tanah sebagaimana lukisan atau model makhluk manusia beruk yang diboleh dilihat dalam majalah-majalah, televisyen dan sebagainya. Lihat H. Yahya, (2001). *Penipuan evolusi*. (R. Rais, Terj.) Kaherah: Persekutuan Melayu Republik Arab Mesir, hlm. 91.

<sup>28</sup> Menurut Harun Yahya , golongan evolusionisme sengaja memberikan rupa dan bentuk kepada sifat-sifat yang tidak meninggalkan sebarang fosil seperti struktur hidung dan bibir, rambut, bulu dan sebagainya. Bahkan turut digambarkan makhluk-makhluk tersebut hidup secara berkeluarga yang lebih merupakan khayalan dan imaginasi golongan itu sahaja. Lihat *ibid*, hlm. 91-93.

“telah reput dimakan usia”<sup>29</sup>. Justeru, golongan evolusi telah melakukan pemalsuan atau pentafsiran yang berat sebelah terhadap fosil-fosil yang ditemui dalam usaha membuktikan bahawa teori itu benar<sup>30</sup>.

Harun Yahya membawakan tiga contoh utama kaedah yang digunakan oleh pendokong Darwinisme dalam membenarkan dakwaan manusia berevolusi daripada haiwan primat. Pertama, kaedah penciptaan fosil<sup>31</sup> seperti fosil *Piltdown Man* yang telah ditemui oleh Charles Dawson pada tahun 1912 di sebuah lombong di Piltdown, England. Dawson menjumpai sekeping tulang rahang yang menyerupai beruk dengan serpihan tengkorak manusia yang gigi dan tengkoraknya mirip milik manusia dengan usianya dianggarkan sekitar lima ribu tahun. Penemuan itu menggemparkan dunia biologi dan menjadi bukti teori evolusi Darwinisme<sup>32</sup>. Kepalsuan *Piltdown Man* dibongkar apabila dua kajian telah dijalankan ke atasnya oleh Kenneth Oakley<sup>33</sup> pada tahun 1949 dan oleh Weiner pada tahun 1953. Keputusannya menunjukkan bahawa tengkorak tersebut milik seorang manusia berusia lima ratus tahun manakala rahangnya pula milik seekor orang utan moden<sup>34</sup>.

Kaedah kedua ialah membina dan melakar semula daripada bahagian fosil yang tidak sempurna. Pada tahun 1922, Henry Fairfield Osborn, pengurus Muzim Sejarah Alam Semula Jadi Amerika Syarikat telah menemui sebatang gigi geraham mirip kepunyaan manusia dan beruk di Nebraska. Spesies tersebut dinamakan sebagai *Hesperopithecus haroldcooki* atau lebih dikenali sebagai *Nebraska Man*. Harun Yahya mengkritik metode berkenaan kerana dengan hanya berdasarkan sebatang gigi geraham,

<sup>29</sup> *Ibid*, hlm. 93

<sup>30</sup> Beliau memberikan contoh tiga lukisan berlainan telah dihasilkan berdasarkan satu fosil yang sama iaitu fosil *Australopithecus robustus* (*Zinjanthropus*). Lihat *ibid*, hlm. 94.

<sup>31</sup> Ketiadaan fosil dalam membenarkan dakwaan tersebut menurut Harun Yahya telah memberikan masalah besar kepada mereka. Lihat *ibid*, hlm. 95.

<sup>32</sup> Pelbagai tafsiran dan lakaran semula lukisan berdasarkan fosil ini dibuat yang menjadi asas bukti evolusi manusia. Lima ratus kajian tesis kedoktoran juga telah dihasilkan mengenai fosil ini. Lihat *ibid*, hlm. 95-96.

<sup>33</sup> Kenneth Oakley (1911-1981) merupakan ahli paleontologi di Muzium Sejarah Alam Semula Jadi British dari tahun 1935 sehingga persaraannya pada tahun 1969. Beliau telah menjadi terkenal berikutan pembongkaran penipuan tengkorak *Piltdown* dengan menggunakan metode pentarikhan fluorin. Lihat Kenneth Oakley. (2012). In *Encyclopaedia Britannica*. Dimuat turun darri <http://www.britannica.com/EBchecked/topic/423471/Kenneth-Page-Oakley> pada 20 April 2012.

<sup>34</sup> Menerusi ujian pentarikhan fluorin, ditunjukkan bahawa rahang tengkorak tersebut tidak mempunyai sebarang fluorin dan bahagian tengkorak itu pula mempunyai sedikit fluorin. Hasil ujian itu membuktikan bahawa rahang tersebut hanya ditanam di dalam tanah beberapa tahun manakala tengkorak itu pula berusia sekitar beberapa ribu tahun sahaja. Gigi-gigi orang utan itu pula disusun pada rahang tersebut agar mirip milik manusia. Gigi itu kemudiannya disalut dengan potassium dikromat agar kelihatan usang. Lihat H. Yahya, (2001). *Penipuan evolusi.*, hlm. 96.

saintis evolusi telah membina semula kepala dan badan *Nebraska Man* lengkap dengan gambaran kehidupan dan keluarganya. Akhirnya, penemuan bahagian lain tengkorak gigi tersebut pada tahun 1927 menunjukkan bahawa gigi tersebut milik seekor babi liar di Amerika Selatan yang telah pupus iaitu *Prosthennops*<sup>35</sup>.

Kaedah ketiga ialah mencari ‘makhluk perantara’ yang masih hidup. Menurut Harun Yahya, golongan evolusionisme mempercayai bahawa masih wujud makhluk perantara yang menyambung proses evolusi beruk kepada manusia di bahagian tertentu dunia yang masih belum dijelajahi. Keyakinan ini telah membawa kepada kisah tragis Ota Benga<sup>36</sup>. Seorang penyelidik<sup>37</sup> menyangkakan bahawa Ota merupakan makhluk perantara tersebut. Ota telah ditangkap dan dibawa ke Amerika Syarikat untuk dipamerkan di Pesta Dunia St. Louis sebelum dipamerkan di Zoo Bronx, New York. Di zoo, Ota telah ditempatkan bersama beberapa ekor cimpanzi, seorang gorila dan seekor orang utan. Ota telah dilayan seperti haiwan dan akhirnya membunuh diri pada tahun 1916 akibat tekanan perasaan<sup>38</sup>.

#### 4.2.2.4 Kepincangan pilihan alamiah dan mutasi

Darwin menyatakan bahawa semua spesies hidupan berasal daripada moyang yang satu dan kepelbagaiannya hidupan bukanlah kerana dicipta tetapi disebabkan oleh tindakan alam tabii. Harun Yahya membidas kenyataan tersebut kerana Darwin sendiri meragui kekuatan teorinya itu sebagaimana yang dinyatakannya dalam bab *Difficulties of the Theory* (Kesukaran-kesukaran Teori Ini) di dalam bukunya *On the Origin of Species*<sup>39</sup>. Harun Yahya juga membangkitkan persoalan-persoalan terhadap teori Darwinisme iaitu;

---

<sup>35</sup> *Ibid*, hlm. 98-99.

<sup>36</sup> Ota Benga merupakan seorang manusia kerdil Afrika dari satu puak asli Afrika. Ota dilahirkan pada tahun 1881 dan berasal dari Congo. Ketika dibawa ke Zoo Bronx, Ota berusia 23 tahun dan berketinggian 150 sentimeter dengan berat kira-kira 47 kilogram. Ota yang disangkakan seorang budak bujang sebenarnya telah berkahwin sebanyak dua kali sebelum ditangkap. Lihat J. Bergman, (2004). *Ota Benga: The man who was put on display in the zoo!* Didapatkan Ogos 6, 2012, daripada Onehumanrace.com: [http://onehumanrace.com/docs/ota\\_benga.asp](http://onehumanrace.com/docs/ota_benga.asp).

<sup>37</sup> Penyelidik tersebut ialah Samuel Verner, seorang penjelajah Afrika. Lihat *ibid*.

<sup>38</sup> H. Yahya, (2001). *Penipuan evolusi.*, hlm. 99-100.

<sup>39</sup> Kesukaran-kesukaran yang dimaksudkan di sini ialah mengenai ketiadaan rekod-rekod fosil dan organ-organ hidupan yang kompleks yang menyokong teori evolusi itu. Ahli fizik dari Universiti Manchester, H.S. Lipson dalam komennya terhadap bab buku

- 1) Apakah yang dimaksudkan oleh Darwin dengan “variasi semula jadi dan kebetulan”? Sememangnya wujud sesetengah lembu lebih besar daripada yang lain, dan sesetengahnya mempunyai warna yang lebih gelap, namun bagaimanakah variasi tersebut menjelaskan kepelbagaiannya diversiti dalam spesies haiwan dan tumbuhan?
- 2) Darwin menyatakan bahawa “Benda hidup berevolusi secara beransur-ansur”. Dalam keadaan tersebut, seharusnya telah wujud berjuta-juta “bentuk perantara”. Namun, masih belum ada kesan kewujudan hidupan teoritikal itu dalam rekod fosil. Darwin mengambil kira perkara tersebut dalam pemikirannya, dan membuat kesimpulan bahawa “kajian selanjutnya akan menyediakan fosil-fosil sedemikian”.
- 3) Bagaimanakah pilihan alamiah menerangkan tentang organ-organ kompleks seperti mata, telinga atau sayap? Bagaimanakah ianya dapat membuktikan bahawa organ-organ tersebut berevolusi secara beransur-ansur? Perlu diingatkan bahawa organ-organ tersebut akan gagal berfungsi sekiranya mana-mana bahagian dalam organ tersebut hilang atau gagal terbentuk.
- 4) Sebelum menjawab soalan-soalan di atas, berikan perhatian kepada persoalan berikut: Bagaimanakah organisma pertama, yang digelar sebagai moyang kepada semua spesies oleh Darwin, wujud? Bolehkah proses tabii memberikan nyawa kepada sesuatu yang asalnya tidak bernyawa?<sup>40</sup>

Darwin tersebut menyatakan bahawa Darwin sendiri tidak yakin dengan apa yang dikatakannya (mengenai teori evolusi) dan menunjukkan keraguan yang nyata. Lihat *ibid*, hlm. 11. Mengenai bab buku Darwin yang dimaksudkan itu, lihat C. Darwin, (1859). *The origin of species by means of natural selection or the preservation of favoured races in the struggle for life* (1st ed.). London: John Murray., hlm. 171-206.

<sup>40</sup> Terjemahan pengkaji daripada teks berikut;

- 1) *What were the "natural and coincidental variations" referred to by Darwin? It was true that some cows were bigger than others, while some had darker colors, yet how could these variations provide an explanation for the diversity in animal and plant species?*
- 2) *Darwin asserted that "Living beings evolved gradually." In this case, there should have lived millions of "transitional forms." Yet there was no trace of these theoretical creatures in the fossil record. Darwin gave considerable thought to this problem, and eventually arrived at the conclusion that "further research would provide these fossils."*
- 3) *How could natural selection explain complex organs, such as eyes, ears or wings? How can it be advocated that these organs evolved gradually, bearing in mind that they would fail to function if they had even a single part missing?*
- 4) *Before considering these questions, consider the following: How did the first organism, the so-called ancestor of all species according to Darwin, come into existence? Could natural processes give life to something which was originally inanimate?"*

Harun Yahya mengkritik mekanisme-mekanisme utama evolusi Darwinisme iaitu pilihan alamiah dan mutasi. Tegasnya, tiada sebarang bukti yang menunjukkan pilihan alamiah menjadi penyebab kepada perubahan sesuatu hidupan. Menurut pilihan alamiah, semua hidupan yang lebih sesuai dengan persekitaran habitatnya akan memperoleh baka yang akan kekal selamat manakala yang tidak sesuai akan pupus. Proses penambahbaikan tersebut memberikan spesies terbabit sifat baharu. Seiring dengan peredaran masa, spesies tersebut akan memperoleh sifat baharu yang lain yang akhirnya mewujudkan satu spesies baharu. Beliau menolak kenyataan itu dengan menyatakan;

“Sebagai contoh, di dalam sekawan rusa yang berada di dalam kepungan binatang buas, secara semula jadi yang berlari pantas akan berjaya menyelamatkan dirinya. Benar. Tetapi walau berapa lama sekalipun proses ini berterusan, ia tidak akan merubah rusa-rusa ini menjadi binatang lain. Rusa akan tetap menjadi rusa juga.”<sup>41</sup>

Beliau membidas golongan evolusionisme yang menyatakan bahawa pilihan alamiah merupakan suatu proses terancang tetapi dalam masa yang sama mereka menegaskan semua fenomena tabii berlaku secara kebetulan dan rawak tanpa sebarang tujuan. Beliau menegaskan, pilihan alamiah merupakan proses tidak terancang kerana ketidakupayaannya memilih baik atau buruk untuk sesuatu organisma dan ketidakmampuan dalam menjelaskan sifat kompleksiti kekal (*irreducible complexity*) organ-organ hidupan<sup>42</sup>. Mekanisme tersebut hanya menyisihkan individu yang lemah, rosak dan tidak sesuai dalam sesuatu spesies dan bukannya menghasilkan spesies, maklumat genetik atau organ baharu yang lebih baik<sup>43</sup>.

Harun Yahya mengkritik bukti pilihan alamiah Darwinisme iaitu fenomena melanisme industri (*industrial melanism*); fenomena warna kupu-kupu<sup>44</sup> yang menjadi gelap pada era Revolusi Perindustrian di England. Terdapat dua huraian diberikan

<sup>41</sup> H. Yahya, (1999). *Penipuan evolusi*. (R. Rais, Terj.) Kuala Lumpur: Saba Islamic Media., hlm. 19.

<sup>42</sup> Sifat kompleksiti kekal bermaksud sesuatu organ hanya dapat berfungsi apabila semua bahagian atau entitinya lengkap. Sekiranya satu bahagian tiada maka organ tersebut tidak boleh berfungsi secara sempurna. Harun Yahya dalam konteks ini membawakan mata sebagai contoh. Lihat H. Yahya, (2002). *Darwinism refuted.*, hlm. 59.

<sup>43</sup> *Ibid*, hlm. 60.

<sup>44</sup> Jonathan Wells menyatakan bahawa kupu-kupu tersebut merupakan spesies *Biston betularia*. Lihat J. Wells, (2002). *Icons of evolution: Science or myth?* Washington: Regnery Publishing., hlm. 140.

golongan itu sebagai bukti kebenaran pilihan alamiah. Pertama, warna kulit batang pokok di sekitar Manchester, England agak terang ketika sebelum berlakunya revolusi menyebabkan kupu-kupu berwarna gelap menjadi mangsa buruan burung. Selepas revolusi, warna batang pokok menjadi lebih gelap akibat pencemaran yang berlaku. Kesannya, kupu-kupu berwarna cerah pula menjadi mangsa utama burung. Kedua, kupu-kupu tersebut berubah warnanya menjadi gelap pada era tersebut disebabkan pencemaran. Harun Yahya menegaskan bahawa kupu-kupu tersebut tidak boleh dijadikan sebagai bukti pembentukan suatu bentuk baharu yang asalnya tidak wujud kerana kupu-kupu berwarna gelap telah wujud sejak sebelum revolusi berlaku. Kupu-kupu tersebut tidak mendapat sifat atau organ baharu untuknya berubah menjadi spesies baharu. Perubahan itu hanya terjadi sekiranya berlaku perubahan dalam sistem genetiknya<sup>45</sup>. Menurutnya, disebabkan kelemahan-kelemahan tersebut golongan evolusionisme menjadikan mutasi sebagai satu lagi mekanisme evolusi.

Mutasi merupakan mekanisme penghasilan spesies baharu<sup>46</sup>. Kenyataan tersebut dikritik Harun Yahya kerana mutasi yang berlaku secara rawak hanya mengubah jujukan atau kedudukan DNA yang merosakkan sehingga sel tersebut tidak dapat memperbaikinya lagi<sup>47</sup>. Eksperimen-eksperimen yang dilakukan oleh saintis evolusi menunjukkan tiada spesies atau individu baharu yang lebih baik terhasil. Sebaliknya, hanya individu-individu yang cacat, mandul atau liar sahaja yang terhasil. Dalam konteks manusia, mutasi menyebabkan kecacatan seperti Mongolism, Down Syndrome, terencat atau katik<sup>48</sup>. Mutasi tidak boleh digunakan untuk menyokong teori evolusi kerana; (1) kesan secara langsungnya amat memudaratkan, (2) tiada penambahan maklumat baharu ke dalam DNA organisma, dan (3) perubahan yang

---

<sup>45</sup> H. Yahya, (2001). *Penipuan evolusi*. (R. Rais, Terj.) Kaherah: Persekutuan Melayu Republik Arab Mesir., hlm. 58.

<sup>46</sup> Teori evolusi Darwinisme percaya bahawa mutasi berupaya menghasilkan alel dan fungsi baharu dalam spesies. Teori itu juga yakin bahawa spesies baharu boleh terbentuk hasil daripada mutasi melalui penyalinan genom (*genome duplication*). Lihat S. Freeman, & J. C. Herron, (2007). *Evolutionary analysis* (4th ed.). New Jersey: Pearson Prentice Hall., hlm. 161.

<sup>47</sup> DNA mempunyai struktur yang amat kompleks dan sebarang perubahan yang berlaku dengan kesan yang berkecamuk akan menjelaskan struktur tersebut. Lihat H. Yahya, (2001). *Penipuan evolusi*. (R. Rais, Terj.), hlm. 61.

<sup>48</sup> *Ibid*, hlm. 63.

disebabkan oleh mutasi tidak boleh diwariskan ke generasi seterusnya kerana mutasi tidak berlaku dalam sel-sel gamet<sup>49</sup>.

Golongan evolusionisme menjadikan kerintangan bakteria terhadap antibiotik sebagai bukti mutasi bermanfaat<sup>50</sup>. Harun Yahya mengkritik kenyataan tersebut sebagai silap kerana tiada sebarang maklumat genetik baharu yang ditambah ke dalam bakteria terbabit<sup>51</sup>. Dalam konteks perbincangan mutasi ini, penyelidikan sains terkini juga menunjukkan bahawa keimunan bakteria berlaku melalui dua cara utama yang kedua-duanya tidak menyokong teori evolusi Darwinisme<sup>52</sup>. Dua cara tersebut ialah; (1) pemindahan gen kerintangan yang telah sedia wujud dalam bakteria, dan (2) penghasilan kerintangan adalah hasil daripada kehilangan maklumat genetik disebabkan oleh mutasi. Cara pertama menjelaskan bahawa kerintangan itu telah sedia wujud dalam bakteria dan dipindahkan antara suatu bakteria kepada bakteria lain<sup>53</sup>. Cara kedua pula melibatkan kehilangan maklumat genetik oleh bakteria disebabkan mutasi. Misalnya, bakteria yang rintang terhadap antibiotik *Streptomycin* telah mengalami mutasi yang menguraikan ribosom bakteria tersebut. Sifat rintang tersebut yang disifatkan golongan evolusi sebagai kelebihan kepada bakteria berkenaan pada hakikatnya menyebabkan bakteria tersebut menjadi cacat dan menjadi kurang berfungsi berbanding bakteria normal<sup>54</sup>. Harun Yahya menyimpulkan bahawa cara pertama tiada kaitan dengan teori

---

<sup>49</sup> *Ibid*, hlm. 63-64.

<sup>50</sup> Menurut saintis Darwinisme, kerintangan tersebut wujud hasil evolusi bakteria tersebut dalam beradaptasi dengan suasana sekelilingnya. Antibiotik pertama iaitu *Penicillin* sp. ditemui pertama kali oleh Alexander Fleming pada tahun 1928. Selepas itu, para saintis mendapati bakteria semakin lama menjadi lebih imun terhadap antibiotik. Saintis evolusi mendakwa kerintangan tersebut merupakan bukti bakteria berevolusi dan beradaptasi dengan keadaan sekelilingnya dan mendapat sifat baharu. Lihat H. Yahya, (2002). *Darwinism refuted.*, hlm. 247.

<sup>51</sup> Golongan evolusi menyatakan kerintangan bakteria terhadap antibiotik berlaku apabila sebahagian besar suatu bakteria mati apabila diletakkan bersama dengan antibiotik manakala bakteria yang tidak dimusnahkan antibiotik akan membiak dengan cepat yang kemudiannya menjadikan bakteria rintang antibiotik sebagai suatu populasi. Lihat *ibid*.

<sup>52</sup> Penyelidikan terperinci telah dilakukan oleh Lee M. Spetner, seorang ahli biofizik Amerika Syarikat berketurunan Yahudi. Beliau dikenali melalui bukunya, ‘*Not By Chance! Shattering the Modern Theory of Evolution*’ yang telah diterbitkan pada tahun 1996.

<sup>53</sup> Harun Yahya memetik kenyataan Spetner sebagai berikut;

“Some microorganisms are endowed with genes that grant resistance to these antibiotics. This resistance can take the form of degrading the antibiotic molecule or of ejecting it from the cell... [T]he organisms having these genes can transfer them to other bacteria making them resistant as well. Although the resistance mechanisms are specific to a particular antibiotic, most pathogenic bacteria have... succeeded in accumulating several sets of genes granting them resistance to a variety of antibiotics.”

Lihat *ibid*, hlm. 247. Sebagai rujukan lanjut, lihat Dr. Lee Spetner, “Lee Spetner/Edward Max Dialogue: Continuing an exchange with Dr. Edward E. Max,” 2001, <http://www.trueorigin.org/spetner2.asp>.

<sup>54</sup> Harun Yahya memetik kenyataan Spetner dalam menjelaskan perihal mekanisme kedua itu;

“This change in the surface of the microorganism's ribosome prevents the streptomycin molecule from attaching and carrying out its antibiotic function. It turns out that this degradation is a loss of specificity and therefore a

evolusi kerana tiada sebarang maklumat genetik baharu yang terhasil<sup>55</sup> manakala cara kedua pula menunjukkan tiada sebarang pertambahan maklumat genetik berlaku. Sebaliknya, bakteria memperoleh sifat kerintangan disebabkan oleh kecacatan struktur ribosomnya akibat mutasi<sup>56</sup>.

#### 4.2.2.5 Kepincangan dan kemustahilan hipotesis pembentukan hidupan pertama

Teori evolusi menyatakan bahawa kehidupan bermula daripada pembentukan satu sel secara kebetulan<sup>57</sup>. Sel itu terbentuk hasil tindak balas unsur-unsur kimia bumi purba, petir dan tekanan atmosfera bumi purba<sup>58</sup>. Dalam konteks ini, pendapat Darwin tersebut

---

*loss of information. The main point is that Evolution... cannot be achieved by mutations of this sort, no matter how many of them there are. Evolution cannot be built by accumulating mutations that only degrade specificity."*

Lihat *ibid*, hlm. 247. Sebagai rujukan lanjut, lihat Dr. Lee Spetner, "Lee Spetner/Edward Max Dialogue: Continuing an exchange with Dr. Edward E. Max," 2001, <http://www.trueorigin.org/spetner2.asp>.

<sup>55</sup> H. Yahya, (2002). *Darwinism refuted.*, hlm. 247-248.

<sup>56</sup> *Ibid*, hlm. 249.

<sup>57</sup> Kenyataan golongan evolusionisme tersebut rentetan daripada satu surat Charles Darwin kepada sahabat baiknya, Hooker pada 29 Mac 1863 yang menyatakan bahawa;

*"It is often said that all the conditions for the first production of a living being are now present, which could ever have been present. But if (and oh what a big if) we could conceive in some warm little pond with all sort of ammonia and phosphoric salts,—light, heat, electricity present, that a protein compound was chemically formed, ready to undergo still more complex changes, at the present such matter would be instantly devoured, or absorbed, which would not have been the case before living creatures were formed..."*

Lihat J. Peretó, J. L. Bada, & A. Lazcano, (2009). Charles Darwin and the origin of life. *Origin Life Evolution Biosphere*, 39, 395-406.

<sup>58</sup> Dalam mengulas perkara serupa, Irfan menyatakan bahawa teori-teori berkaitan pembentukan tersebut lebih merupakan spekulasi kerana tiada siapa yang pernah menyaksikan proses tersebut berlaku dan tidak mungkin dapat diulang semula menerusi pemerhatian dan eksperimen saintifik di dalam makmal kerana mustahil untuk mencipta atau menghasilkan semula hidupan yang pertama sekali tersebut; dan mustahil untuk mereka atau mewujudkan model sebenar secara fizikal dan kimia yang wujud ketika proses tersebut berlangsung. Teori ini juga merupakan teori abiogenesis moden. Berbeza dengan teori abiogenesis asal, teori yang dikemukakan secara Darwinisme ini menerangkan bahawa pembentukan organisma hidup ringkas pertama terhasil daripada molekul-molekul organik di persekitarannya lalu organisma ringkas ini berevolusi membentuk hidupan yang lebih kompleks dan proses-proses pembentukan tersebut melibatkan proses-proses biologi. Terdapat dua hipotesis berbeza dalam menerangkan teori gagasan Darwinisme tersebut iaitu hipotesis autotrofi dan hipotesis heterotrofi. Hipotesis autotrofi menyatakan bahawa organisma hidup yang pertama sekali terjadi secara sendirinya secara kebetulan. Disebabkan persekitaran bumi purba itu yang tidak mempunyai makanan untuknya, maka organisma tersebut perlu menghasilkan makanannya sendiri daripada molekul-molekul bukan organik melalui proses fotosintesis atau kemosintesis. Hipotesis heterotrofi pula menyatakan unsur-unsur bukan organik yang tidak bernyawa iaitu asid-asid amino dan protein dalam persekitaran yang ideal dalam jangka masa yang panjang telah berevolusi secara kebetulan berubah menjadi sel primitif yang pertama, seterusnya berevolusi menjadi sel kompleks, tumbuhan dan haiwan primitif dan berterusan sehingga terbentuknya hidupan peringkat tinggi. Namun, kedua-dua hipotesis tersebut mustahil untuk berlaku secara semula jadi dan kebetulan. Dalam hipotesis pertama, Irfan menegaskan sesuatu organisma perlu mempunyai mekanisme sintesis yang matang serta enzim yang lengkap yang mana kedua-dua elemen ini tidak mungkin terjadi secara rawak dan kebetulan dalam hidupan pertama di dunia kerana organisma itu sendiri bersifat primitif; melainkan organisma itu dicipta oleh Pencipta lengkap dengan sistemnya yang maju. Hipotesis kedua juga mustahil terjadi kerana kebarangkalian untuk menghasilkan satu molekul protein yang berguna daripada kombinasi 40 000 atom adalah satu daripada sepuluh kuasa seratus enam puluh ( $10^{160}$ ), dan proses ini memerlukan tempoh selama sepuluh kuasa dua ratus empat puluh tiga ( $10^{243}$ ) tahun untuk sempurna. Selain itu, setiap komponen bagi membentuk sel hidup perlu mempunyai pengetahuan atau maklumat mengenai fungsi keseluruhan struktur tersebut, dan mampu berkomunikasi antara satu sama lain bagi membolehkan seluruh struktur sel tersebut berfungsi dengan sempurna. Justeru, mustahil untuk unsur-unsur bukan organik yang tidak bernyawa itu menyusun atau mencantumkan dirinya sendiri melainkan ada satu kuasa lain yang memprogramkannya. Dalam persoalan asal-usul kehidupan, hanya terdapat empat andaian tafsiran yang berkemungkinan untuk menerangkan mengenai kemunculan hidupan secara sempurna dan teratur sebagaimana yang dinyatakan oleh Bediuzzaman Said Nursi dalam bukunya *Lem'alar (The Gleams)* iaitu; (1) hidupan terbentuk hasil daripada pengaruh daya-daya rawak seperti udara, haba, cahaya, kelembapan dan daya tarikan atom; disebut sebagai penyebab, (2) hidupan terbentuk daripada benda-benda bukan hidup secara sendiri, (3) hidupan dibentuk oleh alam semula jadi, dan (4) Allah menciptakan segalagalanya. Cara pertama mustahil untuk berlaku melalui pembuktian secara kiraan kebarangkalian. Bagi menghasilkan 40 000 atom dalam satu molekul protein dalam satu hidupan, kebarangkaliannya ialah  $1/10^{160}$  dan masa yang perlu diambil ialah selama sepuluh kuasa dua ratus empat puluh tiga ( $10^{243}$ ) tahun! Mustahil untuk menghasilkan suatu hidupan yang lengkap dan sempurna sistemnya hanya melalui tindakan secara rawak dan kebetulan! Cara kedua tertolak kerana bersalah dengan hukum termodinamik kedua iaitu unsur-unsur dan tenaga secara tabiinya berada dalam ketidakaturan dan selerak melainkan wujud kuasa luar yang mengatur dan mengruskannya dalam keadaan terkawal. Cara ketiga mustahil kerana alam semula jadi; yang terdiri daripada komponen-komponen alam, tidak boleh membentuk dirinya sendiri. Sekiranya semua komponen alam semula jadi dikeluarkan, tiada apa-apa lagi yang tinggal sebagai alam semula jadi. Hanya cara keempat sahaja iaitu penciptaan hidupan-hidupan wujud di alam ini yang logik dan

selari dengan konsep ‘*archebiosis*’; asal-usul benda hidup adalah daripada bahan bukan hidup<sup>59</sup>. Harun Yahya mengkritik kenyataan itu kerana menurutnya, unsur-unsur bukan hidup tidak boleh membentuk suatu benda hidup. Tiada sesiapa yang berjaya menghasilkan organisma hidup daripada unsur-unsur bukan hidup walaupun di makmal penyelidikan tercanggih. Benda hidup hanya boleh terbentuk daripada benda hidup sahaja melalui proses replikasi sel<sup>60</sup>. Justeru, pembentukan hidup secara kebetulan adalah tidak logik dan tidak saintifik<sup>61</sup>. Dalam usaha mempertahankan dakwaan mereka itu, saintis evolusi telah menggunakan beberapa eksperimen dan hipotesis iaitu eksperimen Miller-Urey, eksperimen Fox dan hipotesis pembentukan hidup pertama yang setiap satunya dikritik oleh Harun Yahya.


---

diterima akal. Alam tabii merupakan hasil seni oleh Seniman Agung. Lihat I. Yilmaz, (2008). *Evolution: Science or ideology?* New Jersey: Tughra Books., hlm. 23-25.

<sup>59</sup> Peretó, J., Bada, J. L., & Lazcano, A. (2009). Charles Darwin and the origin of life. *Origin Life Evolution Biosphere*, 39, 395-406.

<sup>60</sup> H. Yahya, (2002). *Darwinism refuted.*, hlm. 189.

<sup>61</sup> Bagi menunjukkan bahawa pembentukan hidup secara kebetulan adalah tidak logik, Harun Yahya menguji pembaca dengan membawakan cerita pembentukan sebuah bandar yang berhasil secara kebetulan. Menurutnya, sekiranya para pembaca meyakini kisah yang dibawakannya itu adalah benar, bermakna pembentukan hidup secara kebetulan juga adalah logik. Lihat *ibid*, hlm. 190-191.



**Gambar 1:** Eksperimen Miller-Urey 1953 yang asal (kiri) dan telah diubahsuai (kanan). Set radas eksperimen ini: (a) saluran vakum (*vacuum line*); (b) campuran gas metana, ammonia, wap air dan hidrogen; (c) elektrod percikan bervoltan tinggi (*high-voltage spark electrode*); (d) condenser dengan lingkaran air sejuk; (e) perangkap sejuk (*cold trap*); (f) kelalang; (g) tiub bertutup. Rajah berdasarkan lakaran daripada buku Jonathan Wells (2002) *Icons of evolution: Science or myth?* Washington: Regnery Publishing. Lihat Abdul Halim Ibrahim. (2012). Protein: Tinjauan awal hujah-hujah penolakan oleh Harun Yahya terhadap teori evolusi Darwinisme. Dalam N. N. Rahman, S. M. Salleh, & M. R. Masran (Ed.), *Dimensi Islam dalam wacana sains* (hlm. 15-38). Kuala Lumpur: Yayasan Ilmuwan.

Eksperimen Miller-Urey merupakan eksperimen simulasi pembentukan protein dalam atmosfera bumi primitif berdasarkan teori Oparin<sup>62</sup>. Menurut teori tersebut, atmosfera bumi primordial terdiri daripada campuran gas-gas kaya tenaga yang beracun seperti ammonia ( $\text{NH}_3$ ), dikarbon ( $\text{C}_2$ ), sianogen ( $\text{CN}$ ), wap air, dan hidrokarbon-hidrokarbon ringkas seperti metana dan metilena ( $\text{CH}_2$ ). Kemudian, gas-gas tersebut bertindakbalas dengan karbida besi (*iron carbide*) yang berada di permukaan bumi<sup>1</sup> dan menghasilkan molekul organik pertama, iaitu sejenis hidrokarbon berat kaya tenaga. Sebatian ini kemudiannya bertindak balas dengan ammonia ( $\text{NH}_3$ ) daripada atmosfera dan menghasilkan pelbagai sebagai sebatian yang kaya nitrogen. Teori Oparin juga mencadangkan bahawa bahan-bahan terbitan hidrokarbon kaya tenaga bertindak balas antara satu sama lain dan juga dengan unsur-unsur kimia lain di dalam laut dan

<sup>62</sup> Aleksandr I.Oparin (1894-1980) telah mengemukakan teori baharu mengenai proses pembentukan protein pertama di dunia dan kemunculan organism hidup pertama di dunia. Teori tersebut pertama kali diterbitkan dalam bahasa Russia pada tahun 1924 sebelum dikemaskini dan diterbitkan semula dalam bahasa Inggeris pada tahun 1938. Lihat S. C. Meyer, (2009). *Signature in the cell: DNA and the evidence for intelligent design*. New York: HarperCollins Publishers., hlm. 51-52.

menghasilkan asid amino. Asid-asid amino itu kemudiannya bergabung dan membentuk protein.

Justeru, Stanley Miller<sup>63</sup> dan Harold Urey<sup>64</sup> telah menjalankan eksperimen simulasi atmosfera bumi purba berkenaan pada tahun 1953. Eksperimen itu terdiri daripada satu set radas yang dibina berdasarkan model evolusi kimia Oparine-Haldane<sup>65</sup> yang terdiri daripada saluran vakum, elektrod percikan bervoltan tinggi (*high-voltage spark electrode*), kondenser dengan lingkaran air sejuk, perangkap sejuk (*cold trap*) (bagi menghalang aliran balik), kelalang (bagi air didih dan mengumpul hasil tindak balas), dan tiub bertutup<sup>66</sup>. Campuran gas metana, ammonia (NH<sub>3</sub>), air (H<sub>2</sub>O), dan hidrogen (H<sub>2</sub>) digunakan dalam eksperimen tersebut<sup>67</sup>. Hasilnya, selepas dua hari, beberapa asid amino terbentuk di bahagian perangkap sejuk. Asid-asid amino tersebut dianalisis dengan menggunakan teknik kertas kromatografi dan dikenal pasti sebagai glisina (*glycine*), alfa-alanina dan beta-alanina. Pembentukan asid-asid amino berkenaan; yang merupakan unit monomer protein, meyakinkan saintis evolusi bahawa dakwaan sel hidup terbentuk secara semula jadi adalah benar kerana protein; makromolekul asas pembentukan sel boleh terbentuk secara semula jadi juga sekaligus membenarkan teori Oparin.

Namun, Harun Yahya mengkritik eksperimen tersebut sebagai pincang dan terbatal berdasarkan empat fakta berikut;

- 1) Penggunaan perangkap sejuk (*cold trap*) sebagai mekanisme isolasi. Asid amino yang terbentuk diisolasi daripada persekitarannya melalui mekanisme ini. Tanpanya, asid amino yang terbentuk akan terus musnah dalam persekitaran simulasi atmosfera bumi primitif. Harun Yahya menyatakan, keadaan isolasi ini tidak wujud dalam persekitaran bumi purba. Ketika Miller menjalankan

<sup>63</sup> Stanley Lloyd Miller (1930-2007) merupakan seorang ahli kimia. Miller menjalankan Eksperiment Miller-Urey pada 1953 ketika sebagai pelajar pascasiswazah di Universiti Chicago di bawah seliaan Harold Urey.

<sup>64</sup> Harold Clayton Urey (1893-1981), pemenang Hadiah Nobel dalam bidang kimia pada tahun 1934

<sup>65</sup> S. L. Miller, & H. C. Urey, (1959). Organic compound synthesis on the primitive earth. *Science*, 30(3370), 245-251.

<sup>66</sup> J. Wells, (2002). *Icons of evolution: Science or myth?* Washington: Regnery Publishing., hlm. 11.

<sup>67</sup> Lihat Miller. *Op.cit.* Lihat juga S. L. Miller, H. C. Urey, & J. Oro, (1976). Origin of organic compounds on the primitive earth and in meteorites. *Journal of molecular evolution*. Vol.9. hlm. 59-72.

eksperimen tersebut pertama kali tanpa perangkap sejuk, tiada sebarang asid amino yang dapat terbentuk.

- 2) Simulasi atmosfera bumi purba eksperimen itu tidak realistik. Saintis sejak 1980-an menemui bahawa atmosfera bumi primitif mengandungi karbon dioksida dan nitrogen berbanding eksperimen Miller yang menggunakan metana dan ammonia. Tanpa ammonia, tiada sebarang asid amino dapat terbentuk. Harun Yahya memetik kenyataan Kevin McKean daripada majalah *Discovery* yang menyatakan bahawa atmosfera bumi primitif mengandungi karbon dioksida dan nitrogen tetapi kedua-duanya tidak digunakan dalam eksperimen tersebut kerana tidak sesuai untuk membentuk molekul organik berbanding metana dan ammonia<sup>68</sup>.
- 3) Kuantiti oksigen dalam atmosfera bumi purba ketika itu cukup untuk memusnahkan asid-asid amino yang terbentuk berdasarkan penemuan kesan besi teroksidasi pada batu yang berusia kira-kira 3.5 bilion tahun<sup>69</sup>. Seandainya oksigen turut digunakan di dalam eksperimen itu, metana akan terurai menjadi karbon dioksida dan air, manakala ammonia terurai menjadi nitrogen dan air. Selain itu, tahap radiasi ultraungu yang diterima bumi ketika itu adalah 10 000 lebih tinggi berbanding jangkaan golongan evolusi; cukup untuk menghasilkan oksigen bebas hasil penguraian wap air dan karbon dioksida dalam atmosfera. Namun, jika atmosfera bumi purba tidak mengandungi oksigen, lapisan ozon tidak akan wujud dan akan menyebabkan asid amino yang terbentuk dimusnahkan oleh sinar ultraungu berkeamatan tinggi. Kewujudan atau ketiadaan oksigen tetap akan memusnahkan asid amino yang terbentuk secara kebetulan.

---

<sup>68</sup> H. Yahya, (2002). *Darwinism refuted.*, hlm. 209

<sup>69</sup> *Ibid.*, hlm. 210

- 4) Pada akhir eksperimen Miller-Urey, pelbagai asid organik dan protein kanan (*right-handed protein*) turut terbentuk. Asid-asid amino tersebut berbahaya terhadap struktur dan fungsi organisma hidup. Sekiranya dibiarkan dalam suatu persekitaran yang sama dengan asid-asid amino kidal<sup>70</sup>, ianya akan mengalami kerosakan atau transformasi menjadi sebatian lain melalui tindak balas kimia<sup>71</sup>.

Berdasarkan keempat-empat fakta tersebut, Harun Yahya menyimpulkan bahawa eksperimen Miller-Urey ini tidak boleh dijadikan sebagai bukti pembentukan protein pertama di dunia secara semula jadi dalam persekitaran atmosfera bumi primitif. Menurutnya lagi, eksperimen itu sendiri menafikan pembentukan kehidupan secara kebetulan dan tidak sengaja kerana ianya dijalankan dalam situasi makmal yang terkawal terutamanya isolasi asid amino menerusi perangkap sejuk sebaik sahaja asid-asid tersebut terbentuk<sup>72</sup>.

Selain itu, Harun Yahya juga mengkritik kenyataan teori evolusi Darwinisme mengenai hidupan pertama terbentuk di dalam lautan purba. Menurutnya, kenyataan tersebut bertentangan dengan prinsip kimia Le Châtelier. Menurut prinsip tersebut, tindak balas kondensasi (yang membebaskan air) tidak boleh berlaku dalam persekitaran berair dan kebarangkaliannya untuk berlaku dalam semua tindak balas kimia adalah terlalu kecil. Pembentukan ikatan peptida iaitu pengikatan asid-asid amino menjadi satu molekul protein melibatkan tindak balas pembebasan molekul air (tindak balas dikenali sebagai tindak balas sintesis penyahidratan). Justeru, menurut Harun Yahya, kenyataan teori Darwinisme itu adalah tertolak kerana tiada protein yang dapat disintesis dalam persekitaran sebegini. Daratan juga bukan tempat yang sesuai untuk pembentukan protein kerana asid amino terbabit akan dimusnahkan oleh sinar ultraungu<sup>73</sup>.

---

<sup>70</sup> Terdapat suatu sifat kekiralan (*chirality*) dalam organisma hidup; protein hanya wujud dalam keadaan kidal (*L-form*) manakala DNA dan RNA hanya wujud dalam bentuk kanan (*D-form*) sahaja. Pelbagai hipotesis dan teori dikemukakan oleh saintis dalam menerangkan asal-usul kiraliti tersebut. Lihat W. A. Bonner, (1991). *The origin and amplification of biomolecular chirality. Origins of life and evolution of the biosphere*, 21(2), 59-111.

<sup>71</sup> H. Yahya, (2002). *Darwinism refuted.*, hlm. 210

<sup>72</sup> *Ibid*, hlm. 211.

<sup>73</sup> *Ibid*, hlm. 213.

Bagi mengatasi dilema tersebut, eksperimen Fox telah dijalankan sebagai kesinambungan kepada eksperimen Miller-Urey, bertujuan untuk membuktikan bahawa hidupan pertama bermula dari lautan sebagaimana menurut Darwinisme. Eksperimen itu telah dibuat oleh Dr. Sydney Walter Fox (1912-1998) pada tahun 1960-an. Menurutnya, selepas terbentuk di dalam lautan purba, asid-asid amino pertama kemudiannya bergerak ke cenuram berhampiran gunung berapi. Air yang berada di kawasan itu kemudiannya menyejat apabila suhu cenuram tersebut meningkat melepas takat didih. Dalam keadaan penyejatan dan pengeringan asid-asid amino itulah asid amino itu bergabung membentuk protein. Walau bagaimanapun, kajian sains terdahulu menunjukkan bahawa asid-asid amino akan termusnah dalam suhu tinggi.

Fox kemudiannya menjalankan eksperimen menggabungkan asid-asid amino di makmal dalam keadaan yang sangat istimewa (*very special conditions*) dengan memanaskan asid-asid amino terbabit dalam persekitaran kering. Meskipun asid-asid amino berkenaan bergabung, namun tiada sebarang protein dihasilkan. Sebaliknya, hanya gelungan-gelungan asid amino yang ringkas dan tidak tersusun sahaja yang terbentuk (yang dinamakannya sebagai protenoid)<sup>74</sup>. Harun Yahya mengkritik dan menolak eksperimen itu kerana wujud dua kepincangan utama iaitu; (1) eksperimen tersebut hanya menghasilkan asid-asid amino tidak berguna atau protenoid yang tidak berupaya membentuk sel hidup, dan (2) eksperimen Fox, yang menjadi kesinambungan kepada eksperimen Miller, tidak menggunakan asid-asid amino yang terbentuk di akhir eksperimen Miller tetapi menggunakan asid-asid amino tulen daripada organisma hidup<sup>75</sup>.

Harun Yahya menjelaskan, ketika teori evolusi Darwinisme diperkenalkan oleh Charles Darwin pada tahun 1859, pengetahuan saintis dalam bidang genetik dan biologi sel sangat primitif. Struktur sel yang sangat kompleks masih belum diketahui ketika itu

---

<sup>74</sup> Ibid, hlm. 214-215.

<sup>75</sup> Ibid.

menyebabkan golongan Darwinisme menganggap bahawa sel hidup merupakan sesuatu yang sangat ringkas<sup>76</sup>. Menjelang abad kedua puluh, komuniti sains mula mengetahui kompleksiti struktur sesuatu sel sehingga tiada sebarang teknologi yang mampu membinanya walaupun bentuk paling ringkas. Harun Yahya mengumpamakan kebenaran dakwaan bahawa kebarangkalian sel pertama terbentuk secara kebetulan dalam suasana bumi purba adalah seperti kebarangkalian terhasilnya sebuah buku yang sempurna hasil daripada letusan sebuah kilang percetakan<sup>77</sup> yang sebenarnya jelas tidak mungkin.

Dalam hujah kritikan selanjutnya, Harun Yahya membuktikan bahawa pembentukan protein; yang merupakan unit pembina sel, yang berfungsi dalam organisma hidup secara kebetulan adalah mustahil berasaskan tiga syarat berikut iaitu; (1) asid-asid amino tersusun dalam bilangan dan jujukan tertentu, (2) kesemua asid amino terbabit adalah kidal (*left-handed / L-form amino acids*), dan (3) asid-asid amino mestilah digabungkan oleh ikatan peptida dan membentuk tiga dimensi yang tepat dan spesifik<sup>78</sup>. Dalam konteks syarat pertama, Harun Yahya menyatakan bahawa sebarang penyingkir, penambahan atau penggantian asid amino akan menyebabkan protein yang dihasilkan menjadi tidak berguna. Misalnya, satu protein bersaiz sederhana yang terdiri daripada 288 asid amino daripada 12 jenis asid amino yang berbeza-beza boleh disusun dalam sepuluh kuasa tiga ratus ( $10^{300}$ ) cara. Namun, hanya satu formasi sahaja yang menjadikan protein tersebut berfungsi dan jika tidak, iaanya akan menjadi tidak berguna atau memudaratkan organisma terlibat. Berdasarkan contoh tersebut, kebarangkalian satu protein berfungsi terbentuk adalah satu daripada sepuluh kuasa tiga ratus ( $10^{300}$ ) atau mustahil (kebarangkalian yang lebih kecil daripada satu daripada sepuluh kuasa lima puluh ( $10^{50}$ ) dianggap sebagai kebarangkalian sifar). *Mycoplasma*

<sup>76</sup> Antara contoh sangkaan tersebut ialah sebagaimana pandangan Ernst Haeckel, seorang ahli biologi Jerman dan penyokong kuat Darwinisme. Haeckel telah memeriksa campuran lumpur yang diambil daripada dasar laut dan mendakwa bahawa mikroorganisma yang dilihatnya itu merupakan contoh benda bukan hidup berubah menjadi benda hidup. Campuran lumpur itu dinamakan sebagai *Bathybius haeckelii*. Lihat *ibid*, hlm. 192.

<sup>77</sup> *Ibid*, hlm. 193.

<sup>78</sup> I. Hargittai, & M. Hargittai, (1994). *Symmetry: A unifying concept*. California: Shelter Publications., hlm. 32-33.

*hominis* H39 misalnya, merupakan bakteria terkecil yang pernah dijumpai yang mengandungi enam ratus jenis protein. Kebarangkalian pembentukannya secara kebetulan ialah sepuluh kuasa tiga ratus ( $10^{300}$ ) bagi satu protein perlu diulang sebanyak enam ratus kali!<sup>79</sup> Beliau memetik kenyataan Harold F. Blum<sup>80</sup> di dalam buku *The Origin of Species Revisited* tulisan W.R. Bird yang menyatakan, “*The spontaneous formation of polypeptide of the size of the smallest known proteins seems beyond all probability*”<sup>81</sup>. Beliau juga memetik kenyataan Perry Reeves<sup>82</sup> daripada buku *Evolution and Faith* tulisan J.D. Thomas yang menyatakan,

“*When one examines the vast number of possible structures that could result from a simple random combination of amino acids in an evaporating primordial pond, it is mind-boggling to believe that life could have originated in this way. It is more plausible that a Great Builder with a master plan would be required for such a task*”<sup>83</sup>.

Harun Yahya menyatakan bahawa, Robert Shapiro<sup>84</sup> dalam kajiannya telah membuat pengiraan kebarangkalian pembentukan secara kebetulan dua ribu jenis protein yang ditemui dalam satu bakteria dan jawapan diperolehnya ialah 1 daripada sepuluh kuasa empat puluh ribu ( $10^{40000}$ ) iaitu 1 yang diikuti dengan 40 ribu angka sifar dan hasil kajian tersebut disokong oleh Chandra Wickramasinghe<sup>85</sup>.

Syarat kedua menyatakan bahawa semua asid amino dalam protein berfungsi dalam semua organisma hidup mestilah terdiri daripada asid amino kidal. Satu asid amino kanan (*right-handed*) yang bergabung dengan suatu struktur protein menyebabkan protein tersebut menjadi tidak berguna. Sains membuktikan bahawa bakteria yang didedahkan kepada protein kanan akan segera memusnahkannya dan dalam sesetengah kes, bakteria tersebut menggunakan serpihan protein kanan itu untuk menghasilkan protein kidal. Menurut Harun Yahya, sifat inilah yang telah

<sup>79</sup> H. Yahya, (2002), *Darwinism refuted.*, hlm. 195-196

<sup>80</sup> Harold Blum (1899-1980) merupakan seorang saintis evolusi terkemuka

<sup>81</sup> *Ibid*, hlm. 197

<sup>82</sup> Perry Reeves merupakan seorang profesor kimia di Universiti Kristian Abilene.

<sup>83</sup> Teks asal petikan Harun Yahya. Lihat *ibid*.

<sup>84</sup> Robert Shapiro (1935-2011) merupakan seorang profesor emeritus kimia dan pakar DNA daripada Universiti New York.

<sup>85</sup> Chandra Wickramasinghe, profesor matematik gunaan dan astronomi daripada Kolej Universiti Cardiff, Wales memberikan komen beliau yang menyatakan bahawa kemungkinan kebarangkalian seperti itu adalah cukup untuk menguburkan Darwin dan seluruh teori evolusi. Tidak wujud kolam primordial di planet ini (bumi) dan di planet-planet lain. Beliau juga menegaskan sekiranya kehidupan ini tidak bermula secara rawak, kehidupan ini pasti dicipta oleh Kuasa Yang Bijaksana. Lihat *Ibid.*, hlm. 198

memeningkan saintis-saintis Darwinisme kerana mustahil bagi semua asid amino dalam protein organisma hidup bersifat kidal terbentuk secara kebetulan sehingga ada di kalangan mereka yang mengemukakan teori-teori yang tidak rasional<sup>86</sup> seperti teori yang dikemukakan oleh Profesor Dr. Ronald Breslow, profesor Universiti Columbia<sup>87</sup>. Kebarangkalian pembentukan satu protein secara kebetulan yang dibina oleh empat ratus asid amino yang kesemuanya adalah protein kidal ialah satu daripada sepuluh kuasa seratus dua puluh ( $10^{120}$ ); satu kenyataan yang mustahil<sup>88</sup>.

Dalam hujah selanjutnya, beliau menegaskan bahawa pembentukan protein berfungsi dalam organisma hidup hanya berlaku apabila asid-asid amino yang bergabung diikat oleh ikatan peptida. Sekiranya pembentukan protein tersebut merupakan suatu proses kebetulan, kebarangkalian untuk asid-asid amino diikat oleh ikatan peptida adalah sebanyak lima puluh peratus sahaja, manakala selebihnya akan diikat dengan ikatan-ikatan lain. Beliau merumuskan bahawa pembentukan protein dengan asid-asid aminonya diikat dengan ikatan peptida dan semuanya bersifat kidal secara kebetulan adalah mustahil kerana kebarangkalian memperolehnya adalah satu daripada dua kuasa tiga ratus sembilan puluh sembilan ( $2^{399}$ )<sup>89</sup>. Kebarangkalian pembentukan protein berfungsi secara kebetulan yang memenuhi ketiga-tiga syarat pembentukannya ialah satu daripada sepuluh kuasa sembilan ratus lima puluh ( $10^{950}$ ), iaitu kebarangkalian sifar<sup>90</sup>. Beliau menegaskan bahawa "...evolusi jatuh ke dalam

---

<sup>86</sup> H. Yahya, (2002). *Darwinism refuted.*, hlm. 198-199

<sup>87</sup> Breslow mengatakan bahawa asid amino dalam organisma hidup wujud semuanya dalam keadaan kidal disebabkan oleh hentaman meteori yang membawa unit-unit protein kidal. Breslow menggelarkannya sebagai benih kiraliti (*seeds of chirality*). Bagi bacaan lanjut, sila lihat American Chemical Society. (2008, April 7). Meteorites delivered the 'seeds' of earth's left-hand life, experts argue. *ScienceDaily*. Didapatkan Julai 30, 2010, daripada <http://www.sciencedaily.com/releases/2008/04/080406114742.htm>.

<sup>88</sup> Menurut Harun Yahya, sesuatu protein hanya menjadi protein berfungsi jika memenuhi tiga kriteria yang telah disebutkan sebelum ini. Jika digabungkan kebarangkalian pembentukan satu protein bersaiz sederhana secara kebetulan yang memenuhi ketiga-tiga kriteria tersebut, maka kebarangkaliannya adalah amat mustahil. Lihat H. Yahya, (2002). *Darwinism refuted.*, hlm. 200.

<sup>89</sup> *Ibid*, hlm. 201

<sup>90</sup> Meskipun mencapai kebarangkalian sifar, golongan evolusionisme mencadangkan pembentukan protein secara kebetulan adalah menggunakan mekanisme cuba-jaya (*trial and error*). Dalam keadaan tabii (*natural*), tiada sebarang ketika pun yang membenarkan mekanisme tersebut bermula dan membolehkan protein terbentuk secara kebetulan. Sekiranya proses tersebut; yang kebarangkaliannya 1 daripada sepuluh kuasa sembilan ratus lima puluh ( $10^{950}$ ), berlaku melalui mekanisme cuba-jaya, masa yang diperlukan untuk membentuk satu molekul protein sahaja melebihi anggaran usia bumi! Harun Yahya membawakan satu contoh dalam kes ini iaitu pembentukan satu protein yang mengandungi 500 asid amino. Semua 500 asid amino itu perlu dirungkaikan satu persatu dan disusun semula dengan susunan yang berbeza dan secara satu persatu. Dalam situasi ini, semua asid amino itu mestilah terdiri daripada asid amino terpilih dan tiada satu unsur asing yang boleh terlibat sama. Selain itu, proses penyusunan itu mestilah berhenti selepas asid amino ke-500 dicantumkan. Selepas penyusunan selesai, proses itu mesti berhenti bagi melihat sama ada jujukan itu tadi menghasilkan protein berfungsi atau sebaliknya. Jika gagal, proses penyusunan itu perlu dimulakan lagi dengan susunan yang berbeza pula. Beliau

jurang dahsyat ketidakbarangkalian walaupun dalam soal pembentukan satu protein sahaja”<sup>91</sup>. Seandainya satu protein berfungsi berjaya terbentuk secara kebetulan, ianya masih perlu berada dalam keadaan istimewa bagi mengelakkannya rosak atau musnah akibat tindak balas dengan asid atau unsur-unsur kimia lain. Beliau menyimpulkan, jika pembentukan satu protein berfungsi secara evolusi adalah mustahil, maka pembentukan organisma hidup secara evolusi juga adalah mustahil<sup>92</sup>.

#### **4.2.2.6 Mustahil untuk proses evolusi hidupan berlaku**

##### **1) Evolusi tumbuhan**

Tumbuhan dibina daripada sel-sel tumbuhan yang merupakan sel eukariotik. Menurut teori evolusi, sel-sel eukariotik berevolusi daripada sel-sel primitif iaitu sel-sel prokariotik. Harun Yahya mengkritik kenyataan itu kerana sel prokariotik bukanlah seprimitif yang disangkakan<sup>93</sup>. Selain itu, tidak wujud sebarang bentuk perantara yang menghubungkan secara evolusi antara sel prokariotik dengan sel eukariotik<sup>94</sup>. Struktur bakteria (hidupan prokariot) dan tumbuhan menunjukkan perbezaan ketara iaitu;

- i. Dinding sel bakteria terbina daripada polisakarida manakala dinding sel tumbuhan daripada selulosa;
- ii. Sel bakteria mengandungi ribosom kecil yang bergerak bebas manakala ribosom di dalam sel tumbuhan adalah besar dan melekat pada membran sel. Kedua-dua jenis ribosom juga berbeza dalam sintesis protein;

---

menegaskan bahawa proses sedemikian hanya boleh berlaku dalam situasi terkawal sahaja. Golongan pendokong teori evolusi Darwinisme mengatakan bahawa asid-asid amino tersebut berhasil semudah ‘berlakunya tindak balas kimia yang kemudiannya membentuk protein’. Walau bagaimanapun, proses itu hanya berlaku dalam struktur bukan hidup dan hanya membawa perubahan yang ringkas dan primitif. Sebaliknya, protein-protein yang terkandung dalam organisma-organisma hidup mempunyai struktur yang jauh lebih kompleks. Lihat *ibid*, hlm. 204-205.

<sup>91</sup> Terjemahan penulis. Teks asal: “...evolution falls into a terrible abyss of improbability even when it comes to the formation of a single protein”. Lihat *ibid*, hlm. 203.

<sup>92</sup> Tubuh manusia mengandungi sekurang-kurangnya seratus ribu protein berfungsi. Dipercayai wujud sekitar seratus juta jenis protein berfungsi dalam spesies tumbuhan dan haiwan tidak termasuk protein yang wujud dalam spesies organisma yang telah pupus. Justeru, kewujudan protein terbukti mustahil untuk berlaku secara kebetulan evolusi tetapi pasti melalui proses yang bermakna. Lihat *ibid*, hlm. 205.

<sup>93</sup> Menurut Harun Yahya, satu bakterium (sejenis sel prokariotik) mempunyai kira-kira dua ribu gen dengan setiap satu daripada gen tersebut memiliki seribu huruf (nukleotida). Oleh itu, maklumat yang terkandung dalam DNA satu bakterium adalah kira-kira dua juta panjang, bersamaan dengan dua puluh buah novel yang setiap satunya mengandungi seratus ribu patah perkataan. Setiap jujukan DNA mesti disusun dalam susunan yang spesifik. Sebarang kesalahan akan mengganggu seluruh sistem bakterium tersebut dan menyebabkan sel itu mati. Lihat *ibid*, hlm. 260.

<sup>94</sup> Harun Yahya memetik kenyataan Profesor Ali Demirsoy yang menyatakan bahawa tidak wujud sebarang bentuk perantara dan primitif yang menghubungkan bentuk hidupan yang primitif (sel prokariotik) dengan sel kompleks dan organel. Tidak dijumpai organel yang dibina dengan struktur yang ringkas dan lebih primitif. Organel-organel tersebut telah dihasilkan dalam bentuknya yang sedia ada itu. Lihat *ibid*.

- iii. Struktur DNA sel tumbuhan dan bakteria adalah berbeza;
- iv. Molekul DNA sel tumbuhan dilindungi oleh membran dwilapisan berbanding DNA sel bakteria yang berada dalam sel tanpa lapisan perlindungan;
- v. DNA sel bakteria berbentuk bulat, DNA sel tumbuhan adalah linear;
- vi. DNA sel bakteria hanya mengandungi maklumat genetik satu sel sahaja manakala DNA sel tumbuhan mengandungi maklumat genetik bagi keseluruhan tumbuhan tersebut;
- vii. Meskipun wujud sesetengah bakteria yang menjalankan aktiviti fotosintesis<sup>1</sup>, namun bakteria tersebut tidak mempunyai kloroplas yang mengandungi pigmen fotosintetik seperti klorofil. Pigmen-pigmen tersebut terkandung dalam pelbagai membran dalam seluruh sel tersebut. Sel tumbuhan pula mempunyai kloroplas bagi menjalankan proses fotosintesis;
- viii. Struktur biokimia RNA pengutus (mRNA) dalam sel bakteria dan sel tumbuhan adalah berbeza yang menjadikan evolusi sel prokariotik kepada sel eukariotik sebagai mustahil.<sup>95</sup>.

Selain itu, sel bakteria tidak mempunyai sebarang organel bermembran atau sitoskeleton manakala sel tumbuhan mempunyai wujud pelbagai organel dan struktur organisasi selnya sangat kompleks; perbezaan yang menyahsahkan dakwaan evolusi tersebut.

Meskipun dibuktikan mustahil dan tiada asas saintifik, namun terdapat golongan evolusi yang mengemukakan hipotesis bagi menyokong dakwaan tersebut seperti hipotesis endosimbiosis<sup>96</sup>. Harun Yahya mengkritik dan menolak hipotesis tersebut yang disifatkannya penuh dengan kepincangan, dan tiada asas saintifik. Pelbagai kajian dijalankan bagi menguji keabsahan hipotesis terbabit seperti kajian oleh David Lloyd

<sup>95</sup> *Ibid*, hlm. 261-262.

<sup>96</sup> Hipotesis endosimbiosis dikemukakan oleh Lynn Margulis (1938-2011) pada tahun 1970 dalam bukunya ‘*The Origin of Eukaryotic Cells*’. Menurut hipotesis tersebut, sel-sel tumbuhan (eukariotik) terbentuk apabila satu bakterium fotosintetik telah ditelan atau diserap oleh sel bakteria yang lain. Bakterium fotosintetik itu telah berevolusi di dalam sel bakteria tersebut menjadi kloroplas. Kemudian, organel-organel kompleks seperti nukleus, alat Golgi, retikulum endoplasmik, dan ribosom turut berevolusi dengan cara tertentu yang akhirnya mengevolusikan sel bakteria tersebut menjadi sel tumbuhan. Lihat *ibid*, hlm. 263.

(1937-2006), dan sebagainya dan menyebabkan ianya ditolak oleh komuniti sains.

Harun Yahya menggariskan beberapa perkara asas dalam mentaksahkan hipotesis endosimbiosis iaitu;

- 1) Sekiranya kloroplas wujud sebagai satu sel bebas sebagaimana menurut hipotesis tersebut, maka ianya akan musnah apabila ditelan oleh sel lain yang lebih besar (sel induk) sebagai makanannya sekalipun kemasukannya ke dalam sel itu secara tidak sengaja kerana wujud enzim-enzim penghadaman di dalam sel induk tersebut. Jika golongan evolusi menyatakan bahawa enzim-enzim tersebut telah lenyap ketika itu, ianya merupakan satu kenyataan bercanggah kerana jika enzim-enzim penghadamannya hilang, maka sel induk tersebut akan mati akibat kekurangan nutrisi.
- 2) Jika kenyataan di atas tetap berlaku, maklumat pembinaan semua organel sel yang ditelan itu masih berada di dalamnya dan dikodkan dalam bentuk DNA. Jika sel induk itu hendak menjadikan sel yang ditelannya itu menjadi organelnya, maka maklumat organel itu mestilah telah wujud dan dikodkan dalam DNAnya dan maklumat genetiknya juga mesti wujud dalam sel ditelan itu. Kedua-dua DNA sel tersebut juga mestilah serasi antara satu sama lain selepas itu; situasi yang jelas mustahil berlaku.
- 3) Terdapat keharmonian yang erat di dalam sel dan mustahil berlakunya mutasi rawak. Selain itu, terdapat banyak kloroplas dan mitokondria di dalam satu sel dan bilangannya berubah-ubah bergantung kepada tahap aktiviti sel terbabit. DNA dalam setiap organel sel tersebut turut terlibat dalam proses pembiakan sel; apabila sel membahagi, kloroplas-kloroplas di dalamnya turut membahagi, dalam tempoh yang singkat dan kerap. Kloroplas merupakan penjana tenaga yang sangat penting dalam sel tumbuhan. Sekiranya ia tidak menjalankan fungsinya, banyak fungsi sel tumbuhan terbabit akan terhenti dan

memusnahkannya. Fungsi-fungsi tersebut berlaku menggunakan protein-protein yang disintesis di dalam kloroplas yang sebahagian besarnya disintesis menggunakan DNA sel induk di dalam nukleus sel kerana DNA kloroplas tidak cukup untuk mensintesis protein-protein tersebut, dan

- 4) Hipotesis endosimbiosis melibatkan mekanisme cuba-jaya sedangkan DNA perlu disusun dalam jujukan yang spesifik dan tepat. Sebarang mutasi akan memudaratkan seluruh organisma berkenaan. Hipotesis tersebut, menurut Harun Yahya, tidak berasaskan penyelidikan saintifik kerana tidak berlaku sebarang fenomena satu bakterium ditelan oleh bakterium lain untuk menghasilkan sel baharu telah dicerap<sup>97</sup>.

Proses fotosintesis yang dijalankan oleh tumbuhan menjadi bukti penolak berlakunya evolusi tumbuhan. Fotosintesis ialah proses biologi yang dijalankan tumbuhan hijau menggunakan kloroplas bagi memproses air, cahaya matahari dan karbon dioksida dan menghasilkan kanji sebagai makanannya. Ianya sangat kompleks dan masih belum difahami sepenuhnya oleh manusia. Saintis juga masih belum berupaya menghasilkan proses seumpamanya meskipun menggunakan teknologi tercanggih. Justeru, mustahil bagi sel prokariotik yang primitif, sebagaimana menurut teori evolusi Darwinisme untuk berevolusi menjadi sel yang memiliki sistem sekompleks itu. Sekiranya hipotesis endosimbiosis itu benar sekalipun, timbul persoalan bagaimana sel induk yang telah menelan sel bakteria fotosintetik (yang berevolusi menjadi kloroplas) belajar kaedah menjalankan proses fotosintesis. Menurut Darwinisme, proses fotosintesis ditemui secara kebetulan dan tidak sengaja oleh bakteria yang kemudiannya menghasilkan makanannya sendiri<sup>98</sup>. Kenyataan itu,

---

<sup>97</sup> Ibid, hlm. 263.

<sup>98</sup> Harun Yahya memetik beberapa kenyataan golongan evolusi yang menerangkan tentang asal-usul proses fotosintesis. Antaranya ialah kenyataan daripada buku 'Biological Science, A Molecular Approach' tulisan Milani dan Bradshaw iaitu;

*"The heterotroph hypothesis suggests that the earliest organisms were heterotrophs that fed on a soup of organic molecules in the primitive ocean. As these first heterotrophs consumed the available amino acids, proteins, fats, and sugars, the nutrient soup became depleted and could no longer support a growing population of heterotrophs. ...Organisms that could use an alternate source of energy would have had a great advantage. Consider that Earth was (and continues to be) flooded with solar energy that actually consists of different forms of radiation.*

menurut Harun Yahya, tidak lebih sebagai cerita dongeng kerana manusia yang mempunyai pengetahuan dan teknologi pun tidak mampu menghasilkan semula proses tersebut. Justeru, fotosintesis bukanlah merupakan produk daripada evolusi yang rawak dan kebetulan tetapi sememangnya telah dicipta dalam tumbuhan pertama di bumi dengan keupayaan menjalankannya<sup>99</sup>.

Golongan evolusi juga menyatakan bahawa hidupan unisel menyerupai tumbuhan (yang asalnya juga tidak dapat dijelaskan) telah berevolusi menjadi alga, seterusnya berevolusi membentuk tumbuhan marin lain. Sekitar 450 juta tahun dahulu, tumbuhan marin tersebut mula berpindah ke daratan. Harun Yahya mengkritik kenyataan tersebut dengan menyifatkannya sebagai tidak sah dan tidak konsisten kerana fosil alga yang berusia berjuta-juta tahun memiliki struktur sama dengan alga moden.<sup>100</sup> Selain itu, persekitaran marin merupakan persekitaran yang sangat ideal untuk pertumbuhan alga. Persekitaran berair itu memberikannya perlindungan daripada haba, dan menyediakan segala mineral yang diperlukannya. Justeru, tiada sebarang kelebihan pilihan (*selective advantage*) yang menyebabkan alga perlu berpindah ke darat. Beliau menyimpulkan bahawa alga berpindah ke darat dan berevolusi menjadi tumbuhan darat adalah tidak saintifik<sup>101</sup>.

---

*Ultraviolet radiation is destructive, but visible light is energy-rich and undestructive. Thus, as organic compounds became increasingly rare, an already-present ability to use visible light as an alternate source of energy might have enabled such organisms and their descendants to survive.”*

Beliau juga membawakan petikan lain daripada buku *Life on Earth* yang menerangkan isu yang sama iaitu;

*“The bacteria fed initially on the various carbon compounds that had taken so many millions of years to accumulate in the primordial seas. But as they flourished, so this food must have become scarcer. Any bacterium that could tap a different source of food would obviously be very successful and eventually some did. Instead of taking ready-made food from their surroundings, they began to manufacture their own within their cell walls, drawing the necessary energy from the sun.”*

Lihat *ibid*, hlm. 265-267.

<sup>99</sup> *Ibid*, hlm. 267.

<sup>100</sup> Kritikan Harun Yahya itu berasaskan hujah-hujah berikut iaitu; (1) tumbuhan marin boleh hidup di daratan sekiranya permukaannya mempunyai struktur perlindungan daripada kehilangan air. Tanpa mekanisme perlindungan, tumbuhan tersebut akan mati disebabkan penyejatan air berlebihan. Tumbuhan daratan mempunyai struktur istimewa yang melindungi permukaannya daripada berlaku kehilangan air seperti lapisan permukaan yang berlilin. Dalam masa yang sama, sistem berkenaan membenarkan penyerapan gas karbon dioksida dan penyingkiran oksigen melalui permukaannya secara bebas; (2) tumbuhan marin mengambil keperluan air dan mineral terus daripada kawasan air yang didiaminya. Sekiranya alga tersebut hidup di daratan, maka alga tersebut akan bermasalah dari segi makanan; (3) alga mempunyai kitar hayat yang singkat. Alga menggunakan air untuk menyebarkan sel pembiakkannya. Untuk membolehkannya hidup di darat, alga perlu mempunyai sel pembiakan multisel yang dilindungi dengan lapisan pelindung sel. Jika tidak, sel pembiakan tersebut sangat terdedah dengan bahaya; (4) alga yang berpindah ke daratan perlu mengambil oksigen yang diperlukannya terus daripada atmosfera. Oksigen yang tidak terurai itu sangat berbahaya bagi organisma hidup. Hidupan darat mempunyai sistem khusus yang mengubah oksigen tersebut menjadi tidak berbahaya kepada mereka apabila diambil. Alga yang berpindah dari laut ke darat tidak mempunyai sistem tersebut dan tidak mungkin mampu bertahan daripada bahaya kesan oksigen atmosfera itu dan menunggu sehingga terbentuknya sistem khusus itu. Lihat *ibid*, hlm. 268-271.

<sup>101</sup> *Ibid*, hlm. 269.

## 2) Evolusi haiwan

Teori evolusi Darwinisme menyatakan bahawa hidupan air invertebrata berevolusi menjadi ikan, seterusnya menjadi haiwan amfibia yang kemudiannya berevolusi menjadi haiwan reptilia. Haiwan reptilia pula berevolusi menjadi burung dan haiwan mamalia. Harun Yahya mengkritik kenyataan tersebut kerana tidak wujud sebarang organisma bentuk perantaraan (*transitional forms*)<sup>102</sup> dalam rekod fosil yang menyokong teori tersebut. Seandainya kenyataan itu benar, maka sepatutnya telah ditemui;

- 1) berjuta-juta jumlah dan jenis fosil sedemikian di merata-rata tempat di dunia ini,
- 2) fosil spesimen-spesimen dengan anatomi yang mengalami perubahan secara perlahan-lahan, beransur-ansur, dan semakin maju,
- 3) hidupan terawal yang memaparkan struktur ringkas dan membuktikan ianya berevolusi daripada bentuk yang lebih ringkas, dan
- 4) hidupan bentuk baharu yang muncul bukan sebagai satu spesies baharu yang berbeza sama sekali sebaliknya menjadi sub-spesies kepada moyangnya. Sub-spesies ini sepatutnya berkembang dan bertambah seiring dengan peredaran masa. Kategori biologi seperti famili, order dan kelas seharusnya menunjukkan berlakunya pertambahan secara beransur-ansur<sup>103</sup>.

Namun, tegasnya, rekod fosil menunjukkan organisma telah muncul di dunia secara mendadak tanpa mempunyai moyang prawujud<sup>104</sup>. Fosil-fosil awal ini memiliki sistem anggota badan yang lengkap dan kompleks seperti mata dan insang yang tiada bezanya dengan organisma moden<sup>105</sup>. Beliau menyatakan bahawa;

---

<sup>102</sup> Formasi perantaraan merupakan hidupan yang menjadi penghubung kepada proses evolusi sesuatu organisma daripada peringkat yang lebih rendah berevolusi kepada organisma peringkat lebih tinggi. Misalnya, organisma yang sebahagiannya ikan dan sebahagian lagi badannya adalah reptilia. Lihat H. Yahya, (2001). *Penipuan evolusi.*, hlm. 65.

<sup>103</sup> H. Yahya, (2007). *The Cambrian evidence that Darwin failed to comprehend.* Istanbul: Global Publishing., hlm. 19-20.

<sup>104</sup> Fosil-fosil terawal ditemui pada lapisan tertua bumi iaitu lapisan Cambrian; kira-kira berumur 500-550 juta tahun. Jumlah spesies yang merupakan invertebrata muncul secara mendadak yang dijumpai pada lapisan bumi ini dikenali dalam bidang geologi sebagai ‘Ledakan Cambrian’. H. Yahya, (2001). *Penipuan evolusi.*, hlm. 67-69.

<sup>105</sup> Berbeza dengan hidupan era Cambrian, rekod fosil menunjukkan organisma era Pra-Cambrian terdiri daripada hidupan unisel yang kekal tanpa sebarang perubahan bagi tempoh sekitar enam ratus juta tahun. Lihat H. Yahya, (2007). *The Cambrian evidence that Darwin failed to comprehend.*, hlm. 41-46.

“Invertebrata-invertebrata kompleks ini telah muncul secara mendadak dan sempurna tanpa ada sebarang rantaian atau formasi perantaraan di antara mereka dan organisma-organisma ekasel (satu sel), yang merupakan satu-satunya bentuk hidupan di bumi sebelum mereka.”<sup>106</sup>

Justeru, rekod fosil menurutnya telah membuktikan bahawa organisma-organisma hidup bukan hasil daripada evolusi tetapi telah diciptakan<sup>107</sup>.

Meskipun begitu, saintis evolusi tetap berusaha membuktikan bahawa berlakunya proses evolusi daripada organisma era Pra-Cambrian menjadi hidupan Cambrian<sup>108</sup> dengan menjadikan hidupan pada zaman Ediacaran sebagai hidupan perantara<sup>109</sup>. Harun Yahya mengkritik dakwaan tersebut kerana hidupan Ediacaran mempunyai bentuk dan struktur yang unik yang sangat berbeza dengan organisma era Cambrian meskipun hidupan kedua-dua zaman merupakan hidupan multisel. Hidupan Ediacaran tidak mempunyai tisu keras mahupun organ dan struktur yang kompleks sebagaimana organisma era Cambrian. Kemunculannya juga adalah secara mendadak sebelum era Cambrian sekaligus menidakkan berlakunya proses evolusi<sup>110</sup>.

Dakwaan bahawa hidupan air invertebrata telah berevolusi menjadi ikan dan seterusnya menjadi haiwan amfibia juga telah disanggah Harun Yahya kerana wujud perbezaan besar antara kedua-dua jenis makhluk hidup itu. Haiwan air invertebrata merupakan haiwan yang tidak mempunyai tulang belakang tetapi mempunyai kulit luaran yang keras (exoskeleton) manakala ikan merupakan organisma vertebrata (endoskeleton)<sup>111</sup>. Di samping itu, tiada sebarang organisma bentuk perantaraan dijumpai sejak zaman Darwin<sup>112</sup>. Begitu juga halnya dengan dakwaan ikan berevolusi

---

<sup>106</sup> H. Yahya, (2001). *Penipuan evolusi.*, hlm. 69.

<sup>107</sup> *Ibid*, hlm. 71.

<sup>108</sup> Pra-Cambrian merupakan era yang berlaku 4600 hingga 542 juta tahun dahulu mengikut skala masa geologi. *Cambrian* merupakan tempoh masa menurut skala masa geologi merangkumi tiga tempoh masa iaitu tempoh *Hadean* (4600 hingga 4000 juta tahun dahulu), tempoh *Archean* (4000 hingga 2500 juta tahun dahulu) dan tempoh *Proterozoic* (2500 hingga 542 juta tahun dahulu) *Cambrian* pula merupakan salah satu daripada tempoh masa dalam era *Palezoic*, dalam tempoh waktu 542 hingga 488.3 juta tahun dahulu. Dimuat turun daripada <http://www.ucmp.berkeley.edu/help/timeform.php> pada 25 Mei 2012.

<sup>109</sup> Ediacaran merupakan tempoh masa pada akhir era Pra-Cambrian iaitu sekitar 620 hingga 543 juta tahun dahulu. Lihat H. Yahya, (2007). *The Cambrian evidence that Darwin failed to comprehend.*, hlm. 51.

<sup>110</sup> *Ibid*, hlm. 50-55.

<sup>111</sup> Lihat Harun Yahya.(2001). *Penipuan evolusi.*, hlm. 72.

<sup>112</sup> *Ibid*, hlm. 72-73.

menjadi haiwan amfibia<sup>113</sup>. Beliau menggariskan lima sebab utama mustahil bagi hidupan air beralih ke darat iaitu;

- i. Berat badan; organisma air tiada sebarang masalah untuk membawa berat badan mereka sendiri berbanding kebanyakan hidupan darat yang menggunakan 40% tenaga untuk membawa badan mereka. Makhluk yang beralih daripada air ke darat perlu membentuk sistem otot dan rangka baharu untuk menghasilkan tenaga yang diperlukan dan ini mustahil terbentuk secara mutasi.
- ii. Ketahanan terhadap kepanasan; di darat, suhu berubah dengan cepat dan hidupan darat mempunyai mekanisme tubuh yang dapat menahan perubahan tersebut. Manakala di dalam air, suhu berubah perlahan-lahan dan tidak melibatkan kawasan yang luas. Hidupan air mempunyai sistem badan bersesuaian dengan suhu laut dan tidak memerlukan sistem perlindungan daripada perubahan suhu seperti hidupan darat. Tidak logik untuk ikan memperoleh sistem perlindungan itu melalui mutasi secara rawak sebaik sahaja naik ke darat.
- iii. Keperluan air; kulit pada organisma darat berfungsi untuk mengawal kehilangan air dan penyejatan melampau kerana sumber air yang terhad di darat. Hidupan darat mempunyai rasa dahaga, suatu rasa yang tidak dimiliki oleh organisma di laut. Di samping itu, kulit hidupan air tidak sesuai untuk habitat tidak berair.
- iv. Buah pinggang; hidupan laut dapat mengeluarkan bahan-bahan kumuh terutamanya ammonia di dalam badan dengan menapisnya memandangkan terdapat banyak air di dalam habitat mereka. Di darat, hidupannya mempunyai sebuah sistem buah pinggang kerana kuantiti air yang terhad. Buah pinggang mengumpul dan menukar ammonia menjadi air kencing sekaligus

---

<sup>113</sup> Sebelum tahun-tahun 1930-an, golongan evolusionisme percaya bahawa ikan *Coelacanth* merupakan makhluk perantara evolusi ikan kepada amfibia dan telah pupus tujuh belas tahun dahulu. Mereka percaya bahawa ikan tersebut mempunyai pepuru primitif, otak yang membangun, sistem penghadaman dan peredaran darah yang sedia untuk hidup di darat, dan mekanisme berjalan primitif. Namun, pada Disember 1938, ikan *Coelacanth* yang masih hidup telah ditangkap di India dan dua ratus ekor lagi pada tahun-tahun berikutnya. Ikan *Coelacanth* sebenarnya merupakan ikan laut dalam yang tidak pernah muncul di permukaan kurang daripada 180 meter dan mempunyai pepuru maju dan otak yang besar. Lihat *ibid*, hlm. 73-76.

meminimumkan penggunaan air semasa pembuangannya. Ringkasnya, untuk membolehkan peralihan daripada air ke darat berlaku, hidupan laut yang tidak mempunyai buah pinggang perlu membentuknya serta-merta, dan

- v. Sistem respirasi; ikan bernafas dengan mengambil oksigen terlarut dalam air yang mengalir melalui insangnya. Untuk hidup di atas darat, ikan perlu memiliki sebuah sistem peparu yang sempurna serta-merta. Jika tidak, ikan itu akan mati selepas beberapa minit di darat<sup>114</sup>.

Selain daripada lima sebab tersebut, proses evolusi haiwan amfibia menjadi reptilia juga mustahil disebabkan perbezaan ketara dalam struktur telur. Struktur telur amfibia sesuai bagi perkembangan di dalam air manakala telur reptilia pula untuk perkembangan di atas darat. Evolusi berperingkat seekor amfibia mustahil kerana tanpa telur yang sempurna, adalah mustahil bagi spesies tersebut untuk selamat<sup>115</sup>.

Golongan evolusionisme menyatakan bahawa burung berevolusi daripada reptilia dengan fosil burung *Archaeopteryx* sebagai makhluk perantara kepada evolusi tersebut<sup>116</sup>. Kenyataan itu dikritik Harun Yahya kerana tiada sebarang struktur burung yang mengaitkan perkembangannya dengan evolusi tersebut. Burung memiliki struktur dan penyesuaian tubuh yang tersendiri bagi membolehkannya terbang seperti mempunyai daging yang lebih ringan berbanding hidupan darat, struktur peparu yang sangat berbeza daripada ‘moyang’nya iaitu reptilia, dan sistem rangka, otot dan jantung yang istimewa. Teori evolusi juga, menurutnya, masih gagal menjelaskan proses evolusi kaki hadapan seekor reptilia menjadi sayap yang sempurna melalui proses mutasi rawak<sup>117</sup>. Sistem dan struktur istimewa tersebut pula perlu wujud secara bersama dan

---

<sup>114</sup> *Ibid*, hlm. 75.

<sup>115</sup> *Ibid*, hlm. 77.

<sup>116</sup> Menurut golongan evolusionisme, *Archaeopteryx* berevolusi daripada dinosour-dinosour kecil seperti *Velociraptor* atau *Dromeosaur* yang mendapat sayap dan seterusnya berkeupayaan untuk terbang. Lihat *ibid*.

<sup>117</sup> *Ibid*, hlm. 78-79.

serentak; bercanggah dengan proses evolusi yang terbentuk secara beransur-ansur dengan cara dikumpulkan<sup>118</sup>.

*Archaeopteryx* menjadi ikon evolusi disebabkan dua sifat utamanya iaitu kewujudan kuku pada sayapnya dan ketiadaan tulang sternum (tulang dada) dalam rangka fosil itu yang menunjukkan ianya merupakan makhluk separa burung yang tidak boleh terbang. Harun Yahya menyatakan bahawa kedua-dua sifat tersebut tidak menunjukkan sebarang hubung kait *Archaeopteryx* dengan reptilia kerana terdapat juga burung-burung lain bersifat sebegitu seperti *Tauraco*<sup>119</sup> dan *Hoatzin*<sup>120</sup>. Penemuan fosil *Archaeopteryx* ketujuh pada tahun 1992 berserta tulang dadanya yang dikatakan hilang itu membuktikan bahawa ianya merupakan seekor burung yang boleh terbang. Selain itu, bulu-bulunya mempunyai struktur asimetri; sama seperti burung moden yang boleh terbang. Kewujudan bulu tersebut menunjukkan bahawa ianya merupakan hidupan berdarah panas; berbeza dengan reptilia termasuk dinasour yang berdarah sejuk.<sup>121</sup>. Selain itu, struktur gigi *Archaeopteryx* dan burung-burung bergigi lain sangat berbeza daripada struktur gigi dinasour<sup>122</sup>. Selain daripada *Archaeopteryx*, tiga spesies fosil burung purba juga ditemui kemudiannya yang menunjukkan ciri-ciri persamaan dengan burung moden iaitu *Confuciusornis*<sup>123</sup>, *Liaoningornis*<sup>124</sup> dan *Eoalulavis*<sup>125</sup>. Kedua-dua fosil burung awal seusia dengan *Archaeopteryx* manakala *Eoalulavis* tiga puluh juta tahun lebih tua dan kesemua fosil terbabit menunjukkan ciri-ciri persamaan dengan burung moden dan menafikan berlakunya perubahan evolusi spesies-spesies burung.

<sup>118</sup> *Ibid*, hlm. 79.

<sup>119</sup> Burung *Taucarо leucotis* misalnya merupakan burung moden yang mempunyai kuku pada sayapnya. Lihat GrrlScientist. (2011, Julai 18). *Mystery bird: White-cheeked turaco, Tauraco leucotis*. Didapatkan Ogos 5, 2012, daripada The Guardian: <http://www.guardian.co.uk/science/punctuated-equilibrium/2011/jul/18/2>.

<sup>120</sup> Burung Hoatzin atau nama saintifiknya *Opisthocomus hoazin* merupakan burung moden yang mempunyai kuku pada sayapnya. Lihat Balanoff, A. (2005). *Opisthocomus hoazin, Hoatzin*. Didapatkan November 14, 2012, daripada Digital Morphology: [http://www.digimorph.org/specimens/Opisthocomus\\_hoazin/whole/](http://www.digimorph.org/specimens/Opisthocomus_hoazin/whole/) dan HBW 3 - Family text: *Opisthocomidae (Hoatzin)*. (t.t.). Didapatkan November 14, 2012, daripada Lynx: <http://www.lynxeds.com/family-text/hbw-3-family-text-opisthocomidae-hoatzin>.

<sup>121</sup> *Ibid*, hlm. 80-81.

<sup>122</sup> Harun Yahya membawakan komen oleh ahli-ahli ornitologi, Martin, Stewart dan Whetstone yang menyatakan bahawa *Archaeopteryx* sebagaimana burung-burung bergigi lain mempunyai gigi yang berpermukaan atas rata dan akar besar manakala gigi dinasour adalah menonjol seperti gergaji dan akar sempit. Lihat *ibid*, hlm. 83. Untuk bacaan lanjut, lihat L. D. Martin, J. D. Stewart, & K. N. Whetstone, (1980). The origin of birds: Structure of the tarsus and teeth. *The Auk*, 97(1), 86-93.

<sup>123</sup> Fosil *Confuciusornis* telah ditemui pada tahun 1995. Burung ini tidak mempunyai gigi, tetapi memiliki struktur tengkorak, paruh dan bulu seperti burung moden. *Confuciusornis* juga memiliki kuku pada sayapnya. Satu struktur khas iaitu *pygostyle* yang menyokong bulu ekor turut dimiliki oleh spesies burung ini. Lihat H. Yahya.(2001). *Penipuan evolusi*., hlm. 84.

<sup>124</sup> Fosil *Liaoningornis* telah ditemui di China pada tahun 1996. Burung ini mempunyai ciri-ciri sama seperti burung moden seperti tulang dada yang besar. Perbezaannya ialah *Liaoningornis* memiliki gigi di dalam mulutnya. Lihat *ibid*.

<sup>125</sup> Spesies burung purba ini memiliki struktur sayap seperti sayap burung moden yang terbang perlahan. Lihat *ibid*

Sebaliknya, fosil-fosil tersebut membuktikan bahawa burung-burung purba dan moden sebenarnya telah wujud bersama ketika itu<sup>126</sup>.

Harun Yahya mengkritik dakwaan reptilia berevolusi menjadi mamalia kerana reptilia merupakan kumpulan yang berdarah sejuk, badan bersisik, dan membiak secara bertelur. Sifat-sifat tersebut jelas sangat berbeza dengan haiwan mamalia yang berdarah panas, badan berkulit dan berbulu, dan melahirkan anaknya. Selain itu, wujud perbezaan ketara pada struktur rahang dan telinga tengah antara kedua-dua kumpulan haiwan itu. Haiwan mamalia mempunyai rahang bawah yang terdiri daripada satu tulang rahang dengan gigi-gigi di atasnya manakala reptilia mempunyai tiga batang tulang kecil pada kedua-dua belah rahangnya.<sup>127</sup>

Berkaitan perbezaan struktur telinga tengah, Harun Yahya mempersoalkan proses evolusi struktur telinga tengah reptilia yang hanya terdiri daripada satu tulang berubah menjadi struktur yang mengandungi tiga batang tulang dalam telinga tengah mamalia. Beliau juga mempersoalkan bagaimana fungsi pendengaran terus berjalan ketika proses evolusi itu berlaku.<sup>128</sup> Selain itu, haiwan-haiwan mamalia seperti kelawar, kuda, tikus dan ikan paus telah sedia berbeza antara satu sama lain dan muncul dalam jangka masa geologi yang sama. Beliau kemudiannya menegaskan bahawa semua organisme hidup muncul di muka bumi secara mendadak dalam bentuk yang sempurna dan keadaan ini membuktikan bahawa organisma-organisma itu diciptakan, bukan terbentuk secara evolusi<sup>129</sup>.

---

<sup>126</sup> *Ibid*, hlm. 85.

<sup>127</sup> *Ibid*, hlm. 87.

<sup>128</sup> *Ibid*, hlm. 87-88.

<sup>129</sup> *Ibid*, hlm. 90.

#### 4.2.2.7 Kebatilan proses evolusi manusia

Teori evolusi Darwinisme percaya bahawa manusia dan beruk berasal daripada moyang yang sama yang berevolusi dengan satu cabang menjadi manusia moden dan yang lain berubah menjadi beruk. Kenyataan mereka itu diasaskan kepada kewujudan fosil-fosil mengikut tafsiran teori itu dan ianya dikritik hebat oleh Harun Yahya. Beliau menyatakan bahawa mereka menggunakan sebahagian fosil-fosil enam ribu spesies beruk yang telah pupus dengan menyusun tengkorak-tengkorak beruk tersebut daripada yang terkecil hingga yang terbesar supaya bertepatan dengan teori itu dan mencampurkan tulang-tulang milik bangsa manusia yang telah pupus<sup>130</sup>. Beliau mengkritik empat kelompok yang dinyatakan Darwinisme sebagai bentuk-bentuk peralihan evolusi manusia sehingga menjadi manusia moden iaitu *Australopithecines* (*Australopithecus*), *Homo habilis*<sup>131</sup>, *Homo erectus*<sup>132</sup>, dan *Homo sapiens* dengan satu

---

<sup>130</sup> *Ibid*, hlm. 101.

<sup>131</sup> *Australopithecines* (*Australopithecus*), kritiknya, merupakan spesies-spesies beruk yang telah pupus. Dakwaan golongan itu bahawa *Australopithecines* merupakan makhluk yang berstruktur badan seperti beruk tetapi berjalan menegak (*bipedal*) seperti manusia adalah tidak benar. Kenyataan ini adalah berdasarkan penyelidikan yang dilakukan oleh Lord Solly Zukerman dan Profesor Charles Oxnard. *Homo habilis* pula ditemui oleh Leakeys buat pertama kalinya pada tahun 1960-an. Spesies ini diperkenalkan sebagai bentuk perantara daripada *Australopithecus* kepada *Homo erectus* memandangkan adalah mustahil untuk suatu makhluk yang berjalan secara empat kaki (*quadrupedal*) terus berubah dan berjalan secara dua kaki (*bipedal*). *Homo habilis* mempunyai kapasiti tengkorak yang besar, berkebolehan berjalan tegak dan menggunakan peralatan batu dan kayu. Namun, menurut Harun Yahya, penemuan fosil baharu daripada spesies ini pada tahun 1980-an telah menyanggah dakwaan tersebut saintis menyatakan *Homo habilis* lebih sesuai dinamakan sebagai *Australopithecus habilis* kerana lebih menyerupai beruk *Australopithecus*. Penemuan tersebut menunjukkan bahawa *Homo habilis* mempunyai banyak persamaan dengan *Australopithecus* iaitu bertangan panjang, kaki pendek, dan struktur tengkorak seperti beruk. Bentuk jari dan ibu jari yang sesuai untuk memanjat, struktur rahang dan keluasan tengkorak kira-kira 550 cm<sup>3</sup> membuktikan bahawa *Homo habilis* merupakan sejenis beruk, bukan manusia. Penemuan ini telah diperkuuh dengan kajian-kajian yang dilakukan beberapa tahun selepas itu seperti kajian oleh Tim White, Holly Smith, Fred Spoor, Bernard Wood dan Frans Zonneveld. Fred Spoor, Bernard Wood dan Frans Zonneveld merupakan pakar-pakar dalam bidang anatomi yang mengkaji mengenai perbandingan antara saluran separa bulat di dalam telinga manusia dan beruk dalam satu kajian pada tahun 1994. Mereka mendapati bahawa terdapat perbezaan struktur saluran tersebut antara manusia yang berjalan tegak dengan saluran yang terdapat pada beruk yang berjalan secara kuadripel. Mereka mendapati bahawa salur separa bulat telinga *Australopithecus* dan *Homo habilis* adalah sama dengan struktur yang terdapat pada telinga beruk moden manakala salur separa bulat telinga spesies *Homo erectus* adalah sama dengan struktur pada telinga manusia moden. Kesimpulan kajian tersebut ialah spesies *Australopithecus* dan *Homo habilis* merupakan spesies beruk dan tiada kaitan dengan manusia. Lihat *Ibid*, hlm. 106-110.

<sup>132</sup> *Homo erectus*, menurut Harun Yahya, merupakan perbezaan bangsa manusia dan bukannya sebagai moyang kepada spesies *Homo sapiens* yang dianggap golongan evolusionis sebagai manusia moden. Perbezaan yang wujud antara kedua-dua jenis manusia tersebut ialah pada keluasan tengkorak; *Homo erectus* diklasifikasikan sebagai primitif kerana keluasan tengkoraknya yang lebih kecil dan kedudukan kening yang rapat. Namun, tegas Harun Yahya, ramai kalangan manusia moden yang mempunyai ciri-ciri seperti itu seperti orang kerdil dan orang asli Australia. Dua fosil utama yang menjadi bukti bagi golongan evolusionisme mengenai *Homo erectus* ialah fosil *Peking Man* dan *Java Man*. Namun kedua-duanya telah ditolak oleh komuniti sains. Fosil *Peking Man* ditolak kerana beberapa bahagiannya mengandungi elemen plaster bagi menggantikan serpihan asli yang hilang manakala *Java Man* ditolak kerana merupakan campuran serpihan tengkorak dengan tulang pinggul tanpa sebarang bukti yang menunjukkan kedua-dua jenis tulang itu berasal daripada hidupan yang sama. Satu lagi fosil *Homo erectus* terkenal ialah fosil *Turkana Boy*, fosil yang ditemui berhampiran Tasik Turkana, Kenya. *Turkana Boy* merupakan fosil kanak-kanak lelaki berusia 12 tahun dengan ketinggian dianggarkan 1.8 meter. Usia fosil tersebut dianggarkan berusia 1.6 juta tahun dan merupakan fosil manusia ter lengkap dan tertua yang pernah ditemui. Penyelidik paleontologi mendapati bahagian kanan atas rangka fosil tersebut mempunyai persamaan dengan struktur manusia moden. Saintis menyimpulkan bahawa fosil tersebut lebih menyerupai manusia jenis *Neanderthal*, satu lagi jenis bangsa manusia. Justeru, kebanyakan saintis menyatakan bahawa *Homo erectus* sebenarnya merupakan sejenis bangsa manusia yang tidak jauh bezanya daripada manusia moden. Namun, golongan evolusionisme menggambarkan *Homo erectus* sebagai makhluk manusia-beruk melalui pembinaan semula dan lukisan. Lihat *ibid*, hlm. 113-118.

spesies menjadi moyang kepada spesies selepasnya<sup>133</sup>. Beliau menegaskan bahawa manusia berasal daripada manusia manakala beruk berasal daripada beruk<sup>134</sup>.

Golongan evolusi juga, menurutnya telah memanipulasi kewujudan manusia *Neanderthal*<sup>135</sup>. Perbezaannya dengan manusia moden ialah pada rangka *Neanderthal* yang lebih tegap dan keluasan tengkorak yang lebih besar. Walaupun saintis evolusi menganggap manusia *Neanderthal* sebagai spesies primitif, namun tegas Harun Yahya, ianya merupakan satu bangsa manusia moden kerana mereka turut menanam mayat, mengubah muzik dan mempunyai ketamadunan sebagaimana tamadun *Homo sapiens* yang hidup sezaman dengan mereka<sup>136</sup>.

Harun Yahya selanjutnya mengkritik evolusi manusia Darwinisme berasaskan tiga hujah utama berikut iaitu garis masa manusia moden dengan moyang mereka, sejarah kewujudan manusia moden, dan aspek bipedalisme.

### **1) Garis masa spesies manusia moden dengan moyang**

Harun Yahya menyatakan bahawa proses evolusi sepatutnya melibatkan perubahan secara beransur-ansur daripada beruk menjadi manusia dan fosil bentuk perantaraan perubahan tersebut juga sepatutnya telah banyak ditemui. Namun, wujud jurang yang besar antara beruk dengan manusia seperti spesies *Australopithecus* dan *Homo habilis* yang merupakan spesies beruk dengan spesies *Homo erectus* yang merupakan spesies manusia terutamanya daripada aspek kebolehan berdiri tegak<sup>137</sup>. Kronologi kemunculan spesies manusia sepatutnya didahului dengan spesies manusia *Australopithecus*, diikuti oleh *Homo habilis*, *Homo rudolfensis*, *Homo erectus* dan akhirnya menjadi *Homo sapiens*. Namun, kajian menunjukkan bahawa *Australopithecus* muncul di muka bumi kira-kira empat hingga sejuta tahun dahulu. *Homo habilis* pula hidup sekitar 1.7 hingga

---

<sup>133</sup> *Ibid*, hlm. 102-103.

<sup>134</sup> *Ibid*, hlm. 103.

<sup>135</sup> Manusia *Neanderthal* merupakan bangsa manusia yang muncul di Eropah sekitar dua ratus ribu tahun dahulu yang kemudiannya menghilang atau berasimilasi dengan bangsa lain sekitar tiga puluh lima ribu tahun dahulu. Lihat *Neanderthal*. (2005, September). Didapatkan Mei 31, 2012, daripada BBC: [http://www.bbc.co.uk/sn/tvradio/programmes/horizon/neanderthal\\_prog\\_summary.shtml](http://www.bbc.co.uk/sn/tvradio/programmes/horizon/neanderthal_prog_summary.shtml). Lihat juga *ibid*, hlm. 118.

<sup>136</sup> *Ibid*, hlm. 119.

<sup>137</sup> *Ibid*, hlm. 120.

1.9 juta tahun dahulu manakala *Homo rudolfensis* yang lebih maju daripada *Homo habilis* pula hidup sekitar 2.5 hingga 2.8 juta tahun dahulu; telah hidup sejuta tahun lebih awal daripada *Homo habilis* yang merupakan moyangnya! *Homo erectus* pula telah hidup sekitar 1.6 hingga 1.8 juta tahun dahulu iaitu sezaman dengan moyangnya, *Homo habilis*. Penemuan fosil *Sahelanthropus tchadensis* pada tahun 2002 di Chad menambahkan lagi kebingungan di kalangan saintis evolusi kerana struktur fosil yang berusia kira-kira tujuh juta tahun itu sama seperti manusia moden. Fosil itu jauh lebih tua daripada spesies *Australopithecus* yang dinyatakan Darwinisme sebagai moyang tertua keturunan manusia kerana fosil tertua spesies tersebut yang pernah ditemui hanyalah berusia lima juta tahun<sup>138</sup>. Justeru, berdasarkan fakta tersebut, tidak wujud kronologi susur galur proses evolusi manusia sebagaimana dakwaan Darwinisme<sup>139</sup>.

## 2) Sejarah kewujudan manusia moden

Berdasarkan rekod fosil, spesies *Homo sapiens* atau manusia moden telah wujud sejak sejuta tahun dahulu berdasarkan penemuan beberapa fosil zaman pertengahan Pleistocene oleh Louis Leakey di wilayah Kanjera berhampiran Tasik Victoria, Kenya pada tahun 1932. Namun, penemuan tersebut diketepikan pada awalnya kerana bertertangan dengan teori tersebut<sup>140</sup>. Saintis evolusi kemudiannya dikejutkan dengan penemuan sebuah lagi fosil oleh tiga orang ahli paleoantropologi Universiti Madrid yang diketuai oleh Juan Luis Arsuaga Ferreras di gua Gran Dolina yang terletak di Atapuerca, Sepanyol pada tahun 1995. Fosil yang berusia kira-kira lapan ratus ribu tahun merupakan rangka tulang kanak-kanak berusia sebelas tahun dan menyerupai manusia moden sepenuhnya. Saintis evolusi tidak dapat menerima kenyataan tersebut kerana mustahil untuk *Homo sapiens* hidup seawal itu. Mereka kemudiannya mencipta

<sup>138</sup> H. Yahya, (2002). *Darwinism refuted.*, hlm. 172.

<sup>139</sup> H. Yahya, (2001). *Penipuan evolusi.* 122-123.

<sup>140</sup> Louis Leakey (1903-1972) merupakan seorang ahli palaentologi evolusi. Pada tahun 1932, Leakey telah menemui beberapa fosil manusia zaman Pleistocene yang tidak banyak berbeza daripada manusia moden. Penemuan ini telah diketepikan oleh golongan evolusi kerana penemuannya menyebabkan dakwaan mereka mengenai evolusi manusia menjadi terbalik. Lihat *ibid*, hlm. 123-124.

satu spesies baharu iaitu *Homo antecessor* dan meletakkan fosil Atapuerca itu di bawah kategori tersebut<sup>141</sup>.

Harun Yahya selanjutnya mengemukakan penemuan oleh Louis Leakey pada tahun 1970-an di Olduvai Gorge, Tanzania. Penemuan tersebut menunjukkan bahawa sejarah manusia moden bermula lebih awal daripada lapan ratus ribu tahun. Leakey telah menemui pada lapisan dasar II bumi (*bed II layer*) fosil-fosil spesies *Australopithecus*, *Homo habilis* dan *Homo erectus* yang wujud bersama pada waktu yang sama. Lebih mengejutkan, pada lapisan tersebut juga Leakey telah menemui tinggalan sebuah pondok batu yang menyerupai pondok-pondok di Afrika dan pondok tersebut hanya mampu dibina oleh *Homo sapiens*. Penemuan Leakey itu membuktikan bahawa semua spesies terbabit telah wujud bersama sejak 1.7 juta tahun dahulu. Kewujudan manusia moden sejak 1.7 juta tahun dahulu juga diperkuuh dengan penemuan siri jejak tapak kaki pada tahun 1977 oleh Mary Leakey di Laetoli, Tanzania. Jejak berkenaan kekal pada satu lapisan batuan mendapan gunung berapi yang berusia kira-kira 3.6 juta tahun. Jejak tersebut menyamai tapak kaki manusia moden yang kemudiannya diperiksa dan dikaji oleh ahli-ahli paleoantropologi terkemuka<sup>142</sup>. Mereka kemudiannya menolak kenyataan tersebut. Sebaliknya, mereka menyatakan ianya milik spesies *Australopithecus* disebabkan usia jejak tersebut iaitu 3.6 juta tahun dan menganggap bahawa tidak mungkin manusia moden telah wujud setua itu. Tafsiran berkenaan, menurut Harun Yahya, membuktikan bahawa teori evolusi tidak berasaskan kepada penemuan saintifik tetapi lebih merupakan anggapan oleh pendokongnya. Menurutnya, jika wujud penemuan baharu yang bertentangan dengan teori itu, mereka akan mengenepikannya atau mengubahsuai penemuan terbabit agar bertepatan dengan

<sup>141</sup> H. Yahya, (2002). *Darwinism refuted.*, hlm 174-175.

<sup>142</sup> Antara ahli-ahli paleoantropologi berkenaan ialah Donald Johanson, Tim White, Louis Robbins, dan Russell H. Tuttle. Lihat komen-komen mereka mengenai siri jejak tersebut sebagaimana yang dinukilkhan oleh Harun Yahya dalam *ibid*, hlm. 175-179.

teori evolusi menjadikan teori itu bukan lagi hipotesis sains tetapi dogma yang bersadurkan sains<sup>143</sup>.

### 3) Aspek bipedalisme

Bipedalisme merupakan keistimewaan yang hanya dimiliki manusia dan tidak pada mamalia lain iaitu keupayaan berjalan tegak menggunakan dua kaki. Mamalia seperti beruang dan monyet walaupun mampu berdiri tegak namun pergerakannya amat terhad dan hanya untuk masa yang singkat disebabkan struktur rangkanya lebih cenderung ke hadapan yang sesuai dengan pergerakan empat kaki (kuadrupedal)<sup>144</sup>. Harun Yahya menyatakan, kajian membuktikan tidak pernah dan mustahil untuk berlakunya evolusi kuadrupedal kepada bipedal. Daripada perspektif evolusi, bipedalisme bukanlah suatu kelebihan kerana pergerakan monyet secara kuadrupedal adalah lebih mudah, cepat dan berkesan berbanding bipedalisme manusia. Bipedalisme menjadikan manusia bergerak lebih perlahan di daratan. Berdasarkan teori evolusi, manusia yang sepatutnya berevolusi menjadi hidupan kuadrupedal dan bukan sebaliknya<sup>145</sup>.

#### 4.2.2.8 Kompleksiti makromolekul

Harun Yahya menyatakan bahawa DNA yang terkandung dalam nukleus setiap seratus trilion sel dalam tubuh manusia merupakan cetakan biru (*blueprint*) bagi pembinaan dan perkembangan tubuh manusia<sup>146</sup>. Setiap nukleotida yang membentuk DNA tersebut mestilah berada dalam jujukan yang betul. Jika tidak, gen yang terhasil akan menjadi gen yang tidak berguna. Beliau menegaskan bahawa tubuh manusia mengandungi kira-kira 200 000 gen dan mustahil bagi kesemua gen ini; yang mesti dalam jujukan yang

---

<sup>143</sup> *Ibid*, hlm. 179-180.

<sup>144</sup> *Ibid*, hlm. 180.

<sup>145</sup> Kajian oleh Profesor Robin Huw Crompton, profesor anatomji manusia Universiti Liverpool pada tahun 1996 menunjukkan bahawa struktur perantara dalam proses evolusi kuadrupedal kepada bipedal adalah mustahil untuk berlaku. Struktur separa bipedal-kuadrupedal akan menggunakan tenaga yang banyak dan tidak efisien. Crompton menyimpulkan bahawa sesuatu makhluk hidup hanya boleh berjalan sama ada secara bipedal ataupun kuadrupedal. Kesimpulan ini sekaligus menunjukkan bahawa proses evolusi bipedalisme bercanggah dengan perkembangan berperingkat menurut teori evolusi Darwinisme. Lihat *ibid*, hlm. 181.

<sup>146</sup> Kesemua maklumat berkaitan seorang manusia adalah bersamaan dengan kira-kira sembilan ratus jilid buku yang setiap satunya mempunyai lima ratus muka surat. Namun, maklumat itu disimpan di dalam molekul-molekul DNA yang hanya bersaiz satu perseratus daripada satu milimeter panjang satu sel sahaja. Lihat *ibid*, hlm. 217.

betul dan tepat untuk berfungsi, terbentuk secara kebetulan. Beliau memetik pendapat Frank B. Salisbury (lahir pada tahun 1926);

*"A medium protein might include about 300 amino acids. The DNA gene controlling this would have about 1,000 nucleotides in its chain. Since there are four kinds of nucleotides in a DNA chain, one consisting of 1,000 links could exist in 41,000 forms. Using a little algebra (logarithms) we can see that  $41,000=10600$ . Ten multiplied by itself 600 times gives the figure 1 followed by 600 zeros! This number is completely beyond our comprehension."*<sup>147</sup>

Selain itu, DNA dan protein saling memerlukan. DNA tidak dapat membentuk DNA lain tanpa bantuan protein dan protein juga tidak boleh disintesikan tanpa kehadiran DNA. DNA terlibat dalam sintesis protein pada peringkat transkripsi sebagai templat yang ditranskripsi membentuk RNA dan seterusnya diterjemah menjadi protein. DNA memerlukan enzim untuk penggandaan pembentukannya menerusi replikasi.<sup>148</sup>. DNA, RNA dan protein mempunyai struktur yang sangat kompleks dari segi kimianya dan mustahil untuk terbentuk secara kebetulan dan rawak sebagaimana kenyataan oleh Dr. Leslie Orgel (1927-2007), seorang saintis evolusi, yang dipetiknya daripada Jurnal *Scientific American*;

*"It is extremely improbable that proteins and nucleic acids, both of which are structurally complex, arose spontaneously in the same place at the same time. Yet it also seems impossible to have one without the other. And so, at first glance, one might have to conclude that life could never, in fact, have originated by chemical means."*<sup>149</sup>

Harun Yahya juga mengkritik hipotesis ‘Dunia RNA’<sup>150</sup> yang mencadangkan RNA sebagai molekul pertama yang terbentuk, diikuti dengan protein dan DNA. Menurut hipotesis itu, berbilion-bilion tahun dahulu, RNA berupaya mereplika dirinya sendiri yang terjadi tanpa disengajakan. Molekul-molekul RNA ini kemudiannya menghasilkan protein yang diaktifkan oleh pengaruh-pengaruh luar. Berikut

<sup>147</sup> Ibid. Untuk bacaan lanjut, lihat F. B. Salisbury, (1971). Doubts about the modern synthetic theory of evolution. *The American Biology Teacher*, 33(6), 335-338.

<sup>148</sup> H. Yahya, (2002). *Darwinism refuted.*, hlm. 219.

<sup>149</sup> Dipetik oleh Harun Yahya daripada Leslie E. Orgel, "The Origin of Life on Earth," *Scientific American*, Vol. 271, October 1994, p. 78. Lihat *ibid*, hlm. 220.

<sup>150</sup> Hipotesis ini dikemukakan oleh Walter Gilbert (lahir 1932), seorang ahli kimia Harvard pada tahun 1986 hasil inspirasi penemuan ribozym oleh Thomas Cech (lahir 1947). Lihat *ibid*, hlm. 221.

wujudnya keperluan menyimpan maklumat, maka DNA terbentuk. Hipotesis ini, menurut Harun Yahya, gagal menjawab tiga isu utama iaitu; (1) kemustahilan nukleotida-nukleotida membentuk struktur RNA dengan jujukan spesifik secara kebetulan, (2) sekiranya RNA terbentuk secara kebetulan, hipotesis itu masih gagal menjelaskan sebab RNA yang hanya mengandungi rantaian nukleotida memilih untuk mereplika dirinya sendiri, kaedah dan mekanisme proses replikasi itu berlaku, dan sumber nukleotida yang digunakan dalam proses terbabit, dan (3) seandainya wujud proses replikasi kendiri RNA dalam bumi purba, dan semua asid amino yang diperlukan RNA untuk menghasilkan protein telah wujud, pembentukan satu protein berfungsi masih lagi mustahil kerana RNA hanya memiliki maklumat berkaitan struktur protein manakala asid amino merupakan bahan mentah. Tidak wujud sebarang mekanisme sintesis protein. Protein dihasilkan menerusi ribosom; satu organel sel yang sangat kompleks melibatkan pelbagai jenis enzim, dan proses sintesisnya sangat kompleks; melibatkan sekurang-kurang lima puluh komponen makromolekul. Kenyataan Darwinisme bahawa ribosom; dengan strukturnya yang sangat kompleks, juga terbentuk secara kebetulan pada waktu yang sama menjadikan hipotesis itu sebagai tidak logik dan secara jelas bertentangan dengan fakta sains<sup>151</sup>.

Justeru, beliau menyimpulkan bahawa berdasarkan senario protein dan DNA di atas, mustahil dan tidak mungkin kehidupan wujud secara kebetulan. Menurutnya, sekiranya ketidakbarangkalian tersebut diketepikan, pembentukan hidupan pertama secara kebetulan tetap suatu perkara mustahil. Tegasnya, seandainya hidupan pertama itu berjaya terbentuk, organisma itu hanya akan hidup buat seketika sebelum mati tanpa meninggalkan sebarang zuriat kerana ianya masih tidak mampu untuk membiak dan membentuk generasi baharu. Kehidupan yang baru bermula itu berakhir dengan kematianya. Sistem genetik bukan hanya mengandungi DNA semata-mata tetapi pelbagai jenis komponen biologi seperti RNA (yang terdiri daripada RNA pengangkut,

---

<sup>151</sup> *Ibid*, hlm. 222-224.

RNA ribosom, dan RNA pengutus), enzim, organel, dan mekanisme dan proses biologi sel yang sangat kompleks. Suatu organisma hanya dapat mereplikasi jika wujud secara lengkap dengan semua organelnya. Beliau kemudiannya membawa analogi sebuah kereta. Mustahil, menurutnya, bagi sesiapa untuk menyatakan bahawa semua komponen kereta tersebut bergabung secara rawak dan semula jadi membentuk sebuah kereta yang berteknologi tinggi. Sebaliknya, mereka akan menyatakan bahawa kereta merupakan ciptaan pintar yang dihasilkan oleh penciptanya. Beliau menyimpulkan bahawa makhluk hidup dan alam ini merupakan ciptaan pintar yang dicipta secara teratur dan merupakan bukti hidup yang menolak berlakunya proses kebetulan dalam pembentukan alam ini sekaligus menolak dakwaan dan kenyataan teori evolusi mengenai asal-usul kejadian kehidupan di bumi<sup>152</sup>.

#### **4.2.2.9 Homologi, rekapitulasi dan organ sisa**

##### **1) Homologi**

Harun Yahya mengkritik homologi yang dikemukakan golongan Darwinisme berdasarkan tiga hujah utama iaitu; (1) organ-organ homolog wujud dalam hidupan-hidupan yang berlainan filum dan golongan evolusionisme gagal membuktikan sebarang hubungan evolusi antara hidupan terbabit, (2) kod genetik organisma yang mempunyai organ homolog sangat berbeza antara satu sama lain, dan (3) perkembangan embriologi organ-organ homolog dalam hidupan berlainan adalah jauh berbeza<sup>153</sup>.

Dalam hujah pertamanya, pengklasifikasian sesuatu organ sebagai analog atau homolog, menurutnya, merupakan pentafsiran saintis Darwinisme sahaja dan bukan berdasarkan asas saintifik yang jelas<sup>154</sup>. Beliau menjelaskannya dengan mengemukakan contoh struktur mata sotong kurita dengan mata manusia. Menurutnya, walaupun mata kedua-duanya mempunyai persamaan daripada segi struktur dan fungsi namun saintis

---

<sup>152</sup> *Ibid*, hlm. 224-227.

<sup>153</sup> *Ibid*, hlm. 227-228.

<sup>154</sup> Harun Yahya juga menyatakan sekiranya mata sotong kurita itu merupakan hasil daripada proses kebetulan dan rawak; sebagaimana menurut kenyataan teori evolusi, timbul persoalan bagaimana mata dengan struktur dan fungsi yang boleh terhasil dalam hidupan vertebrata melalui proses kebetulan juga. Lihat *ibid*, hlm. 230.

evolusi tidak pula mengklasifikasikannya sebagai organ homolog sebaliknya sebagai organ analog. Selain itu, klasifikasi organ homolog juga digugat dengan ciri-ciri yang wujud dalam kumpulan haiwan mamalia<sup>155</sup> iaitu kewujudan pasangan kembar bagi haiwan mamalia kumpulan plasenta dengan kumpulan marsupial seperti serigala Amerika Utara (mamalia plasenta) dengan serigala Tasmania (mamalia marsupial). Kedua-duanya disifatkan sebagai terpisah dan terputus daripada sudut sejarah evolusinya kerana benua Australia (tempat asal serigala Tasmania) telah terpisah daripada benua Gondwanaland. Pada waktu itu juga, masih belum wujud serigala. Namun, struktur tengkorak kedua-duanya hampir sama<sup>156</sup>. Oleh sebab itu, berdasarkan teori evolusi, adakah ianya bermakna proses pembentukan pasangan haiwan itu; yang terasing daripada sudut sejarah evolusi, wilayah dan perkembangannya, berevolusi secara mutasi dan kebetulan sebanyak dua kali dalam dua spesies yang jauh berbeza? Homologi, menurut Harun Yahya, tidak boleh dijadikan sebagai bukti kepada teori evolusi kerana selain daripada situasi di atas, terdapat juga organisma yang disifatkan mempunyai hubungan evolusi yang rapat tetapi organ-organnya berbeza daripada aspek strukturnya<sup>157</sup>.

Hujah keduanya ialah mengenai kod genetik yang mengawal organ homolog. Teori evolusi menyatakan bahawa organ-organ homolog adalah sama daripada aspek sejarah evolusinya. Namun, Harun Yahya mengkritik kenyataan itu kerana organ-organ homolog dalam hidupan yang berbeza dikawal oleh kod-kod genetik yang berbeza dalam setiap organisma. Kod-kod genetik yang hampir sama dalam organisma yang berlainan juga mengekodkan organ-organ yang sama sekali berbeza dalam setiap

---

<sup>155</sup> Saintis mengelompokkan haiwan-haiwan mamalia kepada tiga kelompok utama iaitu plasenta, marsupial dan monotrem. Golongan evolusionisme mempercayai bahawa pembahagiann ini berlaku selepas munculnya haiwan mamalia pertama. Setiap kumpulan mamalia tersebut kemudiannya berevolusi dan berkembang secara berasingan daripada segi sejarah evolusinya. Lihat *ibid*, hlm. 231.

<sup>156</sup> *Ibid*, hlm. 231-232.

<sup>157</sup> Harun Yahya membawakan contoh kumpulan haiwan Krustacea. Menurutnya, kebanyakan haiwan Krustacea mempunyai mata berstruktur kanta pembiasan. Hanya udang halus (*shrimp*) dan udang galah (*lobster*) sahaja yang mempunyai mata berstruktur kanta pemantulan. Lihat *ibid*, hlm. 233.

organisma tersebut<sup>158</sup>. Perkara inilah yang telah dibangkitkan oleh Gavin de Beer (1899-1972), seorang ahli biologi evolusi yang menyatakan,

*“What mechanism can it be that results in the production of homologous organs, the same ‘patterns’, in spite of their not being controlled by the same genes? I asked this question in 1938, and it has not been answered”<sup>159</sup>.*

Hujah ketiganya ialah mengenai perkembangan embriologi. Jelasnya, sekiranya organ-organ homolog itu mempunyai sejarah evolusi dan berasal daripada moyang yang sama, maka peringkat-peringkat perkembangan embriologi struktur organ-organ berkenaan mestilah selari sama ada dalam peringkat telur maupun kandungan induknya. Namun, pada peringkat permulaan perkembangan embriologi lagi telah menunjukkan perbezaan bentuk yang sangat ketara dalam setiap organisma terbabit. Contohnya, perkembangan embriologi katak bermula dengan hidup sebagai berudu yang berenang di dalam air (dikenali sebagai peringkat larva) dan kemudiannya berkembang menjadi haiwan berkaki empat pada peringkat akhir metamorfosisnya. Namun, terdapat juga spesies katak yang tidak melalui peringkat larva dalam perkembangannya. Namun, apabila dewasa, ianya menyerupai spesies katak yang melalui peringkat larva dan sukar untuk dibezaikan<sup>160</sup>.

Golongan evolusi percaya bahawa struktur homolog anggota pentadaktil dalam tetrapoda menunjukkan hidupan-hidupan berkenaan berasal daripada satu moyang. Harun Yahya mengkritik kenyataan tersebut sebagai tiada asas saintifik kerana golongan itu juga menerima kewujudan struktur anggota pentadaktil tersebut dalam haiwan yang tiada sebarang perkaitan sejarah evolusi<sup>161</sup>. Justeru, struktur pentadaktil itu tidak boleh menjadi hujah menyokong kenyataan mereka itu<sup>162</sup>. Kajian biologi molekul juga menunjukkan bahawa struktur anggota pentadaktil homolog tersebut dikawal oleh

---

<sup>158</sup> *Ibid.*

<sup>159</sup> Dipetik oleh Harun Yahya daripada Gavin De Beer, *Homology: An Unsolved Problem*, Oxford University Press, London, 1971, hlm. 16. Lihat *ibid*, hlm. 234.

<sup>160</sup> *Ibid.* 234.

<sup>161</sup> Dua kertas kerja saintifik tulisan Michael I. Coates, profesor biologi organisma dan anatomji, Universiti Chicago yang diterbitkan pada 1991 dan 1996 menyatakan bahawa struktur anggota pentadaktil *anthracosaurs* dan amfibia terbentuk secara bebas dan terpisah pada dua masa yang berlainan. Lihat *ibid*, hlm. 236.

<sup>162</sup> *Ibid*, hlm. 235-236.

gen-gen yang sama sekali berbeza dalam organisma yang berlainan<sup>163</sup>. Golongan evolusi juga mendakwa bahawa persamaan kod-kod DNA dan struktur protein dalam hidupan membuktikan hidupan tersebut telah berevolusi daripada moyang yang sama<sup>164</sup>.

Harun Yahya menjelaskan bahawa persamaan struktur DNA tersebut disebabkan proses-proses asas biologi dalam organisma adalah sama dan manusia juga yang merupakan organisma hidup yang turut melalui proses yang sama seperti proses penyerapan makromolekul, proses pernafasan (yang melibatkan proses menyerap masuk oksigen dan menyingkir keluar karbon dioksida) dan sebagainya. Struktur DNA yang hampir sama antara hidupan termasuklah manusia tidak boleh dijadikan sebagai asas dan bukti teori evolusi<sup>165</sup>.

Isu homologi berkait rapat dengan ‘pohon salasilah evolusi’ (*evolutionary tree*)<sup>166</sup>. Penyelidikan dalam bidang genetik organisma menunjukkan bahawa ‘pohon salasilah evolusi’ yang dikemukakan oleh saintis-saintis evolusi adalah pincang dan bertentangan antara satu sama lain yang diakui sendiri saintis evolusi<sup>167</sup>. Kajian yang asalnya bertujuan untuk mengesahkan hipotesis homologi telah menemui hasil yang

<sup>163</sup> *Ibid*, hlm. 237.

<sup>164</sup> Golongan evolusi mendakwa persamaan yang sangat banyak antara DNA manusia dan beruk menunjukkan bahawa manusia dan beruk berasal daripada moyang yang sama. Lihat *Ibid*, hlm. 237.

<sup>165</sup> Harun Yahya menegaskan bahawa kajian sains menunjukkan bahawa dakwaan evolusi yang DNA manusia dan cimpanzi adalah 98% ke 99% sama adalah salah. Sebaliknya, penemuan menunjukkan bahawa DNA manusia adalah 75% sama dengan cacing-cacing filum Nematod sedangkan berdasarkan salasilah haiwan yang dihasilkan oleh golongan evolusi, manusia yang tergolong dalam filum *Chordata* dengan filum Nematod telah lama terpisah dan berbeza sejak 530 juta tahun dahulu. Justeru, beliau menyimpulkan bahawa persamaan antara DNA antara sesetengah spesies bukanlah bukti bahawa hidupan berasal daripada moyang yang sama. Lihat *Ibid*, hlm. 237-238.

<sup>166</sup> Pohon salasilah evolusi tersebut hasil daripada kaedah perbandingan antara organisma-organisma sama ada perbandingan jujukan protein, RNA ribosom (rRNA), dan gen. Lihat *Ibid*, hlm. 243.

<sup>167</sup> Pertantangan ini diakui pelbagai saintis biologi molekul sebagaimana yang dinyatakan oleh Carl Woese dari Universiti Illinois mengakui bahawa konsep filogeni atau pohon salasilah evolusi tersebut menjadi tidak bererti berdasarkan penemuan-penemuan dalam bidang tersebut yang telah dinukilkan oleh Harun Yahya;

“No consistent organismal phylogeny has emerged from the many individual protein phylogenies so far produced. Phylogenetic incongruities can be seen everywhere in the universal tree, from its root to the major branchings within and among the various [groups] to the makeup of the primary groupings themselves.”

Selain itu, Harun Yahya juga memetik petikan dari Science terbitan 21 Mei 1999 yang turut menyebut tentang permasalahan yang timbul berkaitan homologi dan filogeni iaitu;

“A year ago, biologists looking over newly sequenced genomes from more than a dozen microorganisms thought these data might support the accepted plot lines of life's early history. But what they saw confounded them. Comparisons of the genomes then available not only didn't clarify the picture of how life's major groupings evolved, they confused it. And now,

with an additional eight microbial sequences in hand, the situation has gotten even more confusing.... Many evolutionary biologists had thought they could roughly see the beginnings of life's three kingdoms... When full DNA sequences opened the way to comparing other kinds of genes, researchers expected that they would simply add detail to this tree. But "nothing could be further from the truth," says Claire Fraser, head of The Institute for Genomic Research (TIGR) in Rockville, Maryland. Instead, the comparisons have yielded many versions of the tree of life that differ from the rRNA tree and conflict with each other as well...”

Bagi rujukan lanjut, rujuk Elizabeth Pennisi, "Is It Time to Uproot the Tree of Life?" Science, vol. 284, no. 5418, 21 Mei 1999, hlm. 1305.

Lihat *ibid*, hlm. 244.

bercanggah; spesies-spesies yang didakwa sebagai mempunyai pertalian sejarah evolusi sebenarnya adalah berbeza antara satu sama lain<sup>168</sup>. Persamaan struktur organ dalam hidupan telah dijelaskan secara saintifik tanpa berasaskan kepada teori evolusi oleh saintis sebelum Darwin seperti Carl Linnaeus dan Robert Owen<sup>169</sup>. Mereka menjelaskan persamaan tersebut bukanlah disebabkan oleh organisma-organisma berevolusi daripada moyang yang sama tetapi merupakan contoh kepada rekaan sepunya (*common design*) iaitu struktur tersebut sengaja direka sedemikian bagi menjalankan fungsi-fungsi khusus dalam organisma tersebut<sup>170</sup>.

## 2) Rekapitulasi

Harun Yahya mengkritik teori rekapitulasi (*recapitulation*) yang diketengahkan oleh Ernst Haeckel, seorang pendokong kuat teori evolusi Darwinisme, pada akhir abad kesembilan belas. Rekapitulasi menyatakan bahawa embrio sesuatu organisma akan melalui semula pengalaman proses evolusi yang pernah dialami oleh moyang (atau pseudo-moyang menurut Harun Yahya) spesies tersebut. Haeckel telah menghasilkan satu set lukisan embrio-embrio yang mirip antara satu sama lain pada peringkat perkembangan embriologi yang sama<sup>171</sup>. Dalam kes manusia; embrio manusia akan memaparkan sifat-sifat seekor ikan ketika melalui proses perkembangan di dalam kandungan ibu, yang kemudiannya berkembang dan bersifat seperti reptilia, dan akhirnya bersifat dengan sifat manusia. Harun Yahya membidas kenyataan tersebut yang menyifatkannya sebagai satu penipuan. Ciri-ciri insang yang didakwa muncul pada peringkat awal embriologi sebenarnya merupakan fasa awal saluran tengah telinga (*middle-ear canal*), paratiroid dan timus. Bahagian embrio yang kelihatan seperti kantung kuning telur merupakan kantung yang menghasilkan darah untuk bayi manakala bahagian yang dianggap sebagai ekor oleh Haeckel hakikatnya merupakan


<sup>168</sup> *Ibid*, hlm. 243-244.

<sup>169</sup> Richard Owen (1804-1892) merupakan seorang ahli biologi, perbandingan anatomi dan palaentologi Inggeris. Owen terkenal sebagai penentang teori evolusi Darwinisme. Owen diingati sebagai individu yang memperkenalkan istilah ‘Dinosuria’ (bermaksud Reptilia yang Ganas).

<sup>170</sup> *Ibid*, hlm. 245.

<sup>171</sup> E. Pennisi, (1997). Haeckel's embryos: Fraud rediscovered. *Science*, 277(5331), 1435. Didapatkan Julai 17, 2012, daripada <http://www.sciencemag.org/content/277/5331/1435.1.full>.

bahagian tulang belakang; bentuknya seperti ekor pada peringkat itu kerana ianya terbentuk terlebih dahulu sebelum terbentuknya kaki<sup>172</sup>.



**Gambar 2:** Rekapitulasi melibatkan manipulasi lakaran embrio oleh Haeckel. Lihat C. Luskin, (2007, Mei 26). *The Textbooks Don't Lie: Haeckel's Faked Drawings Have Been Used to Promote Evolution: Miller & Levine (1994) (Part I)*. Didapatkan November 5, 2012, daripada Evolution news and views:

Harun Yahya menegaskan, kepaluan terbesar teori itu ialah Ernst Haeckel sendiri yang telah mengubahsuai lukisan embrionya agar selari dan menyokong teorinya. Haeckel mengakui perkara tersebut dengan alasan saintis evolusi lain turut melakukan perkara serupa<sup>173</sup>. Kajian perbandangan oleh Michael Richardson (lahir tahun 1963), ahli embriologi dari Sekolah Perubatan Hospital St. George, London<sup>174</sup> pada tahun 1995 jelas menunjukkan Haeckel telah melakukan penambahan dan penyingkiran sesuatu bahagian embrio dalam lukisannya, dan telah memalsukan skala saiz sebenar sesuatu

<sup>172</sup> H. Yahya, (2002). *Darwinism refuted.*, hlm. 255.

<sup>173</sup> Harun Yahya memetik kenyataan Haeckel yang mengakui kesalahannya itu;

*"After this compromising confession of 'forgery' I should be obliged to consider myself condemned and annihilated if I had not the consolation of seeing side by side with me in the prisoner's dock hundreds of fellow-culprits, among them many of the most trusted observers and most esteemed biologists. The great majority of all the diagrams in the best biological textbooks, treatises and journals would incur in the same degree the charge of 'forgery' for all of them are inexact, and are more or less doctored, schematised and constructed."*

Bagi keterangan lanjut, lihat Francis Hitching, (1982). *The Neck of the Giraffe: Where Darwin Went Wrong*, New York: Ticknor and Fields, hlm. 204. *Ibid*, hlm. 256.

<sup>174</sup> Kajian tersebut dilakukan dengan membandingkan lukisan Haeckel dengan foto sebenar embrio. Lihat M. K. Richardson, J. Hanken, M. L. Gooneratne, C. Pieau, A. Raynaud, L. Selwood, & G. M. Wright, (1997). There is no highly conserved embryonic stage in the vertebrates: Implications for current theories of evolution and development. *Anatomy and Embryology*, 196(2), 91-106, dan E. Pennisi, (1997). Haeckel's embryos: Fraud rediscovered. *Science*, 277(5331), 1435. Didapatkan Julai 17, 2012, daripada <http://www.sciencemag.org/content/277/5331/1435.1.full>.

embrio supaya embrio-embrio tersebut kelihatan sama<sup>175</sup>. Justeru, teori rekapitulasi Haeckel ternyata palsu dan satu penipuan.

### 3) Organ sisa (*vestigial organs*)

Darwinisme menyatakan bahawa organ sisa (*vestigial organ*) dalam sesuatu spesies merupakan bahagian sisa tinggalan moyangnya dalam proses evolusi. Ianya didakwa tidak berguna dan tidak mempunyai apa-apa fungsi dalam tubuh. Namun, dakwaan tersebut dikritik oleh Harun Yahya sebagai salah kerana organ-organ tersebut sebenarnya mempunyai fungsinya tersendiri dalam tubuh yang sebahagiannya masih belum diketahui lagi fungsi sebenarnya<sup>176</sup>. Seiring dengan penemuan sains semasa, senarai organ sisa<sup>177</sup> semakin berkurang. Darwinisme menyatakan bahawa organ sisa diwarisi daripada spesies moyang yang lebih primitif. Namun, Harun Yahya menyanggah kenyataan itu kerana sesetengah organ sisa yang wujud dalam spesies manusia misalnya, tidak wujud dalam spesies beruk tetapi wujud pula dalam spesies sebelumnya<sup>178</sup>. Sekiranya dakwaan Darwinisme mengenai organ sisa adalah benar, maka organ-organ berkenaan sepatutnya mengalami atrofi dan akhirnya lenyap seiring dengan peredaran masa. Justeru, kenyataan Darwinisme mengenai organ sisa adalah cacat dari segi logik dan tidak konsisten kewujudannya dan tidak boleh menjadi bukti kebenaran teori tersebut<sup>179</sup>.

---

<sup>175</sup> Antara contoh pemalsuan tersebut ialah lukisan pada peringkat tunas ekor yang kelihatan serupa antara embrio spesies-spesies terlibat. Meskipun embrio-embrio tersebut berkongsi ciri-ciri yang sama, namun setiap satunya mempunyai perbezaan ketara. Contohnya, embrio manusia yang sebenarnya pada peringkat tersebut mempunyai bonjolan kecil yang dikenali sebagai tunas anggota (*limb bud*) tetapi tunas tersebut ditiadakan dalam lukisan Haeckel. Lihat H. Yahya, (2002). *Darwinism refuted.*, hlm. 256.

<sup>176</sup> Apendiks yang dikategorikan sebagai organ sisa berfungsi sebagai sebahagian daripada sistem limfa yang berfungsi melawan jangkitan dalam tubuh. Tulang tongkeng pula berperanan sebagai penyokong kepada tulang-tulang sekitar tulang pinggul (pelvis) dan turut berfungsi sebagai titik penumpuan bagi sebahagian otot-otot kecil. Tanpanya, manusia tidak akan selesa ketika duduk. Lihat *ibid*, hlm. 251.

<sup>177</sup> Senarai organ-organ sisa telah dibuat oleh ahli anatomi Jerman, R. Wiedersheim pada tahun 1895. Kira-kira seratus organ telah dimasukkan ke dalam senarai tersebut termasuklah apendiks, tulang tongkeng (*coccyx*), dan timus (*thymus*). Lihat *ibid*, hlm. 250-251.

<sup>178</sup> Harun Yahya membawakan contoh apendiks. Apendiks yang terdapat dalam tubuh manusia tidak wujud dalam spesies beruk yang dikatakan golongan evolusi sebagai moyang kepada manusia. Harun Yahya memetik kenyataan oleh Profesor H. Enoch (1905-1988), seorang professor zoology dari India daripada bukunya '*Evolution or Creation*',

"Apes possess an appendix, whereas their less immediate relatives, the lower apes, do not; but it appears again among the still lower mammals such as the opossum. How can the evolutionists account for this?".

Lihat *ibid*, hlm. 252.

<sup>179</sup> *Ibid*, hlm. 253.

#### **4.2.2.10 Percanggahan teori evolusi Darwinisme dengan Hukum Kedua Termodinamik**

Harun Yahya juga mengkritik teori evolusi Darwinisme daripada pertimbangan Hukum Kedua Termodinamik atau turut dikenali sebagai Hukum Entropi<sup>180</sup>. Hukum tersebut menyatakan, dalam keadaan normal, semua sistem yang bergerak sendiri cenderung untuk menjadi tidak teratur, berselerak dan rosak seiring dengan masa. Semua benda sama ada hidup ataupun tidak akan menjadi lusuh, usang, merosot, berpecah dan akhirnya musnah; proses yang tidak boleh dielakkan dan perlu dilalui semua benda sama ada melalui satu cara atau lebih<sup>181</sup>.

Darwinisme menyatakan bahawa atom-atom dan molekul-molekul yang berselerak, tidak teratur, dan tidak bernyawa secara spontan berkumpul dalam satu masa dan membentuk struktur kompleks seperti DNA, RNA dan protein yang bergabung membentuk organisma ringkas yang kemudiannya berevolusi menjadi organisma lebih kompleks. Proses evolusi itu juga berlaku secara semula jadi, sendiri dan kebetulan<sup>182</sup>. Harun Yahya menjelaskan bahawa kenyataan teori itu ternyata bercanggah dan bertentangan dengan Hukum Kedua Termodinamik dan diakui sendiri oleh saintis evolusionisme<sup>183</sup>. Namun, terdapat juga saintis evolusionisme yang tetap mempertahankan teori evolusi dengan menyatakan bahawa proses evolusi mengatasi

---

<sup>180</sup> Entropi merupakan sukatan atau ukuran ketakaturan sesuatu sistem. Menurut hukum entropi, alam semesta akan menjadi lebih tidak teratur, tidak tersusun dan tidak terancang. Lihat *ibid*, hlm. 294.

<sup>181</sup> *Ibid*.

<sup>182</sup> *Ibid*, hlm. 295-296.

<sup>183</sup> Harun Yahya memetik beberapa pengakuan saintis evolusi mengenai masalah tersebut seperti kenyataan oleh J.H. Rush; *In the complex course of its evolution, life exhibits a remarkable contrast to the tendency expressed in the Second Law of Thermodynamics. Where the Second Law expresses an irreversible progression toward increased entropy and disorder, life evolves continually higher levels of order.*

Harun Yahya juga membawakan kenyataan oleh Roger Lewin;

*One problem biologists have faced is the apparent contradiction by evolution of the second law of thermodynamics. Systems should decay through time, giving less, not more, order.*

Kenyataan George Strayoulos juga dipetik yang mengulas mengenai kemustahilan teori evolusi itu menurut Hukum Kedua Termodinamik iaitu;

*Yet, under ordinary conditions, no complex organic molecule can ever form spontaneously, but will rather disintegrate, in agreement with the second law. Indeed, the more complex it is, the more unstable it will be, and the more assured, sooner or later, its disintegration. Photosynthesis and all life processes, and even life itself, cannot yet be understood in terms of thermodynamics or any other exact science, despite the use of confused or deliberately confusing language.*

Lihat *ibid*, hlm. 296.

Hukum Kedua Termodinamik<sup>184</sup>. Kenyataan tersebut jelas membuktikan bahawa teori evolusi lebih merupakan kepercayaan dogma berbanding sebagai teori sains<sup>185</sup>.

Selanjutnya, wujud kekeliruan yang telah ditimbulkan golongan evolusi mengenai Hukum Kedua Termodinamik dengan sistem termodinamik<sup>186</sup>. Golongan evolusi yakin bahawa alam semesta merupakan suatu sistem terbuka dan tidak tertakluk dengan hukum tersebut yang didakwa hanya terpakai kepada sistem tertutup sahaja<sup>187</sup>. Harun Yahya menjelaskan, golongan terbabit cuba untuk memutarbelitkan fakta saintifik. Hukum Kedua Termodinamik juga terpakai kepada sistem terbuka. Kenyataan pihak Darwinisme bahawa alam semesta mempunyai aliran tenaga, tidak cukup untuk menjadikan alam ini menjadi teratur. Aliran tenaga tersebut memerlukan mekanisme khas dalam mengubah sesuatu tenaga menjadi bentuk tenaga yang lain. Meskipun cahaya matahari merupakan sumber tenaga utama bagi hidupan, namun tenaga ianya perlu ditukarkan menjadi tenaga kimia melalui suatu sistem penukaran tenaga yang kompleks. Tanpa sistem tersebut, hidupan tidak dapat hidup. Kemasukan cahaya matahari dalam kuantiti yang banyak ke dalam dunia tidak mampu menjadikan dunia ini teratur dengan sendirinya dan tenaga yang wujud juga tidak berupaya membentuk protein yang kompleks sifatnya daripada asid amino ringkas secara sendiri, apatah lagi untuk menghasilkan hidupan yang sangat kompleks struktur dan sistemnya<sup>188</sup>.

Seterusnya, Harun Yahya menjelaskan dua konsep yang berbeza iaitu ‘teratur’ (*ordered*) dan ‘terancang’ (*organized*) yang golongan evolusi terkeliru dengannya.

---

<sup>184</sup> Antara saintis evolusi yang membuat kenyataan sedemikian ialah Jeremy Rifkin iaitu;

*The Entropy Law says that evolution dissipates the overall available energy for life on this planet. Our concept of evolution is the exact opposite. We believe that evolution somehow magically creates greater overall value and order on earth.*

Lihat *ibid*, hlm. 296-297.

<sup>185</sup> *Ibid*, hlm. 297.

<sup>186</sup> Termodinamik merupakan kajian terhadap perubahan tenaga yang berlaku dalam sesuatu bahan dan dibahagikan kepada sistem terbuka dan sistem tertutup. Istilah sistem merujuk kepada bahan yang dikaji dan selain daripadanya dipanggil persekitaran. Sistem terbuka merupakan sistem yang tenaga boleh dipindahkan antara sistem dengan persekitarannya; tenaga mengalir masuk daripada persekitaran ke dalam sistem dan tenaga mengalir keluar daripada sistem ke persekitaran. Sistem tertutup ialah sistem yang dipencarkan daripada persekitarannya; seperti cecair di dalam kelalang termos. Lihat N. A. Campbell, & J. B. Reece, (2005). *Biology* (7th ed.). San Francisco: Pearson Benjamin Cummings., hlm. 143.

<sup>187</sup> Golongan evolusi berhujah bahawa alam ini merupakan sistem terbuka kerana sentiasa terdedah kepada aliran tenaga daripada cahaya matahari. Hokum entropi juga menurut mereka tidak terpakai kepada alam ini secara keseluruhan kerana hidupan yang kompleks dan tersusun boleh terjadi daripada struktur tidak bernyawa, ringkas dan tidak tersusun. Lihat H. Yahya, (2002). *Darwinism refuted.*, hlm. 297.

<sup>188</sup> *Ibid*, hlm. 297-298.

Mereka berusaha mengharmonikan hukum termodinamik dengan evolusi bagi membuktikan bahawa keadaan teratur boleh terbentuk dalam sistem terbuka. Dalam menjelaskan dua konsep tersebut, Harun Yahya membawakan analogi pantai laut. Pantai merupakan suatu sistem terbuka dengan ombak (aliran tenaga) yang memukul pantai akan membawa bersamanya pasir kasar dan halus dan menghasilkan suatu bentuk corak yang sekata. Daripada perspektif termodinamik, tenaga (ombak) berupaya menghasilkan sesuatu (corak di pantai) daripada tiada. Namun, ianya tidak mampu membina sebuah istana pasir (mewakili konsep terancang). Kewujudan istana pasir di pantai pastinya telah dibina oleh seseorang kerana pembinaannya melibatkan rekaan dan maklumat tertentu yang memerlukan suatu entiti bijaksana sebagai pembedanya<sup>189</sup>.

Jelas Harun Yahya, sistem teratur melibatkan pengulangan sesuatu bahan atau perkara dalam pola yang sekata tetapi tidak bermakna dan bererti; analoginya seperti sesuatu yang terjatuh di atas huruf ‘a’ pada mesin taip akan menghasilkan suatu siri ‘aaaaaaaaaa’ yang teratur namun tidak membawa sebarang maklumat dan kompleksiti. Suatu rantai huruf dengan maksud tertentu dan bermakna (susunan perkataan yang membentuk ayat yang bererti dan bermakna) hanya dapat dihasilkan oleh suatu entiti kebijaksanaan. Justeru, sesuatu yang terancang tidak boleh terhasil daripada proses semula jadi tanpa adanya suatu entiti kebijaksanaan yang merancang dan menghasilkannya. Hidupan dan alam ini merupakan suatu sistem yang terancang yang memerlukan kebijaksanaan, pengetahuan dan perancangan dalam menghasilkannya dan bukannya sekadar satu sistem teratur<sup>190</sup>.

---

<sup>189</sup> *Ibid*, hlm. 301-302.

<sup>190</sup> *Ibid*, hlm. 302-303.

#### **4.2.2.11 Teori evolusi Darwinisme: warisan idea pagan Yunani purba**

Teori evolusi Darwinisme bukanlah suatu teori sains sebaliknya merupakan idea kepercayaan pagan yang telah wujud dalam tamadun-tamadun pagan purba seperti tamadun Sumeria, Mesir, dan kemudiannya diwarisi oleh Yunani purba<sup>191</sup>. Kenyataan ahli-ahli falsafah Yunani purba seperti Thales, Anaximander, dan Empedocles<sup>192</sup> yang menyatakan bahawa hidupan bermula di dalam air dan kemudiannya berevolusi dan berkembang dengan manusia sebagai produk akhir evolusi itu ternyata selari dengan teori tersebut<sup>193</sup>. Justeru, Harun Yahya menyatakan bahawa Muslim yang percaya bahawa teori itu hanyalah sebagai suatu fakta saintifik sebenarnya telah mempercayai kepercayaan pagan tersebut. Tanpa mereka sedari, asas utama teori itu iaitu alam ini tidak mempunyai permulaan dan pengakhiran, semua hidupan dan kesempurnaan alam yang ada merupakan hasil daripada proses semula jadi yang terjadi secara kebetulan tanpa kesedaran (buta dan rawak) adalah bertentangan dengan Islam. Kenyataan itu jelas bertujuan untuk menidakkannya kewujudan Allah<sup>194</sup> dan telah menafikan Allah sebagai Pencipta dan Pentadbir alam ini<sup>195</sup>.

<sup>191</sup> Tamadun Sumeria dan Mesir purba mempercayai bahawa ‘ular, katak, cacing dan tikus terbentuk daripada lumpur banjir sungai Nil’. H. Yahya, (2010). *Why Darwinism is incompatible with the Qur'an*. Istanbul: Global Publishing., hlm. 28-29.

<sup>192</sup> Untuk maklumat mengenai kenyataan Thales, Anaximander dan Empedocles, lihat Bab 3 di bawah sub-bab 3.3 Sejarah Ringkas Perkembangan Teori Evolusi Darwinisme, tajuk 3.3.1 Zaman Yunani-Romawi.

<sup>193</sup> Kenyataan lain yang selari dengan teori Darwinisme ialah hidupan pertama di dunia terbentuk daripada bahan-bahan bukan bernyawa (tanah, angin, api dan air). Hidupan tersebut terbentuk di dalam air, berevolusi dan berkembang. Kemudian, sebahagian daripadanya keluar meninggalkan air dan beradaptasi untuk hidup di darat. Lihat *ibid*, hlm. 29.

<sup>194</sup> Golongan evolusi melihat faktor kebetulan, masa dan jirim tidak bernyawa sebagai pencipta kepada kehidupan dan bukannya Allah sebagaimana yang diimani oleh orang Islam. Lihat *ibid*, hlm. 34. Hakikatnya, Allah itu Maha Hidup (*Al-Hayy*) dan Maha Pemberi Kehidupan (*al-Muhyi*). Dialah sumber dan pemberi kewujudan kepada semua bentuk hidupan. Tiada sesuatupun di alam ini yang dapat memberikan kewujudan dan kehidupan melainkan Allah. Secara jelas, menurut Seyyed Hossein Nasr, pandangan Darwinisme yang menyatakan asal-usul hidupan disebabkan oleh kebetulan tertolak sama sekali. Kedua-dua nama tersebut membawa kepada dua prinsip utama: hidupan tidak boleh diturunkan (*reducible*) kepada benda tidak bernyawa, dan Tuhan merupakan sumber kepada semua kewujudan sama ada benda hidup ataupun bukan hidup. Lihat S. H. Nasr., & M. Iqbal, (2007). *Islam, Science, Muslims and Technology*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust. Hlm. 152-153.

<sup>195</sup> Allah SWT merupakan *al-Khāliq* (Maha Pencipta) yang berkuasa menciptakan sesuatu daripada tiada menjadi ada. Allah SWT juga ialah *al-Bārī*’ (Maha Perancang), *al-Muṣawwir* (Maha Pemberi Bentuk), *al-Mubdi*’ (Maha Pemula), dan *al-Bādī*’ (Maha Pencipta). Lihat H. Yahya, (2010). *Why Darwinism is incompatible with the Qur'an.*, hlm. 33, dan M. Iqbal, (2006). In the Beginning: Islamic Perspectives on Cosmological Origins. *Islam & Science*, 4(1), 61-78.

#### **4.2.2.12 Sikap dan kesilapan golongan Muslim pro-Darwinisme**

Harun Yahya membahagikan golongan Muslim yang mendokong teori evolusi Darwinisme kepada tiga golongan. Pertama, golongan materialis Muslim yang meyakini bahawa teori tersebut terbukti secara saintifik meskipun wujud banyak bukti ketidaksahan teori tersebut. Namun, mereka tetap mempertahankan teori itu dan menolak semua kritikan terhadapnya<sup>196</sup>. Kedua, golongan yang tidak mempunyai maklumat secukupnya mengenai teori itu. Mereka bersikap bera tak bera terhadap teori itu kerana mereka tidak menyedari bahaya dan akibat yang dibawa oleh teori itu kepada umat manusia selama ini dan hanya sekadar menutup mata sahaja atas segala kepincangannya. Ketiga, golongan yang dipengaruhi oleh faham Materialisme dan menganggap teori itu sebagai fakta saintifik dan berusaha mengharmonikannya dengan kepercayaan kepada Allah; dikenali sebagai golongan Darwinisme Islam. Meskipun ketiga-tiga golongan terbabit berbeza daripada segi bentuk perincian dalam pendirian antara satu sama lain, namun ketiga-tiganya sepakat dalam membenarkan teori tersebut dan menyatakan bahawa ianya merupakan satu fakta sains.

Harun Yahya mengkritik teori evolusi versi tersebut kerana ianya bukanlah suatu fakta sains tetapi hanya sekadar berpura-pura ‘beradaptasi dengan agama’ kerana masih bertunjangkan faham Materialisme dan pandang alamnya berteraskan pandangan materialistik<sup>197</sup>. Penciptaan menerusi evolusi merupakan taktik serampang dua mata golongan faham Materialisme iaitu untuk mendapatkan sokongan daripada kepercayaan agama dan dalam masa yang sama melemahkan kritikan intelektual golongan agamawan terhadap teori itu. Menurutnya lagi, mempercayai bahawa teori itu selaras dengan al-Quran dengan mengabaikan segala amaran yang terkandung di dalam al-Quran merupakan satu kesilapan besar<sup>198</sup>.

---

<sup>196</sup> H. Yahya, (2010). *Why Darwinism is incompatible with the Qur'an.*, hlm. 8-9.

<sup>197</sup> *Ibid.*

<sup>198</sup> Menurut Harun Yahya, golongan evolusi menggalakkan kompromi antara kepercayaan beragama dengan teori tersebut kerana melaluiinya, keyakinan terhadap penciptaan alam oleh Allah akan dilemahkan dan dirosakkan. Lihat *ibid.*, hlm. 18-19.

Harun Yahya mengkritik golongan yang meyakini bahawa Allah mencipta hidupan menggunakan mekanisme evolusi<sup>199</sup>. Meskipun tidak mustahil untuk Allah menggunakan evolusi dalam mencipta kehidupan jika Dia berkehendakkan, namun tiada sebarang maklumat di dalam al-Quran yang menyebutkan tentang penciptaan sebegitu. Sains sendiri, jelasnya, menunjukkan bahawa pilihan alamiah dan mutasi tidak boleh mencipta atau menghasilkan spesies baharu<sup>200</sup>. Beliau menegaskan bahawa Allah menciptakan segala-galanya dalam bentuk dan pada waktu yang dikehendaki-Nya tanpa memerlukan sebarang sebab atau peringkat untuk mencipta sesuatu kerana Dia mengatasi segala sebab<sup>201</sup>. Allah berupaya mencipta peringkat-peringkat khusus perkembangan dalam mencipta ciptaan-Nya<sup>202</sup> dan ianya amat mudah bagi Allah dalam menciptakan dan mematikan alam ini sebagaimana firman-Nya:

هُوَ الَّذِي تُحْيِي وَيُمِيتُ فَإِذَا قَضَى أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ ﴿١٨﴾

Dia lah Yang menghidupkan dan mematikan; oleh itu apabila ia menetapkan jadinya sesuatu perkara maka ia hanya berfirman kepadanya: "Jadilah engkau!" lalu menjadilah ia.

Surah al-Mu'min (40): 68

Muslim yang mempercayai bahawa Allah menggunakan evolusi dalam mencipta alam menerusi pilihan alamiah, mutasi, dan peringkat-peringkat perantaraan evolusi telah melakukan satu kesilapan serius kerana tidak wujud sebarang kenyataan sains mahupun al-Quran yang menyokong kenyataan itu. Menurutnya, sesetengah manusia tidak memahami kekuasaan Allah namun menghakimi-Nya berdasarkan kemampuan mereka yang terhad<sup>203</sup>.

<sup>199</sup> Profesor Dr. Fadal Hassan Abbas mengkritik keras kenyataan yang terkandung dalam *Encyclopaedia Britannica* yang menyatakan bahawa Muhammad Abduh membenarkan teori Darwinisme tentang saingen dalam hidup dalam mentafsirkan ayat 249 Surah al-Baqarah. Saingen dalam hidup ditafsirkan oleh golongan Darwinisme sebagai peperangan. Namun, Fadal Hassan menegaskan bahawa saingen tersebut sebenarnya bukanlah bermaksud peperangan semata-mata tetapi mencakupi semua bentuk saingen dalam hidup manusia. Lihat F. H. Abbas, (2010). *Wacana al-Quran: Membongkar dakwaan palsu orientalis terhadap al-Quran*. (Z. M. Yusoff, & F. Mahmud, Terj.) Batu Caves: PTS Islamika Sdn. Bhd., hlm. 271-272.

<sup>200</sup> H. Yahya, (2010). *Why Darwinism is incompatible with the Qur'an.*, hlm. 82-83.

<sup>201</sup> *Ibid*, hlm. 83.

<sup>202</sup> Contoh yang diberikan Harun Yahya ialah seperti peringkat perkembangan manusia yang bermula dengan persenyawaan antara sperma dengan ovum. Lihat *ibid*.

<sup>203</sup> *Ibid*, hlm. 85.

Firman Allah SWT;

وَمَا قَدَرُوا اللَّهَ حَقَّ قَدْرِهِ وَالْأَرْضُ جَمِيعًا قَبْضَتُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَالسَّمَاوَاتُ مَطْوَيَّتٌ  
بِيَمِينِهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَلَّى عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٤﴾

Dan mereka (yang musyrik) tidak menghormati Allah Dengan penghormatan Yang sewajibnya diberikan kepadaNya, sedang bumi seluruhnya - pada hari kiamat - Dalam genggaman kuasaNya, dan langit tergulung Dengan kekuasaanNya. Maha Sucilah ia dan tertinggi keadaannya dari apa Yang mereka sekutukan.

Surah al-Zumar (39): 67

Tegasnya, Allah tidak menciptakan beruk terlebih dahulu, seterusnya berevolusi menjadi manusia tetapi Dia menciptakan manusia dengan keadaan paling sempurna<sup>204</sup>.

Kenyataan ini selaras dengan firman Allah;

خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ بِالْحَقِّ وَصَوَرَ كُمْ فَأَحَسَنَ صُورَكُمْ وَإِلَيْهِ الْمَصِيرُ ﴿٣﴾

Ia menciptakan langit dan bumi Dengan cara Yang sungguh layak dan berhikmat, dan ia menentukan bentuk rupa kamu serta memperelokkan rupa kamu; dan kepadaNyalah tempat kembali.

Surah al-Tagħabun (64): 3

Allah juga telah menciptakan segala rupa dan makhluk di alam ini secara serta-merta dan sempurna tanpa memerlukan evolusi untuk menghasilkannya<sup>205</sup>. Firman Allah SWT;

هُوَ اللَّهُ الْخَالِقُ الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ يُسَبِّحُ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿١﴾

Dia lah Allah, Yang menciptakan sekalian makhluk; Yang mengadakan (dari tiada kepada ada); Yang membentuk rupa (makhluk-makhlukNya menurut Yang dikehendakiNya); bagi-Nyalah nama-nama Yang sebaik-baiknya dan semulia-mulianya; bertasbih kepadanya Segala Yang ada di langit dan di bumi; dan Dia lah Yang tiada banding-Nya, lagi Maha Bijaksana.

Surah al-Hashr (59): 24

Golongan evolusionisme Muslim telah dipengaruhi faham naturalisme sehingga mengenepikan satu fakta penting iaitu Allah Maha Berkuasa untuk menghidupkan dan

<sup>204</sup> Harun Yahya menyatakan bahawa kewujudan sesetengah manusia yang mempunyai kecacatan dan ketidaksempurnaan mempunyai sebab yang tertentu iaitu sebagai peringatan kepada mereka yang melihat dan ujian bagi mereka yang mengalaminya. Lihat *ibid*, hlm. 87.

<sup>205</sup> *Ibid*.

mematikan. Sikap berkenaan disebabkan oleh mereka berpegang kepada hukum alam tabii bersifat tetap dan tidak berubah, dan tiada sebarang fenomena yang boleh berlaku di luar batasannya<sup>206</sup>. Mereka mendakwa bahawa Allah telah menciptakan segala ciptaan-Nya dalam batasan pilihan alamiah yang kemudiannya berevolusi menerusi mutasi, pilihan alamiah dan variasi membentuk spesies baharu. Hakikatnya, Allah tidak terikat dengan peraturan yang diciptakan-Nya dan Dia Maha Berkuasa untuk mencipta keajaiban di luar peraturan-peraturan tersebut<sup>207</sup>.

#### **4.2.2.13 Pemesongan tafsiran al-Quran versi Darwinisme**

Golongan Darwinisme Muslim telah mentafsirkan ayat-ayat al-Quran khususnya ayat-ayat berkaitan fenomena dan alam tabii mengikut perspektif teori evolusi Darwinisme dalam usaha mempertahankan teori itu dan membuktikan bahawa ianya selari dengan al-Quran. Harun Yahya mengkritik keras tindakan mereka dan menyifatkan tafsiran tersebut sebagai menyeleweng daripada maksud sebenar ayat-ayat al-Quran terbabit. Menurut Harun Yahya, mereka juga mendakwa bahawa al-Quran menyokong teori evolusi Darwinisme dengan mencari sumber berkaitan teori itu dalam Dunia Islam dan mendakwa bahawa idea evolusi itu berasal daripada pemikiran sarjana Islam terdahulu yang diterjemahkan ke dalam bahasa Eropah dan seterusnya berkembang di Barat<sup>208</sup>. Beliau menyifatkan golongan itu sebagai dalam bahaya<sup>209</sup> kerana perbuatan mereka itu menyerupai perbuatan Yahudi dan Nasrani yang mentafsir dan mengubahsuai kitab suci mereka. Allah SWT. telah memberi amaran keras dalam firman-Nya;

وَإِنَّ مِنْهُمْ لَفَرِيقًا يَأْلُونَ أَسْتَهْمَ بِالْكِتَبِ لِتَحْسِبُوهُ مِنَ الْكِتَبِ وَمَا هُوَ مِنَ  
الْكِتَبِ وَيَقُولُونَ هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ وَمَا هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ وَيَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ  
 وَهُمْ يَعْلَمُونَ

<sup>206</sup> Harun Yahya menjelaskan bahawa Allah SWT. berkuasa untuk menjadikan fenomena-fenomena luar tabii yang melangkaui kemampuan akal dan minda manusia. Beliau membawakan contoh kisah penciptaan burung daripada tanah liat sebagai mukjizat Nabi Isa as dan isteri Nabi Zakaria as yang mandul kemudiannya mengandung. Lihat *ibid*, hlm. 91-94.

<sup>207</sup> *Ibid*, hlm. 105.

<sup>208</sup> *Ibid*, hlm. 33.

<sup>209</sup> *Ibid*, hlm. 110.

Dan sesungguhnya, di antara mereka (Ahli Kitab itu) ada (Ketua-ketua agamanya) yang memutar-mutar lidahnya semasa membaca Kitab Taurat (dengan mengubah maknanya), supaya kamu menyangkanya sebahagian dari Kitab Taurat padahal ia bukanlah dari Kitab itu. Dan mereka pula berkata: "(bahawa) ia adalah (datangnya) dari sisi Allah", padahal ia bukanlah dari sisi Allah; dan mereka pula tergamak berkata dusta terhadap Allah sedang mereka mengetahui (bahawa mereka adalah berdusta).

Surah Āli 'Imrān (3): 78

Harun Yahya menegaskan bahawa al-Quran mestilah dibaca dan ditafsirkan sebagaimana yang diwahyukan Allah kepada junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, tanpa dipengaruhi oleh sebarang idea atau falsafah kufur. Melalui pendekatan ini, seseorang itu akan mendapati bahawa tidak terdapat sebarang maklumat mengenai penciptaan secara evolusi<sup>210</sup> sebaliknya terdapat banyak maklumat yang Allah menjadikan segala sesuatu hanya dengan lafaz "Kun!" (Jadilah!).

Selanjutnya, Harun Yahya mengkritik beberapa tafsiran ayat al-Quran versi Darwinisme iaitu:

### 1) Ayat mengenai penciptaan manusia secara berperingkat-peringkat



"Mengapa kamu berkeadaan tidak menghargai kebesaran Allah (dan kekuasaanNya), Padahal Sesungguhnya ia telah menciptakan kamu Dengan kejadian Yang berperingkat-peringkat"

Surah Nūh (71): 13-14

Kelompok Darwinisme mentafsirkan *atwārān* sebagai 'peringkat-peringkat evolusi' dan menyatakan bahawa ayat berkenaan jelas menyokong penciptaan manusia secara evolusi. Harun Yahya mengkritik tafsiran tersebut sebagai tidak menepati tafsiran yang dipersetujui jumhur ulama. Kalimah *atwārān* merupakan kalimah jamak bagi perkataan *tawr* yang bermaksud situasi atau keadaan yang tidak mempunyai sebarang kaitan dengan teori tersebut.

Hakikatnya, ayat tersebut menjelaskan proses perkembangan manusia yang melalui beberapa peringkat keadaan; bermula daripada persenyawaan sperma dengan

---

<sup>210</sup> Menurut Harun Yahya, sekiranya wujud manusia separa beruk, pastinya Allah telah menjelaskannya di dalam al-Quran. Lihat *ibid*, hlm. 111-112.

ovum, berkembang menjadi embrio dan menjadi seketul daging, seterusnya berkembang menjadi daging yang menyaluti tulang, seterusnya menjadi fetus dan akhirnya menjadi bayi yang lengkap dengan sifat manusia<sup>211</sup>. Tegasnya, ayat tersebut semestinya ditafsirkan sedemikian berdasarkan prinsip *tafsir bi al-ma'thūr* iaitu tafsir ayat al-Quran dengan ayat al-Quran yang lain kerana dalam ayat lain Allah menjelaskan peringkat-peringkat kejadian tersebut<sup>212</sup>.

## 2) Ayat mengenai penciptaan manusia daripada tiada

هلْ أَنْتَ عَلَىٰ إِلَٰهٖنِ حَيْنٌ مِّنَ الْأَدَهْرِ لَمْ يَكُنْ شَيْئًا مَّذْكُورًا

Bukankah telah berlalu kepada manusia satu ketika dari masa (yang beredar), sedang ia (masih belum wujud lagi, dan) tidak menjadi sesuatu benda yang disebut-sebut, (maka mengapa kaum musyrik itu mengingkari hari akhirat)?

Surah al-Insān (76): 1

Golongan Darwinisme menjelaskan *lam yakun syay'an madhkura* sebagai ‘keadaan-keadaan manusia sebelum dia menjadi manusia’ yang jelas merujuk kepada proses evolusi manusia. Tafsiran mereka dikritik Harun Yahya sebagai tidak tepat dan menyeleweng daripada tafsiran sebenarnya. Imam al-Tabari mentafsirkan ayat tersebut sebagai,

“Satu tempoh masa yang panjang telah berlalu sejak zaman Adam yang pada masa itu dia bukanlah sesuatu benda yang mempunyai nilai dan keutamaan. Dia hanyalah sekadar tanah liat yang melekit dan telah dibentuk”<sup>213</sup>.

Harun Yahya juga memetik tafsir Omer Nasuhi Bilmen iaitu;

“Ayat ini menjelaskan bahawa Allah telah menciptakan manusia untuk melihat dan mendengar daripada setitis air yang tiada kemampuan untuk

<sup>211</sup> Harun Yahya memetik kenyataan Imam al-Tabari dalam mengulas frasa ‘Padahal Sesungguhnya ia telah menciptakan kamu Dengan kejadian Yang berperingkat-peringkat’ sebagai “...kamu diciptakan dalam bentuk sperma pada permulaannya, kemudiannya menjadi seketul darah, dan kemudiannya menjadi seketul daging”. Beliau juga memetik ulasan tafsiran oleh Omar Nasuhi Bilmen mengenai frasa yang sama sebagai;

“Dia (menciptakan) kamu menerusi beberapa peringkat kejadian. Kamu pertamanya dicipta sebagai sari pati benih, kemudianya setitik darah. Kamu seterusnya menjadi seketul daging dan memiliki tulang, kemudiannya kamu dilahirkan sebagai manusia. Tidakkah kejadian dan perubahan yang tersusun dan teratur itu menjadi bukti kepada kewujudan, kekuasaan dan keagungan Maha Pencipta? Mengapakah kamu tidak berfikir tentang penciptaan kamu sendiri?”

Lihat *ibid*, hlm. 114.

Imam al-Tabari menyatakan bahawa Ibn `Abbas, `Ikrimah, Qatadah, Yahya bin Rafī` , As-Suddi dan Ibn Zayd mentafsirkan *atwārān* sebagai peringkat-peringkat kejadian manusia. Lihat A. J. Al-Tabari, (1968). *Jamī' al-bayan 'an ta'wil al-Qurān* (ed. 3rd, Jil. 29-30). Mustafa al-Babi al-Halabi., hlm. 95-96.

<sup>212</sup> Peringkat-peringkat kejadian tersebut dijelaskan dalam Surah al-Mu'minun ayat 12 hingga 14.

<sup>213</sup> H. Yahya, (2010). *Why Darwinism is incompatible with the Qur'an.*, hlm. 116.

berbuat demikian, dan Dia telah menetapkan satu ujian kepadanya... Bangsa manusia tidak wujud pada asalnya, tetapi diciptakan kemudiannya sebagai satu bentuk tubuh badan daripada setitis air, tanah dan tanah liat. Dia tidak dikenali ketika itu, nama dan sebab dia diciptakan juga menjadi misteri bagi penduduk bumi dan langit. Dia kemudiannya mula diperingatkan bahawa dia memiliki roh”<sup>214</sup>.

### 3) Ayat mengenai penciptaan manusia daripada air (mani)

إِنَّا خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ نُطْفَةٍ أَمْشَاجٍ نَبْتَلِيهُ فَجَعَلْنَاهُ سَمِيعًا بَصِيرًا

Sesungguhnya Kami telah aturkan cara mencipta manusia bermulanya dari air mani Yang bercampur (dari pati benih lelaki dan perempuan), serta Kami tetap mengujinya (dengan kewajipan-kewajipan); oleh itu maka Kami jadikan Dia berkeadaan mendengar dan Melihat.

Surah al-Insān (76): 2

Pendokong Darwinisme mendakwa ayat di atas sebagai bukti bahawa manusia dicipta bermula daripada air berdasarkan kalimah *nutfah*. Mereka menjelaskan bahawa *nutfah* merupakan cecair sepenuhnya yang menunjukkan manusia merupakan hasil daripada proses evolusi yang berasal daripada satu sel yang terbentuk di dalam air. Tafsiran sedemikian, tegas Harun Yahya, ternyata terpesong daripada tafsirannya yang sebenar. Para ulama tafsir mentafsirkan kalimah *nutfah* berkenaan sebagai percampuran air mani lelaki dan wanita berdasarkan ulasan tafsir oleh Imam al-Tabari yang mentafsirkan kalimah *nutfah amshaj* sebagai campuran iaitu ‘Kami telah mencipta keturunan Adam as daripada campuran air benih lelaki dan perempuan’<sup>215</sup>. Beliau juga memetik tafsiran oleh Omer Nasuhi Bilmen mengenai ayat tersebut. Bilmen menyatakan;

“Kami telah ciptakan kamu daripada air (mani) lelaki dan perempuan yang bercampur. Ya...manusia merupakan, bagi satu tempoh, *nutfah*, dalam erti kata lain, air tulen yang jernih, dan kemudian bagi suatu tempoh lagi merupakan ‘alaq, dalam erti kata lain, segumpal darah, dan kemudiannya *mudghah*, dalam erti kata lain, sekutul daging. Kemudian, tulang dibentuk dan dibaluti dengan daging, dan kemudiannya hidup...”.

<sup>214</sup> *Ibid*, hlm. 115.

<sup>215</sup> Imam al-Tabari menyatakan bahawa Abdullah ibn Rawahah, Qatadah, Ibn ‘Abbas, Ikrimah, Mujahid, Al-Hasan dan Ar-Rabi` bin Anas mentafsirkan kalimah *nuhfah amshaj* sebagai ‘campuran air mani lelaki dan perempuan’. Lihat A. J. Al-Tabari, (1968). *Jami' al-bayan 'an ta'wil al-Quran* (ed. 3rd, Jil. 29-30). Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi., hlm. 203-204. Sayyid Qutb juga mentafsirkan kalimah *nuhfah amshaj* tersebut sebagai percantuman benih lelaki dan benih perempuan selepas persenyawaan. Ia juga ditafsirkan sebagai campuran pembawa-pembawa sifat warisan (gen) yang tersembunyi di dalam *nuhfah* tersebut. Lihat S. Qutb, (2000). *Tafsir Fi Zilalil Qur'an* (Jil. 17). (Y. Z. Yacob, Terj.) Kota Bharu: Pustaka Aman Press., hlm. 13. *Nufah amshaj* ditafsirkan Ibn ‘Abbas percampuran air mani lelaki dan air mani perempuan. Begitu juga tafsiran oleh Ikrimah, Mujahid, al-Hassan dan al-Rabi` bin Anas. Lihat Ibn Kathir. (2000). *Tafsir al-Quran al-'Azim* (Jil. 14). Giza: Muassasah Qurtubah., hlm. 206.

Tafsiran *nutfah* jelas tidak mempunyai perkaitan dengan dakwaan teori mereka<sup>216</sup> berdasarkan ayat al-Quran yang lain iaitu;

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّنَ الْبَعْثِ فَإِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ مِنْ مُضْغَةٍ خُلَقَةٌ وَغَيْرِ مُخْلَقَةٍ لِّنُبَيِّنَ لَكُمْ وَنُقْرِنَ فِي الْأَرْحَامِ مَا نَشَاءُ إِلَى أَجَلٍ مُسَمًّى ثُمَّ خُرْجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لِتَبْلُغُوا أَشُدَّكُمْ وَمِنْكُمْ مَنْ يُتَوَفَّ وَمِنْكُمْ مَنْ يُرْدُ إِلَى أَرْذَلِ الْعُمُرِ لِكَيْلًا يَعْلَمُ مِنْ بَعْدِ عِلْمِ شَيْئًا وَتَرَى الْأَرْضَ هَامِدَةً فَإِذَا أَنْزَلْنَا عَلَيْهَا الْمَاءَ أَهْتَرَتْ وَرَبَتْ وَأَنْبَتَتْ مِنْ كُلِّ زَوْجٍ بَهِيجٍ

Wahai umat manusia, sekiranya kamu menaruh syak (ragu-ragu) tentang kebangkitan makhluk (hidup semula pada hari kiamat), maka (perhatilah kepada tingkatan kejadian manusia) kerana sebenarnya Kami telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari setitik air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging Yang disempurnakan kejadiannya dan Yang tidak disempurnakan; (Kami jadikan secara Yang demikian) kerana Kami hendak menerangkan kepada kamu (kekuasaan kami); dan Kami pula menetapkan Dalam kandungan rahim (ibu Yang mengandung itu) apa Yang Kami rancangkan hingga ke suatu masa Yang ditentukan lahirnya; kemudian Kami mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian (kamu dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; dan (dalam pada itu) ada di antara kamu Yang dimatikan (semasa kecil atau semasa dewasa) dan ada pula Yang dilanjutkan umurnya ke peringkat tua nyanyuk sehingga ia tidak mengetahui lagi akan sesuatu Yang telah diketahuinya dahulu. Dan (ingatlah satu Bukti lagi); Engkau melihat bumi itu kering, kemudian apabila Kami menurunkan hujan menimpanya, bergeraklah tanahnya (dengan tumbuh-tumbuhan Yang merecup tumbuh), dan gembur membusutlah ia, serta ia pula menumbuhkan berjenis-jenis tanaman Yang indah permai.

Surah al-Haj (22): 5

Ayat di atas menjelaskan peringkat-peringkat kejadian manusia. Kalimah *turāb* memberikan pengertian bahan mentah yang mengandungi mineral dan unsur asas dalam tubuh manusia. Peringkat kedua pula merupakan percampuran bahan-bahan tersebut dalam air mani, yang dijelaskan al-Quran dengan kalimah *nutfah*. Air mani tersebut mengandungi sperma yang memiliki maklumat genetik dan struktur yang diperlukan bagi mensenyawakan telur di dalam rahim ibu<sup>217</sup>. Beliau menegaskan bahawa teori evolusi Darwinisme sebaliknya mengandaikan wujud berjuta-juta peringkat hipotesis

<sup>216</sup> H. Yahya, (2010). *Why Darwinism is incompatible with the Qur'an.*, hlm. 116-117.

<sup>217</sup> Menurut Harun Yahya, bahan mentah kejadian manusia merupakan tanah; pati yang dikumpulkan dalam bentuk air mani yang membawa kepada pembentukan manusia. Lihat *ibid*, hlm. 118.

antara kejadian hidupan dalam air sehingga menjadi manusia<sup>218</sup>. Golongan evolusi cuba menggunakan ayat-ayat berikut sebagai bukti berlakunya proses evolusi yang bermula dengan pembentukan sel pertama di dalam air iaitu;

أَوْلَمْ يَرَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ كَانَتَا رَتْقًا فَفَتَقْنَاهُمَا وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ  
كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ ﴿٢١﴾

Dan tidakkah orang-orang kafir itu memikirkan dan mempercayai Bahawa Sesungguhnya langit dan bumi itu pada asal mulanya bercantum (sebagai benda Yang satu), lalu Kami pisahkan antara keduanya? Dan Kami jadikan dari air, tiap-tiap benda Yang hidup? Maka mengapa mereka tidak mahu beriman?

Surah al-Anbiyā' (21): 30

وَاللَّهُ خَلَقَ كُلَّ دَابَّةٍ مِّنْ مَاءٍ فَمِنْهُمْ مَنْ يَمْشِي عَلَىٰ بَطْنِهِ وَمِنْهُمْ مَنْ يَمْشِي عَلَىٰ رِجْلَيْنِ  
وَمِنْهُمْ مَنْ يَمْشِي عَلَىٰ أَرْبَعٍ تَخْلُقُ اللَّهُ مَا يَشَاءُ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٤٠﴾

Dan Allah menciptakan tiap-tiap haiwan Yang bergerak itu dari air; maka sebahagian di antara mereka menjalar atas perutnya, dan sebahagian di antaranya berjalan Dengan dua kaki, dan sebahagian lagi berjalan Dengan empat kaki. Allah menciptakan apa sahaja Yang ia kehendaki (selain dari Yang tersebut), kerana Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

Surah al-Nūr (24): 45

Beliau menjelaskan, tafsiran sebenar *mā'* (ماء) dalam ayat-ayat di atas dijelaskan ayat-ayat al-Quran berikut sebagai air mani;

وَأَنَّهُ خَلَقَ الْزَوْجَيْنِ الْذَّكَرَ وَالْأُنْثَيِّ ﴿٤١﴾ مِنْ نُطْفَةٍ إِذَا تُمْنَىٰ ﴿٤٢﴾ وَأَنَّ عَلَيْهِ النَّشَأَةَ  
الْأُخْرَىٰ ﴿٤٣﴾

Dan Bahawa sesungguhnya, Dia lah Yang menciptakan pasangan - lelaki dan perempuan, Dari (setitis) air mani ketika dipancarkan (ke Dalam rahim); Dan Bahawa sesungguhnya, Dia lah Yang tetap menghidupkan semula (makhluk-makhluk yang mati);

Surah al-Najm (53): 45-47

أَلَمْ يَكُنْ نُطْفَةً مِّنْ مَنْ يُمْنَىٰ

Bukankah ia berasal dari air mani Yang dipancarkan (ke Dalam rahim)?  
Surah al-Qiyāmah (75): 37

<sup>218</sup> Peringkat-peringkat tersebut bermula dengan sel pertama, hidupan unisel, hidupan multisel, haiwan invertebrata, vertebrata, reptilia, mamalia, haiwan primat, dan peringkat seterusnya sehingga menjadi manusia. Lihat *ibid*.

Justeru, ternyata bahawa ayat di atas hanya menjelaskan mengenai peringkat kejadian manusia bermula daripada luar rahim ibu, dan kemudiannya berkembang di dalam rahim ibu sehingga menjadi manusia sempurna. Ulasan yang mengatakan bahawa penciptaan hidupan daripada air sebagai selari dengan kenyataan teori evolusi Darwinisme, tegasnya, merupakan satu kesalahan serius kerana ayat-ayat al-Quran tersebut menerangkan bahawa air merupakan unsur asas dalam setiap hidupan. Biologi moden juga menemui bahawa air merupakan unsur asas yang diperlukan dalam semua tubuh hidupan, dan di dalam sel. Tanpanya, hidupan akan mati<sup>219</sup>.

#### 4) Ayat mengenai penciptaan manusia bermula daripada tanah dan kemudiannya daripada air

قَالَ لَهُ صَاحِبُهُ، وَهُوَ تُحَاوِرُهُ، أَكَفَرَتِ بِاللَّذِي خَلَقَكَ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ سَوَّنَكَ  
رَجُلًا

Berkatalah rakannya kepadaNya, semasa ia berbincang dengannya: "Patutkah Engkau kufur ingkar kepada Allah Yang menciptakan Engkau dari tanah, kemudian dari air benih, kemudian ia membentukmu Dengan sempurna sebagai seorang lelaki?

Surah al-Kahfi (18): 37

Golongan pro-Darwinisme menyatakan bahawa ayat di atas menunjukkan penciptaan bermula dengan tanah manakala air menunjukkan proses penciptaan seterusnya iaitu penciptaan melalui evolusi. Harun Yahya menyanggah tafsiran tersebut sebagai terpesong dan mengemukakan tafsiran Omer Nasuhi Bilmen;

"Adakah kamu menafikan Allah yang Maha Agung yang telah menciptakan Nabi Adam as, asal-usul bangsa kamu dan penciptaan kamu (dari tanah), yang kemudiannya menciptakan kamu dan (membentuk kamu sebagai manusia setelah menciptakan kamu) daripada *nutfah* dan setitis air mani, yang telah mewujudkan kamu sebagai manusia yang sempurna hasil peringkat-peringkat berlainan dalam kehidupan? Kerana menafikan kehidupan akhirat bererti menafikan Allah yang Maha Kuasa, Dia yang memberitahumu khabar bahawa ianya akan berlaku dan Dia berkuasa menjadikannya berlaku"<sup>220</sup>.

<sup>219</sup> *Ibid*, hlm. 118-120.

<sup>220</sup> *Ibid*, hlm. 120-121.

Harun Yahya juga menjelaskan bahawa penciptaan nabi Adam as tidak berlaku menerusi peringkat-peringkat evolusi, sebaliknya menciptakan baginda terus daripada tanah yang kering sebagaimana firman-Nya;

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي خَلَقْتُ بَشَرًا مِّنْ صَلْصَلٍ مِّنْ حَمَاءٍ مَّسْنُونٍ ﴿١٥﴾ فَإِذَا سَوَّيْتَهُ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِنْ رُوحِي فَقَعُوا لَهُ سَجِدِينَ ﴿١٦﴾

Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia dari tanah liat Yang kering, Yang berasal dari tanah kental Yang berubah warna dan baunya. "Kemudian apabila Aku sempurnakan kejadiannya, serta Aku tiupkan padanya roh dari (ciptaan) Ku, maka hendaklah kamu sujud kepadaNya.

Surah al-Hijr (15): 28-29

Penciptaan manusia daripada tanah dan air pula merujuk kepada penciptaan keturunan Adam as daripada air mani sehingga menjadi manusia sempurna. Firman-Nya;

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّنَ الْبَعْثِ فَإِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ مِنْ مُضْعَةٍ مُحَلَّقَةٍ وَغَيْرِ مُحَلَّقَةٍ لِنِبِيِّنَ لَكُمْ وَنُقْرُ في الْأَرْحَامِ مَا نَشَاءُ إِلَى أَجَلٍ مُسَمِّيٍّ ثُمَّ خُرْجُكُمْ طِفَلًا ثُمَّ لِتَبْلُغُوا أَشُدَّكُمْ وَمِنْكُمْ مَنْ يُتَوَفَّ وَمِنْكُمْ مَنْ يُرْدُ إِلَى أَرْذَلِ الْعُمُرِ لِكَيْلَا يَعْلَمُ مِنْ بَعْدِ عِلْمٍ شَيْئًا وَتَرَى الْأَرْضَ هَامِدَةً فَإِذَا أَنْزَلْنَا عَلَيْهَا أَلْمَاءَ أَهْتَرَتْ وَرَبَتْ وَأَنْبَتَ مِنْ كُلِّ زَوْجٍ بَهِيجٍ ﴿١٧﴾

Wahai umat manusia, sekiranya kamu menaruh syak (ragu-ragu) tentang kebangkitan makhluk (hidup semula pada hari kiamat), maka (perhatilah kepada tingkatan kejadian manusia) kerana sebenarnya Kami telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari setitik air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging Yang disempurnakan kejadiannya dan Yang tidak disempurnakan; (Kami jadikan secara Yang demikian) kerana Kami hendak menerangkan kepada kamu (kekuasaan kami); dan Kami pula menetapkan Dalam kandungan rahim (ibu Yang mengandung itu) apa Yang Kami rancangkan hingga ke suatu masa Yang ditentukan lahirnya; kemudian Kami mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian (kamu dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; dan (dalam pada itu) ada di antara kamu Yang dimatikan (semasa kecil atau semasa dewasa) dan ada pula Yang dilanjutkan umurnya ke peringkat tua nyanyuk sehingga ia tidak mengetahui lagi akan sesuatu Yang telah diketahuiNya dahulu. dan (ingatlah satu Bukti lagi); Engkau melihat bumi itu kering, kemudian apabila Kami menurunkan hujan menimpanya, bergeraklah tanahnya (dengan tumbuh-tumbuhan Yang merecup tumbuh),

dan gembur membusutlah ia, serta ia pula menumbuhkan berjenis-jenis tanaman Yang indah permai.

Surah al-Haj (22): 5

### 5) Ayat mengenai proses penciptaan manusia pertama

إِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي خَلَقْتُ بَشَرًا مِّنْ طِينٍ ﴿٦﴾

(Ingatkanlah peristiwa) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia - Adam dari tanah;

Surah Šād (38): 71

Golongan evolusi telah mentafsirkan ayat *innī khāliqun basharan min tīn* sebagai menunjukkan proses penciptaan yang mengambil masa yang panjang. Bagi menyokong tafsiran mereka di atas, mereka membawakan ayat berikut sebagai sokongan;

الَّذِي أَحْسَنَ كُلَّ شَيْءٍ خَلْقَهُ وَنَدَأْخَلَقَ الْإِنْسَنَيْنِ مِنْ طِينٍ ﴿٧﴾

Yang menciptakan tiap-tiap sesuatu Dengan sebaik-baiknya, dan dimulakanNya kejadian manusia berasal dari tanah;

Surah al-Sajdah (32): 7

Mereka mendakwa ayat di atas khususnya yang bergaris merujuk kepada satu proses iaitu proses evolusi. Mereka juga mentafsirkan ayat al-Quran berikut khususnya pada bahagian bergaris sebagai bukti proses evolusi dalam penciptaan manusia;

يَأَيُّهَا الْإِنْسَنُ مَا غَرَّكَ بِرَبِّكَ الْكَرِيمِ ﴿١﴾ الَّذِي خَلَقَكَ فَسُوَّلَكَ فَعَدَلَكَ ﴿٢﴾ فِي أَيِّ صُورَةٍ مَا شَاءَ رَكِبَكَ ﴿٣﴾

Wahai manusia! Apakah Yang memperdayakanmu - (berlaku derhaka) kepada Tuhanmu Yang Maha Pemurah? Tuhan Yang telah mencipta dan mengatur kejadianmu, lalu menjadikan anggotamu sesuai (dengan tujuan Yang kerananya anggota itu diadakan), serta menjadikan (binaan tubuh badanmu) sama padan Dengan kekuatannya; Dalam bentuk dan rupa apa sahaja Yang dikehendakiNya, ia menyusun kejadianmu.

Surah al-Infiṭār (82): 6-8

Harun Yahya menjelaskan, ayat *innī khāliqun basharan min tīn* dalam Surah Šād ayat 71 berkenaan bermaksud ‘Sesungguhnya Aku adalah yang telah menciptakan manusia daripada tanah liat’. Tafsiran versi evolusi itu ternyata menyimpang daripada tafsir ulama-ulama tafsir. Harun Yahya mengemukakan ulasan tafsir oleh Suleyman Ates, seorang ulama Turki mengenai ayat tersebut iaitu,

“Allah telah berfirman kepada malaikat bahawa Dia akan menciptakan manusia daripada tanah yang busuk. Setelah memberikan tanah tersebut bentuk seperti manusia dan meniupkan roh-Nya sendiri ke dalamnya, Dia memerintahkan para malaikat supaya sujud di hadapannya. Mereka semua mematuhi kecuali syaitan sahaja yang tidak sujud di hadapan nenek moyang manusia dan mengatakan bahawa dia yang diciptakan daripada api lebih mulia berbanding manusia yang diciptakan daripada tanah”<sup>221</sup>.

Imam al-Tabari juga mengulas tafsir ayat tersebut sebagai;

“Allah mengkhabarkan kepada para malaikat, “Aku akan menciptakan manusia daripada tanah. Apabila Aku menciptakannya, membentuknya dan meniupkan roh-Ku ke dalamnya, kamu akan bersujud di hadapannya”<sup>222</sup>.

Dalam Surah al-Sajdah ayat 7, ayat *wa badaa' khalaqa al-insāni min ṭīn*, Harun Yahya menegaskan bahawa ayat tersebut tidak merujuk kepada proses evolusi. Beliau menukilkan tafsiran oleh Imam al-Tabari iaitu, “Dia memulakan penciptaan Adam daripada tanah liat”. Allah SWT sentiasa meneruskan penciptaan-Nya sebagaimana firman-Nya<sup>223</sup>;

أَوَلَمْ يَرَوْا كَيْفَ يُبَدِّئُ اللَّهُ الْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُمْ إِنَّ ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ ﴿١﴾

Tidakkah mereka melihat dan memikirkan Bagaimana Allah mencipta makhluk-makhluk pada mulanya, kemudian ia akan mengembalikannya (hidup semula sesudah matinya)? Sesungguhnya Yang demikian itu amatlah mudah bagi Allah.

Surah al-Ankabūt (29): 19

Tafsiran ayat *fasawwāka fa'addalak* dalam Surah al-Infitār oleh golongan evolusionisme itu juga tidak tepat. Harun Yahya mengemukakan tafsiran oleh Abu Ali Farisi, Omer Nasuhi Bilmen dan Imam al-Tabari. Menurut Abu Ali Farisi;

“Ungkapan ‘Dia menyeimbangkan kamu’ bermaksud “Dia membentuk kamu dalam bentuk yang paling indah, dan dengan keseimbangan ini kamu diberikan kemampuan untuk membuat pertimbangan akal, idea dan kekuasaan, dan memberikan kamu keupayaan menguasai tumbuh-tumbuhan dan makhluk hidup yang lain. Dia telah membawa kamu ke hadapan dengan memberikan kecerdasan yang jauh lebih baik berbanding makhluk-makhluk lain yang ada di dunia”. Ini adalah bersesuaian dengan maksud ayat berikut;

فَإِذَا سَوَّيْتُهُ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِنْ رُوحِي فَقَعُوا لَهُ سَاجِدِينَ ﴿٢﴾

<sup>221</sup> *Ibid*, hlm. 123.

<sup>222</sup> *Ibid*. Lihat juga A. J. Al-Tabari, (1968). *Jami' al-bayan 'an ta'wil al-Quran* (ed. 3rd, Jil. 22-25). Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi., hlm. 185.

<sup>223</sup> *Ibid*, hlm. 125.

Kemudian apabila Aku sempurnakan kejadiannya, serta Aku tiupkan padanya roh dari (ciptaan) Ku, maka hendaklah kamu sujud kepadaNya.

Surah al-Hijr (15): 29

\* وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنْ كُلِّ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَىٰ كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا ﴿١٧﴾

Dan Sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda Yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka Dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk Yang telah Kami ciptakan.

Surah al-Isrā' (17): 70

Semua ini adalah nikmat dan kasih sayang dari Allah”<sup>224</sup>.

#### 6) Ayat mengenai kepelbagaiannya bentuk penciptaan manusia

وَاللَّهُ أَنْبَتَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ نَبَاتًا ﴿١٨﴾ ثُمَّ يُعِيدُ كُلَّ فِيهَا وَخْرُجُكُمْ إِخْرَاجًا ﴿١٩﴾

Dan Allah telah menumbuhkan kamu (hidup dari benda-benda Yang berasal) dari bumi, Dengan pertumbuhan Yang sungguh-sungguh sempurna. Kemudian ia mengembalikan kamu ke Dalam bumi (Sesudah mati), dan mengeluarkan kamu daripadanya (Sesudah dihidupkan semula untuk dihitung amal kamu dan diberi balasan), Dengan pengeluaran Yang sesungguh-sungguhnya?

Surah Nūh (71): 17-18

Golongan evolusionisme menggunakan ayat “Dan Allah telah menumbuhkan kamu (hidup dari benda-benda yang berasal) dari bumi” sebagai bukti evolusi bukan organik Darwinisme. Harun Yahya mengkritik dakwaan terbabit kerana ayat tersebut menjelaskan tentang penciptaan manusia pertama, Adam a.s. daripada tanah sebagaimana tafsiran Omer Nasuhi Bilmen mengenai ayat tersebut;

“Wahai manusia! Renungkanlah hal ini. Allah telah menjadikan kamu seperti satu tumbuhan daripada tanah. Dalam kata lain, “Dia telah menciptakan Adam, nenek moyang kamu, daripada tanah, atau bahan asas (zigot) daripada tanah dan berjenis-jenis bahan makanan yang tumbuh di tanah. Manusia kemudiannya tumbuh dan hidup. (Lalu) Wahai manusia, Dia akan mengembalikan kamu kepadanya. Dalam kata lain: Apabila kamu mati, kamu akan kembali ke tanah dan menjadi sebahagian daripada tanah.

<sup>224</sup> Ibid, hlm. 127.

(Dan) Kemudian Dia akan mengeluarkan kamu dari kubur dan membawa kamu ke Hari Pengadilan. Ini adalah kenyataannya”<sup>225</sup>.

Imam al-Tabari dalam mengulas ayat tersebut mentafsirkannya sebagai,

“Allah telah menciptakan kamu daripada tanah di muka bumi. Dia telah menjadikan kamu daripada tiada... Dia kemudian akan mengembalikan kamu kepada keadaan asal, iaitu ke tanah. Kamu akan kembali sebagaimana kamu berada sebelum kamu diciptakan. Dia boleh menghidupkan kamu semula daripada tanah pada sebarang masa apabila dikehendaki-Nya”<sup>226</sup>.

Justeru, Harun Yahya menegaskan bahawa ayat di atas bukanlah bukti kepada evolusi bukan organik sebagaimana yang diyakini golongan Darwinisme Muslim.

Kesimpulannya, kritikannya daripada perspektif falsafah merangkumi isu Darwinisme sebagai alat fahaman Materialisme, sikap taksub saintis evolusi, dan metode propaganda evolusi Darwinisme yang meragukan dan pincang. Kritikan daripada perspektif sains pula merangkumi kritikannya terhadap kepincangan pilihan alamiah dan mutasi, kemustahilan hipotesis pembentukan hidupan pertama, proses evolusi hidupan yang mustahil berlaku, kepalsuan dalam proses evolusi manusia, kritikan daripada sudut genetik, biologi molekul, anatomi dan embriologi, dan sains fizik. Dalam perspektif Islam pula, kritikannya meliputi kritikannya terhadap evolusi Darwinisme sebagai idea Yunani pagan purba, sikap Muslim pro-Darwinisme, dan penyelewengan tafsiran ayat-ayat al-Quran versi Darwinisme.

Harun Yahya telah menyentuh tema-tema utama yang menjadi asas kepada teori evolusi Darwinisme seperti isu evolusi hidupan, pembentukan organisma secara semula jadi dan sebagainya. Setiap tema tersebut dikritik oleh Harun Yahya berdasarkan fakta dan hujah. Rangkuman ketiga-tiga perspektif kritikan yang dibuatnya telah menunjukkan bahawa teori evolusi Darwinisme mempunyai kepincangan yang serius dalam setiap aspek sekaligus menyanggah dakwaan sesetengah pendokong Evolusionisme yang melabelkan kritikan terhadap teori tersebut selama ini lebih berdasarkan sentimen agama dan emosi semata-mata. Kritikan-kritikannya itu juga

<sup>225</sup> *Ibid*, hlm. 134.

<sup>226</sup> *Ibid*. Lihat juga A. J. Al-Tabari, (1968). *Jami' al-bayan 'an ta'wil al-Quran* (ed. 3rd, Jil. 29-30). Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi., hlm. 97.

menunjukkan ketelitian dan kritikalnya beliau dalam melihat sesuatu isu yang dikemukakan oleh Darwinisme sehingga mampu mengenengahkan perkara-perkara tersirat yang mungkin tidak disedari banyak pihak.

## **4.3 ANALISIS KRITIKAN HARUN YAHYA TERHADAP TEORI EVOLUSI DARWINISME**

Dalam bahagian selanjutnya, kritikan-kritikan Harun Yahya di atas yang merangkumi perspektif falsafah, sains dan Islam akan diteliti, dianalisis dan dinilai oleh pengkaji. Pengkaji akan membentangkan asas dan aspek penilaian kritikan sebelum menganalisis kritikan-kritikan tersebut.

### **4.3.1 Asas dan Aspek Penilaian Kritikan**

Kritikan-kritikan Harun Yahya terhadap teori evolusi Darwinisme akan dilihat dan dinilai dengan menggunakan beberapa asas penilaian bagi menilai beberapa aspek utama kritikan. Aspek-aspek yang akan dinilai oleh pengkaji ialah pertama, adakah kritikan-kritikannya berasas atau tidak? Kedua, apakah kekuatan dan kelemahan setiap kritikan tersebut? Ketiga, apakah ianya merupakan ideanya sendiri atau lebih merupakan hasil pengembangan idea saintis dan pemikir lain? Keempat, adakah sesuai kritikannya terhadap tafsiran al-Quran yang dibuat oleh golongan pro-Darwinisme dan apakah kekuatan kritikannya itu?

Dalam aspek pertama, pengkaji akan melihat asas kritikannya itu dan bukti atau fakta yang menyokong kritikannya itu sama ada dalam bentuk contoh hidupan, penyelidikan, mahupun petikan kenyataan oleh kalangan ahli dalam bidang kritikan tersebut. Bagi asas penilaian bagi aspek kedua dan ketiga, pengkaji akan membandingkan kritikan Harun Yahya dengan kritikan oleh sarjana-sarjana Barat dan Islam lain. Melalui penilaian tersebut, kekuatan dan kelemahan setiap kritikan Harun Yahya dapat dinilai keasliannya dan persamaan yang wujud dengan kritikan sarjana-sarjana lain. Selain itu, kekuatan dan kelemahan setiap kritikannya khususnya kritikan daripada perspektif sains dapat dilihat menerusi keupayaan kritikan tersebut mengkritik teori evolusi berdasarkan logik sains khususnya daripada

seggi kekeruanan (*coherence*), kelogikan (*logicality*) dan kebolehgunaannya (*applicability*)<sup>461</sup>. Asas penilaian bagi aspek keempat akan menggunakan tafsir-tafsir al-Quran muktabar dalam melihat kekuatan dan ketepatan kritikan Harun Yahya terhadap tafsiran ayat-ayat al-Quran berkaitan fenomena tabii versi Darwinisme.

### 4.3.2 Analisis Kritikan

Berdasarkan aspek-aspek penilaian yang dijelaskan sebelum ini dan berdasarkan metode yang telah dinyatakan, berikut adalah penilaian pengkaji terhadap kritikan-kritikan Harun Yahya terhadap teori evolusi Darwinisme.

#### 4.3.2.1 Analisis daripada aspek asas kritikan Harun Yahya

Secara umumnya, kritikan-kritikan Harun Yahya terhadap teori evolusi Darwinisme adalah berasas. Kritikannya mengenai kaitan teori itu dengan faham Materialisme telah disokong oleh persamaan prinsip asas kedua-duanya yang dibentangkan Harun Yahya<sup>462</sup>. Dalam konteks ini, Harun Yahya telah mengkritik teori berkenaan daripada aspek epistemologinya dan berjaya menonjolkan prinsip asas teori evolusi Darwinisme yang berteraskan faham Materialisme. Ramai yang tidak menyedari wujudnya pengaruh besar Materialisme dalam teori berkenaan dan menganggap ianya hanyalah suatu teori sains berdasarkan pemerhatian dan data

---

<sup>461</sup> Penggunaan logik sains dalam menilai teori evolusi Darwinisme turut digunakan oleh Nuh Ha Mim Keller. Menurutnya, daripada sudut kekeruanan, kepincangannya dikesan melalui kenyataan teori tersebut mengenai kesedaran manusia (*human consciousness*) turut terjadi secara evolusi, sama seperti perkara-perkara lain yang boleh dicerap secara saintifik seperti angka, ruang, masa dan sebagainya. Maknanya, kesedaran manusia terbentuk hasil daripada proses mutasi rawak dan pemilihan alamiah yang berlaku secara tiba-tiba. Pernyataan itu, menurutnya, tidak menjamin keutamaan objektiviti suatu perkara berbanding perkara-perkara lain yang mungkin muncul dengan kesedaran manusia pula bervolusi menerusi garis yang berbeza. Asas setiap kenyataan yang terkandung di dalam teori tersebut merupakan hasil daripada tekanan sejarah yang tidak diperiksa dan tidak difikirkan; yang telah menghasilkan ‘kesedaran’ pada sesuatu spesies, asas kognitif yang digunakan teori tersebut sebagai kesimpulan umum bagi keseluruhan teori tersebut (penerangan asal-usul kejadian spesies) tanpa menerangkan kenyataan yang membenarkan kesimpulan umum itu dibuat. Teori evolusi lagi tidak logik secara saintifik kerana kegagalan teori tersebut membawa bukti-buktii saintifik bagi menyokong berlakunya makroevolusi terutamanya bukti-buktii fosil makhluk perantara. Menurut beliau, teori evolusi lebih merupakan hasil pentafsiran manusia. Dalam aspek kebolehgunaan, sarjana Islam menerima berlakunya proses mikroevolusi tetapi tetap menolak makroevolusi. Mereka mempersoalkan mengenai proses mikroevolusi yang berlaku dalam sesuatu spesies boleh digunakan dalam proses makroevolusi yang melibatkan perubahan suatu spesies kepada spesies yang lain. Lihat N. H. Keller, (1999). *Evolution theory and Islam*. Cambridge: The Muslim Academic Trust.

<sup>462</sup> Untuk perbincangan lanjut, lihat 4.2.2.1 Darwinisme, Materialisme dan maklumat genetik.

empirikal semata-mata. Namun, apabila diteliti secara lebih mendalam, terbukti bahawa teori tersebut mendokong faham Materialisme seperti penggunaan istilah dan frasa seperti ‘hidupan berevolusi’, ‘terjadi secara semula jadi’, ‘disebabkan oleh tindakan alam tabii’ dan sebagainya, dan penerangan fenomena tabii dan proses biologi yang diterangkan sebagai berlaku secara sendiri dan semula jadi. Pendekatan sedemikian menunjukkan kehadiran pengaruh Materialisme sekaligus menjauhkan manusia daripada mengakui kewujudan Tuhan; sebagaimana yang digagaskan oleh faham Materialisme. Selain itu, kritikannya juga adalah berasas kerana ianya turut disokong oleh pengakuan saintis evolusi dan tokoh faham Materialisme seperti kenyataan Stephen Jay Gould dan Leon Trotsky. Kenyataan kedua-dua tokoh berkenaan menunjukkan Darwinisme sememangnya menjadi alat faham Materialisme dan Komunisme kerana kedua-duanya merupakan tokoh yang terkenal dan diakui kewibawaan mereka di kalangan pendokong Darwinisme dan Materialisme. Justeru, pengkaji melihat kritikan Harun Yahya tersebut adalah berasas.

Dalam kritikan Harun Yahya terhadap sikap taksub saintis evolusi<sup>463</sup>, pengkaji melihat asas kritikannya itu terletak pada kenyataan oleh saintis evolusi terbabit yang menjadi testimoni dan pengakuan kebenaran perkara tersebut berlaku seperti kenyataan oleh Profesor Ali Demirsoy dan Richard Dawkins. Kedua-duanya merupakan saintis evolusi yang dihormati oleh komuniti evolusi Darwinisme. Kenyataan oleh saintis terbabit menzahirkan sikap taksub tersebut sekaligus membenarkan kritikan Harun Yahya terbabit. Perkara tersebut tidak menghairankan kerana sains moden itu sendiri, khususnya sains biologi adalah bertunjangkan faham Darwinisme dan Materialisme. Sains menurut kaca mata Barat mestilah bersifat bebas nilai (termasuklah bebas daripada unsur-unsur ketuhanan); istilah ‘sebab

---

<sup>463</sup> Untuk perbincangan lanjut, lihat 4.2.2.2 Sikap taksub saintis evolusi.

saintifik' sebagaimana yang dijelaskan Harun Yahya merupakan helah dan justifikasi kepada sifat bebas nilai sains terbabit. Hakikatnya, sains Barat yang didakwa sebagai bebas nilai itu sendiri tidak bebas sifatnya kerana dibelenggu oleh faham Materialisme. Propaganda media dan tindak balas golongan evolusionisme terhadap para pengkritik dan penentang mereka turut menjadikan kritikan Harun Yahya berkenaan sebagai berasas. Sekiranya kritikan mengenai sikap taksub saintis evolusi adalah tidak berasas, mengapakah mereka menolak dan menghalang hasil kajian atau penerbitan jurnal yang mengkritik teori berkenaan meskipun kritikan terbabit berdasarkan hujah saintifik sepenuhnya?<sup>464</sup>

Antara perkara yang menjadikan kritikan Harun Yahya berbeza daripada para pengkritik teori evolusi oleh sarjana Islam yang lain ialah kritikannya daripada perspektif sains. Kritikan-kritikan sainsnya pada hemat pengkaji adalah berasas kerana bukti-bukti daripada kajian saintifik yang dikemukakannya, seperti kritikannya terhadap evolusi haiwan yang berdasarkan hujah ketiadaan rekod fosil bentuk perantaraan<sup>465</sup>. Ketiadaan rekod berkenaan merupakan hujah terkuat yang membuktikan bahawa proses hidupan berevolusi menjadi spesies lain tidak pernah berlaku. Proses evolusi sesuatu hidupan sudah pasti melibatkan suatu siri perubahan yang menghasilkan hidupan-hidupan perantaraan. Pelbagai eksplorasi oleh ahli geologi dan palaentologi telah dijalankan di seluruh pelosok bumi namun tidak wujud satu fosil yang mewakili bentuk perantaraan berkenaan. Perkara inilah yang dibangkitkan oleh Harun Yahya dalam kritikan berkenaan evolusi hidupan. Namun, kritikannya itu bukanlah suatu hujah baharu kerana kritikan sedemikian turut

---

<sup>464</sup> Antara contoh tindakan golongan Darwinisme ialah sebagaimana yang dialami oleh Irfan Yilmaz. Beliau pernah dihalang daripada meneruskan pembentangan kertas di persidangan akademik 'Masalah Pendidikan Biologi (*The Problems of Biology Education*)' anjuran Fakulti Sains, Universiti Istanbul. Kertas kerjanya yang mengkritik teori evolusi Darwinisme juga disingkirkan daripada buku prosiding persidangan tersebut. Lihat I. Yilmaz, (2008). *Evolution: Science or ideology?* New Jersey: Tughra Books., hlm. ix-x.

<sup>465</sup> Untuk perbincangan lanjut, lihat 4.2.2.6 Mustahil untuk proses evolusi hidupan berlaku.

dibangkitkan oleh sarjana lain seperti Michael Denton<sup>466</sup> dan Douglas Dewar<sup>467</sup>.

Meskipun telah lama dicabar namun pendokong Darwinisme masih gagal mendatangkan rekod fosil berkenaan. Dalam konteks ini, kritikan Harun Yahya adalah berasas dan bersandarkan bukti-bukti yang kukuh.

Begitu juga dengan kritikannya berkaitan kemustahilan kebarangkalian pembentukan protein secara kebetulan<sup>468</sup>. Harun Yahya telah mengkritik isu berkenaan dengan melihat kepada unit asas dan terpenting dalam pembinaan suatu hidupan iaitu protein. Protein berfungsi yang wujud dalam hidupan mempunyai satu sifat unik iaitu kesemuanya merupakan protein kidal. Dalam perbincangannya, beliau telah menunjukkan bahawa kebarangkalian pembentukan protein berfungsi secara kebetulan adalah mustahil sama sekali. Sekiranya perkara tersebut boleh terjadi, sudah tentu banyak protein berfungsi telah berjaya dihasilkan dalam eksperimen dan uji kaji makmal. Kritikannya itu sebenarnya selari dengan kesangsian di kalangan ahli-ahli matematik, fizik dan kejuruteraan mengenai kemampuan mutasi rawak untuk menghasilkan maklumat yang diperlukan dalam menghasilkan suatu bentuk hidupan baharu<sup>469</sup>. Selain itu, kritikannya itu juga menjelaskan bahawa suatu benda hidup tidak boleh dihasilkan daripada benda bukan hidup secara sendiri dan semula jadi. Begitu juga sesuatu yang lebih baik dihasilkan daripada sesuatu yang kurang

---

<sup>466</sup> Denton dalam kritikannya terhadap ketiadaan rekod fosil hidupan perantaraan memfokuskan tentang kewujudan fosil terawal yang mewakili setiap kelas utama dalam taksonomi hidupan meliputi haiwan invertebrata, vertebrata (ikan, amfibia dan sebagainya) dan tumbuhan. Fosil-fosil terawal tersebut telah membeza dan mempunyai ciri-ciri hidupan yang maju. Ahli paleontologi mengakui bahawa tidak mungkin untuk fosil-fosil berkenaan menjadi moyang kepada yang lain. Lapisan strata batuan ratusan juta tahun sebelum era Cambrian yang sepatutnya mengandungi fosil hidupan yang menghubungkan antara setiap kelas dan filum hidupan, hampir tidak mengandungi sebarang fosil. Lihat M. Denton, (1986). *Evolution: A theory in crisis*. Maryland: Adler & Adler Publishers., hlm. 157-174.

<sup>467</sup> Dewar mengkritik kekurangan bukti fosil dalam menyokong teori tersebut dalam tiga bab dalam bukunya ‘The Transformist Illusion’. Beliau mengkritik berkenaan kekurangan bilangan genera berdasarkan rekod fosil dalam bab kedua, ketiadaan fosil zaman Pra-Cambrian dalam bab ketiga. Dalam bab keempat pula, beliau mengkritik alasan yang dikemukakan golongan evolusi mengenai ketiadaan bukti fosil hidupan perantara. Beliau menyimpulkan bahawa ketiadaan bukti fosil pada batuan Pra-Cambrian merupakan mala petaka bagi teori evolusi Darwinisme. Lihat D. Dewar, (2005). *The transformist illusion*. New York: Sophia Perennis., hlm. 13-30.

<sup>468</sup> Untuk perbincangan lanjut, lihat 4.2.2.5 Kepincangan dan kemustahilan hipotesis pembentukan hidupan pertama.

<sup>469</sup> Pada tahun 1966, telah diadakan persidangan ‘Cabaran-cabaran Matematik terhadap Neo-Darwinisme’ (Mathematical Challenges to Neo-Darwinism) yang telah diadakan di Institut Wistar, Philadelphia, Amerika Syarikat. Lihat Lihat S. C. Meyer, (2009). *Signature in the cell: DNA and the evidence for intelligent design*. New York: HarperCollin Publishers., hlm. 204.

baik secara sendiri<sup>470</sup>. Justeru, kritikannya adalah berasas dan beliau telah membuktikan bahawa mustahil untuk hidupan terbentuk secara kebetulan dan semula jadi sejak di peringkat unit asasnya lagi.

Kritikan Harun Yahya daripada perspektif Islam mempunyai asas kerana beliau telah menunjukkan wujud golongan Muslim pro-Darwinisme dan tindakan mereka mentafsirkan ayat-ayat al-Quran mengikut acuan Darwinisme yang menyeleweng dan terpesong berbanding tafsiran al-Quran yang muktabar. Pengkaji bersetuju dengan kenyataan Harun Yahya yang menyifatkan golongan sedemikian sebagai dalam bahaya kerana perbuatan mereka itu telah mendedahkan ayat-ayat al-Quran kepada kebinasaan<sup>471</sup>. Tafsiran al-Quran mempunyai *manhaj* dan metodologi yang khusus yang memerlukan seseorang *mufassir* menguasai pelbagai ilmu seperti ilmu Bahasa Arab, Hadith, Nahu, dan sebagainya. Apabila mentafsirkan sesuatu ayat, para *mufassir* akan mentafsirkannya dengan ayat-ayat al-Quran yang lain ataupun dengan hadith Rasulullah s.a.w yang sahih; dikenali sebagai *tafsir bi al-ma'thūr*, dan seterusnya. Teori evolusi Darwinisme bukanlah suatu ilmu yang bersumberkan al-Quran mahupun Rasulullah s.a.w dan ianya juga masih lagi dianggap sebagai suatu teori oleh sebahagian besar masyarakat sains. Justeru, mentafsirkan ayat-ayat al-Quran dengan sesuatu yang tidak pasti lagi kebenarannya, bahkan dibuktikan memiliki banyak kepincangan dan kebatilan adalah perbuatan yang amat berbahaya dan boleh memudaratkan ayat-ayat yang ditafsirkan tersebut. Meskipun ditunjukkan berlaku pemesongan makna dalam tafsir versi Darwinisme, namun masih terdapat

<sup>470</sup> Seyyed Hossein Nasr dalam permasalahan ini telah menyatakan bahawa metafizik dan juga logik tidak dapat menerima kemungkinan sesuatu yang lebih baik asalnya datang daripada sesuatu yang kurang baik, melainkan ianya telah sedia wujud. Kesedaran atau ruh tidak boleh berevolusi daripada suatu bahan melainkan ianya telah sedia wujud secara luaran kepada bahan tersebut, sebagaimana seseorang tidak dapat mengangkat sesuatu objek secara fizikal melawan tarikan graviti, melainkan telah wujud tenaga yang tersimpan pada penggerak itu. Lihat S. H. Nasr, (1997). *Man and nature: The spiritual crisis of modern man*. Chicago: ABC International Group., hlm. 124. Selepas ini disebut sebagai S. H. Nasr, (1997). *Man and nature: The spiritual crisis of modern man*.

<sup>471</sup> Rasulullah s.a.w telah mengeluarkan amaran keras terhadap golongan yang mentafsirkan al-Quran tanpa ilmu pengetahuan. Lihat A. Zarzur, (2005). *Pengantar kepada usul al-tafsir*. (Z. H. Yusoff, & A. Yappone, Penterjemah) Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication., hlm. 85-86.

kelompok Muslim pro-Darwinisme yang mempercayai dan mempertahankan tafsir berkenaan; menyerlahkan sikap taksub mereka terhadap teori evolusi Darwinisme.

Justeru, kritikan-kritikan Harun Yahya terhadap teori tersebut daripada perspektif falsafah, sains dan Islam adalah berasas dan ianya mempunyai sokongan dan bukti yang kukuh dan kuat. Beliau bukan sekadar mengkritik kosong tetapi turut mengemukakan bukti-buktinya yang menyokong kritikannya itu sama ada dalam bentuk contoh hidupan, hasil penyelidikan saintifik dan sebagainya.

#### **4.3.2.2 Analisis daripada aspek kekuatan dan kelemahan kritikan Harun**

##### **Yahya**

Kritikan Harun Yahya daripada perspektif falsafah lebih berkisar mengenai epistemologi teori evolusi Darwinisme. Beliau, melalui penelitiannya, telah menyerlahkan persamaan prinsip asas antara falsafah Materialisme dengan teori evolusi Darwinisme<sup>472</sup>. Di sini, pengkaji melihat kekuatan kritikannya itu terletak pada keupayaannya menunjukkan secara jelas hubung kait antara teori tersebut dengan faham Materialisme; faham yang menunjangi teori tersebut. Beliau memberikan penekanan dan perhatian utama terhadap hubung kait terbabit dalam setiap penulisannya yang mengkritik teori evolusi Darwinisme. Pengkaji percaya bahawa hubung kait tersebut diberikan perhatian khusus kerana ia merupakan hakikat sebenar teori berkenaan yang bukan sekadar suatu teori sains semata-mata tetapi alat kepada faham Materialisme. Ianya juga merupakan kunci bagi memahami kritikan-kritikannya yang lain di samping untuk menyerlahkan sifat tersirat teori terbabit. Hubung kait ini jugalah yang turut ditekankan oleh beberapa sarjana lain seperti William Dembski<sup>473</sup>, John Durant<sup>474</sup> dan Martin Lings<sup>475</sup>. Selain itu, pengkaji

<sup>472</sup> Untuk perbincangan lanjut, lihat 4.2.2.1 Darwinisme, Materialisme dan maklumat genetik.

<sup>473</sup> William Dembski menyatakan bahawa pendokong faham naturalisme beranggapan bahawa Tuhan merupakan kepercayaan tahlul yang paling teruk yang perlu dihapuskan. Namun, teori tersebut gagal menjelaskan beberapa perkara seperti daya kreativiti manusia . Daya kreativiti seseorang merupakan kurniaan Tuhan kepadanya seperti Mozart yang mempunyai daya

yakin bahawa kewujudan faham Materialisme dalam teori evolusi Darwinisme adalah berkait langsung dengan kepercayaan agama Charles Darwin. Seorang pelopor akan menerapkan pandang alam yang dipegangnya dalam idea gagasannya. Contohnya seperti al-Jahiz yang dikatakan telah menggagaskan idea penyesuaian hidupan terhadap alam sekitar. Beliau tetap meletakkan Allah sebagai kuasa terunggul dalam proses tersebut. Begitu jugalah Darwin dengan teori evolusinya itu. Sikap agnostiknya<sup>476</sup> telah menghasilkan teori evolusi Darwinisme yang bebas daripada campur tangan Tuhan. Dalam perbahasan tersebut, kritikan Harun Yahya adalah lebih kuat berbanding kritikan sarjana lain seperti Irfan Yilmaz, Seyyed Hossein Nasr dan Muzaffar Iqbal<sup>477</sup> yang lebih melihat kepada implikasi mempercayai teori berkenaan kepada manusia sahaja. Irfan yang menyifatkan teori tersebut sebagai pemecah ikatan sains dan agama dengan gagasan semua hidupan yang sempurna sifatnya merupakan hasil hukum tabii terjadi secara rawak, kebetulan

---

kreativiti luar biasa dalam bidang muzik. Naturalisme menafikan sebarang elemen peranan Tuhan dalam daya kreativiti manusia manakala ajaran agama menekankan bahawa Tuhan merupakan hakikat terunggul dan alam tabii itu adalah hasil kuasa kreativiti-Nya. Menurut kepercayaan agama, Tuhan merupakan penyebab utama kepada berlakunya sesuatu dan tindakan-Nya adalah bebas dan tidak terikat. Sebaliknya, naturalisme menyatakan semua perkara terjadi disebabkan secara semula jadi sama ada terjadi disebabkan oleh perkara lain (keperluan (*necessity*)) ataupun terjadi dengan sendiri (*chance*). Namun, alam tabii itu sendiri memaparkan pelbagai ciri-cirinya yang tersendiri yang tidak mampu diuraikan melalui proses semula jadi sebaliknya memerlukan agen bijaksana (*intelligent agent*) yang menjadikannya. Lihat W. Dembski, (2003). *The act of creation: Bridging trancendence and immanence*. Dalam M. M. Zarandi (Ed.), *Science and the myth of progress* (hlm. 269-302). Indiana: World Wisdom., hlm. 269-280.

<sup>474</sup> Durant menegaskan, Darwinisme menjadi simbol kejayaan utama kepada hasil kerja ahli falsafah *Enlightenment*, Auguste Comte dengan pandangannya yang meletakkan teologi dan metafizik sebagai primitif dan bertentangan dengan sains. Comte menyatakan bahawa kemajuan pemikiran manusia melalui tiga peringkat utama iaitu peringkat teologi, metafizik dan positif. Peringkat teologi merupakan fenomena tabii' produk kepada kuasa-kuasa adikuasa (*supernatural*). Peringkat metafizik ialah kuasa-kuasa adikuasa dalam peringkat teologi digantikan dengan daya-daya abstrak. Peringkat ketiga merupakan peringkat positif iaitu peringkat pencarian penyebab tersirat ditolak dalam memenuhi penerangan fenomena tulen yang boleh dicerap. Darwin telah membuka pintu terhadap satu bentuk penyekutuan terhadap Tuhan iaitu membawakan pilihan alamiah sebagai 'peraturan kedua' untuk Tuhan mempopulaskan bumi. Durant juga menyatakan bahawa pendewaan Darwinisme pada kurun ke-20 telah menyemarakkan gerakan anti-evolusi, terutamanya pada sekitar tahun 1920-an ketika memuncaknya evolusionisme, sekularisme dan liberalism. Lihat J. Durant, (1985). *Darwinism and divinity: A century of debate*. Dalam J. Durant (Ed.), *Darwinism and divinity*. Oxford: Basil Blackwell., hlm. 10-33.

<sup>475</sup> Lings menyatakan bahawa kejayaan teori tersebut disebabkan oleh semangat ketertinggian manusia yang tersebar luas pada abad kesembilan belas. Golongan *humanist* mengangkat teori ini sebagai pentahkikan saintifik kepada kepercayaan kemajuan (*progress*) mereka. Penerimaan teori evolusi pada hari ini disebabkan sifatnya yang tidak melibatkan keajaiban dan penjelasan fenomena tabii secara materialistik berbanding teori penciptaan istimewa (*special creation theory*) yang melibatkan keajaiban (*miracles*); kerana ia penciptaan daripada tiada kepada ada. Namun, beliau berpendapat sebaliknya kerana proses kejadian hidupan menurut teori evolusi ini mempunyai lebih banyak keajaiban (*miracles*) berbanding teori penciptaan kerana ternyata dalam teori itu proses evolusi tiada asas saintifik dan logik dan tidak dapat dibuktikan. Lihat M. Lings, (1987). *Science knows nothing about the origin of man*. Dalam O. Bakar (Ed.), *Critique of evolutionary theory: A collection of essays* (hlm. 53-56). Kuala Lumpur: The Islamic Academy of Science & Nurin Enterprise., hlm. 53-61.

<sup>476</sup> Untuk perbincangan lanjut, lihat tajuk 3.2 Latar belakang ringkas Charles Darwin.

<sup>477</sup> Muzaffar Iqbal yang menyatakan bahawa teori evolusi telah menggoncang kepercayaan manusia terhadap adanya Tuhan sebagai Pencipta atas sifatnya yang berpaksikan kepada fahaman sekular Barat yang memisahkan Tuhan daripada tujuan hidupan-hidupan hidup di muka bumi ini. Lihat M. Iqbal, (2009). *Muslims and the brave new world of modern science. Islam & Science*, 7(2), 81-86.

dan tanpa bersebab; idea yang bertentangan dengan semua hidupan diciptakan oleh Pencipta<sup>478</sup>.

Beliau kemudiannya mengembangkan kritikannya itu dengan memfokuskan implikasi faham Materialisme dalam teori evolusi Darwinisme kepada pendokong teori itu. Akibat daripada kerangka Materialisme teori tersebut, saintis evolusi menjadi taksub terhadap teori tersebut sehingga menjadikannya sebagai suatu dogma<sup>479</sup>. Dalam konteks ini, Harun Yahya hanya menyentuh secara ringkas sikap berkenaan berbanding kritikan sarjana lain seperti Seyyed Hossein Nasr<sup>480</sup> dan Jonathan Wells<sup>481</sup> yang menyentuh secara terperinci perkara berkenaan. Meskipun disentuh secara ringkas, Harun Yahya telah berupaya menunjukkan kesan ketaksuhan golongan Darwinisme kepada metodologi penyelidikan mereka dengan mengemukakan contoh-contoh perbuatan taksub dalam aktiviti penyelidikan sains yang sanggup melakukan apa sahaja demi membuktikan kebenaran teori berkenaan. Di samping itu, beliau turut memaparkan tindak balas yang dilakukan oleh golongan

---

<sup>478</sup> Menurut Irfan, hakikatnya Allah menciptakan manusia sebagai khalifah di bumi ini dan diberi kuasa mengurus dan mentadbirnya. Sebaliknya wujud segelintir manusia yang membangunkan teknologi-teknologi dengan menggunakan kebijaksanaan kurniaan Allah tetapi mengaku bahawa semua pencapaian tersebut hasil usaha mereka semata-mata serta menyifatkan semua fenomena tabii yang berlaku adalah secara semula jadi tanpa campur tangan Tuhan. Lihat I. Yilmaz, (2008). *Evolution: Science or ideology?* New Jersey: Tughra Books., hlm. 6.

<sup>479</sup> Untuk perbincangan lanjut, lihat 4.2.2.2 Sikap taksub saintis evolusi.

<sup>480</sup> Menurut Seyyed Hossein Nasr, para saintis yang mendokong teori evolusi itu kebiasaannya menolak agar teori tersebut melalui penelitian metodologi dan saintifik atau untuk dipersoalkan sebagaimana hipotesis sains yang lain. Hampir kesemua buku yang ditulis dalam bidang biologi dipandu agar menunjukkan bahawa teori evolusi merupakan fakta yang telah mantap. Jarang dijumpai pendapat saintis yang menentang teori tersebut dipaparkan. Sekiranya seorang ahli akademik dalam bidang biologi di salah sebuah universiti moden terutamanya di negara-negara *Anglo-Saxon* menolak teori tersebut meskipun penolakan tersebut berasaskan hujah-hujah saintifik sepenuhnya, ahli akademik tersebut akan diambil tindakan sama ada dinafikan kenaikan pangkat, dipecat, dianggap gila oleh rakan sejawat dan berbagai-bagai tindakan lain. Lihat S. H. Nasr, (1997). *Man and nature: The spiritual crisis of modern man.*, hlm. 125 dan S. H. Nasr., & M. Iqbal, (2007). *Islam, science, Muslims and technology*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust., hlm. 150.

<sup>481</sup> Wells dalam bukunya ‘Icons of evolution: Science or myth?’ telah menyenaraikan dan mengkritik ikon-ikon evolusi Darwinisme iaitu eksperimen Miller-Urey, Pohon Kehidupan Darwin, homologi, rekapitulasi embriologi Haeckel, *Archaeopteryx*, kupu-kupu berbintik, paruh burung Darwin, lalat buah bersayap empat, fosil-fosil kuda, dan ikon evolusi beruk kepada manusia. Beliau juga menyanggah kesanggupan saintis evolusi untuk melakukan penipuan dengan memanipulasi data kajian bagi menunjukkan kebenaran teori tersebut sebagaimana yang berlaku dalam kes embrio Haeckel. Situasi ini diperburuk lagi dengan sikap sesetengah ahli dan penulis buku rujukan biologi yang mengambil sikap seolah-olah tidak tahu terhadap falsi yang wujud meskipun mereka telah mengetahuinya seperti sikap Stephen Jay Gould, seorang ahli sejarah sains yang telah mengetahui mengenai lukisan palsu embrio Haeckel tetapi mengambil sikap mendiamkan diri dan tidak melakukan pembetulan sehingga seorang ahli biologi lain mengadu tentang kepalusan tersebut pada tahun 1999. Malangnya, ahli biologi tersebut dilabel Gould sebagai pendokong *creationism*. Pendokong Darwinisme sering mendakwa pengkritik-pengkritik teori tersebut sebagai tidak saintifik, artikel-artikel lawan ditolak oleh jurnal-jurnal sains arus perdana, penyelidikan-penyelidikan yang menentang teori evolusi dihalang daripada mendapat geran dan sebagainya. Jika bukti yang berlawanan dengan teori tersebut ditemui, bukti tersebut akan dipencarkan ataupun hanya diterbitkan dalam penerbitan-penerbitan khas sahaja. Dengan cara ini golongan Darwinisme akan melaungkan bahawa tiada bukti-bukti saintifik yang bertentangan dengan teori tersebut ditemui. Meskipun terdapat ramai ahli biologi yang jujur dalam melaksanakan penyelidikan mereka, namun mereka mungkin tidak menyedari kesalahan yang wujud pada ikon-ikon evolusi<sup>481</sup> terbabit disebabkan gejala ‘kesan penghususan’ (*speciality effect*). Lihat J. Wells, (2002). *Icons of evolution: Science or myth?* Washington: Regnery Publishing.. 232-236.

Darwinisme terhadap golongan penentangnya; perbuatan yang jelas bersalah dengan kriteria utama penyelidikan saintifik iaitu untuk mendengar dan cuba memahami kenyataan balas pihak lain.

Meskipun begitu, pengkaji melihat Harun Yahya dalam kritikannya gagal menjelaskan perubahan pegangan komuniti sains Barat yang asalnya berpegang kepada alam sebagai ciptaan Tuhan sebagaimana yang diyakini oleh saintis-saintis awal Barat seperti Kepler<sup>482</sup>, Agassiz<sup>483</sup>, Linnaeus<sup>484</sup>, Boyle<sup>485</sup>, Newton<sup>486</sup> dan sebagainya, berubah kepada alam sebagai hasil tindakan semula jadi yang diyakini sains moden. Pegangan saintis-saintis awal tersebut bukan hanya disebabkan oleh kepercayaan semata-mata tetapi sebaliknya hujah-hujah mereka berdasarkan penemuan dalam disiplin masing-masing<sup>487</sup>. Bagi mereka, konsep penciptaan bukanlah suatu sentimen agama dan berkeyakinan bahawa alam semesta merupakan suatu sistem kosmos yang teratur bukan suatu sistem kecamuk atau *chaos*<sup>488</sup>. Mereka juga berkeyakinan bahawa alam semesta ini merupakan produk suatu kuasa minda rasional (*rational mind*) yang merekacipta alam ini untuk difahami oleh minda manusia<sup>489</sup>. Dalam konteks ini, kritikan oleh Irfan Yilmaz lebih kuat berbanding Harun Yahya kerana ianya telah menjelaskan sebab atau faktor penerimaan

---

<sup>482</sup> Johannes Kepler menyedari wujudnya kuasa rekaan kebijaksanaan dalam ketepatan pergerakan planet-planet secara matematik dan tiga hukum yang ditemuiinya yang menerangkan mengenai pergerakan tersebut. S. C. Meyer, (2009). *Signature in the cell: DNA and the evidence for intelligent design*, hlm. 145.

<sup>483</sup> Louis Agassiz (1807-1873), seorang ahli kaji alam tabii Amerika Syarikat, mempercayai bahawa pola kemunculan dalam rekod fosil menunjukkan kepada fosil-fosil itu merupakan hidupan yang dicipta. Lihat *ibid*.

<sup>484</sup> Carl Linnaeus (1707-1778), seorang ahli botani Sweden, berhujah menyokong konsep penciptaan berdasarkan klasifikasi taksonomi haiwan dan tumbuhan. Lihat *ibid*.

<sup>485</sup> Robert Boyle menegaskan bahawa banyak mekanisme fizik beroperasi secara konsisten seperti operasi sebuah jam menunjukkan bahawa mekanisme-mekanisme fizik tersebut merupakan aktiviti suatu agen penciptaan yang paling bijaksana. Lihat *Ibid*.

<sup>486</sup> Isaac Newton (1643-1727), seorang ahli fizik Inggeris, telah mengemukakan hujah-hujahnya mengenai reka cipta istimewa (special design) berdasarkan penemuan-penemuan dalam bidang fizik, biologi dan astronomi seperti keistimewaan rekaan mata dalam bukunya Opticks, dan hujah-hujahnya mengenai reka cipta istimewa sistem planet menerusi karya agungnya *Philosophiae Naturalis Principia Mathematica* (Prinsip-prinsip Matematik dalam Falsafah Tabii). Lihat *ibid*, hlm. 145-146.

<sup>487</sup> *Ibid*, hlm. 145.

<sup>488</sup> Meyer memetik kata-kata ahli falsafah Inggeris, Alfred North Whitehead (1861-1947) yang mengatakan, “There can be no living science unless there is a widespread instinctive conviction in the existence of an Order of Things. And, in particular, of an Order of Nature”. Lihat *ibid*, hlm. 142.

<sup>489</sup> Menurut Meyer, beberapa saintis Barat menyokong kenyataan tersebut. Beliau memetik kata-kata ahli sosiologi sains, Steve Fuller yang menyatakan bahawa sains Barat diasaskan daripada kepercayaan bahawa keteraturan alam tabii merupakan produk kepada kebijaksanaan tunggal (single intelligence) yang mewariskan kebijaksanaan tersebut kepada manusia. Pakar astronomi Jerman, Johannes Kepler (1571-1630) pula menyatakan bahawa tugas saintis ialah memikirkan pemikiran Tuhan yang mengikuti-Nya. Lihat *ibid*, hlm. 143.

masyarakat Barat terhadap teori berkenaan selain daripada faktor faham Materialisme dan konflik gereja-sains<sup>490</sup>.

Kritikan Harun Yahya daripada perspektif sains memperlihatkan keupayaan Harun Yahya untuk mengkritik teori tersebut berdasarkan kerangka sains moden itu sendiri. Beliau menunjukkan kepincangan teori evolusi tersebut dari segi kekeruanan (*coherence*), kelogikan (*logicality*) dan kebolehgunaannya (*applicability*). Pendekatan ini, pada hemat pengkaji, mampu merangsang kalangan pendokong Darwinisme terutamanya mereka yang berlatar belakangkan sains untuk memikirkan dan meneliti kritikan-kritikan yang dilontarkannya berbanding sarjana-sarjana lain yang mengkritik teori berkenaan menggunakan pendekatan falsafah dan agama semata-mata. Masyarakat juga kurang mempedulikan kritikan sedemikian kerana bagi mereka, kritikan tersebut hanyalah kritikan berteraskan sentimen falsafah dan agama semata-mata. Namun, kritikan Harun Yahya terhadap teori tersebut—dengan berdasarkan kerangka dan hujah sains moden di samping kritikan agama dan falsafah—telah mempengaruhi sebahagian besar masyarakat termasuklah kelompok Darwinisme untuk melihat, menilai dan mengkaji teori itu sendiri. Bahkan, ada di kalangan masyarakat Barat yang membaca buku-buku kritikannya terhadap teori itu telah memeluk Islam<sup>491</sup>. Pendekatan begini juga pernah digunakan oleh tokoh-tokoh ilmu kalam seperti Abu Ḥassan al-As̄h̄ā'ari dalam mendepani dan menjawab dakwaan golongan Muktazilah. Kajian ini melihat, meskipun telah wujud tulisan-

<sup>490</sup> Irfan Yilmaz menggariskan empat faktor penerimaan tersebut. Pertama, kelemahan Darwin dalam memahami sifat dan kebesaran Tuhan ketika terpegun dengan kepelbagaiannya variasi hidupan dan penyesuaian hidupan tersebut dengan persekitaran; Darwin meyakini bahawa persaingan (struggle) merupakan kunci utama kepada kepelbagaiannya biodiversiti yang wujud. Kedua, ketidakupayaan cendekiawan Kristian dalam menerangkan persoalan-persoalan geologi. Percanggahan idea usia bumi menurut ajaran Kristian dengan bukti-bukti perubahan geologi termasuklah pelbagai peringkat dalam pembentukan bentuk muka bumi seperti sungai, gunung, gurun, hutan dan sebagainya menyebabkan mudah bagi masyarakat Eropah menerima idea haiwan dan tumbuhan berevolusi sehingga menjadi bentuknya hari ini. Ketiga, tekanan oleh pihak gereja Kristian pada Zaman Pertengahan menyebabkan putusnya hubungan antara sains dengan gereja. Kesilapan yang dilakukan para agamawan Kristian dalam mentafsirkan ayat-ayat Bible berkaitan penciptaan alam menjadikan Kristian tidak membantu dalam perkembangan sains. Bahkan Kristian dilihat bertentangan dengan logik dan daya intelek manusia. Keempat, konteks teori evolusi bersesuaian dan secocok dengan fahaman Marxism, Materialisme, positivisme, fasis dan rasisme. Lihat I. Yilmaz, (2008). *Evolution: Science or ideology?*, hlm. 7-8.

<sup>491</sup> Untuk bacaan lanjut, lihat H. Yahya, (2002). *Global impact of the works of Harun Yahya*. Istanbul: Arastirma Publishing dan H. Yahya, (2007). *Global impact of the works of Harun Yahya* (Jil. 2). Istanbul: Global Publishing.

tulisan yang mengkritik teori itu sebelum Harun Yahya, namun penulisan sedemikian yang diterbitkan di Barat (khususnya negara-negara Anglo-Saxon) telah dipencarkan oleh golongan Darwinisme daripada sebaran umum atas alasan tidak saintifik<sup>492</sup>. Hal ini berbeza dengan karya Harun Yahya yang diterbitkan di dunia Islam yang tidak mempunyai sekatan seperti di Barat. Karya kritikannya itu telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa dan disebarluaskan ke pelbagai negara termasuklah negara-negara Barat. Justeru, masyarakat akhirnya mula mengetahui wujud kritikan terhadap teori evolusi Darwinisme meliputi pelbagai perspektif kritikan termasuklah sains moden itu sendiri.

Antara kepincangan teori evolusi Darwinisme dari segi kekeruanan yang diketengahkan oleh Harun Yahya ialah percanggahan kenyataan mereka dengan kenyataan mereka yang lain seperti dalam isu alga. Dakwaan Darwinisme bahawa alga berevolusi dan berubah menjadi tumbuhan darat adalah tidak koheren dengan mekanisme pilihan alamiah kerana persekitaran berair yang menjadi habitat alga merupakan persekitaran ideal dan tiada sebarang kelebihan untuknya berpindah ke darat<sup>493</sup>. Begitu juga dengan kritikannya terhadap metode propaganda teori tersebut<sup>494</sup> yang jelas bercanggah dengan prinsip utama sains iaitu mencari kebenaran.

Kepincangan dari segi kelogikannya pula ditunjukkannya dalam beberapa kritikannya seperti ketiadaan fosil bentuk perantaraan dalam membuktikan berlakunya evolusi haiwan<sup>495</sup>, kebarangkalian mustahil pembentukan protein berfungsi pertama secara semula jadi dan kebetulan<sup>496</sup>, dan ketiadaan struktur perantara dalam proses kuadrupedalisme berevolusi menjadi bipedalisme dalam

---

<sup>492</sup> Lihat 4.2.2.2 Sikap taksub saintis evolusi, dan 4.2.2.3 Kebatilan metode propaganda evolusi Darwinisme.

<sup>493</sup> Untuk perbincangan lanjut, lihat 4.2.2.6 Mustahil untuk proses evolusi hidupan berlaku.

<sup>494</sup> Untuk perbincangan lanjut, lihat 4.2.2.3 Kebatilan metode propaganda evolusi Darwinisme.

<sup>495</sup> Untuk perbincangan lanjut, lihat 4.2.2.6 Mustahil untuk proses evolusi hidupan berlaku (evolusi haiwan).

<sup>496</sup> Untuk perbincangan lanjut, lihat 4.2.2.5 Kepincangan dan kemustahilan hipotesis pembentukan hidupan pertama.

evolusi manusia<sup>497</sup>. Evolusi kuadrupedalisme kepada bipedalisme merupakan bukti jelas ketidaklogikan tersebut kerana dari segi keberkesanan pergerakan, kuadrupedalisme merupakan ciri yang lebih baik bagi hidupan darat kerana pergerakannya lebih pantas. Bipedalisme menjadikan manusia antara hidupan darat berkaki empat yang paling perlahan bergerak di darat selain lebih terdedah kepada bahaya. Jika dilihat menerusi pilihan alamiah, bipedalisme manusia sepatutnya berevolusi menjadi kuadrupedalisme dan bukan sebaliknya. Apabila diteliti dari perspektif anatomi, terdapat perbezaan yang ketara antara hidupan kuadrupedalisme dan bipedalisme terutamanya pada struktur kepala. Kepala haiwan kuadrupedalisme cenderung untuk jatuh ke hadapan menjadikannya tidak sesuai untuk berdiri menggunakan dua kaki<sup>498</sup>. Justeru, proses evolusi kuadrupedalisme menjadi bipedalisme adalah tidak logik sekaligus menolak dakwaan berlakunya proses evolusi manusia.

Teori itu juga pincang dari segi kebolehgunaannya yang ditunjukkan oleh Harun Yahya menerusi kritikannya terhadap mutasi bermanfaat<sup>499</sup>. Dalam isu ini, mutasi diakui oleh sains biologi sebagai lebih banyak membawa mudarat bahkan maut kepada organisma terlibat. Darwinisme menyifatkan terdapat mutasi bermanfaat yang dilihat dari aspek faedah mutasi tersebut kepada manusia. Realitinya, mutasi tetap memudaratkan organisma terlibat yang menjadi cacat atau mengalami kemerosotan dalam fungsi biologinya. Secara tidak langsung, pengkaji melihat Darwinisme turut menjadi alat kepada cabang faham Materialisme iaitu *humanism*<sup>500</sup> dan merangsang aktiviti penyelidikan yang bersifat bermanfaat kepada manusia tanpa menghiraukan akibatnya terhadap organisma terlibat.

<sup>497</sup> Untuk perbincangan lanjut, lihat 4.2.2.7 Kebatilan proses evolusi manusia.

<sup>498</sup> Untuk perbincangan lanjut, lihat 4.2.2.7 Kebatilan proses evolusi manusia pada perkara ketiga mengenai aspek bipedalisme.

<sup>499</sup> Untuk perbincangan lanjut, lihat 4.2.2.4 Kepincangan pilihan alamiah dan mutasi

<sup>500</sup> Martin Lings menegaskan bahawa kejayaan teori tersebut menurutnya disebabkan oleh semangat ketertinggian manusia yang tersebar luas pada abad kesembilan belas. Golongan ahli kemanusiaan (*humanist*) mengangkat teori ini sebagai pentahkikan

Harun Yahya telah menunjukkan dengan jelas kepincangan teori evolusi Darwinisme dari aspek logik sains dan kritikannya itu lebih kuat dan bererti berbanding kritikan serupa oleh Nuh Ha Mim Keller<sup>501</sup> kerana Harun Yahya membawakan contoh-contoh sains semasa yang didakwa golongan Darwinisme sebagai bukti kebenaran teori tersebut. Kritikan Irfan Yilmaz juga menunjukkan kepincangan berkenaan. Namun, pengkaji melihat kritikan Irfan Yilmaz lebih kemas kerana huraianya yang lebih terperinci dan lengkap mengenai sesuatu isu biologi seperti dalam perbincangan mengenai pilihan alamiah dan mutasi. Dalam kritikannya terhadap pilihan alamiah, Irfan Yilmaz telah menghuraikan kekeliruan oleh saintis evolusi dalam memahami operasi pilihan alamiah dalam alam tabii<sup>502</sup>. Pengkaji melihat kemampuan Irfan mengkritik teori tersebut dari perspektif sains dengan lebih kemas dan mantap kerana latar belakang pendidikan sains dan merupakan profesor dalam bidang zoologi berbanding Harun Yahya yang hanya memperoleh pengetahuan sains melalui pembacaannya sahaja. Pengkaji turut mendapati terdapat

---

saintifik kepada kepercayaan kemajuan (*progress*) mereka. Sejak seabad yang lepas, hanya segelintir saintis secara berterusan menyatakan bahawa teori evolusi ini tidak mempunyai asas saintifik dan bertentangan dengan pelbagai fakta yang diketahui serta mereka memohon agar sikap saintifik yang lebih tegas dilaksanakan bagi menyelesaikan segala persoalan yang timbul berkaitan teori itu. Lihat M. Lings, (1987). *Science knows nothing about the origin of man*. Dalam O. Bakar (Ed.), *Critique of evolutionary theory: A collection of essays* (hlm. 53-56). Kuala Lumpur: The Islamic Academy of Science & Nurin Enterprise.

<sup>501</sup> Menurut Nuh Ha Mim Keller, daripada sudut kekeruanan, kepincangannya dikesan melalui kenyataan teori tersebut mengenai kesedaran manusia (*human consciousness*) turut terjadi secara evolusi, sama seperti perkara-perkara lain yang boleh dicerap secara saintifik seperti angka, ruang, masa dan sebagainya. Maknanya, kesedaran manusia terbentuk hasil daripada proses mutasi rawak dan pemilihan alamiah yang berlaku secara tiba-tiba. Pernyataan itu, menurutnya, tidak menjamin keutamaan objektiviti suatu perkara berbanding perkara-perkara lain yang mungkin muncul dengan kesedaran manusia pula bervolusi menerusi garis yang berbeza. Asas setiap kenyataan yang terkandung di dalam teori tersebut merupakan hasil daripada tekanan sejarah yang tidak diperiksa dan tidak difikirkan; yang telah menghasilkan ‘kesedaran’ pada sesuatu spesies, asas kognitif yang digunakan teori tersebut sebagai kesimpulan umum bagi keseluruhan teori tersebut (penerangan asal-usul kejadian spesies) tanpa menerangkan kenyataan yang membenarkan kesimpulan umum itu dibuat. Teori evolusi lagi tidak logik secara saintifik kerana kegagalan teori tersebut membawa bukti-buktii saintifik bagi menyokong berlakunya makroevolusi terutamanya bukti-buktii fosil makhluk perantara. Menurut beliau, teori evolusi lebih merupakan hasil pentafsiran manusia. Dalam aspek kebolehgunaan, sarjana Islam menerima proses mikroevolusi tetapi tetap menolak makroevolusi. Mereka mempersoalkan mengenai proses mikroevolusi yang berlaku dalam sesuatu spesies boleh digunakan dalam proses makroevolusi yang melibatkan perubahan suatu spesies kepada spesies yang lain. Penemuan ribuan fosil di Tasik Turkana, Kenya pada tahun 1970-an telah menggembirakan para pendokong evolusi kerana wujud fosil-fosil perantara di sana. Namun, fosil-fosil ini mencabar kenyataan teori evolusi yang menyatakan bahawa proses evolusi berlaku secara beransur-ansur dan mengambil masa yang panjang. Sebaliknya, proses evolusi yang ditunjukkan oleh fosil-fosil di Tasik Turkana berlaku secara mendadak. Lihat N. H. Keller, (1999). *Evolution theory and Islam*. Cambridge: The Muslim Academic Trust., hlm. 1-5.

<sup>502</sup> Darwinisme mendakwa pilihan alamiah menyifatkan alam tabii ini sebagai median pertarungan sesama hidupan dengan hanya yang kuat sahaja akan kekal hidup manakala yang lemah akan mati; persaingan yang bersifat kejam dan tanpa belas kasihan. Dalam konteks ini, Irfan Yilmaz menyatakan bahawa golongan Darwinisme terkeliru dengan proses rantaian makanan yang wujud dalam ekosistem. Persaingan yang berlaku antara hidupan dalam alam tabii bukanlah bersifat kejam dan ganas semata-mata dengan hanya yang kuat sahaja kekal hidup sebaliknya wujud belas kasihan dan kasih sayang dalam kerjasama dan perpaduan di samping persaingan tersebut. Keharmonian yang berlaku dalam sebuah ekosistem berperanan dalam mengimbangi keseimbangan alam tabii. Sekiranya pilihan alamiah merupakan penjelasan terhadap semua spesies hidupan, sepatutnya spesies yang lebih primitif dan ringkas telah lama terhapus daripada muka bumi dan hanya spesies yang lebih kuat dan kompleks yang kekal. Bahkan, menurutnya lagi, pilihan alamiah bukanlah peraturan asas yang sentiasa boleh diterima sebaliknya pilihan alamiah merupakan hukum penciptaan yang ditetapkan Allah bagi memberikan makanan kepada semua organisma hidup menerusi rantaian makanan. Lihat I. Yilmaz, (2008). *Evolution: Science or ideology?*, hlm. 43-45.

sesetengah kritikan Harun Yahya yang menggunakan contoh yang tidak spesifik seperti dalam kritikan terhadap melanisme industri yang hanya menyebutkan kupu-kupu secara umum tanpa menyebutkan nama saintifik kupu-kupu berkenaan<sup>503</sup>. Contoh yang tidak spesifik boleh menyebabkan kekeliruan kerana terdapat berbagai-bagi spesies kupu-kupu yang wujud.

Harun Yahya juga berkemampuan mengkritik teori tersebut dari sudut pandang sains fizik terutamanya dalam menerangkan percanggahan teori tersebut dengan Hukum Kedua Termodinamik<sup>504</sup>. Pengkaji melihat kritikannya tersebut sangat dipengaruhi oleh kritikan serupa yang dibuat oleh Charles B.Thaxton, Walter L. Bradley, dan Roger L. Orsen. Apa yang menarik perhatian pengkaji ialah beliau menggunakan hujah-hujah tersebut dan menunjukkan kecetekan pemahaman golongan Darwinisme mengenai alam tabii yang didakwa mereka sebagai suatu sistem teratur sedangkan hakikatnya alam ini merupakan satu sistem terancang. Kritikannya itu juga menunjukkan dan membuktikan bahawa alam tabii ini telah diciptakan oleh Allah dan ditadbir oleh-Nya sehingga ke Hari Kiamat kelak. Percanggahan teori tersebut sebenarnya telah disedari oleh sarjana terdahulu sebelum Harun Yahya seperti Douglas Dewar<sup>505</sup>. Namun, pengkaji kurang bersetuju dengan Harun Yahya dalam penggunaan hukum Entropi bagi menunjukkan bahawa alam yang bergerak dan beroperasi secara sendiri akan mengalami kemerosotan secara beransur-ansur kerana pada hakikatnya, seandainya alam ini dibebaskan Allah walaupun satu detik, nescaya alam ini akan hancur binasa sebagaimana kaca terhempas daripada pegangan tangan. Hukum Entropi sebenarnya merupakan *sunnatullah* yang membuktikan kepada manusia bahawa hanya Allah sahaja yang Maha Kekal dan bersifat *baqa'* manakala alam ini bersifat baharu dan *fana'*.

<sup>503</sup> Untuk perbincangan lanjut, lihat 4.2.2.4 Kepincangan pilihan alamiah dan mutasi.

<sup>504</sup> Untuk perbincangan lanjut, lihat 4.2.2.10 Percanggahan teori evolusi Darwinisme dengan Hukum Kedua Termodinamik.

<sup>505</sup> Dewar turut mengenangkan percanggahan teori Darwinisme itu dengan Hukum Entropi. Lihat D. Dewar, (2005). *The transformist illusion.*, hlm. 11-12.

Kritikan Harun Yahya daripada perspektif Islam telah membuktikan wujud percanggahan antara teori itu yang berteraskan faham materialisme dengan Islam terutamanya dalam soal alam ini hasil ciptaan Allah kerana teori itu berpegang kepada alam ini merupakan hasil tindakan semula jadi alam sekaligus menafikan ianya dicipta. Beliau juga menunjukkan teori itu merupakan kesinambungan idea pemikiran tamadun-tamadun pagan terdahulu. Penjelasan ini pada hemat pengkaji penting dalam membuktikan bahawa teori evolusi Darwinisme sebenarnya mengandungi unsur-unsur yang bertentangan dengan Islam dan dalam masa yang sama boleh menjelaskan keimanan seseorang. Sebagaimana yang ditegaskan oleh Harun Yahya, seseorang Muslim yang meyakini Darwinisme secara tidak langsung telah menolak peranan Allah sebagai Pencipta, Pengusa dan Pentadbir alam ini dan meletakkan alam semula jadi sebagai penyebab berlaku segala fenomena tabii; keyakinan yang boleh menggelincirkannya kepada syirik.

Dalam kritikannya terhadap sikap Muslim pro-Darwinisme, ianya selari dan disokong oleh kritikan-kritikan oleh sarjana Islam yang lain seperti kritikan oleh Syed Muhammad al-Naqib al-Attas<sup>506</sup>, Said Ramadan al-Buti<sup>507</sup>, Seyyed Hossein

---

<sup>506</sup> Sikap sarjana Islam terbabit, menurut Syed Muhammad al-Naqib al-Attas, adalah disebabkan mereka terpengaruh dengan kelompok *modernist* yang terdiri daripada sarjana-sarjana dan cerdik pandai Islam yang berinteraksi langsung dengan tamadun, budaya, dan pengetahuan Barat. Mereka berusaha untuk mengangkat tingkat minda umat Islam ke tahap selaras dengan kemajuan yang dicapai dalam sains dan teknologi moden. Namun, pendekatan tersebut adalah salah kerana mereka cuba menggabungkan Islam dengan ideologi-ideologi sekular lain seperti sosialisme dan seumpama dengannya. Pendekatan ini menyebabkan kesesatan dan konflik baharu dalam pemikiran umat Islam. Lihat Syed Muhammad al-Naqib al-Attas (1978). *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia., hlm. 40-41.

<sup>507</sup> Said Ramadan al-Buti menyatakan, apabila mereka menemui tulisan ilmuwan-ilmuwan Islam terdahulu seperti al-Jahiz, Ibn Khaldun dan Ibn Miskawayh yang turut menyebutkan beberapa perkara sebagaimana teori evolusi Darwinisme, mereka merasa bangga dan menyatakan bahawa ilmuwan Islam telah lama mengemukakan teori evolusi lama sebelum Darwin. Contohnya ialah dalam perkara hierarki peringkat makhluk yang sebenarnya telah diteliti lama oleh para sarjana Islam. Antaranya ialah sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibn Khaldun di dalam kitabnya *Muqaddimah Ibn Khaldūn*:

“Kemudian cuba perhatikan alam ciptaan, bagaimana ia bermula dari jenis galian, kemudian alam tumbuhan, kemudian alam haiwan dalam susunan yang indah. Strata terakhir dari alam galian (pepejal), bersambung dengan titik awal dari peringkat alam tumbuhan seperti rumput, dan segalanya yang tidak bertelur dan tidak beranak. Titik terakhir dari alam tumbuhan seperti pohon kurma dan tamar bersambung dengan titik awal alam haiwan seperti kerang dan siput yang hanya mempunyai daya sentuh sahaja. Hal ini membawa makna bahawa kesinambungan dalam kejadian atau penciptaan tersebut kerana titik terakhir dari zon setiap alam tadi mempunyai persediaan yang unik untuk meningkat menjadi titik awal strata alam selepasnya. Alam haiwan berkembang dan spesiesnya membiak. Peringkat kejadiannya berakhir kepada alam manusia yang mempunyai akal fikiran.”<sup>507</sup>

Ibn Miskawayh turut menyebutkan perkara tersebut di dalam kitabnya *al-Fauz al-Asghār*:

“Adapun hubungan alam ciptaan yang kita katakan mengalir hikmah di dalamnya, sehingga apabila ternyata ada hikmah tersebut dan jelas suatu pentadbiran yang rapi daripada pihak yang Maha Esa pada keseluruhan alam itu; sehingga peringkat terakhir dari suatu jenis (strata makhluk) bersambung dan berhubung dengan

Nasr<sup>508</sup>, Nuh Ha Mim Keller<sup>509</sup> dan Irfan Yilmaz<sup>510</sup>. Kesemua sarjana-sarjana tersebut sepakat dengan Harun Yahya dalam menyatakan bahawa golongan Muslim pro-Darwinisme merupakan golongan yang dalam bahaya. Berbanding kritikan Harun Yahya, sarjana-sarjana tersebut menyifatkan golongan itu berbahaya kepada umat Islam terutamanya dari segi pemikiran kerana mereka—sebagaimana kritikan Said Ramadan al-Buti—cuba mengaitkan sarjana-sarjana Islam terdahulu dengan teori tersebut sehingga menyelewengkan maksud sebenar sarjana-sarjana terdahulu<sup>511</sup>; yang disifatkannya sebagai satu perbuatan zalim. Mereka juga menimbulkan kecelaruan pemikiran umat Islam kerana menggabungkan Islam

---

peringkat awal dari jenis yang lain, sebagaimana beberapa biji manik yang tersusun baik, sehingga menghasilkan seutas kalung, maka itulah yang kita tegaskan sebagai yang menunjukkan dalil bantuan Allah.”<sup>507</sup>

Dalam hal ini, Dr. Muhammad Sa’id Ramadan al-Buti menegaskan bahawa fenomena ini mempunyai satu hakikat penerangan yang dapat dilihat dan disaksikan yang masih terus berlaku sejak zaman-berzaman, yang masih berlaku dikaji dan diperkatakan oleh semua yang berakal lebih-lebih lagi oleh pengkaji dan penyelidik. Hakikat ini tiada kaitannya langsung dengan apa yang diandaikan oleh golongan Darwinisme yang menyatakan bahawa setiap spesies itu lahir melalui proses evolusi daripada spesies yang lebih rendah sebelumnya, sama ada dinisahkan kepada kejadian manusia atau kejadian lain. Mereka menyebutkan bahawa terdapat beberapa tingkat kewujudan hidupan yang dimulai dengan tumbuhan, yang kemudiannya digantikan dengan haiwan melalui kuasa kebijaksanaan Allah. Kehidupan haiwan tersebut turut terkandung di dalamnya kehidupan tumbuhan. Kehidupan tumbuhan itu sendiri mempunyai beberapa peringkat yang bukan disebabkan oleh evolusi sekular Darwinisme tetapi berpunca daripada pewarisan arketip dalam tertib masa sebagai mana dalam kehidupan haiwan. Manusia merupakan makhluk yang lebih rumit bentuk hidupnya daripada monyet. Meskipun mempunyai beberapa persamaan karakteristik namun hal ini tidak bermakna manusia berevolusi daripada; masalah yang dihadapi oleh golongan yang hidup dalam dunia bahan dan jirim semata-mata dan menolak adanya kuasa bijaksana Allah yang mencipta segala-galanya.

Justeru, sikap golongan Muslim pro-Darwinisme itu disifatkan oleh Said Ramadhan perbuatan zalim kerana meletakkan ulama Islam terbabit sebagai pendokong dan perintis kebatilan daripada Darwin dengan teori evolusinya. Hakikatnya, kata-kata penulis asalnya telah diselewengkan dan dimanupulasi, hanya kerana hendak mendokong golongan Darwinisme tersebut. Lihat M. S. Al-Buti, (1997). *Kubra al-yaqiniyyah al-kawniyyah: Wujud al-khaliq wa wazifah al-makhluq*. Damsyik: Dar al-Fikr., hlm. 163 dan 271-272

<sup>508</sup> Golongan inilah yang dinyatakan Seyyed Hossein Nasr yang berusaha mewujudkan evolusi versi Islam atau evolusi teistik (*theistic evolutionism*). Evolusi teistik disifatkan oleh Seyyed Hossein Nasr sebagai lebih teruk daripada teori evolusi Darwin kerana tidak lagi bersifat saintifik dan dalam masa yang sama mereka telah membabitkan Tuhan ke dalam ‘proses yang mereka yakini mereka mengetahuinya sedangkan hakikatnya mereka tidak mengetahui’. Lihat S. H. Nasr., & M. Iqbal, (2007). *Islam, science, Muslims and technology*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust., hlm. 151.

<sup>509</sup> Nuh Ha Mim Keller menegaskan, perbuatan meyakini bahawa mutasi rawak dan pilihan alamiah menjadi penyebab kepada berlakunya evolusi merupakan perbuatan syirik kerana telah menyamatarafkan kedudukan kedua-duanya dengan Allah sebagai penyebab kepada segala sesuatu. Hakikatnya, hanya Allah sahaja yang Maha Berkusa dan penyebab kepada berlakunya sesuatu perkara. Lihat N. H. Keller, (1999). *Evolution theory and Islam*., hlm. 8.

<sup>510</sup> Teori evolusi Darwinisme menurut Irfan Yilmaz secara jelas menidakkan adanya Pencipta alam ini sebaliknya kehidupan di bumi ini terjadi secara semula jadi, rawak, dan kebetulan dan menyebabkan golongan yang meyakini teori evolusi itu tidak menyalahi keyakinan Allah itu Maha Esa sebenarnya telah tergelincir menjadi manusia yang ingkar bahkan ateis secara tidak sedar. Golongan ini menurut Irfan merupakan kalangan mereka yang tidak memahami sepenuhnya *Asmā’ Allah* dan sifat-Nya dengan sepenuhnya. Begitu juga mereka yang percaya bahawa Allah mencipta alam ini pada permulaannya. Kemudiannya setelah Allah menetapkan segala peraturan, maka Allah membiarkan alam ini bergerak dengan sendirinya dengan peraturan-peraturan itu berkuasa dalam membentuk segala hidupan di alam ini. Irfan menyatakan sebab seorang Muslim itu menjadi golongan yang ingkar kepada Allah apabila mempercayai teori evolusi Darwinisme; teori itu berpaksikan kepada kebetulan (*by chance*). Kalangan yang mempersoalkan teori tersebut pula dilabel sebagai tidak saintifik, mundur dan jumud. Lihat I. Yilmaz, (2008). *Evolution: Science or ideology?*, hlm. 21.

<sup>511</sup> Dr R. Blackhirst memberikan contoh penyelewengan tersebut seperti penyelewengan terhadap kata-kata Jalaluddin al-Rumi iaitu,

“Aku ialah seketul batu dan aku mati sebagai batu dan aku lahir sebagai sebatang pokok. Aku mati sebagai pokok dan aku lahir sebagai seekor haiwan. Kemudian aku mati sebagai haiwan dan aku lahir sebagai manusia”.

Golongan modenis telah menyalahafsirkan kenyataan tersebut dan menganggap bahawa Rumi sepakat dengan Darwin. Rumi pada hakikatnya menjelaskan tentang kepadatan makrokosma ke dalam mikrokosma manusia yang unsur-unsurnya mengandungi seluruh makrokosma tersebut. Manusia mempunyai tabii batu, tumbuhan dan haiwan. Lihat R. Blackhirst, (2007). *Evolutionism and traditional cosmology. Vincit Omnia Veritas*, III(2), 181-185.

dengan ideologi asing sehingga mewujudkan evolusi teistik atas nama kemodenan dan kemajuan. Hakikatnya, evolusi teistik tidak lagi saintifik dan dalam masa yang sama melibatkan Allah ke dalam perkara yang batil.

Harun Yahya menyingskap implikasi yang dibawa oleh golongan Muslim pro-Darwinisme kepada Islam dalam kritikannya terhadap tafsiran ayat-ayat al-Quran versi Darwinisme. Kritikannya itu secara tidak langsung menunjukkan sikap taksub pendokong teori berkenaan yang sanggup mentafsirkan semula ayat-ayat al-Quran khususnya yang berkaitan dengan fenomena tabii agar selari dengan teori tersebut. Golongan tersebut menyifatkan kritikan dan penolakan terhadap teori evolusi Darwinisme oleh sarjana Islam merupakan tindakan mengikut secara membata tuli kritikan Yahudi-Kristian<sup>512</sup>. Perbuatan mereka itu sebenarnya sangat berbahaya kerana menyeret ayat-ayat al-Quran kepada kebinasaan dan penghinaan. Kritikan terhadap tindakan mereka itu juga dibuat oleh Muzaffar Iqbal<sup>513</sup>.

Selain itu, berdasarkan penelitian pengkaji, kritikan Harun Yahya banyak menggunakan pendekatan analogi. Analogi merupakan proses kognitif dalam memindahkan maklumat atau maksud sesuatu perkara (sumber) kepada suatu perkara yang lain (sasaran) dengan ungkapan linguistik yang bersesuaian dengan proses terbabit; dikenali juga sebagai kiasan. Dalam konteks kritikan Harun Yahya tersebut,

---

<sup>512</sup> M. Muftic, (2001). Life, man and the Qur'an. Dalam M. Ilyas (Ed.), *The Lord: The Qur'an, universe and evolution* (hlm. 71-93). Kuala Lumpur: A.S. Nordeen., hlm. 72.

<sup>513</sup> Muzaffar Iqbal menyebutkan bahawa fahaman Materialisme telah menyerap masuk ke dalam pelbagai disiplin keilmuan Islam; daripada pendidikan sehingga ke pentafsiran al-Quran. Fenomena ini berlaku disebabkan usaha-usaha reformasi mengikut acuan Barat yang dibawa oleh para pemimpin negara-negara Islam atas nama kemodenan dan kemajuan agar umat Islam tidak ketinggalan. Contohnya ialah kewujudan aliran pemikiran Manar. Aliran pemikiran Manar diinstitusikan daripada penghasilan *Tafsir al-Manar* yang berusaha mengharmonikan antara sains moden al-Quran; pengharmonian yang dilakukan dengan mentafsir sebahagian ayat-ayat al-Quran berdasarkan sains moden, telah mempengaruhi sebahagian besar umat Islam di seluruh dunia. Pembangunan institusi-institusi sains moden yang tidak mempunyai perkaitan dengan tradisi sains Islam telah menyebabkan kemusnahan kaedah-kaedah alternatif dalam mempelajari alam tabii.<sup>513</sup> Usaha-usaha mencari dalil-dalil *naqli* daripada al-Quran yang menyokong teori evolusi Darwinisme bermula pada tahun 1880 melalui penerbitan ‘*The unveiling of the luminous secrets of the Qurā'ān in which are discussed celestial bodies, the earth, animals, plants and minerals*’ yang ditulis oleh seorang doktor Mesir iaitu Muhammad ibn Ahmad al-Iskandarani dan diikuti dengan beberapa karya lain yang mentafsir al-Quran secara saintifik. Beberapa orang penulis modenisme berusaha mentafsirkan ayat-ayat al-Quran khususnya berkaitan penciptaan nabi Adam a.s. bagi disesuaikan dengan teori evolusi Darwinisme seperti Ghulam Ahmad Pervez dan Muhammad Asad. Mahmud Shaltut menyifatkan golongan seperti ini yang mengaitkan ayat-ayat al-Quran dengan teori-teori sains secara spesifik akan menyebabkan al-Quran dituduh sebagai mengandungi kesalahan seandainya teori yang dikaitkan dibuktikan salah. Sedangkan ayat-ayat tersebut diturunkan bagi menjelaskan fenomena-fenomena alam tabii, mencabar pemikiran dan meningkatkan keimanan seseorang. Lihat M. Iqbal, (2009). *Muslims and the brave new world of modern science. Islam & Science*, 7(2), 81-86 dan M. Iqbal, (2009). *Darwin's shadow: Context and reception in the Muslim world. Islam & Science*, 7(1), 9-50.

pendekatan ini merupakan suatu pendekatan yang berhikmah dan bijaksana dalam mengajak pembaca-pembacanya berfikir tentang logik dan rasional sesuatu kenyataan teori tersebut seperti analogi kereta dalam kritikannya mengenai kompleksiti pembentukan protein, DNA dan RNA<sup>514</sup> dan analogi batu-bata yang tersusun rapi dalam kritikannya terhadap sikap saintis evolusi mengenai kelogikan teori evolusi<sup>515</sup>. Penggunaan analogi juga memudahkan kalangan sasarnya untuk memahami sesuatu kritikannya yang berat dan sarat dengan fakta, hujah dan bukti. Pengkaji melihat penggunaan pendekatan itu menunjukkan daya kreatif dan kritis Harun Yahya dalam menilai teori evolusi Darwinisme secara logik dan rasional dan mempersesembahkannya dalam bentuk yang lebih mudah difahami.

Justeru, kritikan Harun Yahya dari ketiga-tiga perspektif mempunyai kekuatan dan kelebihannya apabila dibandingkan dengan kritikan sarjana lain. Namun, kelemahan kritikannya ditampung oleh kemampuannya menghuraikan dan menunjukkan kepincangan yang ada pada teori evolusi Darwinisme.

#### **4.3.2.3 Analisis daripada aspek keaslian kritikan Harun Yahya**

Secara umumnya, sebahagian kritikan Harun Yahya terhadap teori evolusi Darwinisme mempunyai keasliannya dan ada juga dari kritikannya itu dibuat dengan memanfaatkan tulisan sarjana lain terutamanya sarjana Barat. Pendekatan itu dapat dilihat dalam kritikan sainsnya.

Dalam aspek keaslian kritikannya, pengkaji mendapati sebahagian besar kritikan sainsnya mempunyai persamaan dengan kritikan oleh sarjana-sarjana lain seperti kritikannya mengenai kebarangkalian mustahil pembentukan protein berfungsi secara kebetulan yang mempunyai persamaan dengan kritikan oleh Stephen C. Meyer. Berdasarkan penelitian, pengkaji mendapati tiada sebarang bukti

---

<sup>514</sup> Untuk perbincangan lanjut, lihat 4.2.2.8 Kompleksiti makromolekul.

<sup>515</sup> Untuk perbincangan lanjut, lihat 4.2.2.2 Sikap taksub saintis evolusi.

bahawa Harun Yahya mencedok idea tulisan Meyer atau sebaliknya secara langsung. Persamaan tersebut berlaku kerana sebahagian besar sumber rujukan yang digunakan oleh kedua-duanya dalam mengkritik isu tersebut adalah sama; seperti buku Robert Shapiro, ‘*Origins: A Skeptic's Guide to the Creation of Life on Earth*’ dan buku Fred Hoyle, Chandra Wickramasinghe, ‘*Evolution from Space*’. Persamaan berkenaan dapat dilihat pada asas kritikan yang digunakan iaitu penggunaan kebarangkalian dan contoh yang dibawakan. Persamaan ini berlaku mungkin disebabkan kedua-duanya mengkritik isu yang sama dengan menggunakan pendekatan serupa iaitu kebarangkalian pembentukan protein pertama secara kebetulan dan semula jadi. Meyer dalam kritikannya tersebut menjelaskan mengenai pola pengulangan sebagai satu bentuk penafian kebetulan<sup>516</sup>. Beliau turut menerangkan tentang kritikan bahawa mustahil berlakunya pembentukan protein secara semula jadi telah dicetuskan dalam simposium anjuran Institut Wistar yang diadakan di Philadelphia, Amerika

---

<sup>516</sup> Meyer turut mengkritik kebarangkalian pembentukan satu molekul protein yang memenuhi ketiga-tiga syarat pembentukan protein berfungsi. Penemuan mengenai unit asas kehidupan iaitu DNA, RNA dan protein menunjukkan bahawa walau seringkas manapun sesuatu organisme itu namun ia tetap melaksanakan sistem sekompleks pembentukan protein. Sesuatu perkara yang berlaku tidak dianggap terjadi secara kebetulan (*chance*) sekiranya terdapat suatu bentuk pola pengulangan dalam kejadian perkara tersebut. Menurut Meyer, jika terdapat suatu pola pengulangan dalam kejadian sesuatu perkara, keadaan ini menunjukkan wujudnya sebab lain yang melangkaui sebab kebetulan yang menyebabkan berlakunya perkara tersebut. Meyer menggunakan kaedah yang dicipta oleh seorang ahli statistik, Ronald A. Fisher untuk menyingkirkan sebab kebetulan daripada penjelasan kepada berlakunya sesuatu perkara. Proses ini dinamakan sebagai pengenalpastian pola (pattern recognition). Namun, pola pengulangan sahaja tidak mencukupi dalam melakukan penilaian sama ada sesuatu perkara tersebut terjadi secara kebetulan atau terancang. Meyer menegaskan, faktor kebarangkalian juga diperlukan dalam menyifahkan sebab kebetulan. Menurut Meyer, adalah mustahil untuk suatu siri kejadian yang berlaku dalam pola pengulangan yang konsisten disebabkan oleh faktor kebetulan semata-mata melainkan terdapat faktor lain yang melampaui faktor kebetulan tersebut. Proses penyusunan dan pengaturan sesuatu data secara rawak dan kebetulan (*chance*) akan menghasilkan banyak maklumat yang tidak berkenaan; proses yang tidak berkesan terutamanya dalam keadaan kekangan masa. Tegas Meyer, dalam konteks asal-usul kejadian hidupan pertama di dunia, unit-unit monomer bagi asid nukleik dan protein di dalam kolam prebiotik purba perlu bercantum antara satu sama lain secara spesifik untuk menghasilkan struktur protein dan asid nukleik yang berfungsi. Gabungan secara sembarangan hanya akan menghasilkan struktur yang tidak berfungsi dan tidak bererti. Suatu pola pengulangan diperlukan dalam menghasilkan struktur biologi yang berfungsi. Menurutnya, mustahil untuk sel hidup terbentuk secara rawak dan kebetulan kerana pembentukan satu sel hidup yang ringkas sekalipun memerlukan maklumat berguna dan tertentu dalam bilangan yang besar; maklumat berguna yang berhasil secara kebetulan dan rawak sangat sedikit jumlahnya. Meyer membawakan contoh Mycoplasma genitalium, sejenis bakterium halus yang hidup di dalam salur kencing manusia memerlukan 482 protein untuk menjalankan fungsi-fungsi asasinya. Bagi membentuk 482 protein tersebut, sebanyak 562 000 kes DNA diperlukan! Selain itu, sel-sel ini memerlukan kepada komponen-komponen prawujud seperti ATP yang diperlukan dalam proses pemprosesan maklumat DNA dan sintesis protein, serta memerlukan membran sel dan dinding sel bagi melindungi dirinya daripada tindak balas kimia yang berlaku di sekitarnya. Tegas Meyer, kekompleksan integrasi yang diperlukan meskipun dalam membina sel teringkas menjadikan proses pembentukan secara kebetulan adalah mustahil daripada aspek kebarangkalian Kesemua komponen dan elemen yang diperlukan dalam pembentukan sel berintegrasi dan bekerja sangat rapat. Pada peringkat kebarangkalian penghasilan maklumat-maklumat berguna yang diperlukan untuk membina satu sel, saintis mendapati bahawa adalah sangat sukar untuk terbentuknya maklumat-maklumat tersebut secara kebetulan; apakah lagi untuk membina satu sel! Kritikan Meyer dalam konteks tersebut lebih lanjut, lihat S. C. Meyer, (2009). *Signature in the cell: DNA and the evidence for intelligent design.*, hlm. 178-213. Lihat juga S. C. Meyer, (1998). The explanatory power of design: DNA and the origin of information. Dalam W. A. Dembski (Ed.), *Mere creation: Science, faith & intelligent design* (hlm. 113-147). Illinois: InterVarsity Press.

Syarikat<sup>517</sup>. Harun Yahya lebih memfokuskan kepada usaha membuktikan mustahil berlakunya pembentukan protein secara semula jadi itu.

Kritikannya terhadap evolusi haiwan pula mempunyai banyak persamaan dengan kritikan Michael Denton dan Jonathan Wells seperti kritikan terhadap evolusi amfibia menjadi reptilia<sup>518</sup> dan kritikan mengenai *Archaeopteryx*<sup>519, 520</sup>. Apabila diteliti, Harun Yahya turut menggunakan buku yang ditulis oleh kedua-duanya sebagai rujukan untuk kritikannya iaitu buku ‘*Evolution: A Theory in Crisis*’ tulisan Michael Denton dan ‘*Icons of Evolution: Science or Myth?*’ tulisan Jonathan Wells. Penggunaan buku-buku berkenaan merupakan buku-buku yang telah mencabar pendokong teori evolusi Darwinisme dan kedua-duanya diakui mempunyai kritikan yang berasas dan kuat oleh komuniti sains. Oleh sebab itu, dalam konteks tersebut, Harun Yahya lebih mengeluarkan semula kritikan yang pernah dibuat oleh mereka berbanding menghasilkan kritikan baharu. Namun, Harun Yahya telah melakukan sumbangan signifikan iaitu mendedahkan kritikan seumpama itu kepada masyarakat awam sama ada Islam mahupun bukan Islam memandangkan penerbitan buku-buku seumpama itu dipencarkan dan kurang dipopularkan oleh dunia penerbitan sains Barat berbanding buku-buku pro-Darwinisme<sup>521</sup>.

---

<sup>517</sup> Meyer menjelaskan, timbul kesangsian di kalangan ahli-ahli matematik, fizik dan kejuruteraan mengenai kemampuan mutasi rawak untuk menghasilkan maklumat yang diperlukan dalam menghasilkan suatu bentuk hidupan baharu. Pada tahun 1966, telah diadakan persidangan ‘Cabaran-cabaran Matematik terhadap Neo-Darwinisme’ (*Mathematical Challenges to Neo-Darwinism*) yang telah diadakan di Institut Wistar, Philadelphia, Amerika Syarikat. Menurut pakar-pakar di persidangan Institut Wistar tersebut, proses mutasi rawak tersebut sangat sukar untuk mengumpulkan satu gen atau protein baharu secara kebetulan dan semula jadi kerana bilangan kebarangkalian yang besar untuk jujukan bes dan asid amino. Bagi setiap kombinasi asid amino yang menghasilkan satu protein berfungsi, wujud juga dalam masa yang sama kebarangkalian yang sangat besar untuk menghasilkan protein tidak berguna daripada asid amino yang sama. Lihat S. C. Meyer, (2009). *Signature in the cell: DNA and the evidence for intelligent design*, hlm. 204-205.

<sup>518</sup> Menurut Denton, struktur amniotik telur reptilia adalah lebih kompleks dan berbeza dengan telur amfibia. Lihat M. Denton, (1986). *Evolution: A theory in crisis*, hlm. 218-219.

<sup>519</sup> Menurut Denton, *Archaeopteryx* sememangnya merupakan spesies burung yang boleh terbang kerana bulu pelelehnya yang telah berkembang dan sama dengan bulu peleleh yang wujud pada spesies burung moden. Struktur otak *Archaeopteryx* yang mempunyai struktur tipikal cerebelum dan hemisfera serebral burung sekaligus membuktikan ianya merupakan penerbang yang baik dan menafikan dakwaan ianya sebagai spesies perantara. Lihat *ibid*, hlm. 175-178.

<sup>520</sup> Menurut Wells, fosil *Archaeopteryx* didakwa sebagai bukti kepada spesies pengantara proses evolusi reptilia kepada burung. Para saintis evolutionisme menyatakan *Archaeopteryx* merupakan moyang kepada spesies burung. Namun, kenyataan tersebut dicabar dengan penemuan spesies *Compsognathus* yang ditemui kemudiannya yang muncul terlebih dahulu daripada *Archaeopteryx*. Justeru, *Archaeopteryx* bukan merupakan moyang kepada spesies burung. Lihat J. Wells, (2002). *Icons of evolution: Science or myth?*, hlm. 111-135.

<sup>521</sup> *Ibid*, hlm. 235-236.

Kritikannya terhadap homologi pula menyamai Denton<sup>522</sup> memandangkan beliau menggunakan buku Denton sebagai rujukan dalam isu ini khususnya dalam menghuraikan kepincangan homologi dari aspek perkembangan embriologi. Namun, kritikan Harun Yahya lebih bersifat umum dan ringkas berbanding Denton yang menghuraikan perkara tersebut secara lebih terperinci. Harun Yahya dalam kritikannya pula mengenengahkan kesan kepincangan homologi kepada pohon salasilah evolusi. Kritikannya juga mempunyai persamaan dengan kritikan David Swift<sup>523</sup>. Namun, dalam konteks ini, Harun Yahya mengkritik homologi secara lebih mendalam berbanding Swift yang hanya menyentuh isu tersebut secara ringkas khususnya mengenai definisi berbalik homologi.

Kritikannya terhadap organ sisa pula menyerupai kritikan oleh Douglas Dewar<sup>524</sup>. Kedua-duanya mengkritik isu tersebut sebagai menunjukkan sangkaan dan salah faham oleh Darwin dan saintis evolusi peringkat awal. Pengkaji melihat isu tersebut wajar dikritik sebagai menunjukkan bahawa tanpa menyandarkan sesuatu perkara itu kepada agama, maka ianya akan menjadi tempang dan pincang. Allah

<sup>522</sup> Denton menyatakan bahawa kenyataan teori homologi diakui benar dan menunjukkan hubungan yang benar dan kukuh bahawa organisma vertebrata tersebut berasal daripada moyang yang sama jika struktur homolog tersebut dibentuk daripada gen-gen homolog dan melalui perkembangan embriologi yang homolog atau serupa juga. Sebaliknya, struktur-struktur homolog dibentuk daripada sistem-sistem genetik yang tidak homolog bermula pada peringkat embriologi lagi. Tidak wujud persamaan antara kelas amfibia, reptilia dan mamalia dalam perkembangan embriologi terutamanya pada peringkat gastrulasi. Proses gastrulasi melibatkan susunan pergerakan sel dengan sel-sel blastula menyusun dirinya semula yang menyebabkan perubahan atau transformasi blastula menjadi peringkat awal embrio bentuk berlipat rumit (intricate folded form); dikenali sebagai gastrula. Gastrula memiliki tiga lapisan asas iaitu lapisan ektoderm (ectoderm), mesoderma (mesoderm) dan endoderma (endoderm). Meskipun gastrulasi dan gastrula adalah sama dalam semua haiwan vertebrata, namun cara pembentukan gastrula dan kedudukan khususnya di dalam blastula sel, dan pola migrasi ketika gastrulasi adalah berbeza antara kelas-kelas vertebrata tersebut. Tapak asal pembentukan struktur-struktur homolog selepas gastrulasi juga sangat berbeza dalam kelas vertebrata berlainan. Contohnya seperti salur pencernaan. Salur pencernaan terbentuk daripada bahagian atas rongga usus embrionik (*embryonic gut*) dalam jerung, bahagian lantai rongga dalam ikan lamprei, bahagian atas dan lantai dalam katak, dan daripada blastoderma dalam burung dan reptilia. Anggapan teori evolusi yang organ-organ homolog berasal daripada tisu-tisu embrionik homolog juga meleset apabila penemuan menunjukkan sebaliknya Denton membawakan contoh ginjal. Ginjal ikan dan amfibia terbentuk secara langsung daripada *mesonephros*, ginjal reptilia dan mamalia daripada *metanephros* yang terbentuk daripada tisu mesoderma. Asas dakwaan evolusi tentang homologi juga tergugat apabila struktur-struktur homolog tersebut ditentukan oleh gen-gen yang berbeza dalam spesies berlainan. Bahkan kesan gen-gen kepada perkembangan organisme juga pelbagai. Denton turut menimbulkan persoalan mengenai persamaan struktur tulang anggota lengan hadapan dengan anggota kaki belakang. Meskipun mempunyai persamaan daripada aspek susunan struktur tulang namun tiada saintis evolusi yang mendakwa anggota kaki belakang berevolusi daripada anggota lengan hadapan ataupun kedua-duanya berevolusi daripada sumber yang sama. M. Denton, (1986). *Evolution: A theory in crisis.*, hlm. 145-154.

<sup>523</sup> Swift menegaskan, untuk teori evolusi menjadi penjelas kepada homologi dan homologi menjadi bukti kebenaran teori itu, organ-organ homolog yang didakwa berasal daripada moyang yang sama perlu dibuktikan terbentuk menerusi jalan yang serupa antara kedua-duanya. Namun, sebagaimana yang dinyatakan oleh Harun Yahya sebelum ini, pembentukan organ homolog adalah berbeza sama sekali dalam proses perkembangan embriologi. Lihat D. W. Swift, (2002). *Evolution under the microscope*. Stirling: Leighton., hlm. 330-331.

<sup>524</sup> Dewar menjelaskan beberapa organ sisa yang dikatakan sebagai tidak mempunyai apa-apa peranan dalam sesuatu organisma sebenarnya memainkan peranan penting kepada organisma terbabit. Antara contohnya ialah tulang splin kuda, gigi fetus ikan paus (ikan paus dewasa tidak bergigi), apendiks manusia dan sebagainya. Lihat D. Dewar, (2005). *The transformist illusion.*, hlm. 165-177.

SWT dalam al-Quran telah menyatakan secara jelas betapa setiap yang dijadikannya mempunyai fungsinya tertentu. Firman-Nya;

الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قَيْمًا وَقُوًودًا وَعَلَى جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ  
وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا حَلَقْتَ هَذَا بَطِلاً سُبْحَنَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

(Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka.

Surah Āli 'Imrān (3): 191

Walau bagaimanapun, banyak organ yang dikategorikan sebagai organ sisa sebelum ini telah dibuktikan sebagai salah oleh kajian sains yang telah dijalankan. Justeru, pada hemat pengkaji, kritikan ini masih lagi relevan dalam melihat sikap golongan Darwinisme dalam menilai sesuatu fenomena tabii dari perspektif Materialisme. Namun, kritikan itu bukanlah sebagai hujah terkuat dalam menunjukkan kepincangan evolusi dari perspektif sains.

Kritikan Harun Yahya dari aspek sains fizik pula menyerupai kritikan oleh Charles B.Thaxton, Walter L. Bradley, dan Roger L. Orsen<sup>525</sup>. Antara persamaan yang wujud ialah mengenai konsep sistem teratur dan terancang. Persamaan tersebut disebabkan beliau menggunakan buku tulisan mereka iaitu '*The Mystery of Life's Origin*' sebagai rujukan utamanya. Namun, Harun Yahya dalam kritikannya menggunakan percanggahan teori evolusi Darwinisme dengan Hukum Kedua Termodinamik sebagai bukti teori itu merupakan dogma Materialisme khususnya mengenai pembangunan kendiri (*self-organisation*). Thaxton dan rakan-rakannya lebih memfokuskan percanggahan teori tersebut dengan Hukum Kedua Termodinamik dari sudut pandang sains fizik sahaja.

---

<sup>525</sup> Untuk perbincangan lanjut, lihat 4.2.2.10 Percanggahan teori evolusi Darwinisme dengan Hukum Kedua Termodinamik.

Pengkaji melihat kritikan Harun Yahya terhadap perkaitan antara teori tersebut dengan falsafah Materialisme dan implikasinya terhadap keyakinan seorang Muslim merupakan sumbangan tulen beliau. Berbeza dengan kritikan sarjana Islam lain seperti Nuh Ha Mim Keller<sup>526</sup> dan Irfan Yilmaz<sup>527</sup>, beliau telah menunjukkan secara jelas hubung kait faham Materialisme dengan teori evolusi Darwinisme dan idea evolusi Darwinisme merupakan warisan kepercayaan pagan purba. Justeru, beliau mengkritik keras Muslim pro-Darwinisme yang berpegang bahawa teori itu sebagai fakta saintifik kerana sebenarnya mereka telah mempercayai kepercayaan pagan tersebut tanpa disedari; sekaligus telah menafikan Allah sebagai Pencipta dan Pentadbir alam ini<sup>528</sup>.

Justeru, pengkaji melihat keaslian kritikan Harun Yahya terhadap teori evolusi Darwinisme ialah terletak pada asas dan hujah kritikannya dalam menunjukkan kepincangan teori tersebut dengan menjelaskan perkaitan teori itu dengan ideologi yang bertentangan dengan Islam (seperti faham Materialisme dan pengaruh kepercayaan pagan purba), tindakan dan sikap kelompok Muslim pro-Darwinisme yang berbahaya dan membahayakan, dan implikasi mempercayai teori itu kepada akidah seorang Muslim. Kritikan sainsnya dilihat mempunyai banyak persamaan dengan kritikan sarjana-sarjana lain khususnya sarjana Barat kerana tulisan dan hujahnya banyak menggunakan rujukan sarjana Barat. Kritikan sainsnya

<sup>526</sup> Menurutnya, meskipun evolusi tidak mustahil berlaku dalam spesies selain daripada manusia, namun kufur hukumnya meyakini bahawa evolusi secara mutasi rawak dan pemilihan alamiah itulah yang menyebabkan berlakunya perubahan atau terhasilnya spesies tersebut kerana al-Quran telah menegaskan bahawa Allah merupakan Maha Pencipta bagi segala di alam ini. Perbuatan meyakini bahawa mutasi rawak dan pemilihan alamiah menjadi penyebab kepada berlakunya evolusi merupakan perbuatan syirik kerana telah menyamatarafkan kedudukan kedua-duanya dengan Allah sebagai penyebab kepada segala sesuatu. Hakikatnya, hanya Allah sahaja yang Maha Berkusa dan penyebab kepada berlakunya sesuatu perkara. Lihat N. H. Keller, (1999). *Evolution theory and Islam*, hlm. 8.

<sup>527</sup> Teori evolusi Darwinisme menurut Irfan Yilmaz secara jelas memidakkan adanya Pencipta alam ini sebaliknya kehidupan di bumi ini terjadi secara semula jadi, rawak, dan kebetulan dan menyebabkan golongan yang meyakini teori evolusi itu tidak menyalahi keyakinan Allah itu Maha Esa sebenarnya telah tergelincir menjadi manusia yang ingkar bahkan ateis secara tidak sedar. <sup>527</sup>Golongan ini menurut Irfan merupakan kalangan mereka yang tidak memahami sepenuhnya *Asmā'* Allah dan sifat-Nya dengan sepenuhnya. Begitu juga mereka yang percaya bahawa Allah mencipta alam ini pada permulaannya. Kemudiannya setelah Allah menetapkan segala peraturan, maka Allah membiarkan alam ini bergerak dengan sendirinya dengan peraturan-peraturan itu berkuasa dalam membentuk segala hidupan di alam ini. Irfan menyatakan sebab seorang Muslim itu menjadi golongan yang ingkar kepada Allah apabila mempercayai teori evolusi Darwinisme; teori itu berpaksikan kepada kebetulan (*by chance*). Kalangan yang mempersoalkan teori tersebut pula dilabel sebagai tidak saintifik, mundur dan jumud. Lihat I. Yilmaz, (2008). *Evolution: Science or ideology?*, hlm. 3 dan 21.

<sup>528</sup> Untuk perbincangan lanjut, lihat 4.2.2.11 Teori evolusi Darwinisme: warisan idea pagan Yunani purba.

pada hemat pengkaji lebih sebagai pengukuh dan penguat kritikannya untuk membuktikan teori evolusi Darwinisme itu mempunyai kepincangan ketara dari perspektif sains moden itu sendiri.

#### **4.3.2.4 Analisis daripada aspek kesesuaian dan kekuatan kritikan Harun**

##### **Yahya terhadap tafsir al-Quran versi Darwinisme**

Secara keseluruhannya, kritikan Harun Yahya terhadap tafsiran ayat-ayat al-Quran versi evolusionisme<sup>529</sup> adalah sesuai dan kuat. Kritikannya itu dirujuk dan disandarkan kepada tafsiran dan ulasan dua ulama tafsir terkemuka iaitu Imam al-Tabari dan Omer Nasuhi Bilmen (1883-1971). Tafsir oleh Imam al-Tabari (838-923) merupakan *tafsīr bi al-ma'thūr* yang masyhur. Menurut Sheikh Muhammad 'Ali al-Shabuni, tafsir al-Tabari merupakan rujukan utama para mufassir kerana kelebihannya iaitu selalu berpegang kepada ucapan *ma'thūr* daripada Rasulullah s.a.w, para sahabat dan *tābi'īn*, dan riwayatnya lengkap dengan sanad dan mengutamakan yang lebih *rājīh*<sup>530</sup>. Omer Nasuhi Bilmen pula merupakan ketua kelima di Kementerian Hal Ehwal Agama Turki. Beliau merupakan individu berautoriti kerana kepakarannya dalam bidang tafsir al-Quran dan fiqh Islam di Turki<sup>531</sup>. Justeru, penggunaan kedua-dua tafsir tersebut dalam kritikannya adalah sesuai sekaligus menguatkan hujah kritikannya.

Kritikannya juga berjaya menunjukkan berlakunya pemesongan makna dalam tafsiran golongan evolusionisme melalui perbandingan antara tafsiran Darwinisme tersebut dengan tafsiran muktabar terutamanya tafsiran oleh kedua-dua ulama di atas. Tafsiran Darwinisme tersebut sangat berbahaya kerana pentafsirannya berasaskan teori evolusi Darwinisme; suatu teori yang tidak pasti lagi kebenarannya bahkan

<sup>529</sup> Untuk perbincangan lanjut, lihat 4.2.2.13 Pemesongan tafsiran al-Quran versi Darwinisme.

<sup>530</sup> S. M. Al-Shabuni, (1996). *Sejarah dan dasar pengajian ilmu al-Qur'an*. (M. J. al-Hashimi, Terj.) Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publisher., hlm. 285.

<sup>531</sup> H. Yahya, (2011, Ogos 1). *The Worthy Scholar of Sunnah: Omer Nasuhi Bilmen*. Didapatkan Ogos 30, 2012, daripada www.harunyahya.com: <http://harunyahya.com/en/works/45233/the-worthy-scholar-of-sunnah>.

dibuktikan mempunyai banyak kepincangan dari pelbagai perspektif. Tindakan sedemikian amat berbahaya kerana sekiranya teori evolusi Darwinisme itu diakui sebagai salah dan ditolak sepenuhnya oleh dunia sains pada masa hadapan, ianya turut mendatangkan fitnah kepada ayat-ayat al-Quran yang ditafsirkan mengikut teori itu; ayat-ayat tersebut akan dicop juga sebagai salah dan bertentangan dengan sains. Al-Quran bukanlah kitab sains tetapi merupakan panduan dan pedoman kepada umat manusia seluruhnya. Seluruh isi kandungannya adalah benar dan dipelihara Allah SWT sehingga hari kiamat.

Justeru, kritikan Harun Yahya dalam konteks ini adalah tepat dan sesuai bagi memelihara al-Quran daripada perbuatan yang tidak bertanggungjawab dengan memanipulasikan ayat-ayat al-Quran untuk dijadikan alat bagi menyokong sesuatu yang mempunyai percanggahan dengan Islam itu sendiri.

#### **4.4 KESIMPULAN**

Kritikan-kritikan Harun Yahya terhadap teori evolusi Darwinisme mencakupi tiga perspektif utama iaitu perspektif falsafah, sains dan Islam dan pengkaji membahagikannya kepada beberapa tema utama. Beliau telah menggabungjalinkan ketiga-tiga perspektif tersebut dalam mengkritik teori evolusi Darwinisme dan berjaya menunjukkan wujud kepincangan ketara dan serius dalam teori evolusi Darwinisme dari perspektif-perspektif berkenaan. Kritikannya telah menyerlahkan persoalan-persoalan epistemologi teori evolusi Darwinisme dan perkaitan eratnya dengan faham Materialisme, Komunisme dan Marxisme terutamanya dalam prinsip yang mendasari ketiga-tiga faham itu. Perkaitan tersebut telah membuktikan betapa saintis evolusi mempunyai pandang alam materialistik; hanya mengiktiraf kewujudan sesuatu itu daripada neraca kebendaan semata-mata. Sikap mereka yang menjadikan teori itu sebagai dogma menyebabkan mereka meyakini teori tersebut secara

membuta tuli meskipun dibuktikan ianya bertentangan dan salah secara saintifik. Mereka juga sanggup menggunakan apa-apa cara, sekalipun melibatkan penipuan dan penyelewengan bagi membuktikan kebenaran teori itu. Mereka juga menyekat penyebaran idea-idea yang berlawanan daripada teori terbabit daripada disebarluaskan ke pengetahuan umum.

Kritikannya juga membuktikan kepincangan teori tersebut dari perspektif sains berdasarkan penemuan dan kajian saintifik. Kritikannya terhadap mekanisme utama teori tersebut iaitu pilihan alamiah dan mutasi menunjukkan bahawa kedua-duanya tidak mampu menghasilkan organ mahupun spesies baharu; pilihan alamiah hanya menyisihkan anggota spesies yang rosak dan lemah daripada komunitinya manakala mutasi hanya mengakibatkan kerosakan dan kecacatan kepada hidupan terbabit. Kritikannya juga menunjukkan bahawa wujud kepincangan dalam eksperimen simulasi atmosfera purba oleh Miller dan Urey. Pembentukan hidupan pertama secara kebetulan juga dibuktikan mustahil melalui kebarangkalian matematik. Dalam mengkritik evolusi hidupan, beliau telah menunjukkan kemustahilan berlakunya proses evolusi secara semula jadi berasaskan hujah ketiadaan fosil spesies perantara yang menghubungkan suatu hidupan primitif dengan lebih maju, dan perbezaan besar dalam anatomi, morfologi dan fisiologi antara dua kumpulan hidupan.

Harun Yahya juga mengkritik dan menolak dakwaan manusia berevolusi daripada spesies lebih rendah berdasarkan garis masa kemunculan spesies manusia moden dengan pseudo-moyangnya, kewujudan spesies manusia moden yang mendahului spesies moyangnya, dan kemustahilan evolusi kuadrapedalisme menjadi bipedalisme. Dalam kritikan selanjutnya, beliau menjelaskan bahawa mustahil untuk DNA, RNA dan protein terhasil secara sendiri dan kebetulan disebabkan kompleksiti

masing-masing dan kesemuanya saling memerlukan. Kritikannya terhadap homologi, rekapitulasi dan organ sisa menunjukkan bahawa ketiga-tiganya adalah pincang sama ada dari segi keaslian, keabsahan, maupun kebenaran. Ketiga-tiganya itu lebih merupakan tafsiran oleh saintis evolusi dan manipulasi data dan fakta sains. Beliau juga membuktikan bahawa teori evolusi pincang daripada sains fizik kerana ianya bertentangan dengan Hukum Kedua Termodinamik dan Hukum Entropi. Beliau turut menjelaskan konsep teratur dan terancang; dua konsep yang mengelirukan golongan Darwinisme.

Dalam kritikannya juga beliau menjelaskan hakikat teori evolusi Darwinisme yang merupakan kesinambungan idea pagan Yunani mengenai alam dan fenomena tabii. Justeru, Muslim yang meyakini teori tersebut tanpa disedarinya telah menafikan kewujudan dan kekuasaan Allah SWT. Sikap kalangan Muslim pro-Darwinisme yang cuba mengharmonikan teori tersebut dengan Islam dibidas keras kerana asas pengharmonian tersebut masih merupakan faham Materialisme yang jelas bertentangan dengan akidah Islam. Selain itu, mengaitkan Allah dalam teori evolusi itu telah mengikat Dia kepada peraturan yang diciptakan-Nya sedangkan hakikatnya adalah tidak. Tindakan Muslim pro-Darwinisme yang mentafsir ayat-ayat al-Quran berkaitan fenomena tabii mengikut acuan Darwinisme turut dikecamnya dan beliau menyifatkan tindakan mereka itu adalah berbahaya kerana telah menyerupai perbuatan Yahudi dan Nasrani yang mengubahsuai kitab suci mereka. Beliau selanjutnya menunjukkan pemesongan tafsiran al-Quran versi Darwinisme berbanding tafsiran sebenar al-Quran.

Dalam bahagian analisis kritikan, pengkaji mendapati kritikan-kritikan Harun Yahya terhadap teori evolusi Darwinisme adalah berasas. Ianya mempunyai kekuatan bersandarkan sokongan daripada kritikan sarjana-sarjana Barat dan Islam

yang lain, hasil penyelidikan dan kajian saintifik berwibawa, dan fakta-fakta sains dan falsafah serta dalil-dalil *naqli*. Dari segi keaslian, khususnya kritikan sains, kritikan-kritikannya dilihat menyerupai dan menyamai kritikan sarjana Barat dan Islam yang lain. Namun, apa yang membezakan kritikannya daripada kritikan-kritikan sarjana lain ialah beliau telah menggabungjalinkan kritikan dari perspektif falsafah, sains dan Islam sekaligus menyerlahkan kepincangan teori itu daripada perspektif-perspektif terbabit. Dalam kritikannya terhadap tafsir ayat-ayat al-Quran versi Darwinisme, kritikannya adalah sesuai, berasas dan kukuh kerana beliau menggunakan tafsir dan ulasan oleh Omer Nasuhi Bilmen dan Imam al-Tabari sebagai asas kritikan dan kedua-duanya merupakan tokoh tafsir al-Quran yang diakui kewibawaan mereka. Kritikannya juga telah menunjukkan berlaku pemesongan makna ayat-ayat yang terlibat. Justeru, kajian ini telah menghuraikan kritikan-kritikan Harun Yahya terhadap teori evolusi Darwinisme, memaparkan asas-asas penilaian yang digunakan dalam menilai kualiti kritikan-kritikan Harun Yahya dan menilai kekuatan dan ketepatan kritikan-kritikannya itu melalui analisis kritikan tersebut berdasarkan asas-asas penilaian berkenaan.

## **BAB LIMA:**

### **KESIMPULAN DAN SARANAN**

#### **5.1 PENDAHULUAN**

Berdasarkan hasil penelitian dan kajian, pengkaji dalam bab ini akan membentangkan rumusan dan kesimpulan penting mengenai Harun Yahya dan kritikannya terhadap teori evolusi Darwinisme. Kesimpulan dan rumusan tersebut merupakan penjelasan terhadap persoalan dan objektif kajian ini.

#### **5.2 KESIMPULAN**

Dalam bab dua, kajian ini melihat dan mendapati suasana persekitaran hidup Harun Yahya pada awal usianya hingga remaja banyak mempengaruhi pandang alamnya. Meskipun dibesarkan dalam keluarga yang sekular namun hasil daripada kesedaran yang timbul, beliau telah mendekati, mempelajari dan mendalami pelbagai ilmu-ilmu Islam menerusi pembacaan karya-karya tokoh besar ilmuwan Islam. Selain itu, minatnya dalam aktiviti seni halus dilihat mempengaruhi pembentukan keperibadiannya. Kelazimannya itu menjadikan beliau seorang individu yang kritis dan kreatif. Ianya diperlihatkan melalui daya pemikirannya yang kreatif dalam menghuraikan nilai-nilai estetika yang wujud di alam ini dan mengaitkannya dengan kebesaran dan keagungan Allah sebagai Maha Pencipta. Ketelitiannya dalam menilai sesuatu perkara di samping kefahamannya dalam ilmu falsafah telah membantunya membongkar perkara-perkara tersirat di sebalik teori evolusi Darwinisme sekali gus menunjukkan kepincangan teori tersebut. Ketelitian dan pemikiran kritis dan kreatif inilah yang seharusnya dimiliki oleh umat Islam dalam menilai sesuatu fakta dan data baharu.

Pengkaji juga telah mengenalpasti tiga faktor pencetus utama terhadap usaha penilaian dan kritikannya terhadap teori evolusi Darwinisme. Faktor-faktor tersebut

ialah; (1) aplikasi ilmu hasil bacaan karya tokoh-tokoh besar Islam seperti koleksi *Risale-i Nur* karya Bediuzzaman Said Nursi (1876-1960) dan kitab *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* karangan Imam al-Ghazali, (2) pengalaman berhadapan dengan fahaman Marxisme dan Fasisme yang mempengaruhi Turki pada era tahun 60-an dan 70-an, dan (3) kebangkitan gerakan Erbakan pada tahun 1970-an. Kajian ini juga menyimpulkan bahawa cabaran dan dugaan yang telah dilaluinya—seperti tuduhan mengambil kokain, dan tuduhan beliau dan BAV memeras ugut Ebru Şimşek—telah menjadikan dirinya lebih tabah, matang dan semakin giat menghasilkan pelbagai karya dan tulisan dalam usaha beliau melaksanakan dakwah di jalan Allah. Selain itu, kajian ini juga melihat wujudnya perkaitan antara serangan terhadap Harun Yahya dengan kritikannya terhadap golongan Materialisme. Perkaitan ini dapat dilihat dalam serangan pertama terhadapnya selepas penerbitan buku *Yahudilik ve Masonluk*. Serangan-serangan seterusnya juga semakin hebat apabila beliau semakin aktif dalam mengkritik teori evolusi Darwinisme dan faham Materialisme.

Kajian ini juga menyimpulkan bahawa kerjasama antara BAV pimpinan Harun Yahya dengan ICR tiada masalah kerana sememangnya Islam dan Kristian mempunyai persamaan dalam beberapa perkara khususnya berkaitan soal penciptaan alam. Meskipun hujah-hujah Harun Yahya dan BAV mirip kritikan kalangan agamawan Kristian khususnya ICR, tetapi asas-asas hujah dan kritikannya itu tetap berteraskan kenyataan dan prinsip Islam melalui ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah.

Dalam isu kritikannya terhadap teori itu dari perspektif sains, meskipun beliau bukanlah seorang yang berpendidikan sains, tetapi dalam melakukan kritikan sedemikian beliau telah mengumpulkan kajian dan data-data saintifik daripada saintis-saintis terkemuka khususnya saintis Eropah yang penyelidikan dan penemuan

mereka diakui dan diiktiraf oleh komuniti sains. Pendekatannya itu telah menjimatkan banyak masa, tenaga dan wang yang diperlukan untuk melakukan kajian tersebut sendiri. Selain itu, penggunaan kajian dan penemuan saintifik tersebut telah berjaya membuktikan kelemahan dan kepincangan teori evolusi Darwinisme dalam kerangka sains Barat itu sendiri. Selain itu, pengkaji juga yakin beliau mempunyai barisan penasihat dari kalangan ahli sains dalam BAV yang membantunya dalam kritikan sainsnya itu seperti Dr. Oktar Babuna. Justeru, bab dua disertasi ini telah mengengahkan latar belakang Harun Yahya, memaparkan cabaran yang diharunginya dan sumbangannya dalam gerakannya mengkritik teori evolusi Darwinisme.

Bab tiga disertasi ini menyentuh tentang latar belakang ringkas, prinsip dan mekanisme teori evolusi Darwinisme. Berdasarkan penelitian, pengkaji menyimpulkan bahawa teori evolusi Darwinisme merupakan kompilasi kepada siri idea dan teori dalam menjawab persoalan asal-usul kejadian kehidupan di bumi sejak zaman Yunani purba. Dalam perbahasan tersebut, terdapat dua kelompok utama iaitu kelompok yang percaya bahawa alam dan kehidupan ini wujud secara semula jadi dan berubah secara beransur-ansur sehingga mencapai tahap kesempurnaan dan kelompok yang percaya bahawa alam dan seluruh isinya dicipta oleh suatu kuasa agung dalam bentuk yang sempurna dan kekal sejak permulaan kewujudannya lagi.

Selanjutnya, pengkaji mendapati berlaku perubahan pegangan dalam sains Barat iaitu dari keyakinan terhadap konsep penciptaan dan ketuhanan kepada pegangan materialisme dan mekanistik terutamanya era pasca-*Renaissance*. Antara sebab utama perubahan berkenaan ialah konflik yang wujud antara institusi gereja dengan saintis. Konflik itu bermula apabila wujud keraguan saintis terhadap beberapa keterangan literal teks *Bible* oleh pihak gereja. Mereka kemudiannya

mempersoalkan perkara tersebut kerana bercanggah dengan penemuan sains yang menyebabkan pihak gereja menjatuhkan hukuman keras kepada sarjana yang menentang. Oleh sebab itu, berlakulah pemisahan sains daripada ‘campur tangan Tuhan’; bermulanya sains sekular atau sains Barat.

Pengkaji juga merumuskan bahawa wujud perkaitan antara kepercayaan agama dan ketuhanan Charles Darwin dengan teori evolusinya. Darwin sendiri mengakui dirinya adalah seorang agnostik. Keraguannya itu mempengaruhi pemikiran dan pandang alamnya, lalu menghasilkan teori evolusi yang berteraskan kepada kenyataan bahawa alam tabii adalah penyebab kewujudan kehidupan. Semua hidupan berasal daripada satu moyang tunggal yang kemudiannya berevolusi membentuk pelbagai spesies hidupan yang lebih maju. Pengkaji juga tidak menolak kemungkinan wujudnya beberapa elemen dalam teorinya itu diambil daripada beberapa pandangan sarjana Islam seperti al-Jahiz seperti penyesuaian haiwan dan tumbuhan terhadap perubahan sekeliling. Kemungkinan itu wujud kerana berlakunya pemindahan ilmu-ilmu pengetahuan Islam ke dunia Eropah melalui penterjemahan karya sarjana-sarjana Islam ke dalam bahasa Latin selain daripada beberapa cendekiawan Kristian yang mendapat didikan langsung daripada sarjana Islam. Justeru, teori evolusi Darwinisme bukanlah idea asal sepenuhnya oleh Charles Darwin tetapi merupakan kesimpulan dan kompilasi yang disempurnakannya daripada idea dan teori sarjana-sarjana sebelumnya sejak zaman Yunani purba lagi.

Secara umumnya, terdapat dua konsep utama dalam teori tersebut iaitu semua hidupan di bumi berasal daripada moyang yang sama (*common ancestor*), dan proses evolusi digerakkan oleh mekanisme pemilihan alamiah (*natural selection*). Proses tersebut berlaku secara kebetulan, rawak dan tanpa tujuan. Sesuatu spesies berevolusi melalui tiga mekanisme utama iaitu pemilihan alamiah (*natural selection*), pemilihan

seksual (*sexual selection*), dan pewarisan sifat-sifat perolehan (*inheritance of acquired characters*). Objektif kedua kajian iaitu memaparkan sejarah perkembangan, prinsip dan mekanisme asas teori evolusi Darwinisme telah ditunjukkan menerusi bab tiga.

Bab empat merupakan bab terpenting disertasi ini kerana ianya menyentuh secara langsung tentang kritikan Harun Yahya terhadap teori evolusi Darwinisme. Berdasarkan perbincangan dan penelitian, pengkaji mendapati kritikan-kritikan Harun Yahya terhadap teori tersebut dibuat daripada tiga perspektif utama iaitu falsafah, sains dan Islam. Kritikan-kritikannya itu signifikan kerana jalinan ketiga-tiga perspektif tersebut telah menunjukkan kepincangan ketara dan serius dalam teori evolusi Darwinisme. Pengkaji menyimpulkan bahawa kritikannya itu telah menyerlahkan persoalan-persoalan epistemologi teori evolusi Darwinisme dan perkaitan eratnya dengan faham Materialisme, Komunisme dan Marxisme khususnya persamaan prinsip dasar ketiga-tiga faham itu. Oleh sebab itu, saintis-saintis evolusi mempunyai pandang alam yang materialistik. Teori evolusi itu menjadi satu dogma yang diyakini mereka secara membuta tuli tanpa mempedulikan bukti saintifik yang menyanggah keyakinan mereka itu sehingga mereka sanggup melakukan apa-apa cara meskipun melibatkan penipuan dan penyelewengan.

Kritikannya dari perspektif sains itu telah menunjukkan kepincangan ketara teori tersebut seperti kritikannya terhadap pilihan alamiah dan mutasi; kedua-duanya tidak mampu menghasilkan organ mahupun spesies baharu. Kritikannya juga membuktikan bahawa pembentukan hidupan pertama dan proses evolusi hidupan daripada spesies primitif menjadi hidupan peringkat lebih tinggi secara kebetulan adalah mustahil terjadi. Begitu juga dengan evolusi manusia yang dikritik sebagai pincang dan batil berasaskan hujah garis masa kemunculan spesies manusia moden

dengan pseudo-moyangnya, kewujudan spesies manusia moden yang mendahului spesies moyangnya, dan kemustahilan evolusi kuadrapedalisme menjadi bipedalisme. Melalui kritikannya juga, pengkaji mendapati Harun Yahya telah menunjukkan sikap taksub saintis evolusi seperti dalam perbincangannya mengenai rekapitulasi. Rekapitulasi dibuktikan sebagai satu penipuan dengan memanipulasi data saintifik bagi membuktikan kebenaran teori itu. Kritikannya juga turut mencakupi sains fizik iaitu kritikan terhadap percanggahan teori evolusi Darwinisme dengan Hukum Kedua Termodinamik dan Hukum Entropi, dan kekeliruan golongan Darwinisme terhadap konsep sistem teratur dengan sistem terancang.

Pengkaji juga menyimpulkan, Harun Yahya menerusi kritikannya telah menjelaskan hakikat teori itu yang merupakan kesinambungan idea pagan Yunani mengenai alam dan fenomena tabii. Justeru, Muslim pro-Darwinisme yang meyakini teori tersebut tanpa disedarinya telah menafikan Allah SWT sebagai Penguasa dan Pentadbir alam ini. Perbuatan mereka yang cuba mengharmonikan teori tersebut dengan Islam dibidas keras oleh Harun Yahya disebabkan atas teori tersebut adalah faham Materialisme yang jelas bertentangan dengan akidah Islam. Selain itu, mengaitkan Allah dalam teori evolusi itu telah mengikat Dia kepada peraturan yang diciptakan-Nya sedangkan hakikatnya adalah tidak. Pengkaji juga menyimpulkan bahawa beliau mengkritik dan membidas tindakan Muslim pro-Darwinisme yang mentafsirkan ayat-ayat al-Quran berkaitan fenomena tabii mengikut acuan Darwinisme sebagai berbahaya kerana menyerupai perbuatan Yahudi dan Nasrani yang mengubahsuai kitab suci mereka. Tafsiran berkenaan juga terpesong daripada tafsiran sebenar al-Quran.

Pengkaji menyimpulkan bahawa kritikan Harun Yahya terhadap teori evolusi Darwinisme adalah berasas, dan mempunyai kekuatan berasaskan sokongan daripada

kritikan sarjana-sarjana Barat dan Islam yang lain, dan bukti daripada hasil penyelidikan dan kajian saintifik berwibawa, dan fakta-fakta sains dan falsafah serta dalil-dalil *naql*. Dari segi keaslian, khususnya kritikan sains, kritikan-kritikannya dilihat menyerupai dan menyamai kritikan sarjana Barat dan Islam yang lain. Namun, perbezaan kritikannya berbanding kritikan-kritikan sarjana lain ialah gabung jalin kritikannya dari perspektif falsafah, sains dan Islam yang menyingkap dan menyerlahkan kepincangan teori itu. Dalam kritikannya terhadap tafsir ayat-ayat al-Quran versi Darwinisme, pengkaji merumuskan bahawa kritikannya adalah sesuai, berasas dan kukuh kerana beliau berhujah dan mengkritik berdasarkan tafsir dan ulasan oleh Omer Nasuhi Bilmen dan Imam al-Tabari; dua tokoh dalam tafsir al-Quran yang diakui kewibawaan mereka. Kritikannya juga telah menunjukkan wujud pemesongan makna ayat-ayat yang terlibat dalam tafsir versi Darwinisme. Rumusannya, bab empat disertasi ini telah memaparkan asas-asas penilaian yang digunakan dalam menilai kualiti, kekuatan dan ketepatan kritikan-kritikan Harun Yahya terhadap teori evolusi Darwinisme dan menganalisis kritikan tersebut berdasarkan asas-asas penilaian berkenaan.

### **5.3 SARANAN**

Hasil daripada penelitian dan pengamatan yang dilakukan sepanjang kajian ini dibuat, terdapat beberapa saranan dari pengkaji yang boleh dilaksanakan dan dibuat pada masa hadapan.

Pertama, pengkaji menyarankan agar suatu kajian lanjut dan mendalam dilakukan mengenai Harun Yahya. Hal ini kerana masih terdapat banyak perkara yang masih belum diketahui mengenai dirinya secara lebih mendalam selain membantu merungkai kontroversi dan spekulasi yang menyelubungi dirinya. Pengkaji percaya kajian sedemikian dapat membantu meningkatkan kefahaman

masyarakat terhadap individu yang bernama Harun Yahya atau Adnan Oktar tersebut.

Kedua, meskipun sebilangan buku Harun Yahya telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu, masih terdapat sebahagian besar karyanya dalam Bahasa Turki dan Bahasa Inggeris yang belum diterjemahkan. Justeru, pengkaji menyarankan agar usaha dilakukan bagi menterjemahkan kesemua buku tulisan Harun Yahya ke dalam Bahasa Melayu agar dapat dimanfaatkan oleh masyarakat Islam Malaysia khususnya dan rakyat Malaysia umumnya.

Ketiga, suatu kajian dibuat bagi melihat dan menilai sejauh manakah penerimaan dan pengaruh teori evolusi Darwinisme di kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Kajian tersebut mungkin boleh dilakukan dengan mengkaji masyarakat Islam Malaysia dari pelbagai latar pendidikan meliputi peringkat sekolah rendah dan menengah, pelajar institusi pengajian tinggi, dan kalangan ahli akademik.

Keempat, pengkaji menyarankan agar satu semakan kurikulum sains biologi di peringkat institusi pengajian tinggi perlu dilakukan bagi menilai semula *syllabus* yang digunakan kini yang mempunyai pengaruh teori evolusi Darwinisme. Banyak buku teks dan biologi yang digunakan sebagai rujukan di kalangan pelajar institusi pengajian tinggi dalam bidang sains biologi mengandungi teori evolusi Darwinisme seperti buku *Biology* tulisan Campbell dan Reece.

Kelima, rentetan daripada saranan sebelum ini, pengkaji mengesyorkan agar satu usaha penulisan buku sains biologi yang bebas daripada unsur Darwinisme dihasilkan di samping menerapkan nilai ketuhanan dan penciptaan di dalamnya. Hal ini kerana alam tabii ini hakikatnya merupakan *āyat manzurah*; bukti kewujudan, keagungan dan kekuasaan Allah SWT, bukannya sebagai bukti sebaliknya.

## BIBLIOGRAFI

- Abbas, F. H. (2010). *Wacana al-Quran: Membongkar dakwaan palsu orientalis terhadap al-Quran*. (Z. M. Yusoff, & F. Mahmud, Terj.) Batu Caves: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Abdul Halim Ibrahim. (2010). Protein: Tinjauan awal hujah-hujah penolakan oleh Harun Yahya terhadap teori evolusi Darwinisme. *Prosiding Seminar Islam, Sains dan Teknologi: Kupasan beberapa isu semasa* (hlm. 23-38). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya & Yayasan Ilmuwan.
- Abdul Halim Ibrahim. (2012). Protein: Tinjauan awal hujah-hujah penolakan oleh Harun Yahya terhadap teori evolusi Darwinisme. Dalam N. N. Rahman, S. M. Salleh, & M. R. Masran (Ed.), *Dimensi Islam dalam wacana sains* (hlm. 15-38). Kuala Lumpur: Yayasan Ilmuwan.
- Abdul Rahman Hj. Abdullah. (2010). *Wacana falsafah sains: Sejarah dan pemikiran*. Pulau Pinang: Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Sains Malaysia.
- Afzaal, A. (1996). Qur'an and human evolution. *The Quranic Horizons*, 1(3), 29-71.
- Bayrakdar, M. (1953). Al-Jahiz and the rise of biological evolution. *Journal of the Faculty of Divinity of Ankara University*, 27, 307-315.
- Beer, G. (2000). *Darwin's plot: Evolutionary narrative in Darwin, George Elliot and nineteenth-century fiction*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Bergman, J. (2004). *Ota Benga: The man who was put on display in the zoo!* Didapatkan Ogos 6, 2012, daripada Onehumanrace.com:  
[http://onehumanrace.com/docs/ota\\_benga.asp](http://onehumanrace.com/docs/ota_benga.asp)
- Blackhirst, R. (2007). Evolutionism and traditional cosmology. *Vincit Omnia Veritas*, III(2), 181-185.
- Bonner, W. A. (1991). The origin and amplification of biomolecular chirality. *Origins of life and evolution of the biosphere*, 21(2), 59-111.
- Borchert, D. M. (Ed.). (2006). *Encyclopedia of philosophy* (2nd ed., Vol. 3). Thomson Gale.
- Al-Buti, M. S. (1997). *Kubra al-yaqiniyyat al-kawniyyah: Wujud al-khaliq wa wazifah al-makhluc*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Cambridge advanced learner's dictionary*. (t.t.). Cambridge: Cambridge University Press.
- Campbell, N. A., & Reece, J. B. (2005). *Biology* (7th ed.). San Francisco: Pearson Benjamin Cummings.
- Crook, P. (1994). *Darwinism, war and history: The debate over the biology of war from the 'Origin of Species' to the first world war*. Cambridge: Cambridge University Press.

- Danner, V. (1991). Western evolutionism in the Muslim world. *The American Journal of Islamic Social Science*, 8(1), 67-82.
- Darwin, C. (1859). *The origin of species by means of natural selection or the preservation of favoured races in the struggle for life* (1st ed.). London: John Murray.
- Darwin, C. (1876). *The origin of species by means of natural selection or the preservation of favoured races in the struggle for life* (6th ed.). London: John Murray.
- Darwin, C. (1882). *The descent of man and selection in relation to sex* (2nd ed.). London: John Murray.
- Darwin, C. (1958). *The autobiography of Charles Darwin*. London: Collins.
- Darwin, F. (Ed.). (1887). *The life and letters of Charles Darwin* (Vol. I). London: John Murray.
- Darwin, F. (Ed.). (1887). *The life and letters of Charles Darwin* (Vol. III). London: John Murray.
- Dembski, W. (2003). The act of creation: Bridging trancendence and immanence. Dalam M. M. Zarandi (Ed.), *Science and the myth of progress* (hlm. 269-302). Indiana: World Wisdom.
- Denton, M. (1986). *Evolution: A theory in crisis*. Maryland: Adler & Adler Publishers.
- Devine, P. E. (1996). Creation and evolution. *Religious Studies*, 32(3), 325-337.
- Dewar, D. (2005). *The transformist illusion*. New York: Sophia Perennis.
- Durant, J. (1985). Darwinism and divinity: A century of debate. Dalam J. Durant (Ed.), *Darwinism and divinity*. Oxford: Basil Blackwell.
- Edis, T. (2008). Harun Yahya's legal troubles. *Reports of the National Center for Science Education*, 28(3), 4-5.
- Elshakry, M. (2011). Muslim hermeneutics and Arabic views of evolution. *Zygon*, 46(2), 330-344.
- Fakhry, M. (1993). *Sejarah falsafah Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fleming, C., & Goodall, J. (2002). Dangerous Darwinism. *Public Understanding of Science*, 11, 259-271.
- Fodor, J., & Piattelli-Palmarini, M. (2011). *What Darwin got wrong*. New York: Picador.
- Freeman, S., & Herron, J. C. (2007). *Evolutionary analysis* (4th ed.). New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Futuyma, D. J. (1979). *Evolutionary biology*. Massachusetts: Sinauer Associates.

- Girvertz, H. K. (1959). Philosophical implications of Darwinism. *The Antioch Review*, 19(1), 9-19.
- Glanville, A. (2008). *Scientifica : The comprehensive guide to the world of science : mathematics, physics, astronomy, biology, chemistry, geology, medicine*. New South Wales: Millenium House.
- Guthrie, W. (1962). *A history of Greek philosophy* (Vol. I). Cambridge: Cambridge University Press.
- Hameed, S. (2008). Bracing for Islamic creationism. *Science*, 322, 1637-1638.
- Hargittai, I., & Hargittai, M. (1994). *Symmetry: A unifying concept*. California: Shelter Publications.
- Hairudin Harun. (2004). *Daripada sains Yunani kepada sains Islam: Peranan dan proses penyerapan sains asing dalam pembentukan sains Islam klasikal*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Holt, N. R. (1989). Darwinism: Evolution or revolution? *Magazine of History*, 4(2), 30-33.
- Ibn Kathir. (2000). *Tafsir al-Quran al-'Azim* (Jil. 14). Giza: Muassasah Qurtubah.
- Iqbal, M. (2006). In the beginning: Islamic perspectives on cosmological origins. *Islam & Science*, 4(1), 61-78.
- Iqbal, M. (2008). Darwin's shadow: Context and reception in the Western world. *Islam & Science*, 6(2), 99-152.
- Iqbal, M. (2009). Darwin's shadow: Context and reception in the Muslim world. *Islam & Science*, 7(1), 9-50.
- Iqbal, M. (2009). Muslims and the brave new world of modern science. *Islam & Science*, 7(2), 81-86.
- Iqbal, M. (2009). *The making of Islamic science*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Iqbal, M. (2010). Darwin's shadow: Evolution in an Islamic mirror. *Islam & Science*, 8(1).
- Kardong, K. V. (2008). *An introduction to biological evolution* (2nd ed.). New York: McGraw Hill.
- Keller, N. H. (1999). *Evolution theory and Islam*. Cambridge: The Muslim Academic Trust.
- Kennedy, K. A. (1985). The dawn of evolutionary theory. Dalam L. R. Godfrey (Ed.), *What Darwin began: Modern Darwinian and non-Darwinian perspectives on evolution* (hlm. 3-23). Boston: Allyn & Bacon.
- Kirmani, M. Z. (2006). Religion and science debate: Islamic perspective. *Journal of Islamic Science*, 22(1-2), 91-103.

- Lings, M. (1987). Science knows nothing about the origin of man. Dalam O. Bakar (Ed.), *Critique of evolutionary theory: A collection of essays* (hlm. 53-56). Kuala Lumpur: The Islamic Academy of Science & Nurin Enterprise.
- Martin, L. D., Stewart, J. D., & Whetstone, K. N. (1980). The origin of birds: Structure of the tarsus and teeth. *The Auk*, 97(1), 86-93.
- Al-Mashriqi, I. U. (1987). *Quran and evolution*. Islamabad: El-Mashriqi Foundation.
- Meyer, S. C. (1998). The explanatory power of design: DNA and the origin of information. Dalam W. A. Dembski (Ed.), *Mere creation: Science, faith & intelligent design* (hlm. 113-147). Illinois: InterVarsity Press.
- Meyer, S. C. (2009). *Signature in the cell: DNA and the evidence for intelligent design*. New York: HarperCollin Publishers.
- Miller, S. L., & Urey, H. C. (1959). Organic compound synthesis on the primitive earth. *Science*, 30(3370), 245-251.
- Miller, S. L., Urey, H. C., & Oro, J. (1976). Origin of organic compounds on the primitive earth and in meteorites. *Journal of Molecular Evolution*, 9(1), 59-72.
- Moore, J. R. (1979). *The post-Darwinian controversies: A study of the Protestant struggle to come to terms with Darwin in Great Britain and America 1870-1900*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Morrell, R. (1987). Evolutionary contradictions and geological facts. Dalam O. Bakar (Ed.), *Critique of evolutionary theory: A collection of essays* (hlm. 64-72). Kuala Lumpur: The Islamic Academy of Science & Nurin Enterprise.
- Muftic, M. (2001). Life, man and the Qur'an. Dalam M. Ilyas (Ed.), *The Lord: The Qur'an, universe and evolution* (hlm. 71-93). Kuala Lumpur: A.S. Nordeen.
- Naik, Z. (2007). *The Qur'an and modern science: Compatible or incompatible?* Riyadh: Maktaba Dar-us-Salam.
- an-Najjar, Z. (2009). *Keajaiban sains dalam Hadis*. (N. Hasanuddin, & F. Saleh, Terj.) Kuala Lumpur: al-Hidayah Publications.
- Nasr, S. H. (1987). Evolution: A metaphysical absurdity. Dalam O. Bakar (Ed.), *Critique of evolutionary theory: A collection of essays* (hlm. 43-50). Kuala Lumpur: The Islamic Academy of Science & Nurin Enterprise.
- Nasr, S. H. (1997). *Man and nature: The spiritual crisis of modern man*. Chicago: ABC International Group.
- Nasr, S. H., & Iqbal, M. (2007). *Islam, science, Muslims and technology*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Negus, M. (1987). Reactions to the theory of evolution. Dalam O. Bakar (Ed.), *Critique of evolutionary theory: A collection of essays* (hlm. 73-83). Kuala Lumpur: The Islamic Academy of Science & Nurin Enterprise.
- Osman Bakar. (2008). *Tawhid and science*. Shah Alam: Arah Pendidikan.

- Packard, A. S. (1901). *Lamarck the founder of evolution: His life and work*. Dodo Press.
- Pallen, M. (2009). *The rough guide to evolution*. New York: Rough Guides.
- Pennisi, E. (1997). Haeckel's embryos: Fraud rediscovered. *Science*, 277(5331), 1435.
- Peretó, J., Bada, J. L., & Lazcano, A. (2009). Charles Darwin and the origin of life. *Origin Life Evolution Biosphere*, 39, 395-406.
- Qutb, S. (2000). *Tafsir Fi Zilalil Qur'an* (Jil. 17). (Y. Z. Yacob, Terj.) Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Richardson, M. K., Hanken, J., Gooneratne, M. L., Pieau, C., Raynaud, A., Selwood, L., & Wright, G. M. (1997). There is no highly conserved embryonic stage in the vertebrates: Implications for current theories of evolution and development. *Anatomy and Embryology*, 196(2), 91-106.
- Rooijen, J. V. (1987). Interactionism and evolution: A critique of Popper. *The British Journal for the Philosophy of Science*, 38(1), 87-92.
- Salisbury, F. B. (1971). Doubts about the modern synthetic theory of evolution. *The American Biology Teacher*, 33(6), 335-338.
- Sayin, Ü., & Kence, A. (1999). Islamic scientific creationism: A new challenge in Turkey. *Reports of the National Center for Science Education*, 19(6), 18–20, 25–29.
- Scott, E. C. (2009). *Evolution vs creationism: An introduction*. California: University of California Press.
- Scott, E. C., & Branch, G. (2009). Don't call it "Darwinism". *Evolution Education Outreach*, 2, 90–94.
- Semonti, G. (1980). Life as non-historical reality. *Rivista di Bologna*, 73(4), 551-569.
- Al-Shabuni, S. M. (1996). *Sejarah dan dasar pengajaran ilmu al-Qur'an*. (M. J. al-Hashimi, Terj.) Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publisher.
- Sidek Baba. (2009). *Fikir dan zikir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Soontiens, F. J. (1991). Evolution: Teleology or chance? *Journal for General Philosophy of Science / Zeitschrift für allgemeine Wissenschaftstheorie*, 22(1), 133-141.
- Swift, D. W. (2002). *Evolution under the microscope*. Stirling: Leighton.
- Syed Muhammad al-Naqib al-Attas. (1978). *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Al-Tabari, A. J. (1968). *Jami' al-bayan 'an ta'wil al-Quran* (ed. 3rd, Jil. 29-30). Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi.

- Al-Tabari, A. J. (1968). *Jami' al-bayan 'an ta'wil al-Quran* (ed. 3rd, Jil. 22-25). Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Thagard, P., & Findlay, S. (2010). Getting to Darwin: Obstacles to accepting evolution by natural selection. *Science & Education*, 19, 625–636.
- Thaxton, C. B., Bradley, W. L., & Olsen, R. L. (1992). *The mystery of life's origin: Reassessing current theories*. Dallas: Lewis and Stanley.
- Thomson, J. A. (2009). Darwin's predecessors. Dalam A. C. Seward (Ed.), *Darwin and modern science: Essays in commemoration of the centenary of the birth of Charles Darwin and of the fiftieth anniversary of the publication of the origin of species* (hlm. 3-17). Cambridge: Cambridge University Press.
- Wallace, A. R. (1891). *Darwinism*. London: Macmillan.
- Wells, J. (2002). *Icons of evolution: Science or myth?* Washington: Regnery Publishing.
- Yahya, H. (1999). *Penipuan evolusi*. (R. Rais, Penterjemah) Kuala Lumpur: Saba Islamic Media.
- Yahya, H. (2001). *Penipuan Evolusi*. (R. Rais, Trans.) Kaherah: Persekutuan Melayu Republik Arab Mesir.
- Yahya, H. (2002). *Darwinism refuted*. New Delhi: Goodwork Books.
- Yahya, H. (2002). *Global impact of the works of Harun Yahya*. Istanbul: Arastirma Publishing.
- Yahya, H. (2002). *The miracle of creation in plants*. New Delhi: Goodwork Books.
- Yahya, H. (2003). *Percanggahan Darwinisme terhadap al-Quran*. Johor Bahru: Pustaka Azhar.
- Yahya, H. (2003). *The collapse of the theory of evolution in 20 questions*. New Delhi: Idara Ishaat-e-Diniyat.
- Yahya, H. (2007). *Global impact of the works of Harun Yahya* (Jil. 2). Istanbul: Global Publishing.
- Yahya, H. (2007). *The Cambrian evidence that Darwin failed to comprehend*. Istanbul: Global Publishing.
- Yahya, H. (2010). *Why Darwinism is incompatible with the Qur'an*. Istanbul: Global Publishing.
- Yilmaz, I. (2008). *Evolution: Science or ideology?* New Jersey: Tughra Books.
- Zahm, J. A. (2009). *Evolution and dogma*. Cambridge: Cambridge University Press.

Zarzur, A. (2005). *Pengantar kepada usul al-tafsir*. (Z. H. Yusoff, & A. Yappono, Penterjemah) Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.

### Sumber elektronik dan laman sesawang

- Neanderthal*. (2005, September). Didapatkan Mei 31, 2012, daripada BBC: [http://www.bbc.co.uk/sn/tvradio/programmes/horizon/neanderthal\\_prog\\_summary.shtml](http://www.bbc.co.uk/sn/tvradio/programmes/horizon/neanderthal_prog_summary.shtml)
- Encyclopaedia Britannica 2009 Student and Home Edition. (2009). Chicago.
- The author's biography: The life and works of Adnan Oktar*. (2010, Mei 6). Didapatkan dari harunyahya.com: <http://www.harunyahya.com/theauthor.php>
- Yargıtay, Adnan Oktar hakkındaki mahkûmiyet kararını bozdu*. (2010, Februari 5). Didapatkan Mei 24, 2012, daripada Zaman Online.
- About the SRF*. (2011). Didapatkan Disember 20, 2010, daripada Science Research Foundation: <http://www.srf-tr.org/about.htm>
- About us*. (2011). Didapatkan dari The Royal Society: <http://royalsociety.org/about-us/?from=homemenu>
- Genesis 1 (New International Version)*. (2011). Didapatkan dari BibleGateway.com: <http://www.biblegateway.com/passage/?search=Genesis%201&version=NIV>
- History*. (2011). Didapatkan dari Mimar Sinan Fine Arts University: <http://www.msgsu.edu.tr/msu/pages/450.aspx>
- The life and works of Adnan Oktar*. (2012, Mei 22). Didapatkan dari www.harunyahya.com: <http://harunyahya.com/bilgi/yazarHakkinda>
- American Chemical Society. (2008, April 7). Meteorites delivered the 'seeds' of earth's left-hand life, experts argue. *ScienceDaily*. Didapatkan Julai 30, 2010, daripada <http://www.sciencedaily.com/releases/2008/04/080406114742.htm>
- Arda, H. (2009). Sex, flies and videotape: The secret lives of Harun Yahya. *New Humanist*, 124(5). Didapatkan Mac 29, 2011, daripada <http://newhumanist.org.uk/2131/sex-flies-and-videotape-the-secret-lives-of-harun-yahya>
- Balanoff, A. (2005). *Opisthocomus hoazin, Hoatzin*. Didapatkan November 14, 2012, daripada Digital Morphology: [http://www.digimorph.org/specimens/Opisthocomus\\_hoazin/whole/](http://www.digimorph.org/specimens/Opisthocomus_hoazin/whole/)
- Darwin, C. R., & Wallace, A. R. (1858, Ogos 20). On the tendency of species to form varieties; and on the perpetuation of varieties and species by natural means of selection. *Journal of the Proceedings of the Linnean Society of London. Zoology* 3, 45-62. Didapatkan Jun 28, 2011, daripada [http://darwin-online.org.uk/pdf/1858\\_species\\_F350.pdf](http://darwin-online.org.uk/pdf/1858_species_F350.pdf)
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2008). *Pusat rujukan persuratan Melayu*. Didapatkan dari Gerbang Maya Dewan Bahasa dan Pustaka: <http://prpm.dbp.gov.my/>

- GrrlScientist. (2011, Julai 18). *Mystery bird: White-cheeked turaco, Tauraco leucotis*. Didapatkan Ogos 5, 2012, daripada The Guardian: <http://www.guardian.co.uk/science/punctuated-equilibrium/2011/jul/18/2>
- Halsall, P. (1999, January). *The crime of Galileo: Indictment and abjuration of 1633*. Didapatkan Oktober 28, 2011, daripada Modern History Sourcebook: <http://www.fordham.edu/halsall/mod/1630galileo.html>
- harunyahya.com. (2008). *Psychological Warfare Techniques Employed Against Adnan Oktar*. Didapatkan Mei 6, 2010, daripada Psychological Warfare Methods: <http://psychologicalwarfaremethods.com/>
- Iqbal, M. (2000). Biological origins: Traditional and contemporary perspectives. *International Conference on God, Life and Cosmos: Theistic Perspectives*, (hlm. 33). Islamabad. Didapatkan Februari 3, 2012, daripada [http://cis-ca.org/kalam/muzaffar.htm#\\_ftnref101](http://cis-ca.org/kalam/muzaffar.htm#_ftnref101)
- Kamal, S. A. (2009, Jun 10). *Syed Akbar Kamal: Interview with Adnan Oktar*. Didapatkan Oktober 1, 2012, daripada Scoop: <http://www.scoop.co.nz/stories/HL0906/S00102.htm>
- Koenig, R. (2001). Creationism takes root where Europe, Asia meet. *Science*, 1286-1287. Didapatkan Oktober 20, 2012, daripada <http://www.sciencemag.org/content/292/5520/1286.full>
- Linder, D. (2004). *Bishop James Ussher sets the date for creation*. Didapatkan dari The Scopes Trial: An Introduction: <http://law2.umkc.edu/faculty/projects/trials/scopes/ussher.html>
- Luskin, C. (2007, Mei 26). *The Textbooks Don't Lie: Haeckel's Faked Drawings Have Been Used to Promote Evolution: Miller & Levine (1994) (Part I)*. Didapatkan November 5, 2012, daripada Evolution news and views: [http://www.evolutionnews.org/2007/05/the\\_textbooks\\_dont\\_lie\\_haeckel003663.html](http://www.evolutionnews.org/2007/05/the_textbooks_dont_lie_haeckel003663.html)
- Majid, A. (2002). The Muslim responses to evolution. *Science-Religion Dialogue, Summer 2002*. Mansehra, Pakistan: Hazara Society for Science Religion Dialogue. Didapatkan Mei 20, 2010, daripada <http://www.hssrd.org/journal/summer2002/muslim-response.htm>
- Majid, A. (2011, Oktober 19). *Is Darwinism opposed to religion?* Didapatkan dari Science and Religion in Islam: [http://scienceislam.net/article.php3?id\\_article=741&lang=en\[19/10/2011 10:31:02\]](http://scienceislam.net/article.php3?id_article=741&lang=en[19/10/2011 10:31:02])
- Paulson, S. (2008). Meet Harun Yahya: The leading creationist in the Muslim world. *Slate*(October 2009). Didapatkan Mac 29, 2011, daripada <http://www.internationalreportingproject.org/stories/detail/1388/>
- Rosevear, D. (1999, July). *The myth of chemical evolution*. Didapatkan Mei 12, 2011, daripada Institute for Creation Research: <http://www.icr.org/article/myth-chemical-evolution/>

- Wyhe, J. v. (2002). *The Complete Work of Charles Darwin Online*. Didapatkan November 5, 2012, daripada <http://darwin-online.org.uk>: <http://darwin-online.org.uk/life21.html>
- Yahya, H. (2007, Ogos 6). An interview with Mr. Adnan Oktar by Al Jazeera TV. (A. J. TV, Penemu duga) Didapatkan Mei 22, 2012, daripada [http://www.harunyahya.com/en/works/5270/An\\_interview\\_with\\_Mr\\_Adnan\\_Oktar\\_by\\_Al\\_Jazeera\\_TV\\_\(Istanbul\\_-\\_August\\_6\\_2007\)](http://www.harunyahya.com/en/works/5270/An_interview_with_Mr_Adnan_Oktar_by_Al_Jazeera_TV_(Istanbul_-_August_6_2007))
- Yahya, H. (2007, Disember 20). An interview with Mr. Adnan Oktar by Vatan TV. (V. TV, Penemu duga) Didapatkan Mei 22, 2012, daripada [http://www.harunyahya.com/en/works/5269/An\\_interview\\_with\\_Mr\\_Adnan\\_Oktar\\_by\\_Vatan\\_TV\\_\(Istanbul\\_December\\_20\\_2007\)](http://www.harunyahya.com/en/works/5269/An_interview_with_Mr_Adnan_Oktar_by_Vatan_TV_(Istanbul_December_20_2007))
- Yahya, H. (2008, Ogos 5). Adnan Oktar describes his years at Mimar Sinan University. (al-Baghdadi, Penemu duga) Didapatkan Mei 7, 2010, daripada [http://harunyahya.com/theauthor.php?sayfa\\_no=5](http://harunyahya.com/theauthor.php?sayfa_no=5)
- Yahya, H. (2008, Julai 15). Adnan Oktar describes his years at Mimar Sinan University. (K. A. TV, Penemu duga) Didapatkan September 23, 2010, daripada [http://harunyahya.com/theauthor.php?sayfa\\_no=5](http://harunyahya.com/theauthor.php?sayfa_no=5)
- Yahya, H. (2008, Julai 23). Adnan Oktar describes his years at Mimar Sinan University. (Ç. TV, Penemu duga) Didapatkan Mei 6, 2010, daripada [http://harunyahya.com/theauthor.php?sayfa\\_no=5](http://harunyahya.com/theauthor.php?sayfa_no=5)
- Yahya, H. (2008, Julai 14). Adnan Oktar describes how he spends his days. (K. TV, Penemu duga) Didapatkan Mei 7, 2010, daripada [http://www.harunyahya.com/theauthor.php?sayfa\\_no=4](http://www.harunyahya.com/theauthor.php?sayfa_no=4)
- Yahya, H. (2008, Disember 24). Adnan Oktar describes how he spends his days. (T. TV, Penemu duga) Didapatkan Mei 7, 2010, daripada [http://www.harunyahya.com/theauthor.php?sayfa\\_no=4](http://www.harunyahya.com/theauthor.php?sayfa_no=4)
- Yahya, H. (2008, September 25). Adnan Oktar describes how he spends his days. (O. TV, Penemu duga) Didapatkan Mei 7, 2010, daripada [http://www.harunyahya.com/theauthor.php?sayfa\\_no=4](http://www.harunyahya.com/theauthor.php?sayfa_no=4)
- Yahya, H. (2009, Julai 3). An interview with Mr. Adnan Oktar by islamonline.net. (islamonline.net, Penemu duga) Didapatkan Mei 22, 2012, daripada [http://www.harunyahya.com/en/works/15070/An\\_interview\\_with\\_Mr\\_Adnan\\_Oktar\\_by\\_islamonline\\_net\\_\(July\\_3\\_2009\)](http://www.harunyahya.com/en/works/15070/An_interview_with_Mr_Adnan_Oktar_by_islamonline_net_(July_3_2009))
- Yahya, H. (2011, Ogos 1). *The Worthy Scholar of Sunnah: Omer Nasuhi Bilmen*. Didapatkan Ogos 30, 2012, daripada [www.harunyahya.com](http://www.harunyahya.com): <http://harunyahya.com/en/works/45233/the-worthy-scholar-of-sunnah>

## **LAMPIRAN**

### **GLOSARI**

- |              |   |
|--------------|---|
| Agnostik     | - orang yg berpendapat atau berpendirian bahawa hanya sesuatu yg berupa kebendaan sahaja yg boleh diketahui manakala pengetahuan tentang Tuhan dan segala yg abstrak tidak mungkin. |
| Atrofi       | - Pengurangan saiz atau pemberhentian pertumbuhan suatu organ, struktur atau tisu.  |
| Dogma        | - kepercayaan atau sistem kepercayaan (agama dan lain-lain) yg dianggap benar dan seharusnya dapat diterima oleh orang ramai tanpa sebarang pertikaian.                             |
| Homologi     | - Keadaan kesamaan dari segi struktur kerana berasal dari sumber yang sama, namun fungsinya tidak semestinya sama.  |
| Organ analog | - Organ yang mempunyai persamaan tetapi tiada hubungan evolusi.   |
| Paratiroid   | - Salah satu dari empat kelenjar endokrin di pinggir bawah kelenjar tiroid yang merembeskan hormon paratiroid.  |
| Pentadaktil  | - Mempunyai kesemua 4 anggota dan biasanya berhujungkan dengan angka lima jari.   |
| Pseudo       | - (pséudo) awalan asing palsu (bukan sebenarnya, pura-pura), mis pseudonim.   |
| Rekapitulasi | - Teori yang menyatakan bahawa ontogeni mengulang filogeni, iaitu setiap organisma daripada zigot menjadi dewasa memanjang pokok familiinya sendiri.                                |
| Tetrapoda    | - Ahli kumpulan vertebrat yg mempunyai empat anggota.   |



Harun Yahya pada tahun 2007.




Wajah terkini Harun Yahya pada tahun 2013.




Harun Yahya ketika ditahan di Hospital Mental Bakirkoy



Harun Yahya ketika di sekolah rendah.



Surat pengesahan dari Akademi Perubatan  
Ketenteraan Gulhane yang mengesahkan Harun  
Yahya sebagai seorang yang waras.



Sebahagian daripada buku Harun Yahya yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu.